



**PEMIKIRAN  
MELAYU**  
TRADISI DAN KESINAMBUNGAN



# **PEMIKIRAN MELAYU**

**TRADISI DAN KESINAMBUNGAN**

**Penyelenggara**  
**Worawit Baru@Haji Ahmad Idris**

**Dewan Bahasa dan Pustaka**  
**Kuala Lumpur**  
**2004**

Cetakan Pertama 2004  
© Karya Para Penulis;  
Penyelenggara  
Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris 2004

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Pemikiran Melayu: tradisi dan kesinambungan / penyelenggara Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris.

ISBN 983-62-8101-0

1. Malays--Manners and customs--Congresses. 2. Malays--Social--conditions--Congresses 3. Malay language--History and criticism--Congresses. I. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris. II. Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu / Indonesia ( ke-3: 2002 : Pattani, Thailand ). 305.89923

Dicetak oleh  
Dawarna Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawarna  
Lot 1037, Jalan AU3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

M  
305.89923

PEM

M

17 FEB 2005  
Perpustakaan Negara

## KANDUNGAN



<i>Prakata</i>	vii
<i>Pendahuluan</i>	ix
<i>Latar Belakang</i>	xi
Bahasa dan Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungannya	1
• <i>Hassan Ahmad</i>	
Paradigma Pemikiran dalam Epistemologi Melayu	13
• <i>Mohd. Yusof Hasan</i>	
Pemikiran Berupa Nilai Budaya dalam Peribahasa Melayu: Kajian Kes Melayu–Serdang	46
• <i>Ahmad Samin Siregar</i>	
Pemikiran Melayu dalam Politik Thai	67
• <i>Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris</i>	
Idealisme Globalisasi di Alam Melayu: Asimilasi dalam Kontradiksi	78
• <i>Syed Muhammad Dawilah al-Edrus</i>	

KANDUNGAN

Wawasan Melayu Thai dalam Politik Semasa ● <i>Ahmad Omar Chapakiya</i>	91
Pemikiran Melayu tentang Keadilan Raja: Satu Analisis Berasaskan Karya Adab Ketatanegaraan ● <i>Jelani Harun</i>	104
Tradisi dan Kesenambungan Perbendaharaan Kata dalam Bahasa Indonesia, Melayu dan Thai ● <i>Paitoon M. Chaiyanara</i>	138
Tulisan Jawi: Pemangkin Utama Kecemerlangan Dunia Melayu ● <i>M. Husnan Lubis</i>	157
Ke Arah Melahirkan Insan Kamil: Penghayatan Amalan dan Saranan Pemikiran Tuan Tabal dalam <i>Jala' al-Qulub Bidhikril'Lah</i> ● <i>Siti Hajar Che Man</i>	175
Pertembungan dengan Bahasa Melayu: Perbandingan Kesan pada Bahasa Dua Kumpulan Minoriti Cina di Malaysia ● <i>Teo Kok Seong</i>	195
Fenomena Kesantunan Bahasa dalam Bahasa Indonesia/Melayu ● <i>Robert Sibarani, M.S.</i>	215
Mengaktualkan Kembali Tradisi Melayu dalam Konteks Kekinian ● <i>Khairil Ansari</i>	229
Bahasa Melayu dan Pemertahanan Kebangsaan ● <i>Abdul Djunaidi</i>	239

## PRAKATA



Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan kehendak dan izin-Nya jua prosiding Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-3 ini berjaya disusun dan diterbitkan. Buku ini merupakan himpunan kertas kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-3 anjuran bersama Universiti Prince of Songkla (PSU) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia, yang berlangsung di Universiti Prince of Songkla, Pattani pada 4 hingga 7 Mei 2002.

Dalam buku ini terangkum 14 buah kertas kerja yang dibentangkan dalam kolokium tersebut meliputi pelbagai topik dalam bidang bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia yang merangkumi aspek falsafah, pembentukan sahsiah/personaliti, pemikiran politik, jati diri dan kesan pertembungan budaya. Kesemua kertas kerja ini telah diusahakan oleh para sarjana dan penyelidik dari Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand serta dari luar rantau Asia Tenggara iaitu Taiwan. Kertas-kertas kerja ini dihasilkan berlandaskan tema iaitu "Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan".



## PRAKATA

Penerbitan buku ini merupakan sumbangan DBP sebagai salah satu usaha menyebarkan hasil usaha tokoh-tokoh ilmuwan untuk dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak termasuk generasi yang akan datang, dalam erti kata memperkaya bahan bacaan dan khazanah keputakaan ilmu dalam bahasa Melayu.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua penulis/pembentang kertas kerja dan semua pihak yang terlibat memberikan sumbangan tenaga dan fikiran dalam pelaksanaan kolokium yang tersebut.

Akhir kata, didoakan semoga penerbitan dan pengedaran buku ini direstui Allah s.w.t. dan manfaatnya dapat dinikmati oleh sesiapa sahaja yang berminat dan berkecimpung dalam bidang-bidang berkenaan.

**Dato' Haji A. Aziz Deraman**  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka

## PENDAHULUAN



Sesungguhnya Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-3 yang telah berlangsung selama tiga hari dirasakan amat tidak mencukupi bagi memikir dan membincangkan sejarah lalu bangsa Melayu. Apatah lagi dalam tempoh hanya tiga hari memang amat dirasakan tidak memadai bagi membincangkan corak warna masa depan bangsa ini. Namun begitu resolusi yang telah diputuskan sepanjang perbincangan ilmiah ini merupakan satu wasilah untuk mengenal jati diri serta harga dan maruah bangsa keturunan Sang Sapurba ini. Melaluinya dapat dikenal pasti aspek-aspek kekuatan dan kelemahan anak-anak Melayu khususnya bentuk dan kerangka pemikiran mereka.

Perkara yang lebih utama dalam sesuatu sidang ilmiah bukan sekadar menelurkan resolusi yang muluk-muluk sahaja tetapi memikirkan sejauh mana rumusan itu dapat diterjemahkan ke alam realiti dan penanggungjawab yang akan melaksanakannya. Tiada faedahnya jika diadakan sidang demi sidang tetapi bangsa Melayu masih berada pada tahap lama. Malahan bangsa ini semakin tertekan

## PENDAHULUAN

dek berbagai-bagai unsur modernisasi dan globalisasi yang mengancam maruah dan jati diri bangsa.

Justeru itu, marilah kita jadikan resolusi daripada Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-3 ini sebagai pemangkin dan rangsangan untuk meneruskan agenda dan usaha gigih kita supaya dapat meninggalkan sesuatu yang berharga kepada anak bangsa yang bakal mewarisi dunia Melayu kelak. Jadikan resolusi ini sebagai salah satu wahana yang akan membawa bangsa Melayu maju setapak demi setapak dalam usaha mengembalikan kegemilangan sejarah bangsa dan menempa kecemerlangan masa depan bangsa Melayu.

Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris  
Penyelenggara  
April 2004

## LATAR BELAKANG



Dalam usaha untuk menggalakkan kerjasama serantau antara negara-negara ASEAN, Malaysia dengan beberapa negara jiran iaitu Indonesia dan Thailand telah membentuk kerjasama segi tiga yang dikenali sebagai SIJORI dan IMT-GT. Lanjutan daripada kewujudan kerjasama tiga buah negara, terutamanya yang terletak di Utara Semenanjung, telah memberi ilham kepada Dr. Darwis Harahap Mohammad dari Universiti Sains Malaysia (USM), untuk mewujudkan suatu kerjasama dalam bidang kebahasaan antara universiti yang terletak di Utara Semenanjung, Utara Indonesia dan di Selatan Thailand. Beliau telah berusaha mengadakan beberapa perbincangan dengan beberapa institusi pengajian tinggi di tiga kawasan tersebut.

Beberapa siri pertemuan dan permuzakarahannya telah diadakan pada tahun 1994 yang melibatkan beberapa orang sarjana daripada pelbagai universiti yang terletak di Kawasan Segi Tiga Utara (Indonesia-Malaysia-Thailand). Individu yang terlibat dalam pertemuan tersebut ialah Dr. Darwis Harahap Mohammad dengan Prof. Madya Dr. Yusof Hasan di Universiti Utara Malaysia pada 30 Oktober

1994; dengan Prof. H. Ahmad Samin Siregar pada 22 November 1994, di Kampus Padang Bulan, Universitas Sumatera Utara, Medan (USU); dengan Tuan Haji Ahmad Idris dan Tuan Syed Abdullah al-Jufri dan Dr. Paitoon M. Chaiyanara pada 28 November 1994 di Kampus Pattani, Universiti Prince of Songkla, Thailand (PSU).

Permuzakarahannya selanjutnya berlangsung pada Ogos 1995 di Kuala Lumpur dan mendapat sokongan baik daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia (DBP) serta beberapa orang sarjana dari Brunei dan Singapura yang menghadiri Kongres Bahasa Melayu Sedunia anjuran DBP ketika itu.

Secara tuntasnya pertemuan tersebut berhasrat untuk membentuk jaringan keilmuan di kawasan IMT-GT. Hasilnya tiga buah institusi pengajian tinggi negara-negara tersebut, iaitu USM, USU dan PSU telah bersetuju untuk mengadakan satu program kerjasama dalam bidang kebahasaan, khusus bahasa Melayu. Program ini dikenali sebagai Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia, yang akan dianjurkan secara bergilir-gilir. Matlamatnya ialah untuk mewujudkan kerjasama sesama pakar bahasa di Indonesia, Malaysia dan Selatan Thailand melalui kajian dan penelitian bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia daripada pelbagai aspek. Dalam pelaksanaannya, setiap kolokium akan berlangsung selama lima hari dengan perincian tiga hari untuk pembentangan kertas kerja dan dua hari untuk lawatan ilmiah dan lawatan ke tempat bersejarah.

Ketika kolokium berlangsung, ditetapkan tiga kertas utama yang dibentang pada sesi pertama setiap hari dan diikuti oleh kertas-kertas kerja yang lain. Walaupun telah ditetapkan bahawa kertas yang akan dibentangkan merupakan kertas yang mewakili institusi pengajian tinggi di ketiga-tiga buah negara, namun kertas-kertas kerja yang ditulis oleh para peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi di luar daripada tiga negara tersebut turut dibentangkan.

Kolokium ini merupakan titik permulaan yang baik untuk pertukaran idea dan menjalin kerjasama dalam kegiatan akademik dengan pelbagai institusi pengajian tinggi di kawasan IMT-GT di samping boleh membuahakan persefahaman positif di rantau Nusantara. Fokus yang diberikan ke arah membincangkan hasil daripada kajian dan penyelidikan mutakhir yang berkaitan dengan bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia daripada pelbagai aspek yang berintikan pemikiran Islam. Oleh sebab kolokium ini melibatkan tiga buah negara, maka telah dipersetujui bahawa pada setiap negara perlu ada penyelaras yang tugasnya menyelaras kertas-kertas kerja yang akan dibentangkan dalam kolokium tersebut. Bagi negara Malaysia, penyelarasnya ialah Dr. Darwis Harahap Mohammad dari USM, untuk Indonesia penyelarasnya Prof. H. Ahmad Samin Siregar dan bagi Selatan Thailand penyelarasnya ialah PSU.

Dalam permuafakatan bersama telah dipersetujui bahawa segala dapatan daripada kajian dan penyelidikan para sarjana tersebut akan dihimpunkan dan diterbitkan untuk memperkaya khazanah kepustakaan Melayu dan akan diwariskan kepada generasi yang akan datang. Untuk tujuan itu, DBP telah diberi penghormatan menerbitkan kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan. Oleh itu, DBP dengan rasminya diterima menjadi anggota jawatankuasa kolokium, walaupun DBP berada di luar wilayah yang berkenaan. Sebagai penghormatan terhadap usaha mewujudkan Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia, Dr. Darwis Harahap Mohammad, telah dilantik sebagai penyelenggara.

Kolokium Pertama telah diadakan pada 9 hingga 12 Disember 1995 di Aula Laboratorium Parawisata, USU, Medan, Indonesia. Sebanyak 11 kertas kerja daripada enam pusat pengajian tinggi dari Sumatera, Selatan Thailand dan Utara Semenanjung Malaysia telah dibentangkan.

Setelah selesai kolokium, proses pemilihan kertas kerja yang akan diterbitkan telah dijalankan. Hasilnya, tidak

semua kertas kerja layak dimuatkan kerana terdapat kertas kerja yang tidak menepati syarat yang telah ditetapkan, seperti kajiannya tidak mendalam dan kurang ilmiah. Jadi, kertas-kertas kerja tersebut ditolak untuk diterbitkan. Walau bagaimanapun, insan yang merancang, tetapi Allah s.w.t. yang menentukan. Ketika kerja-kerja penyusunan dilaksanakan Dr. Darwis Harahap telah kembali ke Rahmatullah pada 13 Mac 1999. Mulai dari tarikh tersebut, kerja-kerja penyusunan dan penyelenggaraannya telah diambil alih oleh Saudara Abdul Jalil Haji Anuar dari DBP Kuala Lumpur.

Dalam perbincangan Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia yang diadakan pada 9 Disember 1995 telah diputuskan bahawa PSU akan menjadi penyelenggara Kolokium Ke-2. Kolokium yang direncanakan pada 16 hingga 21 Mei 1998 terpaksa ditangguhkan kerana kegawatan ekonomi. Pihak PSU bersetuju supaya Malaysia menyelenggara Kolokium Ke-2 ini kerana tahun 2000 merupakan giliran Malaysia menjadi penyelenggara. Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, USM telah menyatakan kesediaan untuk menjadi penyelenggara kolokium yang diputuskan akan diadakan pada 16 hingga 19 Jun 2000.

Siri Ke-3 pula, telah dilangsungkan pada 4 hingga 7 Mei 2002 bertempat di PSU, Pattani dan Pondok Ban Tarn/ Maahad Misbahuddin, Nakhorn Sri Thammaraj, Thailand. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kolokium yang diadakan pada 4 Mei 2002, telah diputuskan Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-4 akan diadakan di Banda Aceh, Indonesia.

# BAHASA DAN PEMIKIRAN MELAYU: TRADISI DAN KESINAMBUNGANNYA



HASSAN AHMAD

## Mukadimah

Sebagai permulaan perlu dijelaskan dahulu tentang kata *pemikiran* dan *tradisi pemikiran*, dan juga tentang kata atau mungkin konsep *Melayu* itu sendiri. Pemikiran ialah proses kognisi atau akal yang sifatnya sejagat, yakni dimiliki oleh semua manusia tidak kira bangsa, justeru itulah manusia dikatakan makhluk yang rasional dan berakal, berbeza daripada haiwan. Dari segi ini, manusia diandaikan dapat berfikir dalam bahasa apa-apa pun kerana bahasa tidak mempengaruhi fikiran atau menyekat keupayaan fikiran manusia. Hipotesis *linguistic determinism* atau hipotesis 'ketentuan linguistik' anjuran Sapir-Whorf yang mengandaikan bahawa fikiran manusia ditentukan atau dipengaruhi oleh bahasa asli manusia itu telah ditolak oleh ramai ahli bahasa dan ahli psikolinguistik.

Istilah *tradisi pemikiran* pula merujuk pengalaman sesuatu bangsa yang berfikir merenungi dan memahami alamnya, baik alam kosmos mahupun alam terdekat di



sekeliling kehidupan sehariannya, sehingga daripada pengalaman itu terhasil beberapa banyak *teks* yang dapat dikaji sebagai *penanda* pandangan atau falsafah hidup bangsa itu secara kolektifnya. Teks-teks itu memberi petunjuk kepada kita tentang konsep ilmu bangsa itu, tentang kaedah berfikir bangsa itu, dan tentang proses penciptaan *makna* yang dilakukan oleh bangsa itu melalui bahasanya sendiri. Dalam budaya Melayu, terdapat pelbagai jenis atau bentuk teks, misalnya ada teks yang berbentuk naskah (manuskrip) tulisan, ada teks dalam bentuk lisan, misalnya cerita penglipur lara, puisi Melayu tradisional seperti pantun dan syair, peribahasa dan pepatah. Istilah lain yang hendak penulis gunakan ialah *naratif* atau cerita Melayu: tentang bagaimana orang Melayu mengisahkan atau mentakrifkan dirinya, menilai kelakuan manusia, memahami konsep-konsep kemanusiaan seperti keadilan, menanggapi hubungan antara manusia dan hubungan antara manusia dengan alam sekitarnya dan dengan Penciptanya. Pengalaman ini semualah yang membentuk pandangan hidup Melayu itu secara kolektif sejak turun-temurun, melalui proses pemikiran, renungan dan imaginasi yang kreatif dan akliah, pragmatik dan alamiah sekali gus. Inilah yang disebut *tradisi pemikiran* Melayu itu.

Dalam tulisan ini, penulis menggunakan istilah 'Melayu' secara yang luas, tidak berdasarkan definisi antropologi tradisional tetapi berdasarkan konsep ketamadunan. Dari segi sejarah dan pengalaman ketamadunan, bangsa Melayu di Malaysia, Brunei dan Indonesia mewarisi tradisi pemikiran yang sama. Tradisi ini dibentuk oleh dua faktor supraetnik, iaitu bahasa Melayu dan agama Islam. Apabila orang Eropah, seperti Stamford Raffles, menyebut kawasan kita ini sebagai *The Malay Archipelago*, alasan mereka tentunya berdasarkan kedudukan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di seluruh kawasan itu, selain pengaruh agama Islam sebagai sumber utama pembentukan tamadun pemikiran, terutama di kalangan istana, ulama setempat, dan para pengarang sejak abad ke-12 atau ke-13 di pusat kerajaan di Perlak, Pasai,

Melaka, Aceh, Ternate atau di Maluku, Makasar, bahkan kemudiannya di Jawa. Campur tangan penjajah Belanda-Inggeris sejak abad ke-19 memang berjaya memecah-mecahkan kawasan ini kepada daerah takluk kuasa politik mereka masing-masing, tetapi gagal memusnahkan dunia *The Malay Archipelago itu sebagai sebuah 'dunia Melayu'* yang mewarisi tradisi ketamadunan yang sama. Hari ini dunia berbahasa Melayu ini bercantum dalam bentuk negara MABBIM. Nama Brunei, Indonesia dan Malaysia yang tercantum dalam gagasan MABBIM ini ialah nama 'negara' yang merupakan entiti geopolitik, tetapi yang mendukung gagasan ini ialah bangsa berbahasa Melayu.

Jadi, dari segi kriteria ketamadunan supraetnik inilah, penulis melihat penduduk di rantau berbahasa Melayu ini, disebut bangsa Melayu-Indonesia yang mewarisi tradisi pemikiran yang sama.

## Bahasa dan Pemikiran Melayu

Walaupun penduduk di rantau ini sudah mempunyai tradisi tulisan atau aksara (rencong, pallava, dan kawi) sejak zaman pral-Islam di rantau ini, kita tahu bahawa penulisan karya-karya yang besar dalam bahasa Melayu baru bermula pada zaman pengaruh Islam apabila bangsa kita mengenal tulisan Arab yang kemudiannya diadaptasi dan diterima sebagai tulisan Melayu yang disebut tulisan Jawi. Hikayat yang pertama ditulis dalam bahasa Melayu ialah *Hikayat Raja Pasai* yang dipercayai dikarang pada pertengahan abad ke-14. Kemudian mulai abad ke-16 lahir beberapa banyak karya agung berbahasa Melayu, antaranya ialah *Sulalat al-Salatin*, *Taj al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Aceh*, *Tajus al-Salatin* (magnum opus Nuruddin al-Raniri), dan karya-karya teologi dan metafizik-tasawuf yang dihasilkan oleh pemikir Melayu-Islam di Aceh abad ke-17, seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumaterani dan Abdul Rauf al-Singkel. Selain tradisi penulisan yang tumbuh di pusat kerajaan, berkembang pula tradisi lisan yang bermula

mungkin lebih awal lagi, tradisi yang melahirkan sastera lisan seperti lipur lara, puisi tradisional seperti pantun dan syair, peribahasa dan pepatah Melayu.

Berdasarkan korpus tersebut beberapa kesimpulan dapat dibuat tentang ciri-ciri tradisi pemikiran Melayu dan tentang kehandalan bangsa Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai alat untuk membentuk 'makna' kehidupan dan makna alamnya secara yang sangat kreatif dan produktif.

Tradisi pemikiran Melayu bercirikan kira-kira empat kaedah, iaitu:

- (i) Kaedah teologis-rasional
- (ii) Kaedah alegorikal
- (iii) Kaedah analogis
- (iv) Kaedah pragmatik

### Pemikiran Teologis-Rasional

Sebelum kedatangan Islam di rantau ini, kepercayaan Melayu bersifat animistik, iaitu kepercayaan kepada wujudnya 'semangat' atau 'roh' di alam tabii. Kepercayaan ini memang wujud dalam *psyche* manusia sejagat; mereka percaya kepada kuasa-kuasa ghaib yang tidak dapat difahami atau dilawan oleh akal manusia biasa. Jadi, mereka menyerah dan meminta pertolongan kepada kuasa itu dalam keadaan yang mendesak dan menakutkan. Maka lahirlah mantera, bahasa puisi yang awal dalam bahasa Melayu, sebagai bahasa magik yang digunakan untuk memuja roh atau semangat, untuk mengubati penyakit dan sebagainya. Kemudian kepercayaan ini diperkukuhkan pula oleh kosmologi panteistik pengaruh Hinduisme. Kepercayaan panteistik hampir sama dengan kepercayaan animistik, walaupun alam kosmologinya berbeza. Akhirnya kepercayaan ini secara beransur-ansur diganti dengan kepercayaan ketauhidan dan kosmologi Islamiah yang mengubah minda lama Melayu itu. Melalui kepercayaan ketauhidan

mereka diberitahu bahawa alam ini diciptakan oleh Allah, jadi Allah tidak sama dengan *nature* yang merupakan makhluk Tuhan.

Maka berlakulah kegiatan pewacanaan teologis di dunia Melayu untuk menjelaskan dan membahaskan soal akidah, kosmologi Islam, makna ketauhidan, hukum syariah, dan sebagainya berdasarkan wahyu dan hadis dan diujahkan berdasarkan akal, yakni tidak berdasarkan pemikiran atau kepercayaan tahayul atau khurafat atau menurut istilah moden, *irrational*. Dalam tradisi pemikiran Islam, kaedah hujah teologis-rasional yang sering digunakan ialah kaedah dialektik seperti yang digunakan oleh Abu Hassan Asya'ari – beliau ialah bekas pengikut kumpulan pemikir rasional muktazilah – pada abad ke-10 apabila beliau membahaskan soal ilmu kalam atau teologi melalui kaedah dialektik itu. Dalam dunia Melayu, antara ulama teologi-syariah yang giat mengembangkan ajaran baru ini dengan hujah-hujah berdasarkan wahyu dan hadis ialah Syeikh Nuruddin al-Raniri, di Aceh pada pertengahan abad ke-17. Dengan cara demikian, bahasa Melayu berkembang bukan sahaja sebagai bahasa pendidikan dan penulisan kitab-kitab pelbagai ilmu agama Islam, tetapi juga sebagai alat pemikiran yang produktif. Orang Melayu mempelajari dan membahaskan ajaran Islam melalui bahasa Melayu, tidak melalui bahasa Arab. Di Pasai dalam abad ke-14, sebagaimana dilaporkan oleh Ibnu Batutah,<sup>1</sup> sultan sering mengadakan majlis perbahasan misalnya di masjid, antara ulama fukaha dari Tanah Arab dengan ulama setempat.

1 Ibnu Batutah, pengembara Islam yang masyhur itu, apabila beliau singgah selama lebih kurang dua bulan setengah di Pasai pada tahun 1345, telah menemui Sultan al-Malik al-Zahir, raja Pasai yang ketiga, di masjid selepas sembahyang Jumaat. Ibnu Batutah melihat bagaimana sultan mengambil bahagian dalam majlis perbincangan dan perbahasan bersama-sama beberapa orang ulama fukaha yang datang dari Tanah Arab (lihat R.G. Dunn 1989:257–58); Azyumardi Azra 1997:148–49), dan Arnold, T (1896/2001:368).

## Pemikiran Alegorikal

Soal wujud Tuhan dan wujud makhluk, serta persoalan cara untuk mengenal diri dan mengenal Tuhan merupakan masalah baru yang cukup kompleks. Zat Tuhan dan hubungan Tuhan dengan makhluk-Nya, malah realiti alam yang penuh misteri ini tidak hanya dapat difahami secara empirikal semata-mata dan disampaikan melalui bahasa yang literal. Manusia tidak sahaja perlu menggunakan akal atau rasionaliti untuk memahami hakikat alam ini; mereka juga perlu memahami perkara yang 'ghaib' melalui renungan hati, melalui intuisi dan pengalaman makrifat. Bagi pengarang Melayu zaman itu yang cuba membahaskan masalah ontologi atau soal kewujudan yang kompleks ini, tugas berat yang dihadapinya ialah: bagaimanakah 'hakikat' yang sukar difahami oleh akal biasa manusia itu dapat disampaikan melalui bahasa Melayu sebelum itu lebih bersifat ekspresif dan estetik. Cabaran ini dihadapi khususnya oleh para penyair sufi Melayu-Islam yang agung, iaitu Hamzah Fansuri dan pemikir lain yang sealign dengannya seperti Syamsuddin al-Sumaterani. Mereka menggunakan kaedah alegorikal atau bahasa simbolik dan metafora untuk menyampaikan konsepnya tentang *wahdat al-wujud*, konsep yang ditentang oleh Nuruddin al-Raniri kerana menganggap konsep itu sebagai versi kepercayaan panteistik. Bagi kita, yang penting diperhatikan ialah, bagaimana Hamzah Fansuri dan pengarang sufi yang lain di Aceh pada zaman itu, berjaya memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa pemikiran tinggi, bahasa metafizik, bahasa yang mampu membahaskan hal-hal yang cukup kompleks. Hamzah Fansuri dapat dianggap sebagai salah seorang peneroka bahasa Melayu moden atau bahasa Melayu ilmu tinggi. Beliau menyerap lebih 700 perkataan dan istilah ilmu teologi dan metafizik dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Yang penting ialah keupayaan Hamzah Fansuri memanfaatkan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa

pemikiran tinggi, menggunakan kata-kata leksikal yang biasa dengan makna figuratif, dengan demikian daerah semantik kata-kata itu tidak lagi hanya bersifat *referential*, yakni yang merujuk benda yang 'nyata' dan 'konkrit' semata-mata tetapi juga yang bersifat suprafizik. Hamzah menggunakan kaedah alegorikal. Bahasa atau kata-kata yang digunakan dalam puisinya seperti dalam *Syair Perahu*, *Syair Dagang* dan *Syair Ikan Tongkol* mengandungi makna dan ibarat yang sukar difahami secara harfiah melainkan kita sanggup memahami teks metafizik atau tasawuf itu melalui alegori atau lambang-lambang yang digunakan (lihat Abdul Hadi W.M 2001, yang menggunakan kaedah hermeneutik untuk memahami dan mentafsirkan teks-teks Hamzah Fansuri). Maka tidaklah menghairankan jikalau konsep tasawuf Hamzah Fansuri itu masih terus dikaji dan ditafsirkan oleh para sarjana hari ini.

### Pemikiran Analogis

Pemikiran Melayu cukup analogis sifatnya. Kerana pemikiran disampaikan melalui kaedah perumpamaan, kiasan, tamsil ibarat, dan juga melalui teknik ironi yang dilihat sebagai menyerlahkan sifat kegeniusan, kegeligaan dan kebijaksanaan minda Melayu. Kalau dalam kaedah fikiran logikal-deduktif yang dikembangkan di Barat berdasarkan *sylogism* Aristotle, ada premis pertama dan premis menengah (kedua), yang diakhiri dengan kesimpulan, orang Melayu juga mempunyai cara pemikirannya sendiri untuk menyatakan 'kebenaran' yang sama secara tidak langsung melalui teknik perumpamaan, kiasan dan ibarat, tidak melalui proses deduktif-logikal yang belum tentu dapat menyatakan kebenaran yang pragmatik, yakni kebenaran yang tidak hanya berdasarkan logik tetapi ditentukan melalui pengalaman manusia. Pemantun Melayu misalnya, berfikir dari tahap 'bayangan maksud' ke tahap pernyataan maksud. Boleh dianggap bahawa bayangan maksud dalam rangkap pertama

pantun empat kerat ialah 'premis'nya yang diciptakan secara imajinatif untuk membawa pendengar/pembaca, melalui jalan bahasa estetik, kepada maksud pantun itu. Penulis menganggap bahawa pantun memperlihatkan upaya kreativiti minda Melayu untuk menyatukan imaginasi dalam rangkap pertama dengan akal (maksud) yang diungkapkan pada rangkap berikutnya. Dengan kata-kata lain, minda sebelah kanan otak manusia Melayu itu (tempat letaknya emosi manusia) digabungkan dengan minda sebelah kiri otak (tempat letaknya fikiran logikal dan rasional). Struktur pemikiran ini diberikan kesan estetik melalui bahasa yang berangkap dan berirama. Eienstein, manusia yang dianggap cukup geliga otaknya, pernah berkata bahawa *imagination is more important (powerful) than knowledge*. Kata pepatah Cina, sebuah gambar lebih berharga, lebih berkuasa, daripada seribu perkataan. Memang, manusia selalu membayangkan sesuatu 'objek' atau memikirkan 'konsep' dahulu sebelum objek atau konsep itu 'dibahasakan' atau *diverbalised*.

Kaedah berfikir secara analogis ini banyak sekali terdapat dalam peribahasa dan pepatah Melayu. Bahasa yang digunakan ialah bahasa metaforik. Sesuatu objek atau konsep yang abstrak diumpamakan dengan objek lain yang lebih konkrit. Kita mungkin tidak menyedari bahawa dalam percakapan kita sehari-hari, kita sering menggunakan bahasa metaforik. Misalnya, kita memberi nilai ekonomi kepada masa dengan berkata *masa itu emas* atau *menghabiskan masa*, dan sebagainya. Kaki manusia dan haiwan digunakan juga untuk *kaki bukit*, *kaki langit*, bahkan metafora ini sampai ke tahap yang lebih kompleks lagi sehingga orang Melayu dapat menciptakan ungkapan seperti *kaki botol*, *kaki perempuan*, *kaki judi*, dan sebagainya, untuk menyatakan maksud 'handal' dan 'ahli'. Entah siapakah yang mula-mula menciptakan ungkapan ini, kita tidak tahu, tetapi yang penting ialah akal Melayu cukup kreatif, dan kerana itu bahasa Melayu sentiasa produktif, hidup, dinamik dan bertenaga.

Kaedah pemikiran analogi atau kaedah perumpamaan dan alegori digunakan bukan sahaja untuk membentuk makna baru yang abstrak tetapi juga untuk menyampaikan pengajaran. Lihat sahaja bagaimana penglipur lara Melayu, melalui naratifnya, dapat menciptakan watak-watak 'fiksyen' seperti Pak Pandir, Pak Kaduk, Lebai Malang dan Mat Jenin sebagai bahan pengajaran dan peringatan. Mesejnya ialah anak cucu Melayu jangan mencontohi watak-watak seperti itu. Dalam beberapa hikayat Melayu, misalnya *Sulalat al-Salatin*, pengarangnya secara bijaksana, menggunakan nasihat atau wasiat raja yang baik kepada anak yang akan menggantikannya bertujuan mengajar raja tentang erti keadilan. Bahkan, kalau kita menggunakan versi teori hermeneutik yang disebut *reader-response theory* (oleh Stanley Fish, 1980) kita dapat 'membaca' atau mentafsirkan peristiwa 'Hang Jebat Menderhaka' dalam hikayat (naratif) Melayu sebagai fiksyen sastera yang direka untuk menyampaikan mesej bahawa *raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah*. Jikalau tafsiran ini benar – dan penulis percaya tafsiran begitu benar – pengarang Melayu itu dapat dianggap sebagai seniman-pemikir yang geliga dan kreatif. Samalah geliganya pengarang *Hikayat Hang Tuah* yang mencuba menghidupkan semula 'keagungan bangsa Melayu' setelah Melaka dikalahkan oleh Portugis. Teknik yang digunakan, menurut penulis ialah teknik *dekonstruksi*. Beliau 'merombak' (dekonstruk) teks *Sulalat al-Salatin* (yang berakhir dengan kejatuhan Melaka di tangan Portugis) dan menggantikannya dengan teks baru, iaitu Hikayat Hang Tuah. Dalam teks baru ini, raja yang melambangkan kedaulatan bangsa Melayu, bendahara yang melambangkan kebijaksanaan pentadbiran, dan Hang Tuah yang melambangkan keperwiraan (kekuatan tentera) Melayu tidak dimatikan di akhir hikayat. Makna yang hendak disampaikan ialah *tak akan Melayu hilang di dunia*, kata-kata semangat yang diciptakan oleh orang Melayu lebih 350 tahun kemudiannya.



## Pemikiran Pragmatik

Pemikiran Melayu juga pragmatik sifatnya. Sehubungan dengan ini, dapat kita memanfaatkan teori konstruksi sosial atau *social construction theory* untuk mengkaji bagaimana manusia mencipta 'makna' (ini bermakna mencipta tanda, lambang, cerita dan lain-lain) tidak sahaja melalui teks yang bertulis tetapi juga melalui kegiatan komunikasi interaktif yang berlaku dalam masyarakat. Makna baru dan makna khusus sering kali tercipta melalui proses konstruksi sosial atau berdasarkan konteks. Perkataan yang sama boleh jadi berubah-ubah maknanya, atau hanya dapat difahami berdasarkan konteks. Melalui proses interaksi antara manusia dengan manusia dalam masyarakat dan melalui interaksi antara manusia dengan alam sekelilingnya, maka lahirlah ungkapan-ungkapan dan kata-kata, seperti dalam peribahasa dan pepatah Melayu, yang mentakrifkan jati diri bangsa Melayu itu sebagai makhluk sosial dan makhluk budaya, dan yang mengungkapkan nilai atau pandangan hidup Melayu yang pragmatik dan alamiah.

## Kebijaksanaan Minda Melayu

Berdasarkan perbincangan yang serba ringkas tentang sifat pemikiran Melayu itu jelaslah bahawa bangsa Melayu bijak berfikir, sehingga penulis terdorong untuk mengatakan bahawa jikalau orang Melayu mampu mengungkapkan beberapa banyak rangkap pantun secara lisan dan secara spontan, atau menciptakan peribahasa yang diungkapkan dalam bahasa yang padat dan tersukat, mereka tentulah mampu menjadi ahli matematik dan ahli sains yang handal. Bahasa sains tidak sekreatif bahasa pantun dan bahasa peribahasa. Jikalau ahli sains mencipta konsep yang kadangkadangkang abstrak, pemikir Melayu yang menciptakan peribahasa dan pantun juga mencipta konsep yang abstrak. Bezanya ialah, jikalau ahli sains terpaksa bergantung kepada istilah yang mempunyai 'makna' yang tepat *exact* dan

tetap dalam bidang semiotik/ semiotologi, ini disebut *fixed-code* seniman atau pemikir Melayu yang kreatif itu mencipta bahasa figuratif, bahasa metaforik, untuk mengungkapkan konsepnya atau makna secara supraleksikal atau supra-literal. Proses kognisi ini tidak mudah dipelajari atau diajarkan kepada sesiapa yang tidak mempunyai kemampuan untuk berfikir secara kreatif, sedang ilmu matematik tidak sukar dipelajari. Seorang ahli matematik bukan bangsa Melayu pernah mengatakan, jikalau anak Melayu-Islam boleh menghafal al-Quran, tentu mudah bagi mereka untuk menghafal formula sains dan matematik. Jikalau kita hairan bagaimana orang boleh pintar dalam matematik, kita sepatutnya hairan juga bagaimana ada orang Melayu dahulu kala yang dapat mengungkap pantun baru dalam bahasa berangkap dan mengaitkan pembayang maksud dengan maksud pantun itu secara spontan, atau bagaimana kanak-kanak dapat menghafal seluruh al-Quran.

### Kesimpulan

Bangsa Melayu di rantau ini mempunyai tradisi pemikiran yang luar biasa kreatifnya, dan tradisi ini menunjukkan bahawa minda bangsa Melayu itu sangat terbuka sehingga tamadun bangsa kita dapat terus diperkaya melalui proses perekayasaan budaya atau *cultural production* dan *reproduction* sepanjang zaman melalui pertembungannya dengan pelbagai tamadun luar – dari India, Islam, Barat dan, lebih penting lagi, dari alam kita sendiri, yang membentuk teras atau *superstructure* tamadun kita bersama sejak 2000 tahun dahulu. Jikalau minda bangsa Melayu tidak terbuka, sudah pasti bangsa Melayu sudah lama tidak ada di dunia ini lagi, kalau ada pun, hanya wujud sebagai kumpulan-kumpulan etnik yang terpinggir, yang tidak penting dalam dunia globalisasi hari ini. Kita seharusnya cuba mengenal minda Melayu berdasarkan tradisi pemikiran ini. Korpusnya yang sama, yang kita lihat dalam bentuk teks tradisional

seperti pantun, peribahasa, lipur lara, hikayat-hikayat lama, kitab-kitab ilmu agama dan tasawuf, terdapat di seluruh rantau dunia Melayu ini, dan geografi korpus inilah yang memainkan peranan penting untuk mengekal dan meneruskan tradisi yang sama ini pada masa mendatang. Tentu sahaja dalam zaman moden ini, korpus yang terlihat dalam pelbagai teks baru – surat khabar, majalah, buku, novel, puisi moden, dan sebagainya – mengandungi pelbagai variasi lokal yang merakamkan pelbagai makna baru tersendiri menurut keadaan politik, ekonomi, budaya dan sosial di tempat masing-masing, tidak ketinggalan juga pengaruh etnik dan kepercayaan yang berada di pinggir tradisi itu, dan pengaruh globalisasi. Kejayaan nenek moyang kita dahulu ialah, mereka dapat membentuk tradisi pemikiran sendiri, bukan pemikiran berdasarkan budaya Arab atau pemikiran berdasarkan budaya Barat, tetapi pemikiran yang secara asasnya bersifat indigenus. Walaupun kita mengambil sumber ilmu dari luar, pengolahannya dilakukan menurut kebijaksanaan berfikir bangsa sendiri kerana audiensnya bukan bangsa asing tetapi ialah bangsa sendiri. Di Barat wacana pemikirannya malah asas-asas epistemologinya yang tradisional, sering kali cuba diroboh oleh pemikiran kritikal baru yang sentiasa baru, yang setiap kali dikemukakan, tujuannya adalah untuk ‘mendekonstruksi’ segala ‘struktur’ ilmu dan pemikiran lama. Hasilnya, tidak ada yang baru. Yang ada ialah kecelaruan baru dalam kaedah pemikiran Barat.

Diharap keadaan seperti ini tidak berlaku dalam alam pemikiran kita. Asas pemikiran kita ialah kemutlakan kebenaran al-Hak, bukan kerelatifan kebenaran menurut konsep manusia.

# PARADIGMA PEMIKIRAN DALAM EPISTEMOLOGI MELAYU



MOHD. YUSOF HASAN

## Pendahuluan

Makalah ini membicarakan empat elemen; bahasa – pemikiran – ilmu – komunikasi – dalam masyarakat Melayu bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Tumpuannya kepada menghuraikan sifat, hakikat dan operasi pemikiran, saluran ilmu pengetahuan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan kaedah serta strategi penilaian maklumat dan data serta tindakan susulan yang perlu dan boleh diambil oleh bangsa Melayu. Ianya juga bermatlamat untuk merangkakan satu hala tuju pembangunan tamadun dan epistemologi Melayu dalam bidang bahasa dan pemikiran. Di samping itu juga dibicarakan keperluan kepada satu bentuk atau modul sistem cara berfikir dalam ruang pengajian ilmu pengetahuan bangsa Melayu sebagai satu alat pembinaan tamadun Melayu abad ke-21.

Makalah ini dihasilkan daripada tiga sumber: Al-Dinul Islam, peradaban Barat dan jati diri Melayu sebagai landasan pembentukan sebuah paradigma pemikiran dalam

epistemologi Melayu abad ke-21.

Daripada sumber al-Dinul Islam kita memperoleh ilmu daripada iaitu akidah, syariah, dan akhlak melalui ajaran al-Quran dan sunah Nabi Muhammad s.a.w. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang membicarakan ilmu pengetahuan atau epistemologi dan akal atau pemikiran. Dalam hadis dan sunah Nabi terdapat banyak perkara tentang pemikiran dan ilmu. Malah sifat-sifat diri Nabi itu sendiri terdapat unsur-unsur ilmu dan pemikiran iaitu *siddiq* atau kebenaran, amanah atau kebolehpercayaan; *tabligh* atau menyampaikan; dan *fatanah* atau kebijaksanaan.

Menurut peradaban Barat, kita mendapati banyak ilmu tentang pemikiran dan epistemologi hasil daripada perkembangan penyelidikan dan sains dan teknologi mereka. Sebenarnya, ilmu pengetahuan Barat berasal daripada perkembangan ilmu Islam juga yang dibawa ke Barat. Dari tamadun Barat terdapat beberapa teori tentang akal dan minda atau pemikiran bidang sains minda atau "brain science" dan "neuroscience" juga memperlihatkan beberapa kehebatan dan kecemerlangannya di Barat.

Setiap bangsa mempunyai falsafah, pemikiran, kebudayaan, nilai dan akhlak yang baik berdasarkan kepada hasil karya kesusasteraan, seni budaya dan sosioekonominya. Jati diri Melayu yang lemah lembut itu apabila dicantumkan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam; ditambah pula dengan ilmu pengetahuan dan tamadun yang diperolehi daripada peradaban Barat akan melahirkan bangsa Melayu yang unggul.

Maka dengan ciri-ciri tersebut, lahirah gagasan satu pembentukan paradigma pemikiran dalam epistemologi Melayu. Justeru itu, makalah ini akan membincangkan perkara yang berikut: sejarah latar belakang bangsa Melayu Moden, cabaran Melayu zaman globalisasi, pendidikan sebagai asas kemantapan bangsa, dan amalan akhlak sebagai cara hidup berperikemanusiaan. Pada kesimpulannya, disarankan supaya paradigma pemikiran yang dicadangkan ini menjadi "kaedah dan operasi" dan seterusnya

nya menjadi strategi dalam epistemologi bangsa Melayu abad ke-21.

## Sejarah Melayu Moden

Sejarah Melayu Moden bermula dari tarikh Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada penjajah Inggeris tanpa sebarang pertumpahan darah hasil perjuangan rakyat berbilang kaum yang dipimpin oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Kita mengambil alih tampuk pemerintahan dengan mengisi kemerdekaan melalui pelbagai projek pembangunan negara dan luar bandar.

Kerajaan Malaysia dibentuk pada 1963 iaitu gabungan Semenanjung, Singapura, Sabah dan Sarawak. Selepas melalui proses pemerintahan yang aman damai, negara kita digugat oleh dua peristiwa yang tragis; perpisahan Singapura daripada Malaysia pada 1965 dan pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969.

Pergaduhan kaum antara Melayu dan Cina meninggalkan kesan yang lama dan mesti dipelihara sensitivitinya. Kesan akibat permusuhan itu tidak boleh diungkit-ungkit dan dituding jari siapa yang bersalah, tetapi mesti dijadikan satu iktibar besar supaya tidak berlaku prasangka dan angkara. Sejurus selepas peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan Mageran mengadakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan tujuan menyusun semula bangsa Melayu dengan hasrat memupuk integrasi dan pembasmian kemiskinan. Maka dengan itu diadakan beberapa rancangan pembangunan negara yang disebut sebagai Rancangan Malaysia Pertama: 1966–970; Rancangan Malaysia Kedua: 1971–1975; Rancangan Malaysia Ketiga: 1976–1980; Rancangan Malaysia Keempat: 1981–1985; Rancangan Malaysia Kelima: 1986–1990; Rancangan Malaysia Keenam: 1991–1995; Rancangan Malaysia Ketujuh 1996–2000 dan kini kita berada dalam Rancangan Malaysia Kelapan: 2001–2005.

Pada tahun 1990, selepas 20 tahun berada dalam Dasar Ekonomi Baru, kerajaan mendapati perlu diadakan satu lagi dasar yang dipanggil Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dari 1990–2000. Pada 28 Februari 1991, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan gagasan keramat Wawasan 2020 untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Kini kita berada pada tahun 2002, iaitu sesudah mencapai kemerdekaan selama 44 tahun dan akan menempuh 19 tahun lagi ke Wawasan 2020. Ertinya kita sekarang ini sudah 44 tahun menempa warisan dan 19 tahun lagi merancang wawasan atau 44 tahun meninggalkan sejarah dan 19 tahun meniti zaman wawasan penuh aspirasi.

Di saat-saat menuju ke alaf baru dekad ke-21, kelemahan dan kekuatan kita pada masa lalu menjadi kisah dalam sejarah dan kita harus terus-menerus memandang ke depan penuh keyakinan dan kemantapan jati diri.

Maju mundur, lemah kuat, hidup mati, naik turun, cemerlang malap dan gemilang runtuhnya bangsa kita, bergantung kepada 44 tahun warisan dan 19 tahun lagi wawasan. Ertinya antara warisan 44 tahun dan wawasan 19 tahun, kita mempunyai masa selama 63 tahun – sama usianya dengan usia Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

## Cabaran Melayu Zaman Globalisasi

Kini kita menghadapi pelbagai cabaran di dalam dan dari luar negara. Zaman berubah dengan pesat dan jarak yang jauh menjadi semakin dekat serta masa berlalu semakin pantas. Tahun berganti tahun, bulan berselang bulan, minggu bersilih minggu, hari beralih hari, dan kita mendapati diri tersepit di dalam ruang dan masa yang semakin sempit.

Kita berada dalam zaman globalisasi yang kecil dikenali sebagai *a tribal village* – sebuah kampung kabilah. Kita berdepan dengan konsep *borderless world* – dunia tanpa sempadan yang tidak memerlukan sebarang pasport dan

visa untuk mengetahui tentang negara lain.

Pada zaman *open-sky policy* – dasar langit terbuka ini, kita bebas mengetahui apa-apa sahaja tentang dunia ini melalui sistem satelit dan telekomunikasi. Kita berada dalam *information technology super highway* yang canggih.

Pada zaman ledakan teknologi maklumat – *information technology explosion*, kita berdepan dengan *virtual reality*, bersama istilah-istilah siber, maya, 'millenium bug Y2K', 'I love you' dan digital. Kita boleh berbicara melalui internet, intranet dan laman web.

Orang mendakwa bahawa kita sekarang ini sudah kehilangan dan penamatan sejarah – *the end of history*, kerana kononnya sejarah tidak bermakna apa-apa lagi untuk kemajuan bangsa dan tamadun manusia.

Era ini juga memperkenalkan kita kepada sistem perhubungan komunikasi yang semakin canggih. Dengan menggunakan telefon mudah alih yang semakin kecil, kita dapat berhubung ke serata dunia sekelip mata. Fenomena ini dapat kita beri gelaran sebagai 'dunia hanya berada di dalam saku kita' sahaja.

Dari segi pemikiran juga manusia kian berubah bersama dengan perubahan teknologi yakni teknologi yang membawa ideologi. Kita rupa-rupanya bukan lagi berada pada zaman modenisme tetapi sudah menjangkau jauh ke *post-modernism* atau masuk ke aliran pascamodenisme. Aliran-aliran pemikiran ini sudah jauh berkembang hingga lahirlah aliran *deconstitutionisme* – aliran yang ingin memusnahkan sesuatu yang tidak boleh diperbaiki lagi – *let it be*, apa nak jadi, jadilah.

Demikian sebuah senario dunia serba pancaroba yang akan kita langkah, memasuki era alaf baru tahun 2002 – mahu atau tidak mahu, dipaksa atau terpaksa.

Kita sudah bersiap siaga dengan MSC – *Multimedia Super Corridor* – Koridor Raya Multimedia. Terletak di kawasan 50 kilometer kali 20 kilometer ke selatan Bandaraya Kuala Lumpur. MSC berdiri megah di tanah bertuah penuh sejarah menghubungkan antara Kuala



Lumpur City Centre (KLCC), Menara Kuala Lumpur, Cyberjaya, Putrajaya dan Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

MSC mempunyai tujuh *flagship* atau projek tumpuan utamanya iaitu; penggunaan kad serbaguna, sekolah bestari, kerajaan elektronik, laman pembuatan ke seluruh dunia, teleperubatan, pusat pemasaran tanpa sempadan dan gugusan penyelidikan dan perkembangan. Ketujuh-tujuh projek itu menjadi saksi manifestasi unggul dan terulung yang bertaraf dunia.

Untuk menjadi bangsa Malaysia yang gagah dan gah, kita perlu mempunyai tiga landasan yang mantap; pertama: pendidikan sebagai asas kemantapan bangsa; kedua: pemikiran sebagai landasan keagungan bangsa dan ketiga: perlakuan akhlak sebagai cara hidup berperikemanusiaan. Kaedah 3P; pendidikan, pemikiran dan perlakuan ini ialah tunjang dan tonggak kemuliaan dan keagungan peradaban bangsa.

## Pendidikan Sebagai Asas Kemantapan Bangsa

Paradigma pemikiran Melayu perlu diasaskan oleh prinsip-prinsip Rukun Negara dan sistem pendidikan yang mantap. Bagi Malaysia, kita mempunyai Falsafah Pendidikan Negara yang berbunyi:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Ternyata falsafah pendidikan ini menekankan aspek-aspek minda (*mind*), rohani (*soul*), dan jasmani (*body*). Di tiap-tiap sekolah dan institusi pengajian tinggi, kita mendapati penekanan kepada ketiga-tiga aspek tersebut dilakukan melalui kursus-kursus akademik dan kokurikulumnya.

Falsafah Pendidikan Negara kita amat sesuai dengan taksonomi domain pendidikan yang dibentangkan oleh Benjamin S. Bloom yang menekankan kepada unsur-unsur kognitif (minda), afektif (rohani) dan psikomotor (jasmani). Ia juga selaras dan selari dengan falsafah Pendidikan Islam yang dikemukakan dalam Mukhtamar Pendidikan Islam Sedunia di Makkah pada 1977. Mukhtamar ini menegaskan bahawa pendidikan perlu berpaksikan kepada dua aspek iaitu aspek ilmu Naqli dan ilmu Aqli.

Ilmu Naqli ialah ilmu ketuhanan, keimanan dan ke-tauhidan. Ilmu ini merupakan ilmu wahyu yang bersifat *transcendental* iaitu datangnya dari Tuhan. Ilmu Aqli pula ialah ilmu yang dicari dan diperolehi di kalangan manusia sendiri. Ilmu Naqli dipanggil juga *revealed knowledge* dan ilmu hamba mengenali Pencipta atau Khaliqnya. Ilmu Aqli ialah ilmu hubungan manusia sesama manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Ilmu Naqli seperti ilmu tauhid, usuluddin, fikah, syariah dan sebagainya. Manakala ilmu Aqli pula ialah ilmu-ilmu dalam aliran sains dan sastera.

Demikianlah kita melihat bagaimana selari dan selarasnya sistem pendidikan kita untuk mengukuh dan memantapkan paradigma pemikiran Melayu yang sama-sama kita ciptakan untuk kesejahteraan bangsa kita Melayu.

Dalam sistem pendidikan kita, terdapat mata pelajaran khas untuk dipelajari oleh setiap murid di peringkat rendah dan menengah. Contohnya, dalam sistem pendidikan kita, diajarkan Bahasa Melayu di setiap tahap dan tahun pembelajaran. Bahasa Melayu ini menjadi paksi perpaduan kita dalam melaksanakan paradigma pemikiran rakyat Melayu. Dalam Fasal 152 Perlembagaan Negara, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan kita yang menjadi tali penghubung perpaduan kaum-kaum di Malaysia.

Kerajaan telah memperkenalkan mata pelajaran Kesusasteraan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Mata pelajaran ini dapat menghaluskan persepsi dan mempertajam sensitiviti kita dalam mengenali erti kemanusiaan sesama kita. Dengan membaca novel, cerpen, sajak dan drama dalam kesusasteraan, kita dapat menghayati masalah-masalah kehidupan dan memahami erti-erti kesyukuran, anak-anak kita diajarkan ilmu-ilmu pengetahuan Islam dan moral supaya anak-anak bangsa kita mentaati agama dan kepercayaan masing-masing. Pelajaran agama dan moral membantu jati diri bangsa kita supaya bersikap toleransi dan harmoni seperti yang termaktub dalam paradigma pemikiran rakyat Malaysia.

Supaya anak bangsa kita lebih berani dan berkeyakinan menghadapi arus pemodenan, kita mengajar anak-anak kita supaya mahir dalam bidang-bidang sains dan teknologi serta Matematik. Untuk menjadikan anak-anak kita bersifat ceria dan sensitif, kita mengajar mereka supaya mahir dalam bidang-bidang seni, sastera dan kreativiti.

Mata pelajaran bahasa moden juga perlu diajarkan kepada anak-anak supaya lebih bersikap terbuka dan lebih global sifatnya. Bahasa Inggeris menjadi bahasa penting dan perlu dipelajari oleh setiap pelajar kita. Kemahiran berkomunikasi dalam bahasa-bahasa moden seperti bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Jepun, bahasa Jerman dan sebagainya akan membantu ke arah kemantapan paradigma pemikiran rakyat Malaysia.

Di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), sistem pendidikan kita menekankan kepada kursus-kursus wajib seperti Bahasa Malaysia, Kenegaraan, Tamadun Islam dan Kebudayaan Bangsa untuk memantapkan integriti dan identiti jati diri anak-anak remaja kita sebagai pewaris dan bakal pemimpin negara pada masa depan.

Begitulah bagaimana sistem pendidikan kita yang berteraskan kepada sifat fitrah semula jadi manusia; yang menganuti kepercayaan yang memiliki kemahiran komu-

nikasi dan mempunyai kemampuan sains dan teknologi, seni dan kreativiti masing-masing boleh mencemerlangkan paradigma pemikiran Melayu di kalangan rakyat kita.

## Pemikiran Sebagai Landasan Keagungan Bangsa

Bagi membina revolusi mental bangsa Melayu dan mewujudkan negara yang bermartabat, kita perlu mempunyai daya pembangunan pemikiran yang mantap sebagai landasan paradigma pemikiran Melayu yang ceria.

Sekarang ini, kita menyaksikan banyak negara mengadakan projek dan program pembangunan pemikiran rakyatnya masing-masing. Gerakan-gerakan pembangunan pemikiran ini adalah untuk persiapan bangsa menghadapi cabaran-cabaran pada alaf baru.

Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis, Rusia dan China telah mengadakan program-program pembangunan pemikiran secara besar-besaran, untuk meningkat dan memartabatkan bangsa mereka masing-masing. Jepun, Jerman, Israel, Singapura dan Venezuela juga rancang mengatur strategi membangunkan minda bangsa mereka. Singapura menganggap pemikiran ialah harta milik negara dan negara Venezuela pernah mewujudkan Menteri Pemikiran dalam kabinet pemerintahan negaranya. Dunia sendiri menyaksikan dua negara Jepun dan Jerman boleh bangun dan maju selepas 50 tahun ditekan dan dihina setelah kalah dalam Perang Dunia Kedua pada 1945. Kini, selepas 52 tahun, Jepun dan Jerman menjadi negara maju dengan sains dan teknologinya.

Negara Malaysia juga turut mengadakan program-program pembangunan pemikiran melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dengan membelanjakan berbilion-bilion ringgit dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

Untuk meningkatkan pembangunan pemikiran bangsa Melayu, kita perlu mempunyai satu formula pemikiran

Melayu yang boleh dipanggil SPB4L iaitu Sistem Pemikiran Bersepadu 4L – Luhur, Lahir, Logik dan Lateral. Paradigma pemikiran Melayu ini sesuai, selaras dan selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Keempat-empat jenis pemikiran itu hendaklah disepadukan dalam diri setiap orang Melayu supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Setiap individu Melayu perlu memiliki kemahiran pemikiran luhur, kemahiran pemikiran lahir, kemahiran pemikiran logik dan kemahiran pemikiran lateral. Keempat-empat jenis kemahiran pemikiran perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik bukan secara berasingan. Kalau salah satu kemahiran itu diabaikan, maka akan pincanglah pemikiran seseorang itu. Ketidakeimbangan kemahiran akan menyebabkan perwatakan dan perawakan seseorang itu terjejas.

Kemahiran pemikiran luhur ialah kemahiran berfikir tentang ketuhanan dan keimanan. Seseorang pemikir luhur ialah seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan tinggi tentang kepercayaan dan agama yang dianutinya. Apabila ilmu agama yang diperolehinya itu dihayati dan diamalkan, maka kita berkata ia mempunyai kemahiran pemikiran luhur yang tinggi.

Masyarakat Melayu yang menganuti al-Dinul Islam perlu mempunyai kemahiran pemikiran luhur tentang al-Quran ialah kitab suci yang mengandungi wahyu dari Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w dan al-Sunnah ialah segala perbuatan dan gerak laku Nabi Muhammad s.a.w. Rukun Islam yang lima itu ialah gerak laku jasmani seperti mengucap dua kalimah syahadat; mengerjakan solat lima waktu, mengerjakan puasa pada bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan fardu haji di Makkah. Manakala Rukun Iman yang enam itu ialah keyakinan, ketauhidan dan keimanan kepada Allah, keimanan kepada Rasul, keimanan kepada Malaikat, keimanan kepada Kitab-kitab Suci, keimanan kepada Hari Akhirat dan keimanan kepada Qada dan Qadar.

Umat Islam berpegang kepada tiga prinsip iaitu: akidah,

syariah dan akhlak. Akidah ialah keimanan kepada lima Rukun Islam dan enam Rukun Iman seperti yang dinyatakan di atas. Syariah ialah perjalanan dan cara kehidupan yang meliputi ibadat, muamalat, munakahat dan jenayat. Manakala akhlak ialah peraturan perbuatan dan amalan dalam kehidupan sebagai hamba yang berhubung dengan Allah dan sebagai khalifah yang berhubung dengan makhluk yang lain.

Dalam al-Dinul Islam terdapat konsep-konsep yang berpasangan seperti fardu ain untuk dirinya dan fardu kifayah untuk masyarakatnya; manusia dituntut supaya mencari kesejahteraan di dunia yang fana sekali gus mencari kesejahteraan di akhirat yang baqa; dan dengan kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat, orang Islam akan dibalas dengan ganjaran syurga yang penuh nikmat dan abadi.

Al-Dinul Islam sangat mementingkan minda dan pemikiran yang dianugerahkan Allah. Muhammad Abd. Rauf menegaskan kepentingan minda dan pemikiran di sisi Allah dalam bukunya; *The Muslim Mind: Foundation and Early Manifestation* sebagai berikut:

*"Allah Taala honoured the human mind but addressing it and commanding it to nourish itself through the pursuit of knowledge by means of reading and writing, and refining itself through reflection and sober thinking over the wondrous creation of Allah."* (hlm.: 2)

Pengarang menjelaskan bahawa Allah mengangkat martabat minda dan pemikiran manusia dengan pencarian ilmu dan pemikiran terhadap keajaiban kejadian Allah kepada manusia. Dengan minda, manusia boleh berhubung dengan Tuhan di alam ghaib; berhubung dengan manusia sesama manusia dan berhubung dengan alam sekelilingnya.

Dengan minda juga manusia mampu mendapat, menyimpan dan menggunakan ilmu pengetahuan untuk Tuhan dan manusia.

Muhammad Abd. Rauf menerangkan tentang peranan dan kuasa minda yang secara misteri berhubung dengan

jasad untuk melahirkan berbagai-bagai perasaan. Katanya:

*"Man has ummaterial, intangible but enduring faculty or power, mysteriously connected with the body, whereby man thinks, understands, decides, judges, wills, hesitates, infers, feels, hopes, fears, chooses, invents, intends, anticipates and so on."*

(hlm. xiii)

Selepas memiliki kemahiran pemikiran luhur ini, seorang rakyat Malaysia itu perlu pula mempunyai kemahiran pemikiran lahir, kemahiran pemikiran logik dan kemahiran pemikiran lateral secara bersepadu dan mantap bagi menjayakan pembinaan paradigma pemikiran Melayu yang kita idam-idamkan.

Kemahiran pemikiran lahir ialah satu ilmu pengetahuan tentang kehebatan akal kita. Maksud lahir ialah usia akal di sekitar kelahiran manusia itu mulai dari dalam rahim ibunya hingga ke usia enam tahun selepas dilahirkan. Inilah satu peringkat usia yang sangat kritikal kerana otak manusia itu sudah 95 peratus perkembangan pembesaran otaknya. Maksud lahir yang kedua ialah aspek zahir atau fizikal otak itu sendiri yang mempunyai bentuk, struktur, kapasiti, fungsi, teori dan bahagiannya yang tersendiri.

Dalam bahagian kemahiran pemikiran lahir ini, kita mulakan dengan memahami teori-teori tentang akal dan minda. Mengikut Roger Sperry, iaitu seorang pengkaji sains neuro iaitu sains otak; otak kita terbahagi kepada dua hemisfera: hemisfera otak kanan atau hoka dan hemisfera otak kiri atau hoki. Sperry mendakwa bahawa manusia yang hebat hokanya ialah terdiri daripada ahli seni dan kreativiti, manakala orang kuat hokinya terdiri daripada ahli sains dan teknologi. Terdapat juga orang yang hebat kedua-dua hoka dan hokinya iaitu orang yang berjiwa seni sekali gus orang yang mahir dalam sains, iaitu seorang seniman yang juga seorang saintis.

Howard Gardner juga bersetuju dengan Sperry yang mengemukakan lapan jenis kemahiran manusia iaitu melalui teori *multiple-intelligencies*. Kelapan-lapan kebijaksanaan atau *intelligencies* itu ialah *logical-mathematical* iaitu kehebatan logik dan matematik, *spatial* iaitu kemahiran ruang, *linguistic* iaitu kemahiran menguasai bahasa, *musical* yakni kemahiran muzik, *interpersonal* iaitu kemahiran berhubung dengan orang lain, *intrapersonal* iaitu kebijaksanaan mengawal diri sendiri, dan *environmental* iaitu kemahiran mengetahui suasana dan kejadian alam semula jadi.

Edward de Bono yang membawa teori enam topi pemikiran iaitu enam stail atau kebolehan pemikiran manusia, *the white hat* – si topi putih yang mahir dalam bidang fakta dan kuantitatif; *the red hat* – si topi merah yang berfikiran emosional; *the black hat* – si topi hitam yang berfikiran negatif, *the yellow hat* – si topi kuning yang sentiasa berfikiran positif, *the green hat* – si topi hijau yang inovatif dan kreatif; dan *the blue hat* – si topi biru yang mengawal dan sentiasa hendak menjadi ketua.

Ternyata daripada teori ini terdapat persamaan antara ketiga-tiga pengkaji pemikiran, Roger Sperry, Howard Gardner dan Edward de Bono bahawa otak atau pemikiran manusia terbahagi dua kemahiran – sains atau sastera atau kedua-duanya sekali.

Selain teori-teori itu, orang Melayu yang mendukung hasrat paradigma Melayu perlu mempunyai pengetahuan tentang kejadian otak, peranan dan fungsi otak, struktur otak, keupayaan dan kapasiti otak dan sistem saraf otak secara saintifik.

Begitu juga kita perlu mengetahui beberapa formula tentang resipi atau petua pembangunan pemikiran manusia. Otak sebenarnya perlu dipupuk dan dibajai untuk mendapat kemahiran bukan kerana keturunan. Otak perlu *dinurture* bukan mengikut *nature*.

Oleh itu terdapat resipi-resipi kehebatan otak dan minda dari institusi dan tokoh-tokoh pembangunan



minda. NURY yang mementingkan peringkat prasekolah. Tokoh seperti Dorothy Low Nottle membawa teori bahawa anak-anak boleh menjadi positif atau negatif melalui alam dan suasana di rumah dengan pendapatnya; *Children learn what they live*.

Gale Maleskey, seorang tokoh pendidikan percaya bahawa kita boleh menjadikan anak-anak kita bestari dengan 15 cara – *15 ways to make your child smarter*. Jane Walmsley dan Jonathan Margolis percaya bahawa manusia boleh dibentuk seperti seolah-olah kita menanam tomato dalam rumah panas. Mereka berdua menulis buku bertajuk: *Hot House People: Can We Create Super Human Beings?* Jawabnya pasti boleh!

Keluarga Covey mementingkan tabiat atau “habit” yang paling efektif. Stephen Covey menulis dua buah buku, *The 7 Habits of Highly Effective People* dan *The 7 Habits of Highly Effectives Families* dan anak remajanya Sean Covey menulis: *The 7 Habits of Highly Effectives Teens*. Hasrat paradigma pemikiran Melayu juga sangat-sangat bertepatan dengan usaha-usaha untuk membina tabiat-tabiat paling berkesan untuk rakyat, keluarga dan remaja Melayu.

Selepas menerima hakikat bahawa otak manusia terbahagi kepada dua hemisfera – hoki dan hoka – maka perlu pula kita memahirkan kedua-dua belah hemisfera tersebut. Hemisfera otak kiri (hoki) membantu kita ke arah kemahiran pemikiran logik dan hemisfera otak kanan (hoka) membantu kita ke arah kemahiran pemikiran lateral. Pemikiran logik membawa kita kepada kemahiran sains dan teknologi dan pemikiran lateral membawa kita kepada kemahiran seni dan kreativiti.

Kalau kemahiran pemikiran luhur membantu kita menjadi soleh, kemahiran pemikiran lahir membantu kita menjadi sarjana, maka kemahiran pemikiran logik boleh membantu kita menjadi saintis dan kemahiran pemikiran lateral membantu kita menjadi seniman. Jelas bahawa 4L itu membawa kita menuju kepada 4S – solah, sarjana, saintis dan seniman secara bersepadu.

Pemikiran logik ialah pemikiran yang saintifik, berfakta berangka, tepat, objektif, tersurat, konkrit dan sebagainya, tetapi pemikiran lateral ialah pemikiran yang kreatif, inovatif, imaginatif, subjektif, tersirat dan sebagainya.

Ilmu logik ialah ilmu tentang prinsip-prinsip penaklukan iaitu *the principle of identity, the principle of excluded middle, and the principle of contradiction*. Mengikut Irving M. Copi dalam bukunya *Introduction of Logic*: "Logic is the study of the methods and principles used to distinguish good (correct) form bad (incorrect) reasoning".

Pemikiran logik atau dalam bahasa Arabnya, mantiq, berasal dari zaman Greek lagi. Banyak teori dan konsep dilahirkan dalam ilmu ini. Dalam buku *Logic, Language and Composition* karangan Hulon Willis terdapat dua konsep penting dalam logik iaitu: induksi dan deduksi.

Kata Hullon Willis;

*Inductive logic is usually defined as reasoning from the specific to the general but that definition needs explanation. With induction the conclusion reached is always a generalization. (hlm. 11)*

*Induction – the forming of a generalization on the basis of observed specifics – is one of the two major kinds of logic. The other is deduction, the logical process by which we reach a specific conclusion rather than a general one. Thus, while induction is reasoning from the specific to the general, deduction is reasoning from the general to the specific. With than kind of logic, we start (usually unconsciously) with a generalization and end up with a specific conclusion. (hlm. 49).*

Dari dua jenis logik itu, kita mendapati bahawa logik deduksi itu membawa kepada bidang ilmu sains dan teknologi yang patut kita perolehi kemahirannya. Mengikut Michael Hacker dan Robert A. Barden dalam buku mereka, *Technology in Your World*.

*"Science is the study of why natural things happen the way they do. Technology is the use of knowledge to run resources into the goods and services that society needs. Science and technology differ but are also related. Science and technology affect all people."* (hlm. 3)

Jelas kepada kita bahawa sains dan teknologi mempunyai kaitan yang rapat sungguhpun berbeza definisi dan fungsinya. Sains dan teknologi juga memberi kesan kepada semua orang dari zaman dahulu, zaman sekarang dan zaman akan datang untuk memenuhi hasrat dan cita-cita paradigma pemikiran Melayu, kita bangsa Melayu mesti menguasai sains dan teknologi hasil daripada pemikiran hemisfera otak kiri – hoki. Terdapat sebuah buku yang membincangkan tentang kehebatan teknologi Jepun yang bertajuk *Japanese Technology* oleh Masanori Moritani (1982). Tajuk kecil buku ialah *Getting the Best for the Least* – mendapat yang paling baik untuk yang paling murah.

Negara Jepun memang terkenal dengan usaha-usaha *in search of Japanese creativity*. Mereka amat mementingkan R & D (*Research and Development*) atau P & P (Penyelidikan dan Perkembangan). Manakala negara-negara Jerman, Eropah, Amerika Syarikat dan Great Britain tidak sehebat Jepun dalam R & D. Jepun lebih fleksibel dalam usaha-usaha kemajuan dan mereka bersedia membuat perubahan dan pembaharuan.

Jepun juga mempunyai *the right talent* atau bakat yang betul kerana mereka mementingkan *good heads and good legs* – otak yang baik dan tindakan yang baik. Di negara Jepun, anak-anaknya mempunyai bakat yang baik dengan mempunyai matlamat yang jelas. Dengan itu mereka dapat melahirkan HRD – *Human Resource Development* atau Perkembangan Sumber Manusia yang baik. Perkara yang penting dititikberatkan oleh negara Jepun ialah kreativiti dalam R & Dnya. Kata pengarang buku tersebut: *The need for creativity people ... People are the key to creative R & D*

... *Creativity is finally in demand.* (hlm. 184–185). Sebagai menyokong kreativiti itu, orang Jepun pula suka bekerja secara berpasukan dan dengan itu kreativiti dapat dikongsi bersama.

Selanjutnya, Masanori Moritani mencuba membuat perbezaan antara organisasi Jepun yang banyak membawa kemajuan dengan organisasi Barat yang menghindarkan kreativiti. Kalau dulu Jepun mementingkan *Nobel Prize for Science*, kini Jepun mementingkan supaya dapat *Nobel Prize of Technology* di kalangan para juruternya. Selain kreativiti, Jepun mementingkan budaya hidup asli – atau *original culture*nya untuk melahirkan budaya industrinya. Cantuman budaya asli dan barang-barang buatan melahirkan rasa penyayang, estetika, cantik, indah, fleksibel dan tidak membazir!

Jepun juga berhasrat untuk menjadikan zaman industri maklumat *towards a Japanese way of life and informational society* – ke arah satu cara hidup baru secara Jepun. Kemajuan teknologi dan *multifunctional* elektronik Jepun telah melahirkan akhbar yang luas bacaan, radio dan televisyen yang canggih dan *office automation* yang *revolutioner*. Dengan itu wujudlah alat-alat robot, komputer, faks, telesidang, telefon dan sebagainya yang bersifat mesra pengguna.

Satu aspek kemajuan Jepun yang sukar ditandingi ialah penggunaan *home computer* yang mempunyai pelbagai fungsi. Dengan kemajuan-kemajuan teknologi itu, Jepun berada dalam satu cara hidup yang sempurna di rumah bersama keluarga atau di pejabat tempat kerja. Dengan peralatan sains dan teknologi yang jimat wang dan tenaga itu, Jepun boleh melangkah megah ke depan dengan budaya dan cara hidup yang mudah, kaya, selesa dan segar.

Teks berikutnya pula ialah satu pemikiran kontemporari yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad. Pada 28 Februari 1991, beliau telah membuat ucapan penting bertajuk 'Malaysia Langkah ke Hadapan' yang terdapat satu gagasan dikenali sebagai

'Wawasan 2020' dengan sembilan cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bermatlamat sama, yang berjiwa bebas, yang demokratik, yang bermoral, yang liberal, yang saintifik, yang penyayang, yang adil dan yang makmur!

Kini negara menghadapi tahun 2002, abad ke-21 dan diikuti dengan perancangan wawasan bagi tahun 2020. Wawasan 2020 ialah satu perancangan jangka panjang negara kita yang pada masa itu menjadi sebuah negara maju di rantau Asia ini. Malaysia menjadi seolah-olah 'loket emas' dikelilingi oleh sebuah rangkaian 'kalung emas' negara-negara seperti China, Jepun, Korea, Taiwan, Filipina, Brunei, Singapura, Indonesia, India, Sri Lanka, Myanmar, Thailand, Vietnam dan Kemboja.

Negara Malaysia masa depan akan dipenuhi dengan pelbagai pembangunan ekonomi dan perdagangan yang hebat di Asia dengan projek-projek EAEC. Negara industri baru, dasar pembangunan nasional, industri kecil dan sederhana, tiga segi utara dan tiga segi selatan dan sebagainya.

Malaysia dalam melangkah ke hadapan akan memeningkan bidang kependudukan, pembasmian kemiskinan, pendidikan dan latihan, pertumbuhan industri, ketahanan rakyat dan pertanian negara. Negara akan menghadapi pembangunan sumber manusia dan guna tenaga kerja yang lebih pesat lagi. Negara kita juga terlibat dalam penyelidikan dan perkembangan, sains dan teknologi, dan pembangunan sumber alam.

Dalam bidang pendidikan, negara akan mengadakan program prasekolah, pelajaran teknikal dan vokasional, pendidikan tidak formal dan institut belia usahawan. Di samping itu kerajaan mengadakan program pendidikan prasekolah, rendah, menengah, kolej, institut dan universiti. Kerajaan juga membawa dasar pintu terbuka untuk pendidikan swasta. Pada abad ke-21 ini, Malaysia dijangka menjadi pusat pendidikan yang termasyhur di rantau Asia.

Kerajaan juga akan membangunkan sektor belia negara dengan program-program perniagaan, pertanian dan

perkilangan. Di samping itu program-program perdagangan dan keusahawanan dipergiatkan lagi dari semasa ke semasa.

Dalam bidang sains dan teknologi, kerajaan akan menitikberatkan dalam kemajuan mesin automasi, bahan termaju, bioteknologi, elektronik dan teknologi maklumat. Manakala dalam bidang pertanian, kerajaan akan memesatkan komoditi untuk eksport, hortikultur untuk buah-buahan, pertanian dan akuakultur, ternakan dan ladang, dan bidang pemasaran.

Untuk menghadapi Wawasan 2020 itu, kerajaan memeningkan perubahan sikap dan sifat di kalangan rakyatnya. Dengan itu kerajaan telah memperuntukkan sebahagian besar wang negara untuk perubahan sikap rakyatnya menghadapi Wawasan 2020 itu.

Objektif-objektif pemikiran ini ialah supaya para peserta memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia dengan jelas; memperoleh teknik tentang pemikiran kreatif bagi manusia; menambahkan kesedaran bagaimana memperkembang dan mempergunakan kreativiti kepada diri orang lain; mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah analisis masalah dan pencarian-pencarian penyelesaian; dan mempelajari satu pendekatan sistematik mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan.

Pemikiran lateral sangat berguna bagi pembinaan idea baru, pembaharuan dalam perkembangan produksi dan sistem pemasaran, penyelesaian masalah dan pengambilan keputusan, mengkaji data daripada pelbagai sudut untuk mendapat maklumat yang berguna dan mencari jalan menyempitkan perbezaan pendapat di kalangan manusia dan konsep.

Dalam pemikiran lateral, de Bono menyarankan konsep 'topi' kepada enam jenis manusia. 'Si Topi Putih' yang hanya membentangkan fakta dan angka. 'Si Topi Merah' yang hanya mengeluarkan perasaan; 'Si Topi Hitam' yang melihat dunia serba hitam serta negatif; 'Si Topi Kuning'

yang melihat sesuatu melalui sikap dan sifat positif; 'Si Topi Hijau' yang kreatif; dan 'Si Topi Biru' yang mengawal dan mengetuai.

Dalam pemikiran lateral, yang pentingnya ialah peranan 'Si topi Hijau'. Ia selalu ingin mencari sesuatu yang baru, meninggalkan sesuatu yang lama dan konvensional. Pada diri seseorang manusia itu terdapat sifat-sifat yang positif dan negatif.

Seseorang pemikir lateral sentiasa mencari jalan yang lebih baik. Padanya semuanya 'bisa diatur'. Ia mahu 'tukar', 'pindah', 'ubah' dan 'lari' daripada kelaziman biasa dan yang lama. Pemikir lateral ialah seseorang yang inovatif, kreatif dan imaginatif.

Dalam pemikiran lateral tidak boleh ada istilah 'seperti dulu', 'tidak ada pilihan lain' dan 'ada masalah yang menghalang'. Semuanya serba boleh walaupun pada sesetengah hal dianggap 'luar biasa' dan 'tidak munasabah'. Yang pentingnya ialah kita perlu berfikir mencari jalan baru, tidak boleh sekali-kali menyatakan 'TINA' (*There is No Alternatives*). Dalam tulisannya, Edward de Bono membincangkan kepentingan pemikiran lateral, perbezaan pemikiran lateral dan pemikiran vertikal, pendekatan-pendekatan dan alat-alat pemikiran lateral. Satu pendekatan yang penting dalam pemikiran lateral ialah dengan menggunakan konsep 'PO' (*Provocative Operation*) yang diambil daripada perkataan-perkataan *hypothesis, suppose, possible*, dan *poetry*. Dalam penampilan idea-idea lateralnya, de Bono menyarankan beberapa rekaan yang menarik dalam penciptaan dalam kehidupan manusia.

Menurut de Bono, kita perlu 'lari' daripada kebiasaan untuk mencari sesuatu yang baru dan kreatif. Pemikiran lateral, katanya, boleh digunakan untuk menyelesaikan beberapa masalah hidup manusia secara peribadi atau kumpulan dalam pelbagai lapangan hidup seperti ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan kemanusiaan.

Dalam bukunya, *de Bono's Thinking Course*, dia telah membentangkan beberapa konsep tentang pemikiran la-

teral dalam bab-bab berikut: 'Thinking as a skill', 'The PMI', 'Alternatives', 'Other People', 'Emotion and Values', 'Making and Doing', 'Thinking and Doing', dan 'Deliberate Thinking'.

Dalam penyelesaian masalah (*problem solving*) dan pengambilan keputusan (*decision making*) pemikiran lateral mengikut Program Pemikiran CoRT (*Cognitive Research Trust*) yang mengandungi formula-formula yang dicadangkan oleh de Bono seperti yang berikut: 'PMI-Plus Minus Interesting'; 'APC - Alternatives, Possibilities and Choice'; 'CAF - Consider All Factors'; 'C & S - Consequences and Sequel'; 'EBS - Examine Both Sides'; 'ADI - Agreement Disagreement and Irrelevance'; 'OPV - Other People's View'; 'FIP - First Important Priority'; '4M Systems Values (Me; Values Mate, Values Moral, Values Mankind, Values; HV-High Values, LV-Low Values)'; 'AGO - Aims, Goals and Objectives'; 'TEC - Target and Task'; *Expand and Explore, Contract and Conclude*'; dan 'PISCO - Purpose Input Solutions Choice and Operation'.

Perlu disebutkan di sini bahawa kaedah-kaedah pemikiran lateral ini hanya untuk ilmu Aqli (*acquired knowledge*) di kalangan manusia untuk penyelesaian masalah sahaja dan tidak boleh digunakan untuk ilmu Naqli (*revealed knowledge*).

Buku-buku mutakhir karangan Edward de Bono ialah: *I am Right You Are Wrong* (1990); *Handbook for the Positive Revolution* (1991); *Six Action Shoes* (1991); *Serious Creativity* (1992); dan *Sur/petition* (1992). Dalam buku *I am Right You Are Wrong*, de Bono membincangkan bagaimana manusia sentiasa mendakwa diri bahawa "Aku yang betul awak salah." Pendapat seperti inilah yang menyebabkan manusia tidak mahu mengaku salah dan kehidupan sentiasa diancam oleh sikap dan sifat ego ini. Buku *Handbook for the Positive Revolution* pula ialah saranan de Bono bagi menangani sikap-sikap negatif dalam kehidupan manusia. Buku yang keseluruhannya berwarna kuning sebagai lambang positif ini membincangkan isi-isi seperti yang



berikut: '*Effectiveness and Action*'; '*Negative Revolutions*'; '*The Positive Revolution*'; '*The Principles*'; '*Methods*'; '*Symbols*'; '*Organisations*'; '*Spread*'; '*Education*'; '*Thinking*'; '*Power*' dan '*Sector of Society*'.

Jelas daripada isi-isi itu, de Bono membincangkan betapa kita dikongkong oleh revolusi yang negatif seperti peperangan dan bencana hidup yang dilakukan oleh manusia sendiri.

Oleh itu ia telah memberi lima prinsip positif mengikut lima jari di tapak tangan seperti yang berikut: 'Ibu Jari – Keberkesanan'; 'Jari Telunjuk – Membina'; 'Jari Tengah – Hormat'; 'Jari Manis – Pembaikan Diri'; 'Jari Kelengkeng – Sumbangan'. Dengan lima prinsip itu manusia akan bersikap positif ke arah satu cara hidup yang lebih sejahtera, selamat dan bahagia. Untuk melancarkan revolusi positif ini, de Bono menyarankan supaya pihak-pihak ini terlibat terus: wanita, warga tua, pemuda-pemudi, media, bisnes, seni, kesatuan pekerja, parti-parti politik dan kumpulan-kumpulan revolusi yang lain. Buku *Six Action Shoes* ditulis oleh Edward de Bono dalam perjalanannya dari London ke Auckland, New Zealand melalui Los Angeles. Tajuk kecil buku ini ialah '*A Brilliant New Way to Take Control of Any Business of Life Situation*' – satu cara cemerlang mengawasi sesuatu bisnes atau situasi hidup.

Kalau dulu de Bono menggunakan '*six thinking hats*' – enam topi pemikiran, maka kali ini dia menggunakan '*six actions shoes*' – enam kasut tindakan (hlm. 76). Kalau dulu ada enam cara berfikir maka kali ini pula ada enam cara bertindak. Tindakan 1: Tindakan kasut biru laut *navy* – secara formal, biasa, mudah, ringkas seperti rutin. Tindakan 2: Tindakan kasut kelabu – secara kajian, penyelidikan, cari bukti, maklumat dan idea baru. Tindakan 3: Tindakan kasut perang – secara nyata, praktikal, biasa, lasak, tidak formal, fleksibel dan berkesan. Tindakan 4: Tindakan kasut oren – secara bahaya, amaran, ancaman, kecemasan, tindakan segera, keberanian, risiko dan krisis. Tindakan 5: Tindakan kasut merah jambu – secara penuh mesra, kasih sayang,

lemah lembut, penyayang, prihatin, perikemanusiaan dan keikhlasan. Tindakan 6: Tindakan kasut tunggangan ungu – secara kuasa, kepimpinan, rasmi dan bertanggungjawab.

Dalam buku *Serious Creativity*, Edward de Bono mengharapkan perbincangan kepada tiga bahagian seperti yang berikut: Bahagian I: *The Need for Creative Thinking* – iaitu betapa perlunya pemikiran kreatif dalam penyelesaian masalah dan pengambilan keputusan. Dijelaskan juga betapa pemikiran lateral menjadi sumber-sumber kreativiti dan kegunaan-kegunaan pemikiran kreatif. Bahagian II: *Lateral Thinking Tools and Techniques* – iaitu membincangkan tentang *six thinking hats*, pilihan-pilihan, provokasi-provokasi dan teknik-teknik pemikiran lateral. Bahagian III: *The Application of Creative Thinking* – yakni membicarakan tentang cara-cara mengaplikasikan senarai kreativiti dalam penyelesaian masalah. Dijelaskan juga tentang tanggungjawab, latihan, format dan penilaian pemikiran kreatif.

Buku terbaru Edward de Bono ialah *Sur/petition* yang membawa judul kecil *Going Beyond Competition dan 'Creating Value Monopolies When Everyone Else is Merely Competing'*. Dalam dunia bisnes yang mencabar hari ini, de Bono telah memberi petua-petua yang cemerlang. Padinya, *Competition is for survival Sur/petition is for success*.

Ini bererti dalam dunia bisnes, saingan hanya untuk mempertahankan kedudukan, tetapi untuk kejayaan sesuatu bisnes, de Bono menyarankan supaya kita miliki *sur/petition* iaitu istilah rekaannya sendiri yang bermakna *going beyond competition* – melangkah jauh melampaui saingan.

Dalam buku ini, de Bono mencuba meletakkan nilai-nilai dan konsep-konsep baru dalam bisnes untuk mendapat kejayaan dan kecemerlangan. Untuk bisnes yang berjaya, de Bono mencadangkan 4C iaitu *Competence* – yang membawa kepada kualiti, keberkesanan, kecekapan dan pencapaian matlamat. *Control* – yang mengawal perbelanjaan, strategi dan pengetahuan tentang sesuatu yang sedang berlaku. *Care* – sikap penyayang kepada pekerja

dan penyayang kepada pelanggan dan kemanusiaan sejagat. *Creativity* – yang menjadi jiwa kepada bisnes dan menjadi nilai baik kepada dunia perniagaan.

Selepas meneliti betapa hebatnya kemahiran pemikiran logik yang perlu kita miliki, terdapat satu lagi jenis kemahiran yang perlu dimiliki iaitu kemahiran pemikiran lateral seperti yang dibincangkan di atas tadi. Kemahiran yang pertama itu ialah kemahiran sains dan teknologi, manakala kemahiran kedua ini ialah kemahiran seni dan kreativiti. Dengan kedua-dua kemahiran ini kita menjadi 'saintis' sekali gus menjadi 'seniman', selepas memiliki dua kemahiran yang lalu iaitu kemahiran pemikiran luhur untuk menjadi manusia 'soleh' dan kemahiran pemikiran lahir untuk menjadi 'sarjana'.

Demikianlah kita mengemukakan sebuah teori kemahiran pemikiran bagi seluruh bangsa Melayu sebagai mengukuh dan memantapkan paradigma pemikiran Melayu. Jelas bahawa teori pengukuhan paradigma pemikiran Melayu menghendaki kita memiliki empat kemahiran untuk dihayati dan diamalkan secara bersepadu untuk melahirkan rakyat Malaysia terunggul, terulung dan bertaraf dunia, bagi menghadapi zaman alaf baru.

Berikut ini dijelaskan lagi aspek-aspek yang telah mencemerlangkan dan menggemilangkan paradigma pemikiran Melayu iaitu aspek-aspek moral, akhlak atau etika rakyat Malaysia.

### Amalan Akhlak Sebagai Cara Hidup Berperikemanusiaan

Selepas kita meneliti aspek-aspek pendidikan sebagai asas kemantapan bangsa dan pembangunan pemikiran sebagai landasan keagungan bangsa, maka sekarang kita teliti pula bagaimana amalan akhlak sebagai cara hidup berperikemanusiaan mampu membantu kehebatan paradigma pemikiran Melayu yang kita agung-agungkan.

Selepas kita dididik supaya kaya dengan minda, harta dan benda, hati dan budi, dan kita diminta mempertingkatkan kemahiran pemikiran supaya menjadi manusia yang soleh, sarjana, saintis dan seniman, maka sekarang kita diminta pula supaya mengawal, bertindak, melakukan, membuat sesuatu yang penuh dengan unsur-unsur kemanusiaan. Amalan, tindakan perlakuan dan perbuatan yang baik diistilahkan sebagai moraliti, akhlak atau etika. Akhlak atau etika bagi orang Melayu boleh juga dirujuk kepada tiga sumber-sumber kepercayaan dan agama, sumber etika Barat dan sumber etika nilai-nilai murni Malaysia.

Sumber etika kepercayaan dan agama terdapat dalam kepercayaan dan agama-agama di Malaysia. Dalam al-Dinul Islam terdapat banyak aspek akhlak dalam al-Quran dan hadis. Dalam al-Quran terdapat sebanyak 30 juzuk, 114 surah dan 6236 ayat yang membicarakan pelbagai aspek kehidupan manusia. Falsafah, pendidikan, pemikiran, akhlak, politik, ekonomi, sains dan teknologi, seni dan kreativiti, dan lain-lain.

Surah-surah dalam al-Quran banyak membicarakan tentang cara hidup beretika. Dalam surah *al-Fatihah* (1) terdapat ayat-ayat memuji kebesaran Allah, pengakuan kekuasaan Allah, penyembahan kepada Allah dan permohonan pertolongan daripada Allah, petunjuk jalan yang lurus daripada Allah, perbandingan dengan manusia lalu yang sesat dan dimurkai, dan permohonan limpahan permakbulan doa.

Surah pertama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. – surah *Iqra* (96) menitikberatkan kepada ilmu pengetahuan iaitu seruan membaca dan manifestasi kejadian manusia daripada segumpal darah secara empirikal dan saintifik. Selanjutnya Allah menyeru supaya manusia menulis dan berkomunikasi dengan kalam dan hari ini manusia berjaya dalam teknologi maklumat yang serba canggih.

Surah *at-Tin* (95), surah *al-Falaq* (113), surah *al-Maun* (107), surah *al-Quraisy* (106), membicarakan tentang

kejadian manusia dan sifat-sifatnya. Surah *al-Lahab* (111) dan surah *al-Fiil* (105) membicarakan tentang sifat-sifat kejahatan manusia.

Surah *al-Asr* (103); jelas mengajak manusia supaya menjaga atau menguruskan masa *time-management* dengan bijaksana. Kalau tidak, manusia mengalami kerugian yang besar dalam hidupnya. Dalam surah *Alam Nasyrah* (94), Allah menjelaskan kepada manusia bahawa dalam sesuatu kesusahan itu ada penyelesaiannya – “*When there is a problem, there is always a solution.*” Surah ini amat baik menjadi pedoman kepada manusia dalam bidang pengurusan *problem-solving*, *decision-making* dan *art of negotiation*.

Terdapat juga ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang nasib dan destini manusia yang sesuai dengan gagasan pemikiran Melayu. Sebagai contoh, terdapat ayat 11 dalam surah *al-Rad*, ayat 33 dalam surah *ar-Rahman* dan ayat 77 dalam surah *al-Qisas* yang membicarakan tentang nasib manusia. Ayat pertama bermaksud bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, melainkan kaum itu sendirilah yang mengubahnya; ayat kedua bermaksud kalau manusia ingin mengubah nasibnya, maka mereka mesti mempertingkatkan sains dan teknologinya; dan ayat ketiga bermaksud manusia perlu menitikberatkan nasib mereka di dunia dan di akhirat, yakni tidak melupai nasib mereka di dunia ini.

Islam menggariskan ciri-ciri seorang Muslim yang unggul sebagai teras akhlaknya. Ciri-ciri ini dijelaskan oleh Muhammad Ali al-Hashimi dalam bukunya yang berjudul *The Ideal Muslim; The True Islamic Personality as Defined in the Quran and Sunnah*. Ciri-cirinya ialah bagaimana seseorang Muslim berhubung dengan Allah dan manusia di sekelilingnya. Buku ini membicarakan hubungan seorang Muslim dan Tuhannya, dirinya, ibu bapanya, suami atau isterinya, adik-beradiknya, jiran tetangganya, kawan rakannya dan ahli masyarakatnya, termasuk yang bukan Islam. Agama-agama lain seperti Kristian, Buddha

dan Hindu juga mempunyai ajaran moralitinya yang tersendiri melalui suruhan-suruhan dan larangan-larangan seperti yang terdapat dalam kitab-kitab agama masing-masing. Dalam ajaran-ajaran itu terdapat ciri-ciri seseorang Kristian yang baik, seorang Buddha yang baik dan seorang Hindu yang baik.

Daripada empat kepercayaan dan agama iaitu al-Dinul Islam, agama Kristian, kepercayaan Buddha dan agama Hindu, terdapat empat suruhan dan larangan bagi setiap umatnya iaitu supaya tidak terlibat dalam perjudian, tidak meminum arak, tidak berzina, dan tidak berlaku zalim. Setiap kepercayaan dan agama menyuruh dan melarang sesuatu kerana ada sebab-musabab dan kesan akibatnya. Perjudian boleh menyebabkan keruntuhan ekonomi rumah tangga yang boleh merosakkan institusi keluarga; minum arak membawa kesan kerosakan akal dan pemikiran yang boleh menjejaskan kehidupan, perbuatan zina boleh merosakkan zuriat yang mengakibatkan keruntuhan keturunan dan warisan, dan perbuatan zalim boleh merosakkan hubungan manusia dan kemanusiaan.

Jika setiap penganut empat kepercayaan dan agama di Malaysia ini memenuhi empat suruhan dan larangan agama masing-masing, maka akan berjayalah wawasan paradigma pemikiran Melayu yang dimartabatkan ini.

Pihak Barat mempunyai falsafah dan teorinya sendiri tentang moraliti atau etika. Sejak zaman Greek lagi hingga ke hari ini mereka memperkatakan falsafah etika dari sudut *right or wrong* dan *good or bad* – betul atau salah dan baik atau buruk sesuatu tingkah laku manusia itu. Terdapat dua teori penting yang dilahirkan oleh tokoh-tokoh etika Barat.

Teori yang pertama ialah Teori Deontologikal yang mementingkan baik buruk proses sesuatu perbuatan atau perlakuan. Teori yang dipanggil juga *act-oriented* atau *non-consequentialist* ini dibawa oleh pemikir-pemikir etika seperti Immanuel Kant, Lawrence Kohlberg, Carol Gilligan dan Abraham Maslow.

Teori etika Barat yang kedua ialah Teori Teleologikal

yang menitikberatkan kepada kesan dan akibat sesuatu perbuatan atau perlakuan. Teori yang dipanggil juga *result-oriented* atau *consequentialist* ini dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Jeremy Bentham dan John Stuart Mill.

Kedua-dua teori ini dipecah-pecahkan kepada beberapa aliran yang berlainan oleh tokoh-tokoh yang lain pula. Teori-teori dan aliran-aliran etika Barat boleh dijadikan panduan dan perbandingan dengan suruhan dan larangan daripada empat kepercayaan dan agama yang dianuti oleh rakyat Malaysia.

Kerajaan Malaysia sendiri mempunyai kod nilai-nilai murni etika yang terkandung dalam Tonggak Dua Belas yang diterapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia. Dua belas tonggak itu ialah: menghargai masa, ketekunan membawa kejayaan, keseronokan bekerja, kemuliaan, kesederhanaan, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, pengaruh teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemat, keutamaan kesabaran, peningkatan bakat dan nikmat mencipta.

Demikianlah kita meneliti betapa aspek-aspek akhlak moral dan etika ini boleh membantu ke arah pementapan paradigma pemikiran Melayu kita di samping kemahiran-kemahiran pemikiran dan kecemerlangan pendidikan yang dibincangkan di atas tadi.

## Kesimpulan

Dalam paradigma pemikiran Melayu terdapat empat aspek penting iaitu pertama: satu proses evolusi kemerdekaan 44 tahun; kedua: kejayaan permuafakatan empat kategori kaum: Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi; ketiga: gambaran cara hidup yang harmoni; dan keempat: mengamalkan sistem demokrasi dengan amalan-amalan positif dan penolakan unsur-unsur negatif.

Melalui empat aspek itu diharapkan pula agar orang Melayu berjaya menuju ke alaf baru dengan empat inspirasi dan aspirasi: 'Malaysia Boleh', 'Keceriaan Hidup', 'Kesejah-

teraan Rakyat' dan 'Wawasan Masa Depan'.

Untuk memenuhi cita-cita paradigma pemikiran Melayu, makalah ini telah mengemukakan kerangka teori dalam empat aspek: pertama: *Cabaran Zaman Globalisasi*, kedua: *Pendidikan Sebagai Asas Kemantapan Bangsa*, ketiga: *Pemikiran Sebagai Landasan Keagungan Bangsa* dan keempat *Perlakuan Akhlak Sebagai Cara Hidup Berperikemanusiaan*.

Dalam bahagian *cabaran* dinyatakan bahawa perubahan dunia yang semakin rancak dan tindakan Malaysia menghadapi cabaran tersebut. Dalam bahagian *pendidikan* diterangkan betapa pendidikan penting dalam tiga aspek – minda, rohani dan jasmani dalam pembinaan sahsiah rakyat. Manakala dalam bahagian *pemikiran* dijelaskan betapa orang Melayu perlu memiliki empat kemahiran – luhur, lahir, logik dan lateral secara bersepadu. Dan dalam bahagian *Perlakuan Akhlak* dinyatakan betapa orang Melayu perlu mengamalkan akhlak merujuk etika Barat dan menghayati nilai-nilai murni Malaysia.

Seterusnya dikemukakan formula-formula bagi kesejahteraan rakyat Malaysia. Bagi memenuhi cita-cita kehebatan minda dan rohani rakyat Malaysia, perlulah diadakan Formula BMW: BACA, MASA dan WANG. BACA seruan Tuhan supaya manusia berilmu, amanah, ceria dan aktif – Formula ini amat sesuai dengan seruan IQRA – Islam, al-Quran, Rasul dan Akal. Formula MASA ialah sesuai dengan surah *al-Asr* yang menyeru manusia supaya menguruskan masa dengan betul. MASA mengandungi kesempurnaan manusia, penggunaan alatan sains dan teknologi, perubahan sikap dan penerokaan alam untuk pembangunan sumber semula jadi. WANG membawa maksud kekayaan harta dan benda atau keteguhan ekonomi yang merangkumi kehebatan wawasan, ketinggian aspirasi, ketebalan nasionalisme dan keagungan gagasan.

Selain itu, hari kini kita berdepan dengan satu ilmu baru iaitu Ilmu Futuristik atau ilmu Wawasan. Ilmu ini



mempunyai teori, kaedah dan penyelidikan untuk meramalkan masa depan yang akan berlaku kepada dunia, manusia dan alamnya. Banyak buku yang dihasilkan untuk ramalan dan wawasan masa depan. Buku-buku tersebut ialah seperti: *Future Shock*, *Power Shift* dan *The Third Wave* oleh Alvin Toffler, *The End of History* oleh Francis Fukuyama, *Head to Head: The Coming Economic Battle Japan, Europe and America* oleh Lester Thwor; *Megatrends, Global Paradox Megatrend Asia* dan *High Tech High Touch* oleh John Naisbitt, *Islam and the Challenge of the 21st Century* oleh Seyyed Hossien Nasr; *The Closing of the American Mind* oleh Bloom, *The Japan that Can Say No* oleh Shintaro Ishihara.

Dengan kehebatan Malaysia hari ini yang dipenuhi dengan projek MSC, Putrajaya, Cyberjaya, KLCC, KLIA, SIC dengan sains dan teknologi tinggi terancang dan terkini dengan *e-mail*, *e-commerce*, *e-access*, kita meramalkan bahawa suatu hari nanti akan lahir sebuah negara Malaysia dengan formula Malaysia sebagai sebuah citra antara warisan dan wawasan. Hari ini Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad menulis buku ilmu futuristiknya bertajuk *A New Deal for Asia*. Dengan buku satu gagasan besar ini, menjadi bukti bahawa kita ialah bangsa besar dan bangsa gagah yang tidak bisa tunduk kepada sebarang kuasa luar yang boleh diberi gelaran yang gagah. *The Malaysia That Will Never Say 'Yes!'* sebarangan!

Semoga dan sesungguhnya dengan paradigma pemikiran Melayu ini, bangsa kita Melayu selamat sejahtera dalam dakapan dan pelukan damai, aman, makmur, sentosa.

Dengan ini, kita akan mendapat rasa ceria 'hasanah' – kesejahteraan di dunia dan di akhirat, sesuai doa kita saban hari: "Ya Allah, berilah kesejahteraan kepada kami di dunia dan kesejahteraan kepada kami di akhirat ..."

Dalam mengejar cita-cita dan usaha-usaha memantapkan 'Paradigma Pemikiran dalam Epistemologi Melayu' ini, kita membuat rumusan dan kesimpulan dengan beberapa 'K' seperti dalam pesanan dan wasiat orang tua-tua:

“Jangan jadi ayam kelaparan di kepek padi. Jangan jadi itik kehausan di kolam. Jangan jadi nasib kerbau yang teruk-teruk di bendang, tetapi kucing makan mewah di rumah. Jangan tanam kelapa condong, perduknya kita bubuh baja, tetapi buahnya jatuh dimakan orang. Jangan kail sejengkal, lautan hendak diduga. Kita hidup ibarat macam kupas bawang, sekali-sekala menitis juga air mata. Apabila kemiskinan mengetuk pintu, kasih sayang lari keluar ikut tingkap.”

Marilah kita bersama-sama memantapkan paradigma pemikiran Melayu, untuk memperkasakan kemanusiaan, untuk mencemerlangkan keilmuan, untuk memperhebatkan keinsanan, untuk menggemilangkan kesarjanaan, untuk memperkayakan kebangsaan, untuk menyemarakkan kenegaraan, untuk meluhurkan keimanan dan untuk menegaskan ketauhidan!

### Bibliografi

- Al-Quran dan Terjemahannya*. 1979. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Fawzi Basri, Abdul Halim Ahmad dan Abdul Rahman Azizi; *Isu-Isu Perpaduan Nasional: Cabaran, Pencapaian dan Masa Depan*. Jitra, SPS, Universiti Utara Malaysia, 1987.
- Barker, Joel Arthur, *Futher Edge: Discovering the New Paradigms of Success*. New York: W.
- Bloom, Allan David, 1987. *The Closing of the American Mind*. New York: Simon & Schuster.
- Bounds, Gregory M. *et al.*, 1993. *Paradigms: The Business of Discovering the Future*. New York: Harper.
- Copi, Irving M., 1986. *Introduction to Logic*. London: MacMillan.
- Covey, Stephen R., 1989. *The 7 Habits of Highly Effective People*. London: Simon & Schuster.
- Covey, Stephen R., 1997. *The 7 Habits of Highly Effective People*. London: Simon & Schuster.
- de Bono, Edward, 1993. *Handbook for Possitive Revolution*. New York: Viking Penguin.

- de Bono, Edward, 1993. *Serious Creativity*. New York: Harper Business.
- Dessler, Gary, 1998. *Management: Leading People and Organisations in the 21st Century*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fathy Yakan, 1991. *What is the Meaning of My Affiliation with Islam?* Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Gardner, Howard, 1984. *Frames of Mind: Theory of Multiple Intelligences*. London: Heinemann.
- Ghazali Basri, 1994. *Kristian Sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Joshi, L. M., 1990. *Dharma in Academia: The Way to Nirwana According to the Dharmapada*. Penang: Unique Printing System Sdn. Bhd.
- Masanori Moritani, 1982. *Japanese Technology*. Tokyo: Simul Press.
- Michael Gacker dan Robert Barden, 1987. *Technology in Your World*. New York: Delmar.
- Muhammad Abd. Rauf, 1991. *The Muslim Mind: Foundation and Early Manifestation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ali al-Hashimi, 1997. *The Ideal Muslim: the True Islamic Personality as Defined in the Quran and Sunnah*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Mukerjea, Dilip, 1997. *Brainfinity*. Singapore: Oxford University Press.
- Naisbitt, John, 1997. *Megatrend Asia*. Petaling Jaya: Prentice Hall, Malaysia.
- Osman Bakar, 1992. *Classification of Knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: IPR.
- Phara Alam Nyanavajiro, 1986. *Buddhism in Theory and Practice*. Penang: Unique Printing System Sdn. Bhd.
- Rafik Isa Beekum, 1998. *Etika Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought, Malaysia.
- Reader's Digest, 1995. *Illustrated Dictionary of Essential Knowledge*. London: The Reader's Digest Association Ltd.
- Ruggiero, Vincent Ryan, 1988. *The Art of Thinking: A Guide to Critical and Creative Thought*. New York: Harper & Ros.
- Schwartz, David Joseph, 1984. *The Magic of Thinking Big*. Northamptonshire: Thorsons.
- Seyyed Hossein Nasr, 1997. *Islam and the Challenge of the 21st*

- Century*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Muhammad Ali dan Muhammad Uthman El-Muhammady, 1977. *Islam dan Modernisma*. Kuala Lumpur: ABIM.
- White, Thomas I., 1992. *Right and Wrong: A Brief Guide to Understanding Ethics*. Singapore: Prentice Hall.
- Willis, Hulong, 1975. *Logic, Language and Composition*. Cambridge: Winthrop Publisher.
- Wonder, Jacquelyn, 1992. *Whole-brain Thinking: Working Both Sides of the Brain to Achieve Peak Job Performance*. New York: William Moorow.

# PEMIKIRAN BERUPA NILAI BUDAYA DALAM PERIBAHASA MELAYU: KAJIAN KES MELAYU-SERDANG



AHMAD SAMIN SIREGAR

## Pendahuluan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang paling efektif. melalui bahasa, manusia menyampaikan fikiran, mengungkapkan keinginan, dan mencurahkan perasaannya. Begitu jugalah dengan bahasa Melayu bagi masyarakat Melayu. Bahasa Melayu dipergunakan sebagai alat komunikasi, baik lisan mahupun tulisan, oleh masyarakat Melayu di Provinsi Sumatera Utara. Bahasa Melayu, sama dengan bahasa-bahasa lainnya yang ada di Nusantara, dipergunakan sebagai pengawet kebudayaannya. Untuk itu, bahasa Melayu masih dipergunakan sebagai alat untuk mengkomunikasikan unsur-unsur kebudayaan. Hal itu terbukti daripada upacara adat istiadat yang masih tetap melestarikan dan mempergunakan bahasa Melayu di tengah-tengah masyarakat Melayu.

Bahasa Melayu dalam pemakaian sehari-hari, sama dengan bahasa etnik lainnya di Nusantara, mengalami penurunan frekuensi apabila dilihat melalui jumlah kosa kata yang

muncul, terutama kosa kata baru yang merupakan gambaran budaya baru. Dengan kata lain, produk budaya itu sebelumnya tidak dikenali dan tidak ada di lingkungan budaya Melayu. Kosa kata baru bagi masyarakat Melayu di Provinsi Sumatera Utara cenderung diserap melalui bahasa Indonesia, yang sebenarnya juga merupakan bahasa Melayu. Bahasa Indonesia sendiri menyerap kosa kata baru itu daripada bahasa asing lainnya. Lalu sebahagian besar lafal kosa kata baru itu, yang memang "agak asing" bagi telinga Melayu, disesuaikan dengan lingkungan fonetik bahasa Melayu.

Salah satu unsur bahasa yang cenderung baku dan beku, baik dari segi struktur mahupun maknanya, adalah yang disebut dengan *peribahasa*. Memang secara universal unsur bahasa ini (peribahasa) dimiliki oleh bahasa-bahasa yang ada di dunia dengan bentuk-bentuk yang baku dan beku. Unsur bahasa ini dalam erti yang luas selalu juga disebut sebagai *idiom*. Unsur bahasa ini diwariskan secara turun-temurun dengan struktur dan makna yang sama dan tetap, meskipun sebahagian maknanya tidak sesuai lagi bagi budaya pada masa tertentu. Umpamanya, peribahasa yang berbunyi; *sedikit demi sedikit, lama-lama menjadi bukit* dan juga, *biar lambat asal selamat*. Kedua peribahasa ini mengandungi prinsip yang dianut manusia Melayu/Indonesia zaman dahulu ketika mahu menabung wang dan ingin bertindak atau berbuat sesuatu. Namun, manusia Melayu/Indonesia zaman sekarang ini sudah beralih ke prinsip yang lebih cepat dengan mempertimbangkan bahawa nilai ekonomi wang yang ditabung ini lama-kelamaan akan berkurang dan tidak mempunyai nilai yang tinggi lagi. Oleh sebab itu, budaya moden Melayu/Indonesia sekarang ini menuntut prinsip *lebih cepat tanggap dan lebih tepat bertindak* dalam meraih sesuatu. Ertinya, masyarakat Melayu/Indonesia moden tidak lagi berprinsip; *biar lambat asal selamat*, tetapi sudah berprinsip; *cepat, tetapi selamat*.

Pemikiran berupa nilai budaya ialah suatu ungkapan perasaan masyarakat pemakai bahasa yang bersangkutan.

Nilai budaya ini berkembang dan terus dijaga kelestariannya oleh masyarakat tersebut. Budaya dapat difahami sebagai hasil kegiatan manusia dalam hubungannya dengan kehidupan, karya, waktu, alam, dan manusia itu sendiri. Nilai budaya dalam tulisan ini difahami sebagai hasil aktiviti manusia yang digambarkan melalui peribahasa. Pengungkapan peribahasa ini menjadi pedoman dalam bertingkah laku saat orang Melayu/Indonesia mahu melaksanakan kegiatan yang berhubungan dengan unsur-unsur budaya (kehidupan, karya, waktu, alam dan manusia). Hasil aktiviti manusia tersebut yang ditelusuri dalam peribahasa dengan melihat segi nilai-nilai budaya dapat menggambarkan aktiviti manusia berupa anjuran atau larangan dan pedoman untuk bertindak yang patut dipertahankan kerana bermanfaat positif dalam menentukan sikap hidup. Nilai yang baik seperti ini, perlu terus dijadikan pedoman dalam bertingkah laku. Kemudian ada juga peribahasa yang nilainya sudah pudar dan buruk sebab tidak baik dilakukan pada situasi tertentu. Nilai yang buruk seperti ini, tidak perlu dijadikan pedoman dalam bertingkah laku. Di samping itu, ada pula peribahasa yang mengandungi nilai yang neutral atau nilai yang generik. Nilai budaya ini merupakan kejadian atau peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia secara umum.

### Bahasa dan Peribahasa Melayu-Serdang

Bahasa Melayu-Serdang ialah salah satu dialek bahasa Melayu yang ada di Provinsi Sumatera Utara. Umumnya, ada sepuluh bahasa di Provinsi Sumatera Utara iaitu: (1) bahasa Batak-Toba, (2) bahasa Angkola-Mandailing, (3) bahasa Simalungun, (4) bahasa Karo, (5) bahasa Pakpak/Dairi, (6) bahasa Melayu, (7) bahasa Nias, (8) bahasa Pesisir/Sibolga, (9) bahasa Ulu, dan (10) bahasa Lubu. Bahasa Melayu yang ada di Provinsi Sumatera Utara juga terdapat beberapa dialek seperti bahasa Melayu-Langkat, bahasa Melayu-Asahan, bahasa Melayu-Labuhan Batu,

bahasa Melayu-Deli, bahasa Melayu-Tanjung Balai, yang salah satu antaranya ialah bahasa Melayu-Serdang. Penamaan dialek bahasa Melayu ini umumnya berdasarkan nama daerah (geografi), dan bukan berdasarkan ciri bahasa itu sendiri (geneologis). Manakala daerah pemakaian bahasa Melayu-Serdang ini meliputi daerah Kabupaten Deli Serdang di lingkungan Provinsi Sumatera Utara dengan jumlah pemakainya lebih kurang 1.5 juta orang.

Peribahasa merupakan kalimat atau kelompok perkataan yang tetap susunannya dan biasanya mengiaskan suatu maksud tertentu. Termasuk dalam peribahasa ini ialah bidalan, dan perumpamaan. (Poerwadarminta, 1976:738). Ada juga yang mengatakan bahawa peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidalan, pepatah. (*Kamus Dewan*, 1994:1018) Pendapat lainnya seperti peribahasa merupakan: (1) kelompok kata atau kalimat yang tetap susunannya dan biasanya mengiaskan maksud tertentu dalam peribahasa ini termasuk juga bidalan, ungkapan, dan perumpamaan; (2) ungkapan atau kalimat-kalimat ringkas padat yang berisi perbandingan, perumpamaan, nasihat, prinsip hidup atau aturan tingkah laku. (Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995:754). Dari segi struktur, sememangnya peribahasa berupa kalimat atau kelompok kata. Sedangkan dari segi isinya, peribahasa merupakan nasihat atau aturan tingkah laku yang memiliki nilai untuk dijadikan pedoman atau dihindari manusia. Tingkah laku manusia seperti ini mempunyai aturan dan menyangkut juga larangan-larangan. Tingkah laku manusia ini pula menggambarkan hubungan antara manusia dengan manusia (M-M), manusia dengan hidup (M-H), manusia dengan karya (M-K), manusia dengan waktu (M-W), dan manusia dengan alam (M-A). Kalau dilihat dari hubungan makna, peribahasa mengungkapkan masalah perbandingan, perumpamaan, dan prinsip hidup. Jadi, peribahasa di sini dipergunakan untuk



menyatakan suatu maksud atau informasi daripada hasil aktiviti manusia dengan nilai budaya yang baik, buruk, atau neutral. Nilai budaya yang baik cenderung untuk dijadikan pedoman dan kemudian dipatuhi oleh masyarakatnya. Sedangkan nilai budaya yang buruk cenderung dijadikan contoh atau umpama untuk tidak dijadikan pedoman serta dapat dipergunakan untuk berjaga-jaga supaya jangan sampai masyarakat Melayu/Indonesia terjerumus ke dalam kegiatan yang buruk seperti itu. Lalu nilai budaya yang neutral hanya dipakai untuk mengetahui dan mengenal setiap kegiatan manusia yang umum serta biasa berlaku di mana-mana dan sepanjang masa.

Peribahasa Melayu/Indonesia merupakan unsur bahasa yang dapat menggambarkan budaya masyarakat Melayu/Indonesia pada zamannya. Peribahasa Melayu/Indonesia ini memiliki nilai yang sebahagian besar menjadi pedoman atau larangan dalam aktiviti berbudaya masyarakat Melayu/Indonesia. Unsur ini dapat berlaku sepanjang zaman kerana diturunkan serta diawetkan. Demikian jugalah halnya dengan peribahasa yang dikenal oleh masyarakat Melayu-Serdang. Peribahasa; *seperti ayam mati kelaparan di atas tumpukan padi*, umpamanya, merupakan gambaran nilai budaya masyarakat Melayu/Indonesia yang dijajah tidak dapat menikmati hasil kesuburan tanah negerinya yang berlimpah kerana hanya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat penjajah ketika itu. Keadaan tersebut sudah tidak berlaku lagi bagi masyarakat Melayu/Indonesia pada zaman moden ini. Dengan kata lain, masyarakat Melayu/Indonesia sekarang ini sudah dapat memanfaatkan dan menikmati dengan sepuas-puasnya hasil kesuburan tanah yang ada di bumi pertiwi ini tanpa mempedulikan dan memberi kesempatan lagi kepada bangsa asing lainnya untuk menjajah kembali. Hal ini merupakan hak asasi setiap warga masyarakat Melayu/Indonesia untuk dapat memanfaatkan dan menikmati hasil bumi pertiwi tersebut.

Dengan pertimbangan dari segi budaya, masyarakat Melayu/Indonesia ialah masyarakat agraris. Hal itu dapat

dibuktikan melalui kosa kata peribahasa di atas yang mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu/Indonesia pada waktu itu. Kosa kata itu ialah kata *padi* dan *ayam*. Kedua kata ini dipergunakan tentunya adalah untuk merujuk masyarakat agraris tersebut. Demikian juga unsur-unsur budaya lainnya yang membentuk peribahasa tersebut. Peribahasa Melayu-Serdang ini mencerminkan nilai budaya yang terus dipertahankan dan dilestarikan oleh masyarakat Melayu-Serdang khususnya, dan dalam masyarakat Melayu/Indonesia amnya.

### Pemikiran Berupa Nilai Budaya dalam Peribahasa Melayu-Serdang

Pemikiran berupa nilai budaya dalam peribahasa Melayu-Serdang ini dikelompokkan melalui tiga parameter iaitu: (1) peribahasa yang dipedomani, (2) peribahasa yang tidak dipedomani, dan (3) peribahasa yang neutral. Kemudian sebanyak 35 peribahasa Melayu-Serdang dijadikan bahan bahasan untuk tulisan ini. Pemilihan ke-35 peribahasa ini dilakukan rawak dan diasingkan mengikut hubungan M-M, M-H, M-K, M-W, dan M-A. Daripada ke-35 peribahasa Melayu-Serdang tersebut terdapat lapan peribahasa yang dijadikan pedoman (kelompok 1), 12 peribahasa yang tidak dipedomani (kelompok 2), dan 15 peribahasa yang neutral (kelompok 3).

#### (i) Pemikiran Berupa Nilai Budaya dalam Peribahasa yang Dijadikan Pedoman

Pemikiran berupa nilai budaya dalam peribahasa Melayu-Serdang yang dijadikan pedoman dapat diasingkan ke dalam hubungan M-M, M-H, M-K dan M-W. Umumnya, peribahasa seperti ini mengandungi nasihat dan bernilai baik sehingga selalu dijadikan pedoman dalam kehidupan sehari-hari oleh masyarakat Melayu-Serdang. Keempat-empat hubungan ini terlihat dengan

jelas dalam beberapa peribahasa Melayu-Serdang.

Hubungan M-M pada peribahasa Melayu-Serdang menyangkut hubungan antara manusia yang dapat dijadikan pedoman sebagai sesuatu yang bernilai baik. Peribahasa ini menyangkut hubungan antara sesama manusia dalam bentuk perbandingan tokoh cerita dengan tingkah laku manusia/binatang/peristiwa. Contoh:

- (1) *Seperti gula dengan semut*  
'selalu bersama: pasangan serasi'
- (2) *Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh*  
'saling membantu dan bersatu'

Kedua-dua peribahasa Melayu-Serdang di atas menunjukkan hubungan M-M, hubungan antara sesama manusia. Peribahasa Melayu-Serdang (1) merupakan peribahasa yang mengacu kepada pasangan yang serasi antara seorang laki-laki dengan seorang perempuan. Peribahasa Melayu-Serdang (2) mengacu kepada kesatuan dan persatuan baik dalam keluarga, etnik, mahupun bangsa. Hal inilah yang dapat menjalin kesatuan yang kukuh dan tidak dapat diceraiberaikan oleh kekuatan apa pun yang mencuba mengusiknya.

Peribahasa Melayu-Serdang yang dapat dijadikan pedoman dan bernilai baik menyangkut hubungan antara manusia dengan hidup (M-H), dapat dilihat melalui contoh peribahasa Melayu-Serdang yang berikut:

- (3) *Lain padang, lain belalang.*  
'lain daerah lain kebiasaan/adat; menyesuaikan diri dengan lingkungannya'
- (4) *Sekali mendayung, dua tiga pulau terlampaui.*  
'sekali bekerja mendapat keuntungan yang berganda'

Peribahasa Melayu-Serdang (3) cenderung dituju-

kan kepada orang yang baru pindah atau menempati daerah baru sehingga dia harus dapat menyesuaikan dirinya dengan lingkungan sekitarnya. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (4) merupakan peribahasa yang mengacu kepada orang yang mahu bekerja keras sehingga memperoleh keberhasilan bahkan melampaui yang diinginkan ataupun dicita-citakannya.

Hubungan antara manusia dengan karya (M-K), dalam peribahasa Melayu-Serdang yang dapat dijadikan pedoman menggambarkan hasil karya manusia yang bernilai baik. Peribahasa Melayu-Serdang yang cenderung menunjukkan hubungan M-K itu antara lain ialah:

- (5) *Datang tampak muka, pulang tampak punggung.*  
'datang dan pergi dari/ke rumah orang lain haruslah minta izin'
- (6) *Sekepal demi sekepal*  
'sedikit demi sedikit, lama-lama menjadi banyak'

Peribahasa Melayu-Serdang (5) ini mengacu kepada adab sopan/tatacara dalam hubungan M-K. Setiap kita datang ke tempat seseorang harus diketahui oleh yang empunya tempat tinggal tersebut. Begitu juga ketika pulang mestilah diketahui oleh yang empunya rumah. Kemudian peribahasa Melayu-Serdang (6) pula mengacu kepada karya atau aktiviti manusia dalam bertindak supaya hasilnya memuaskan. Aktiviti yang memerlukan kesabaran sehingga menghasilkan sesuatu yang sangat menggembirakan dan memuaskan daripada karya atau aktiviti tersebut.

Peribahasa Melayu-Serdang yang dijadikan pedoman menyangkut hubungan M-W, hubungan antara manusia dengan waktu, merupakan hubungan yang menggambarkan sesuatu yang baik dan sesuai un-

tuk ditiru. Hal itu tampak pada contoh peribahasa Melayu-Serdang yang berikut:

- (7) *Beribu ke waktu, bertapak ke zaman.*  
'berwawasan sesuai dengan perkembangan zaman'
- (8) *Waktu adalah wang*  
'setiap aktiviti yang mempergunakan waktu mestilah berguna/menghasilkan wang'

Peribahasa Melayu-Serdang (7) menyangkut masalah waktu dalam aktiviti setiap orang. Manusia berhubungan dengan waktu dalam bertindak ketika melakukan aktiviti. Hubungan ini mencakup wawasan yang luas sebab manusia harus menyesuaikan diri dengan waktu dalam pelbagai kegiatan dan keadaan. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (8) menyangkut aktiviti manusia yang dalam kehidupan sehari-hari harus mengisinya dengan kegiatan yang berguna. Peribahasa ini jelas melarang masyarakat Melayu-Serdang dalam melakukan kegiatan yang tidak berguna. Sebaiknya, setiap kegiatan yang dilakukan oleh setiap individu mestilah dapat menghasilkan sesuatu yang bermanfaat bagi dirinya sendiri dan juga bagi orang lain.

(ii) **Pemikiran Berupa Nilai Budaya dalam Peribahasa yang Tidak Dijadikan Pedoman**

Pemikiran yang berupa nilai budaya dan peribahasa Melayu-Serdang yang tidak dapat dijadikan pedoman menyangkut hubungan M-M, M-H, M-K, dan M-A. Hubungan tersebut tidak diikuti kerana tidak baik atau tidak layak untuk kehidupan. Peribahasa Melayu-Serdang ini mengandungi makna yang harus difahami secara struktur batin (makna) dan dapat berupa per-

umpamaan melalui tingkah laku binatang, buah-buahan, bahagian tubuh manusia, tempat (alam), sikap, atau hasil kegiatan manusia.

Hubungan antara manusia dengan manusia (M-M), dalam peribahasa Melayu-Serdang yang tidak dapat dijadikan pedoman berkaitan dengan benda, tumbuh-tumbuhan, manusia yang memiliki pekerjaan khusus, bahagian badan, atau tingkah laku manusia dalam bertindak. Contoh peribahasa Melayu-Serdang tersebut adalah seperti yang berikut:

- (9) *Berapa lama manis nira, simpan lama menjadi cuka.*  
'sesuatu yang buruk itu pasti akan ketahuan juga'
- (10) *Dalam gula racun bermain.*  
'sesuatu yang melenakan selalu menimbulkan penyakit'
- (11) *Tong kosong nyaring bunyinya.*  
'orang bodoh, tetapi berlagak pintar'

Peribahasa Melayu-Serdang (9) yang di atas termasuk peribahasa yang tidak dapat dicontohi kerana merujuk orang yang memiliki peribadi yang buruk. Walaupun masalah ini sudah ditutup, tetapi suatu saat akan ketahuan juga. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (10) mengacu kepada aktiviti manusia yang selalu mencari kesenangan tanpa memikirkan bahayanya. Akhirnya, membinasakan dirinya sendiri. Peribahasa Melayu-Serdang (11) pula mengacu kepada tingkah laku atau sikap seorang manusia yang berlagak tahu dan suka membanggakan diri serta ilmunya. Padahal apa yang dia ketahui itu sudah diketahui oleh orang banyak. Peribahasa ini dapat juga ditujukan kepada orang yang selalu banyak bercakap tetapi sebenarnya ilmunya sangat sedikit ataupun tidak ada sama sekali. Orang yang seperti ini hanya bicarannya

saja yang besar, tetapi ilmunya tidak ada.

Peribahasa Melayu-Serdang yang tidak boleh dijadikan pedoman dan berkait dengan hubungan antara manusia dengan hidup (M-H), adalah seperti yang berikut:

- (12) *Telunjuk lurus, kelengkeng berkait.*  
'melakukan sesuatu hal yang bertentangan dengan hati nurani'
- (13) *Mentimun melawan durian.*  
'melakukan sesuatu yang mustahil'
- (14) *Arang habis, besi binasa.*  
'melakukan pekerjaan yang sia-sia'

Peribahasa Melayu-Serdang (12) merupakan peribahasa yang tidak dipedomani kerana menunjukkan aktiviti (kehidupan) manusia yang tidak baik. Kenyataan menunjukkan bahawa yang baik tentunya yang ditunjukkan dengan sepenuh hati, bukan dengan hal yang bertentangan dengan hati nurani. Peribahasa (13) pula berkaitan dengan perumpamaan yang menyangkut buah-buahan (mentimun dan durian). Mentimun diumpamakan orang yang lemah sedangkan durian menjadi lambang orang yang kuat. Hubungan ini berlaku dalam kehidupan bahawa orang yang lemah tidak mungkin menang melawan orang yang kuat. Sedangkan peribahasa (14) mengacu kepada orang yang tidak mempunyai pertimbangan dan kebijaksanaan dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehingga menimbulkan kerugian kepada orang itu. Akhirnya, tidak mendapatkan sebarang hasil daripada pekerjaan tersebut.

Peribahasa Melayu-Serdang yang tidak dipedomani dan mengacu pada hubungan antara manusia dan karya (M-K), menunjukkan sikap, tingkah laku, dan aktiviti manusia dalam berkarya. Peribahasa Melayu-

Serdang yang mengacu pada hubungan M-K itu dapat dilihat pada peribahasa berikut ini.

- (15) *Mengajari itik berenang.*  
'mengajari yang sudah pandai'
- (16) *Mengharap hujan turun, air di tempayan ditumpahkan.*  
'mengharap sesuatu yang belum pasti lalu melepaskan sesuatu yang sudah dimiliki'
- (17) *Menepuk air di dulang terpercik muka sendiri.*  
'malu sendiri akibat menceritakan kejelekan sendiri'

Peribahasa Melayu-Serdang (15) yang tidak dapat dicontohi kerana mengacu kepada situasi atau keadaan bahawa orang yang lebih tahu diberitahu tentang masalah yang sudah dikuasainya. Apabila dirasakan orang yang dianggap lebih tahu tersebut perlu diberitahu atau diingatkan kembali, dinyatakan *seperti mengajari itik berenang*. Manakala peribahasa Melayu-Serdang (16) menunjukkan bahawa manusia bersifat ingin memiliki sesuatu yang lebih banyak dan cenderung memburunya serta melepaskan sesuatu yang sudah dimilikinya. Padahal yang lebih banyak tersebut belum tentu dapat diraihnya. Peribahasa Melayu-Serdang (17) pula mengacu kepada situasi atau keadaan seseorang yang mencuba untuk membuka keburukan orang lain. Tanpa sedar sebenarnya dia telah membuka keburukannya sendiri dengan tindakannya yang suka memburuk-burukkan orang tersebut.

Hubungan antara manusia dengan alam (M-A), dalam peribahasa Melayu-Serdang yang tidak dapat dijadikan pedoman menyangkut gambaran lingkungan alam dihubungkan dengan alam sebagai instrumen. Contohnya:

- (18) *Lepas dari mulut singa, jatuh ke mulut buaya.*



'tindakan bodoh yang sangat merugikan'

(19) *Rosak kelapa salah kukur.*

'pembinaan yang salah dapat berakibat fatal'

(20) *Bagai menunggu gelombang tidur.*

'mengharap sesuatu yang tidak mungkin'

Peribahasa Melayu-Serdang (18) berlaku bagi segala hal yang mengacu kepada kegiatan manusia dalam menghadapi persoalan yang rumit. Untuk memecahkan masalah yang rumit, tidak dipilih jalan yang paling tepat. Akibatnya, timbulah kerugian kepada diri sendiri. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (19) mengacu kepada pembinaan dan pendidikan yang salah terhadap anak sehingga menyebabkan sesuatu yang tidak diharapkan. Apabila dalam mendidik anak dari kecil sudah tidak benar, sesudah besar si anak akan menjadi orang yang tidak mempunyai budi pekerti yang baik. Peribahasa Melayu-Serdang (20) pula mengacu kepada hubungan M-A yang digambarkan dengan masalah alam iaitu gerak gelombang. Peribahasa Melayu-Serdang ini mengacu kepada orang yang mengharapkan sesuatu yang tidak mungkin terjadi. Tidak mungkin gerak gelombang akan berhenti kecuali pada hari kiamat. Ketiga-tiga peribahasa Melayu-Serdang ini mengacu kepada benda-benda alam – seperti singa, bunga, kelapa, dan gelombang – yang dapat menggambarkan sikap dan pandangan hidup, wawasan, perilaku, serta pemikiran masyarakat Melayu-Serdang dalam kehidupan mereka sehari-hari.

(iii) **Pemikiran Berupa Nilai Budaya dalam Peribahasa yang Neutral**

Pemikiran berupa nilai budaya dalam peribahasa Melayu-Serdang yang neutral memiliki nilai yang

biasa berlaku kepada manusia ataupun dapat dilakukan dan dialami oleh manusia umumnya. Peribahasa ini menunjukkan hubungan M-M, M-H, M-K, M-W, dan M-A. Hubungan-hubungan tersebut dapat mengacu kepada kebiasaan (adat istiadat), tingkah laku binatang dan manusia, serta tentang sesuatu benda ataupun keadaan.

Peribahasa Melayu-Serdang yang neutral mengacu kepada hubungan M-M, hubungan antara manusia dengan manusia, cenderung menggambarkan aktiviti antara manusia. Tingkah laku manusia yang digambarkan seperti sebuah kejadian atau peristiwa yang telah dan akan terjadi, serta aktiviti haiwan ataupun tanaman. Hubungan itu dapat dinyatakan melalui benda-benda alam sebagai sasaran.

- (21) *Hancur daging, tulang berkirai.*  
'hancur daging, tulang berserakan, hancur perasaan hingga tidak berbentuk lagi'
- (22) *Jangan selalu berharap orang.*  
'selalu mengharap bantuan orang lain'
- (23) *Ikan busuk ikut pindah, kotoran ikut bertelur.*  
'ikut campur dalam urusan yang bukan urusannya'
- (24) *Seperti air di atas daun talas.*  
'nasihat yang masuk ke telinga kiri lalu terus keluar ke telinga kanan'

Keempat-empat peribahasa Melayu-Serdang di atas memperlihatkan hubungan antara manusia yang dilukiskan dengan unsur-unsur yang sudah disebutkan terdahulu. Peribahasa Melayu-Serdang (21) menggambarkan tentang perasaan seseorang yang sangat hancur akibat perbuatan orang lain yang sangat dicintainya. Akibatnya, dia tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (22) meng-

gambarkan keadaan seorang manusia yang selalu mengharapkan bantuan orang lain. Sedikit pun dia tidak berusaha menolong dirinya. Dia hanya mengharapkan agar orang lainlah yang menolongnya. Kemudian peribahasa Melayu-Serdang (23) menggambarkan tentang ikan busuk yang ikut pindah dan kotoran yang ikut bertelur. Peribahasa ini ditunjukkan kepada orang yang sering ikut campur urusan orang lain, tetapi sebenarnya dia sendiri tidak terlibat dalam urusan itu. Peribahasa Melayu-Serdang (24) mengandung makna asosiatif dengan menggambarkan bahawa air di atas daun talas tidak akan berbekas. Peribahasa ini berhubungan dengan nasihat yang disampaikan kepada seseorang, tetapi tidak memberikan sebarang kesan terhadap dirinya kerana tidak dilaksanakan atau tidak difahaminya.

Hubungan antara manusia dengan hidup (M-H), dalam peribahasa Melayu-Serdang yang neutral mengacu kepada hubungan kehidupan dengan, misalnya, adat-istiadat, binatang, bahagian tubuh manusia, benda, dan pengalaman. Peribahasa Melayu-Serdang yang neutral di dalam hubungan M-H antara lain adalah seperti yang berikut:

- (25) *Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.*  
'apabila ada kemahuan pasti akan tercapai tujuan'
- (26) *Sekali lancung ke ujian, seumur hidup orang tidak percaya*  
'kebaikan yang dibuat hilang oleh kesalahan yang dilakukan hanya sekali'

Dalam kehidupan ini, manusia akan mengalami atau melakukan sesuatu yang tidak terlepas daripada makna yang tertuang dalam peribahasa Melayu-Serdang tersebut. Peribahasa (25) menyatakan bahawa kalau ada kemahuan di situ pasti ada jalan. Peribahasa ini menunjukkan bahawa jalan untuk

mencapai suatu keinginan atau cita-cita itu pasti tetap ada selagi manusia tersebut masih mempunyai kemahuan yang tinggi untuk mencapainya. Peribahasa (26) pula merupakan gambaran sikap manusia yang lalai sehingga menimbulkan kerugian yang besar bagi diri dan masa depannya. walaupun kesalahan itu dilakukan hanya sekali diperbuat, orang akan selalu mengenangnya kerana memang itulah adat dunia yang hanya selalu mengenang kesalahan orang daripada kebbaikannya. Oleh sebab itu, janganlah berbuat sesuatu yang merugikan jika perlu menanggung risiko seumur hidup dan memadamkan segala cita-cita.

Hubungan antara manusia dengan karya (M-K), dalam peribahasa Melayu-Serdang yang neutral dapat berkaitan dengan perasaan, tingkah laku (sikap) manusia, binatang, atau benda. Peribahasa tersebut lazim diikuti dengan kata bandingan seperti laksana, seperti, bagai, bak, dan umpama, yang menunjukkan makna leksikal bandingan. Peribahasa Melayu-Serdang yang mengacu kepada hal tersebut adalah seperti yang berikut:

(27) *Umpama katak di padang penat berkotor, hujan tidak jua turun.*

'lelah bekerja, tetapi tidak berhasil'

(28) *Seperti layang-layang putus talinya.*

'menjadi putus harapan dan patah hati'

(29) *Bagai kera terbakar ekornya.*

'dalam keadaan gelisah dan tidak mahu diam'

Peribahasa Melayu-Serdang yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan karya (M-K), menyangkut aktiviti manusia yang dapat dilakukan atau dialami oleh manusia. Ketiga-tiga peribahasa Melayu-Serdang di atas menggambarkan aktiviti manusia yang biasa dilakukan atau dialami oleh manusia. Peribahasa

Melayu-Serdang (27) menggambarkan aktiviti seseorang yang bekerja tanpa henti dan mengharapkan hasil daripada pekerjaan tersebut. Namun, hasil yang diharapkan tidak datang juga. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (28) menggambarkan perasaan seseorang yang putus cinta. Tidak tahu lagi harus berbuat apa-apa, seperti halnya layang-layang di udara. Peribahasa Melayu-Serdang (29) menyatakan manusia dalam kegelisahan dapat digambarkan ketika ekor seekor kera terbakar dan hangus. Sudah tentu kera itu tidak mahu diam, dan berlari ke sana ke mari kerana kesakitan. Ekor kera yang terbakar itu membakar pula pohon-pohon yang ada di sekitarnya sehingga menimbulkan kerugian yang besar.

Peribahasa Melayu-Serdang yang neutral menyatakan hubungan antara manusia dengan waktu (M-W), dapat berupa bandingan zaman antara yang satu dengan yang lain, waktu sembahyang dan peribadatan lainnya, dan hari atau waktu terjadinya suatu peristiwa tertentu yang bersejarah. Peribahasa Melayu-Serdang yang neutral dengan menunjukkan hubungan M-W ini antara lain adalah seperti yang berikut ini.

(30) *Pandai meneliti zaman beralun.*

'pandai membaca perkembangan zaman akan mencapai kejayaan dan menjadi maju'

(31) *Disangka panas sampai ke petang, kiranya hujan di tengah hari.*

'berharap akan sampai ternyata di tengah jalan sudah patah'

(32) *Jangan dikenang zaman dahulu.*

'suka mengenang masa yang lalu sehingga menimbulkan penyesalan saja'

Peribahasa Melayu-Serdang (30) mengacu kepada aktiviti manusia dalam menyiasat perkembangan zamannya. Apabila manusia dapat membaca setiap

perkembangan zaman dan yang terjadi di sekitarnya serta dapat memanfaatkan perkembangan tersebut, hidupnya pasti akan berhasil dan sukses. Peribahasa (31) mencerminkan manusia yang harapannya terlalu besar sehingga tidak mengambil kira hal-hal yang lain. Akibatnya, muncul kegagalan di tengah jalan. Peribahasa ini juga menggambarkan tentang hubungan antara lelaki dengan wanita yang berharap dapat sampai ke jinjang perkahwinan ternyata putus di tengah jalan. Sedangkan peribahasa (32) mencerminkan tindakan manusia yang hanya dapat menyesali keadaan yang terjadi ke atas dirinya. Hal ini dapat merugikan dirinya sendiri kerana apabila hal ini terjadi terus-menerus, hanya sakit hati dan penyesalan saja yang ada dalam dirinya serta dapat merosak perkembangan jiwanya.

Peribahasa Melayu-Serdang yang neutral dengan menyatakan hubungan antara manusia dengan alam (M-A), berkaitan dengan tanaman, benda-benda alam, aktiviti manusia dengan alam, berkaitan dengan tanaman, benda-benda alam, aktiviti manusia dengan alam, perumpamaan tingkah laku binatang, atau tempat-tempat tertentu. Hubungan M-A melalui peribahasa Melayu-Serdang yang neutral ini menyatakan makna yang dibandingkan dengan gambaran binatang-binatang atau benda-benda alam yang menjadi sasaran perbuatan daripada manusia. Biasanya peribahasa-peribahasa ini menggambarkan binatang dan benda yang dekat, umum, dan dikenal dengan baik oleh masyarakat Melayu-Serdang. Peribahasa-peribahasa Melayu-Serdang yang mengacu padahal tersebut antara lain adalah seperti yang berikut ini.

(33) *Kumbang terbang, bunga pun layu.*

'gadis yang telah temodai kesuciannya'

(34) *Ikut resam ayam, bertelur sebiji riuh sekampung.*

'berbuat baik sekali saja, tetapi telah mem-

banggakannya kepada semua orang'

(35) *Bumi mana tidak kena hujan.*

'Setiap manusia pasti mempunyai kesalahan'

Peribahasa Melayu-Serdang yang neutral dengan menyatakan hubungan antara manusia dengan alam ini ialah aktiviti manusia yang digambarkan dengan keadaan atau bentuk tanaman, benda alam, dan perumpamaan tingkah laku binatang. Misalnya, peribahasa Melayu-Serdang (33) yang menyatakan keadaan seseorang gadis yang telah ternoda kesuciannya dan ditinggalkan sehingga tidak berdaya untuk menghadapi kenyataan. Peribahasa (34) pula yang menyatakan persamaan aktiviti antara manusia dengan haiwan. Peribahasa ini dipergunakan juga sebagai persamaan keadaan antara manusia dengan haiwan. Peribahasa Melayu-Serdang ini juga menggambarkan tentang tingkah laku manusia yang telah membangga-banggakan kebaikannya kepada seluruh orang di kampung. Padahal perbuatannya itu baru sekali dilakukannya sedangkan perbuatan buruknya selama ini lebih banyak. Perbuatan inilah yang dijadikan persamaan dalam peribahasa tersebut sebagai tingkah laku ayam yang kalau bertelur sangat riuh. Sedangkan peribahasa Melayu-Serdang (35) menyatakan keadaan manusia yang selalu berbuat kesalahan dan kesilapan. Tidak ada manusia di permukaan bumi ini yang tidak pernah melakukan kesalahan. Semua pasti pernah melakukan kesalahan. Oleh sebab itu, tidak ada manusia yang sempurna di muka bumi ini.

### Penutup

Pemikiran berupa nilai budaya dalam peribahasa Melayu-Serdang menyangkut nilai budaya sebagai unsur penentu dalam kehidupan masyarakat Melayu-Serdang. Nilai budaya

ini menyangkut pemahaman yang baik (yang dijadikan pedoman), yang buruk (yang tidak dijadikan pedoman), dan yang neutral (yang berlaku secara umum). Nilai-nilai budaya ini menyangkut hubungan antara kemanusiaan, hubungan antara manusia dengan hidup, hubungan antara manusia dengan karya, hubungan antara manusia dengan waktu, dan hubungan antara manusia dengan alam. Kesemua hubungan ini merupakan gambaran sikap budaya dan sikap bertingkah laku masyarakat Melayu-Serdang khususnya, dan masyarakat Melayu/Indonesia amnya. Dengan melalui kajian nilai-nilai budaya yang terkandung dalam peribahasa Melayu-Serdang ini tergambarlah keadaan masyarakat Melayu-Serdang itu dengan terbuka dan jelas. Gambaran masyarakat dalam peribahasa ini mungkin merupakan ajaran (suruhan), pantang-larang atau kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat Melayu-Serdang khususnya, atau masyarakat Melayu/Indonesia amnya.

Dengan mengenal pemikiran berupa nilai budaya dalam peribahasa Melayu-Serdang ini, masyarakat Melayu umumnya dapat menentukan sikap dan tingkah laku (etika) dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini perlu disadari oleh masyarakat Melayu agar masa lalu dapat dijadikan pedoman pada masa sekarang untuk mencapai masa depan yang lebih baik. Untuk itu, masyarakat Melayu umumnya diharapkan dapat lebih menunjukkan keberadaannya di tengah-tengah masyarakat lainnya dalam era globalisasi ini dengan berpedoman kepada kekayaan budayanya berupa peribahasa ini.

## Bibliografi

- Husny, Tengku H.M. Lah, 1975. *Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir Deli, Sumatera Timur 1612-1950*. Medan: Badan Penerbit Husny.
- Husny, Tengku H.M. Lah, 1979. *Butir-butir Adat Melayu Pesisir Timur-Sumatera*. Medan: Badan Penerbit Husny.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1995. Jakarta: Balai Pustaka,



- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.  
*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pateda, Mansoer, 1990. *Aspek-aspek Psikolinguistik*. Ende-Flores: Penerbit Nusa Indah.
- Poerwadarminta, W.J.S., 1976. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Ridwan, T. Amin, 1996. "Bahasa Melayu Riau (Suatu Tinjauan Sociolinguistik)" dlm *Masyarakat Melayu Riau dan Kebudayaan*. Pekanbaru: Pemerintah Provinsi Daerah Tingkat 1 Riau.
- Rosmawati R. *et al.*, 1990. *Struktur Sastra Lisan Melayu-Serdang*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sinar, Tengku Luckman, 1994. *Jati Diri Melayu*. Medan: Lembaga Pembinaan dan Pengembangan Seni Budaya, MABMI.
- Subiyakto-Nababan, Sri Utara, 1992. *Psikolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

# PEMIKIRAN MELAYU DALAM POLITIK THAI



WORAWIT BARU @ HAJI AHMAD IDRIS

## Pendahuluan

Mengikut sejarah, Kerajaan Pattani dikesan wujudnya sebelum Kerajaan Melayu Melaka yang bermula pada awal abad ke-15 (*Suara Siswa*, 1970:47). Pattani pada masa itu merupakan pelabuhan perdagangan yang penting di Alam Melayu. Kemakmuran Pattani menyebabkan timbulnya keinginan di kalangan kuasa-kuasa luar untuk menguasainya, misalnya Kerajaan Johor pada tahun 1605, meminta Belanda yang menduduki Melaka supaya menawan Pattani untuk dimasukkan di bawah taklukan Johor.

Sebelum abad ke-15 Pattani dikenal sebagai *Langkasuka*. Ahli sejarah dan pengkaji sejarah bersekata bahawa Langkasuka terletak di sebelah pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, iaitu di antara Negeri Kelantan dan Wilayah Songkla. Ibu kotanya terletak di kawasan Wilayah Pattani sekarang (Chirawat Chakraphan, 1986:8 dan Senee Mahadakakul, 1974:12-28). Sejarah China dan Arab mencatatkan bahawa Kerajaan Langkasuka ditubuhkan pada

akhir abad pertama, iaitu antara tahun 80 hingga 100 Masihi, sementara dalam tahun 200 Masihi agama Bheramana masuk ke Pattani; selepas itu datanglah kuasa Srivijaya ke Pattani serentak dengan ketibaan penyebaran bahasa Melayu (BM) dan agama Buddha (Bangnara, A. 1980:4).

Kemakmuran dan kekayaan Negeri Pattani menarik perhatian kuasa-kuasa di rantau ini. Maka timbullah serangan Empayar Ayudhya ke atas Pattani buat pertama kali dalam pemerintahan Raja Hijau pada tahun 1603. Namun Pattani mendapat pertolongan dan sumbangan daripada orang asing yang berada di Pattani pada masa itu, khususnya Portugis dan Belanda. Dengan itu, Pattani tidak dapat dipatahkan oleh tentera Siam, sebaliknya tentera Siam dari Ayudhya mengalami kekalahan yang teruk.

Kegagalan dalam serangan Siam kali pertama ke atas Kerajaan Melayu-Pattani meyakinkan Raja Ungu yang memerintah Pattani selepas Raja Biru bahawa serangan Siam ke atas Pattani akan berlaku lagi. Oleh itu, Baginda menghantar tenteranya mengancam Negeri Bhadalung dan Nakhorn Sri Thammarat dalam tahun 1630, sebelum Siam membuat serangan. Negeri-negeri tersebut dan juga Negeri Songkla atau Singgora merupakan negeri-negeri yang selalu dipergunakan oleh Siam untuk menyerang Pattani. Negeri Bhadalung juga merupakan negeri terpenting dalam era Ayudhya yang menjadi sempadan antara agama Buddha dengan Islam (Sarooop Ritchu, 1986:96).

Serangan Siam kali kedua dibuat pada tahun 1632 dan 1633 sewaktu Putera Johor serta tentera baginda kira-kira 3000 orang berada di Pattani untuk menghadiri majlis perkahwinan diraja antara Baginda dengan Puteri Kuning. Tentera Pattani dan tentera Sultan Johor berjaya mematahkan serangan tentera Siam.

Apabila mangkatnya Raja Kuning pada tahun 1688, maka tamatlah pemerintahan Seri Mahawangsa di Negeri Pattani. Pattani kemudiannya mengalami kelemahan dan keme-

rosotan (Saroop Ritchu, 1986:97). Suasana kelemahan ini tersebar ke negeri-negeri jiran yang sering bertempuran dengan Pattani, yakni negeri-negeri taklukan Siam di Selatan seperti Songkla, Ligor atau Nakhorn Sri Thammarat dan Bhadalung.

Pada tahun 1786, zaman pemerintahan Sultan Muhammad bersamaan dengan era Ratanakosin, Siam berjaya menawan Pattani. Penaklukan Pattani kemudiannya dilakukan dengan melantik raja daripada keturunan Melayu memerintah Pattani di bawah kuasa Siam. Namun, bentuk pemerintahan Siam ke atas Pattani yang sedemikian rupa tidak pernah menyenangkan hati orang Pattani, bahkan mendukacitakan dan mencabar maruah sebuah negeri Melayu yang penting di rantau ini. Mereka menawan orang Melayu-Pattani ke Bangkok serta memasukkan orang keturunan Siam ke Pattani. Kerajaan Melayu-Pattani jatuh ke tangan Siam secara keseluruhan pada tahun 1902, iaitu setelah termeterainya Perjanjian Anglo-Siamese kira-kira 100 tahun yang lalu.

### Orang Thai Keturunan Melayu dan Orang Thai Selatan

Selatan Thai dan Semenanjung Tanah Melayu pada awalnya menjadi tempat kediaman orang hutan, orang bukit dan orang laut yang terdiri daripada beberapa suku, seperti Sakai, Semang, Negrito dan sebagainya (Sawvane Jitmoud, 1988:63). Fakta sejarah menunjukkan bahawa orang Thai-Muslim di wilayah sempadan Selatan Thai (WSST) bukan golongan yang berhijrah ke negara Thai, malahan mereka telah mendiami kawasan ini sejak purbakala. Kebanyakan mereka berketurunan Melayu, tidak boleh berbahasa Thai ataupun tidak berminat untuk berbahasa Thai. Mereka menggunakan bahasa Melayu secara meluas (Songkhram Chuenpibal, 1975:4) serta menjalankan cara hidup dan mengamalkan kebudayaan

Melayu seperti majoriti masyarakat Melayu di Alam Melayu. Selatan Thai ialah bumi asal tempat kediaman orang Melayu. Orang Siam memasuki dan menduduki kawasan ini kemudiannya. Mereka menggunakan kekuatan tentera yang lebih hebat daripada orang Melayu sehingga berjaya merampas kebanyakan bumi kepunyaan orang Melayu dan menjadikannya sebahagian daripada negara Thai. Hal demikian menyebabkan orang Melayu yang mendiami bumi asalnya berubah menjadi warganegara Thai seterusnya (Chai Ruangsilapa, 1974:23). Penglibatan kuasa Siam dalam mempengaruhi Tanah Melayu telah lama berlaku seperti yang terdapat pada catatan Cina berikut:

"1295

*Since the peoples of Hsien and Ma-li-yu-erh have for a long time slain each other and since they are all in submission at this moment an Imperial order was issued telling the people of Hsien not harm the Ma-li-yu-erh and to keep to their promise."*

(Dipetik daripada Flood, Thadeus, E. 1969 dalam Sanan Muangwongsa, 1981:193).

Orang Melayu di Thailand sama juga dengan orang Melayu di daerah Melayu yang lain, dari segi fizikal, mereka lazimnya berkulit sawo matang, badannya sederhana besar, tegap dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999:59). Manakala cara hidupnya, mereka mengamalkan budaya-budaya Melayu yang dibendung oleh Islam yang kukuh menerusi berbagai-bagai peristiwa dan pengalaman. Namun demikian, memandangkan sejarah perkembangan negara Thai hingga kini, maka orang Melayu di Thailand boleh dianggap sebagai yang berikut:

"... seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya berbahasa Melayu atau sekurang-kurangnya menggunakan sumber-sumber perkataan Melayu dalam percakapan seharian serta mengamalkan ciri-ciri budaya Melayu."

(Dipetik daripada Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999:61)

Sebaliknya, Harold E. Smith (1976) dan E. Seidenfaden (1985) (dalam Imran Matlulim, 1994:32-33) memberi gambaran jelas tentang orang Thai Selatan seperti yang berikut:

“Orang Thai Selatan: suku bangsa Thai yang mendiami kawasan semenanjung ini hingga ke Segenting Kra ... ciri-ciri keturunan suku ini dipercayai bahawa ada percampuran di antara bangsa Thai dengan suku bangsa lain yang bukan bangsa Thai yang tinggal di kawasan ini, termasuk bangsa Melayu dan keturunan Negrito ... bahasanya ialah bahasa Thai Selatan.”

Seidenfaden, E. pula memanggil orang Thai Selatan sebagai:

“Orang Melayu yang telah berubah menjadi Thai. Orang Thai Selatan berasingan dengan orang Thai di bahagian lain. Orang Thai Selatan mempunyai bahasa vernakular, bentuk kesenian, kebudayaan dan sejarahnya yang tersendiri. Mereka mempunyai ciri-ciri kesamaan dari segi kemasyarakatan, kebudayaan dan nilai-nilai politik yang sedikit sekali dengan orang Thai Bangkok.”

Orang Melayu di Thailand sungguhpun majoritinya tinggal di bahagian Selatan, khususnya di wilayah sempadan Selatan Thai, namun orang Melayu juga bertabur di bahagian lain, sama ada di Selatan mahupun kawasan bahagian tengah seperti di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Orang Melayu di Bangkok mungkin tidak sama dengan orang Melayu di wilayah sempadan Selatan Thai dari beberapa segi, misalnya tidak lagi berbahasa Melayu melainkan satu dua patah perkataan bahasa Melayu diselit-selitkan di antara ayat bahasa Thai apabila berkomunikasi sesamanya yang berketurunan Melayu, namun dalam beberapa segi budaya Melayu yang lain, mereka masih mengamalkannya dengan segar sehingga dapat mengekalkan ciri-ciri pemikiran Melayunya.

## Pemikiran Melayu tentang “Raja atau Sultan” dengan Pentadbiran Thai

Pattani yang merupakan sebuah negeri Melayu tertua di rantau ini yang dikuasai oleh kuasa politik Thai secara keseluruhan pada tahun 1902, zaman pemerintahan Sultan Tengku Abdul Kadir Kamarudin. Setelah menduduki Pattani, Siam membahagikan negeri Pattani menjadi negeri-negeri kecil tujuh buah negeri, iaitu negeri Pattani, Yaring, Nongcik, Saiburi, Jala, Raman dan Rangaek atau Legeh. Setiap negeri tersebut, seorang raja atau kerabat diraja Melayu-Pattani dilantik menjadi pemimpin memerintah negeri kecil tersebut oleh pihak raja Siam. Perubahan bentuk pemerintahan dan status raja-raja Pattani yang dijalankan oleh kuasa Siam susah diterima sama ada oleh raja-raja atau masyarakat Melayu-Pattani disebabkan latar belakang konsep budaya berkerajaan yang begitu berlainan, malahan penentangan kuasa Siam dan pemerintah Siam di negeri-negeri Melayu ini berlaku dengan kuat pada tahap awal dan makin bertambah dan berlarutan sehingga ke akhir-akhir ini.

Konsep “raja atau sultan” yang dianggap sebagai pemimpin tertinggi sesebuah kerajaan Melayu di Alam Melayu telah wujud dan diamalkan secara meluas dalam masyarakat Melayu. Bentuk dan status raja Melayu yang dicanai oleh Islam amatlah penting yang akan menghasilkan pemerintahan yang adil di sesebuah negeri. Dengan itu, apabila Tengku Abdul Kadir menjadi raja negeri Pattani setelah ayahandanya, Tengku Sulaiman mangkat, Baginda ingin menjalankan tugasnya selaku raja Melayu yang bertanggungjawab dan berlaku adil. Namun, kuasa politik Siam di Bangkok tidak mengizinkan Baginda berbuat demikian, sebaliknya dikuatkuasakan pula dengan Peraturan Pemerintahan Tempatan B.E. 2442 yang menjejaskan kuasa raja-raja Melayu di negeri-negeri Selatan Siam. Peristiwa pengubahan kedudukan pemerintahan negeri Melayu dan pencabulan maruah raja-raja Melayu

inilah yang menjadi punca utama menimbulkan kumpulan pejuang Pattani untuk membebaskan Pattani daripada penjajahan Siam.

Sepanjang perjuangan pembebasan Pattani daripada kuasa politik Thai, beberapa kumpulan pejuang pembebasan Pattani selalu mengaitkan konsep perjuangannya dengan sistem kerajaan beraja atau bersultan yang berasaskan Islam seperti yang pernah diamalkan. Walau bagaimanapun, sejarah kenegaraan Thai dengan negeri-negeri Melayu di Selatan merupakan satu perjuangan yang memakan masa ratusan tahun. Siam memasuki Pattani sebagai penjajah yang menjajah kuasa raja-raja Melayu dan digantikan dengan kuasa suruhanjaya yang berbangsa Thai dan mengamalkan kebudayaan Siam yang berasaskan Buddha. Mereka tidak sedikit pun memahami adat istiadat, bahasa, kebudayaan dan cara mengamalkan Islam penduduk Melayu. Maka tidak hairan sekiranya raja-raja atau anak cucu raja-raja negeri Melayu di Selatan memimpin kumpulan pejuang pembebasan Pattani untuk menuntut kebebasan daripada kuasa Siam kerana mungkin mereka menganggap itu ialah hak mereka yang telah dirampas. Lebih-lebih lagi apabila terdapat perbuatan pencabulan, jenayah dan penyelewengan di kalangan pemerintah Siam pada peringkat awal Siam menduduki negeri mereka. Sebaliknya pihak Siam juga menganggap bahawa itu ialah hak mereka untuk mengatur dan menyusun pemerintahan negeri jajahan mereka.

### Pemerintahan Melayu Melalui Politik Kebangsaan

Setelah nama Siam berubah menjadi negara Thai dan kemudian diikuti pula dengan penukaran sistem pentadbiran negara daripada sistem monarki kepada sistem demokrasi beraja, maka terdapat beberapa perubahan berlaku ke atas masyarakat Melayu di Thailand. Antaranya ialah keterserlahan pemikiran Melayu melalui sistem peme-



rintahan baru negara. Masyarakat Melayu Pattani yang sekian lama kehilangan pemimpin telah melahirkan kehausan mereka menerusi pilihan raya yang diadakan. Mereka memilih Tengku Abdul Jalal atau Adul Na Saiburi menjadi wakilnya sebagai ahli parlimen. Tengku Abdul Jalal merupakan anak cucu kepada raja Teluban atau Saiburi. Beliau juga ialah Setiausaha Pertubuhan Fajariah di Teluban yang mencantumkan pemikiran perjuangan Melayu-Pattani. Kemudian pemikiran Melayu-Pattani tampak melalui Tuan Guru Haji Sulong yang menubuhkan pertubuhan Semangat Pattani (Mohd. Zamberi A. Malek, 1994:253) yang terkandung dalamnya cita rasa kemelayuan yang tidak berbelah bahagi. Beliau juga menubuhkan Majlis Agama Islam di Pattani serta bertugas sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pattani. Melalui sistem politik demokrasi Thai, Tuan Guru menggilap pemikiran orang Melayu-Pattani dengan mengemukakan tujuh tuntutan asas kepada pemerintah Bangkok seperti yang berikut:

- (i) Perlunya pelantikan seorang pemimpin Melayu Muslim yang berwibawa oleh Kerajaan Pusat untuk mentadbir empat wilayah Melayu di Selatan.
- (ii) Kutipan cukai tanah dan yang sebagainya hendaklah dilaburkan dalam lingkungan wilayah setempat sahaja.
- (iii) Bahasa Melayu mesti menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah kerajaan.
- (iv) Kakitangan kerajaan harus dikuotakan 90 peratus kepada masyarakat Melayu tempatan mengikut perbancian penduduk Melayu di Pattani.
- (v) Bahasa Melayu harus digunakan bersama-sama bahasa Thai sebagai bahasa rasmi di wilayah yang berkenaan.
- (vi) Menubuhkan majlis agama Islam yang berkuasa menentukan dan melaksanakan undang-undang

Islam dan budaya Melayu di bawah bidang kuasa pemimpin wilayah.

- (vii) Penubuhan mahkamah syariah yang berkecuali dan di luar bidang kuasa mahupun pengaruh mahkamah awam Thai.

Tuntutan ini memang lebih menentukan kuasa autonomi masyarakat Melayu-Muslim Pattani dan sudah tentu ditolak oleh kuasa pusat di Bangkok. Sebaliknya, Tuan Guru Haji Sulong bersama-sama pengikutnya yang membuat bantahan itu telah diberkas kerana dituduh cuba menyebarkan dakyah anti-Thai. Berita penangkapan itu telah mencetuskan pemberontakan di Dusun Nyior menyebabkan beratus-ratus orang menjadi korban keganasan pasukan keselamatan Thai dan beribu-ribu orang pula yang lari berhijrah memasuki Tanah Melayu (Mohd. Zamberi A. Malik, 1994:253-254).

Sungguhpun suasana politik Thai begitu kejam, namun pejuang Melayu sama ada pejuang yang dianggap haram oleh kerajaan ataupun pejuang yang berbentuk ahli politik yang selalu mencalonkan diri apabila diberi peluang kepadanya. Masyarakat Thai Muslim sangat prihatin dan begitu aktif terhadap politik negara (Laporan Kajian Pilihan Raya Wilayah Pattani 1996, Albriton, R. 1998 di Bilik Seminar FKK, PSU) setiap kali pilihan raya diadakan, akan dapat kita dengar perbincangan isu-isu kemelayuan dan Islam. Kita juga dapat lihat ciri-ciri kemelayuan yang agak kental yang ditonjolkan oleh calon-calon Melayu, misalnya mereka tidak sesekali menggunakan bahasa Thai apabila berkempen di kampung-kampung, malahan di bandar-bandar pun mereka menggunakan bahasa Melayu. Sementara itu calon-calon yang kurang mahir atau pelat berbahasa Melayu menjadi mangsa dalam kempen pilihan raya dan ini juga menjadi faktor yang tidak kurang pentingnya yang mampu menentukan populariti seseorang calon. Di samping penggunaan bahasa Melayu dalam berkempen, pakaian Melayu juga amat penting diperhatikan. Calon Melayu

memang selalu menggunakan songkok hitam apabila berceramah di mana-mana sahaja, hatta di tengah-tengah bandar, malahan calon yang bukan Melayu pun sering kali menggunakan songkok Melayu apabila berdepan dengan masyarakat Melayu. Tokoh politik Melayu selalu berbaju Melayu atau berbaju batik dan bersongkok hitam sewaktu berkempen di depan khalayak di lapangan, sementara berkopiah putih apabila berjumpa dengan tokoh agama atau berceramah di institusi keagamaan.

## Usaha untuk Menegakkan Kumpulan Politik Melayu-Muslim

Sudah lebih daripada sepuluh tahun ahli politik baik peringkat kebangsaan atau peringkat tempatan, berusaha untuk membentuk kumpulan politik Melayu berasaskan Islam untuk memperjuangkan nasib penduduk Melayu-Muslim di seluruh negara. Usaha mereka sebenarnya tercapai, kumpulan Wahdah diketengahkan bukan sahaja kepada masyarakat tempatan, bahkan masyarakat Thai secara umum juga mengenali kumpulan ini. Lebih-lebih lagi apabila tokoh kumpulan Wahdah diberi jawatan penting sama ada dalam parti mereka mahupun di dalam kabinet. Kumpulan ini pada awalnya disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu-Muslim Thailand. Walau bagaimanapun, kumpulan ini perlu dimantapkan lagi agar dapat memberi manfaat kepada setiap golongan.

## Bibliografi

- Arifin Chik, 2000. *Pattani Darussalam*. Bangkok: Muslim News.  
 Chai Ruangsilapa, 1974. *Prawatsart Thai*. Bangkok: Ban Ruangsilapa.  
 Chirawat Chakrapan, 1972. *Prawatsart Asia Arkhaney*. Bangkok: Samakhom Sangkhomsart Haeng Prathet Thai.  
 Mohd. Zamberi A. Malek, 1994. *Pattani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Saroop Ritchu, 1986. *Silapa Wattanatham*. Bangkok: Matichon.

Penerbitan N...

- Songkhram Chuenphibal, 1975. *Assimilation of Thai Muslim in the Border Provinces of Southern Thailand*. Bangkok: CU.
- Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999. *Dasar Kerajaan dan Kesannya terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

## IDEALISME GLOBALISASI DI ALAM MELAYU: ASIMILASI DALAM KONTRADIKSI



SYED MUHAMMAD DAWILAH AL-EDRUS

Globalisasi ialah fenomena yang sedang dan akan berlaku di seluruh dunia, tidak ada kawasan atau negara yang terkecuali atau dikecualikan daripada serangan pengaruh fenomena ini. Serangan rakus pengaruh tersebut menyelalap masuk ke seluruh ruang lingkup kehidupan tanpa memilih aspek ekonomi, politik, pendidikan, kebudayaan malah keagamaan. Meminjam definisi yang dibuat oleh Lubbers, *Globalisasi* ialah menjadi atau menuju ke arah kesejagatan (*becoming or making world wide*) (Lubbers, 1966). Boleh dikatakan konsep, realiti dan sejarah globalisasi telah wujud sejak sekitar abad ke-17 M (Revolusi Sains) dan ia lebih rancak dan agresif selepas Perang Dunia Kedua. Ianya diinstitusikan dengan lebih menyeluruh dan dominan mulai tahun 1989 apabila musnahnya kerajaan Komunis Soviet.

Walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi proses globalisasi, namun sains dan teknologi merupakan salah satu faktor yang penting dalam pembentukan proses globalisasi. Penulis akan cuba menghuraikan peranan yang

dimainkan oleh sains dan teknologi, dan bagaimana ia mempengaruhi pembentukan proses modernisasi. Dalam makalah ini, penulis melihat globalisasi bukan sahaja daripada aspek ekonomi dan teknologi, tetapi juga dari segi pemikiran dan pandangan alam. Globalisasi telah membawa kepada penyeragaman – yang tak semestinya bermakna penyatuan atau perpaduan – dalam corak berfikir dan gaya hidup, dan penyeragaman ini banyak dipengaruhi oleh penerimaan sains dan teknologi sebagai satu fenomena universal. Untuk memahami proses ini, merujuk kepada beberapa episod penting dalam sejarah sains dan teknologi, khususnya Revolusi Sains pada abad ke-17, Revolusi Industri dan Gerakan *Enlightenment* pada abad ke-18.

Faktor-faktor ini, yang dikaitkan dengan Revolusi Sains adalah penting bagi kita dalam memahami kemunculan modeniti di Barat, justeru sekali gus memahami proses globalisasi yang seiringan dengannya.

Perubahan dalam pandangan alam atau *weltanschauung* manusia Barat dikaitkan dengan beberapa perkembangan dalam sains pada abad ke-17. Antaranya termasuklah perkembangan dalam ilmu astronomi, fizik dan biologi. Perubahan daripada astronomi Ptolemy yang berasaskan sistem geosentrik kepada astronomi Copernicus yang berasaskan sistem heliosentrik, iaitu berpusatkan matahari, telah membawa satu perubahan penting dalam cara manusia melihat diri dan kedudukannya dalam alam ini. Ini bermakna berkurangnya pengaruh gereja terhadap sains dan penolakan ilmu lama/*medieval* yang berasaskan teori Plato, Aristotle dan ajaran agama Kristian. Dengan pembebasan ini, manusia Barat tidak lagi dikongkong oleh metafizik budaya lama, tapi bergerak menuju ke arah satu pandangan alam yang baru. Ini diperkuat lagi dengan ilmu geografi yang bertaskan sistem Copernicus, yang membawa kepada pelayaran penerokaan (*voyages of discovery*), yang meluaskan lagi pandangan manusia Barat. Dengan melihat alam ini secara objektif dan bukannya secara geosentrik yang juga

membawa implikasi *man-centric*, manusia telah berjaya mengawal dan menerokai alam dengan lebih berjaya.

Dari segi metodologi sains pula, kemunculan kaedah eksperimen yang bersifat empirikal, telah mengukuhkan dan melengkapkan kaedah sains yang dahulunya hanya bersandarkan kaedah rasional dan matematikal sahaja. Dalam kajiannya tentang mekanik umpamanya, untuk membuktikan kebenaran hukum gerakan bebas (*law of free fall*), Galileo telah menggunakan eksperimen satah condong (*inclined-plane experiment*) untuk membuktikan kebenaran hukum tersebut. Penggunaan kaedah eksperimen sebagai sebahagian daripada metodologi sains, telah diperjuangkan oleh ahli-ahli *Royal Society* di England pada abad ke-17, hingga mengubah corak kajian sains daripada yang bentuk spekulatif, teoritis atau matematikal sahaja, kepada yang berbentuk eksperimental.

Revolusi sains abad ke-17 juga telah mengubah corak ilmu sains daripada yang bersifat "organik" seperti yang terdapat dalam sains Aristotle pada zaman klasik dan pertengahan, kepada sains yang bercorak "mekanistik" yang berteraskan ilmu mekanik dan fizik seperti yang diasaskan oleh Galileo dan Newton. Kalau dahulu ilmu biologi yang berasaskan alam kehidupan menjadi teras ilmu sains, kini ilmu fizik yang mengkaji jasad yang tidak bernyawa mula menjadi asas, model dan paradigma sains yang baru ini. Seiringan dengan ini, maka wujud gerakan untuk mempopularkan falsafah mekanikal atau *mechanical philosophy* di Perancis dan England. Di Perancis, pelopornya ialah tokoh-tokoh seperti Rene Descartes dan Pierre Gassendi, sementara di England pula, ia diperjuangkan oleh ahli-ahli sains seperti Robert Boyle, Robert Hooke, Isaac Newton dan John Dalton (M.B. Hall, 1952). Pandangan alam yang dibawa oleh falsafah mekanikal merupakan satu pandangan yang melihat alam ini sebagai terdiri daripada zarah-zarah kecil yang bergelar atom, yang bergerak mengikut hukum-hukum mekanik yang tertentu, yang bersifat deterministik (E.J. Dijksterhuis, 1986). Descartes

umpamanya, melihat alam ini sebagai suatu "jam gergasi" yang bergerak sendiri menurut peraturan-peraturan tertentu. John Locke (1632–1704) pula membahagikan sifat kepada dua jenis, iaitu sifat primer dan sekunder. Sifat primer seperti bentuk, saiz dan gerakan dianggap hakiki, sedangkan sifat sekunder seperti warna, rasa dan bauan dianggap "subjektif" dan merupakan terbitan daripada sifat primer yang merupakan hakikat yang sebenarnya. Metafizik baru yang dibawa oleh sains baru ini, betul-betul merupakan satu revolusi dalam orientasi pemikiran manusia Barat, dan memisahkan manusia Eropah Zaman Pertengahan dengan zaman moden. Ia juga merupakan satu langkah penting ke arah globalisasi pemikiran, pandangan alam, dan pendekatan terhadap alam dan kehidupan amnya. Namun pendekatan dan pandangan alam yang sedemikian merupakan satu-satunya faktor yang mendukung dan didukung oleh masyarakat industri Barat yang baru, yang terbit hasil daripada Revolusi Industri di Britain pada abad ke-18 (Margeret Jacob, 1988). Penggunaan mesin secara meluas di Britain pada abad ke-18 jelas mempunyai hubung kait dengan sains dan pandangan alam yang muncul di Eropah pada abad ke-17 dan 18. Edgar Zilsel (1942), seorang ahli sejarah dan sosiologi yang berfahaman Marxist juga menekankan faktor corak masyarakat Barat yang baru ini, sebagai suatu faktor penting bagi memahami pemikiran dan pendekatan yang bersifat mekanistik dalam tamadun Barat moden.

Abad ke-17 juga telah menyaksikan bibit-bibit pemisahan antara sains, falsafah dan agama, dan kecenderungan ke arah menjadikan kajian sains sebagai suatu pengkhususan, dan institusi sains sebagai suatu institusi yang *autonomous* daripada institusi gereja. Konflik antara Galileo dan Gereja Katolik Romawi, bukan sahaja melambangkan peristiwa ini, tetapi juga membawa kepada suatu pemisahan institusional antara sains dan gereja. Hukuman yang dikenakan oleh pihak Gereja Katolik pada tahun 1633 terhadap Galileo kerana menyokong teori heliosentrik yang dibawa oleh



Copernicus, jelas menunjukkan bagaimana perkembangan sains tidak lagi boleh dibendung dalam suatu sistem moral, etika dan keagamaan yang berpaksikan fahaman Katolik. Namun demikian, ini tidak bermakna pemisahan sains dan agama secara total di Eropah pada abad ke-17 dan seterusnya, kerana kemunculan mazhab Kristian yang baru, iaitu mazhab Protestan pada abad ke-16, yang mempunyai sistem/nilai dan norma-norma yang berlainan, yang bersifat lebih kondusif bagi perkembangan sains, telah membolehkan sains berkembang di negara-negara Protestan seperti England dan Holland (R.K. Merton, 1970). Fahaman Protestan telah memberikan legitimasi keagamaan terhadap kegiatan sains, dan memulakan langkah yang sebenarnya ialah proses pensekularan, yang bermula dengan proses pensekularan agama itu sendiri melalui gerakan Protestan (Gerth dan Mills, 1958). Pemisahan sains daripada kongkongan agama merupakan satu prasyarat penting bagi kemajuan sains seterusnya di Eropah.

Dari segi hala tuju pencarian ilmu sains pula, ilmu sains tidak lagi bertujuan memberikan kefahaman atau kepuasan intelektual semata-mata mengenai alam tabii, seperti yang terdapat dalam sains Greek dan juga sains Zaman Pertengahan. Melalui pengaruh Francis Bacon khususnya, yang menganjurkan supaya ahli-ahli sains menggunakan ilmu sains secara praktikal bagi menyelesaikan masalah, praktikal dan meningkatkan taraf hidup manusia, maka kajian sains mula mengambil satu corak *utilitarian*. Ini dikaitkan pula dengan laungan supaya ilmu sains bersifat lebih *experimental* dan bukannya hanya bersifat spekulatif atau teoritis. Idea-idea ini diketengahkan oleh Bacon melalui karya seperti *The New Atlantis*, *Novum Organon*, dan lain-lain. Pemikiran Bacon telah mempengaruhi pertubuhan saintifik terpenting di England pada abad ke-17, iaitu *The Royal Society*, yang telah menyerap idea-idea Bacon dalam perlembagaannya dan juga melalui kegiatan-kegiatan yang bercorak *experimental* dan *utili-*

*tarian*. Ini merapatkan lagi hubungan antara sains dan teknologi, yang selama ini merupakan dua bidang yang berasingan, yang perkembangannya juga bergerak secara berasingan tanpa mempengaruhi antara satu sama lain (R. McGinn, 1991). Dengan adanya orientasi baru ini, maka sains mula dikaitkan dengan teknologi dan menyumbang ke arah pembangunan teknologi seperti yang terdapat dalam wawasan Bacon. Trend ini kemudiannya diterima secara meluas hingga mencorakkan hubungan yang seterusnya di antara sains dan teknologi, bukan sahaja di England, malah di seluruh dunia.

Justeru itu, kesan langsung globalisasi boleh dilihat dalam tiga aspek utama bidang kehidupan, iaitu ekonomi, politik, sains dan teknologi, dan budaya. Sejak kelahiran globalisasi ramai para futuris (*fikrah al-mustaqbalah*) Timur dan Barat mengemukakan teori dan gagasan mereka. Antaranya Peter Drucker (1989), Stephen Convey (1990), John Naisbitt (1990) Kenichi Ohmae (1990) dan Kim Woo-Chong (1993). Analisis yang dikemukakan oleh John Naisbitt dalam bukunya *Megatrends Asia* (1997) agak menarik terutamanya apabila beliau memberikan tumpuan khas kepada rantau Asia, satu kawasan yang sama strategik dan berpotensi dari segi guna tenaga dan sumber asli. Ini pastinya menarik minat kuasa Barat lebih-lebih lagi dengan adanya globalisasi. Maka validiti dan justifikasi dominasi ekonomi Barat di Asia tidak mampu ditolak atau disangkal. Dalam konteks Alam Melayu, rantau Asia mempunyai sejarah universalisasi dan globalisasi yang istimewa tentang dominasi kepahlawanan dan keintelektualan *pre-excellent* umat dan wira Melayu sebelum kedatangan penjajah Eropah.

Sesungguhnya potensi besar Alam Melayu dengan segala kekuatan yang ada sudah cukup dan mampu untuk bangkit menjadi bangsa berjiwa besar (lebih 250 juta penduduk umat Melayu di Asia Tenggara) seperti yang pernah diungkapkan oleh Prawoto Mangkuasasmito, tokoh penting Masyumi "... jika dipasang di belakang roda pembangun-

an bangsa dan negara akan mendorongnya sampai ke puncak-puncak pencapaian yang hingga kini belum sampai kita mimpi-mimpikan”.

Menurut Naisbitt ekonomi dunia neokapitalisme telah mengalami satu perubahan paradigma dari konsep dan falsafahnya yang tradisional dan konvensional kepada ekonomi global mutlak *ala unipolar* tanpa had dan sempadan. Ini berdasarkan pengamatan beliau kepada perkembangan mutakhir ekonomi dunia dan serantau yang mengakibatkan lahirnya:

- (i) NAFTA (*North American Free Trade Association*)
- (ii) EU (*European Union*)
- (iii) WTO (*World Trade Organization*)
- (iv) GATT (*General Agreement on Tariff and Trade*)
- (v) AFTA (*Asian Free Trade Association*) dan sebagainya.

Menurut John Naisbitt, cabaran perkembangan globalisasi yang akan memberi dampaknya yang tuntas dan signifikan di kalangan umat Islam majoritinya Melayu di rantau Asia khasnya dalam aspek ekonomi boleh dibahagikan kepada lapan aliran:

(1) *Nation states >>>> networks*

Ekonomi serantau yang didominasi oleh pimpinan politik sesebuah negara akan bertukar kepada jaringan aktiviti ekonomi sesebuah negara dan antarabangsa. Syarikat-syarikat besar multinasional pada peringkat antarabangsa amat dominan dalam menentukan pembangunan sesebuah negara. Malah sebahagian negara kecil perlu bergantung kepada syarikat multinasional untuk memastikan kelangsungan pembangunan ekonomi negaranya. Inilah yang disebut dunia tanpa sempadan (*Borderless World*) oleh Kenichi Ohmae (1990) lebih daripada sepuluh tahun yang lalu.

(2) *Export-led economy >>>> consumer-driver economy*

Secara tradisinya, ekonomi sesebuah negara bergantung kepada kemampuan negara tersebut mengeksport produk atau barangannya. Perkara ini masih berlaku pada alaf mendatang. Tetapi kemunculan kuasa membeli dalam sesebuah negara akibat daripada pembangunan ekonominya akan mewujudkan suatu suasana baru, yakni ekonomi dibangunkan oleh kemampuan pengguna untuk membeli hasil barangan (produk) yang dikeluarkan oleh pihak tempatan, ianya tidak kepada skil dan keupayaan untuk tujuan eksport. Tidak hairanlah kita melihat manusia hari ini sudah menjadi insan konsumeris eksploitis, yang berlumba-lumba mencari kekayaan dan sangat gemar membeli-belah.

(3) *Western influence >>>> Asian way*

Secara tradisinya, pembangunan di rantau Asia banyak didominasi oleh pengaruh Barat. Bermula daripada kaedah dan tatacara perniagaan sehinggalah kepada cita rasa pengguna yang berasa senang dan selesa dengan sesuatu yang datang dari Barat. Inilah yang mengakibatkan larisnya barangan seperti seluar jean dan Levis, makanan segera MacDonaldd, mengidola artis Barat dan sebagainya. Menurut Naisbitt, abad mendatang akan menyaksikan berlakunya perubahan daripada cara Barat kepada cara Asia.

(4) *Government-driven economy >>>> market-driven economy*

Lazimnya yang memacu ekonomi sesebuah negara ialah pemerintah dengan segala dasar dan polisinya. Dengan kata lain di tangan pemerintahlah terletak dasar, polisi dan juga hala tuju pembangunan ekonomi sesebuah negara. Pada alaf mendatang, hal ini diramalkan tidak lagi berlaku. Dengan wujudnya

berbagai-bagai agensi antarabangsa seperti WTO, NAFTA, AFTA dan perjanjian kerjasama antara syarikat-syarikat multinasional, negara tidak lagi mempunyai pengaruhnya secara mutlak dalam membentuk pembangunan ekonomi sesebuah negara. Yang akan memacu pembangunan ekonomi ialah permintaan dan pasaran produk yang dihasilkan.

(5) *Village >>>> supercities*

Satu lagi perubahan yang berlaku hasil daripada pembangunan yang pesat ialah kewujudan bandar-bandar baru menggantikan perkampungan. Bandar tidak hanya dirujuk kepada tempat lokasi tetapi juga dirujuk kepada perubahan budaya, sosial, politik dan ekonomi. Terdapat banyak sekali bandar-bandar baru yang wujud di Malaysia sekarang, mungkin juga di tempat-tempat lain hasil daripada pembangunan ekonomi. Apabila wujudnya rangkaian lebuh raya dan juga kawasan-kawasan perindustrian baru, kampung bertukar wajah menjadi bandar. Kaedah pentadbiran dan pengurusan kampung berubah daripada hanya komuniti kampung yang terdiri daripada jawatankuasa pada peringkat kampung kepada majlis bandaran. Budaya, politik dan kehidupan sosial juga berubah.

(6) *Labour intensive industry >>>> high technology industry*

Industri juga bertukar wajah. Daripada menggunakan buruh yang ramai kepada penggunaan teknologi yang canggih. Buruh tidak lagi melakukan kerja-kerja yang bersifat fizikal yang digunakan dengan mesin dan robot, tetapi memerlukan kepintaran (*smart worker*). Buruh pintar bermaksud setiap pekerja tidak hanya melakukan kerja-kerja tertentu dengan garis panduan kerja yang khusus, tetapi mereka boleh membuat pelbagai jenis kerja dengan bantuan beberapa alat bantu seperti komputer dan peralatan robotik yang lainnya.

(7) *Male dominance >>>> emergence of women*  
 Satu lagi kenyataan yang sukar dinafikan ialah penglibatan wanita dalam sektor yang dahulunya dimonopoli oleh kaum lelaki. Malah di hari ini ramai wanita yang mengetuai pelbagai jabatan di sektor awam dan swasta. Mereka telah membuktikan bahawa kehadiran mereka dalam sesuatu jabatan boleh memajukan lagi sektor tersebut berbanding dengan golongan lelaki. Perkara ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh bilangan kaum wanita yang makin meningkat, tetapi juga bilangan mereka yang berpendidikan, golongan wanita telah membuktikan bahawa prestasi mereka lebih baik daripada lelaki. Suasana ini akan merubah suasana masa depan.

(8) *West >>>> East*  
 Dari segi ekonomi, pusat kegiatan ekonomi sekarang sedang beralih. Secara beransur-ansur dari Barat ke Timur. Yang dimaksudkan dengan Timur ialah negara-negara membangun. Ini ialah kenyataan kerana sumber tenaga manusia, sumber bumi, lokasi dan juga prasarana yang lebih baik kemudian nanti.

Pada hakikatnya sentimen prejudis Barat yang terlalu menebal telah membawa padah yang amat parah. Pemikiran mereka ditutup rapat oleh sifat dan sikap *arogant* (angkuh) yang mengatasi tabiat dan kelakuan *ignorant* (jahil) terhadap Islam dan peradabannya.

Sesungguhnya dunia Barat mampu menoleh ke belakang untuk melihat tamadun silam tanpa tersua dengan khazanah warisan Islam. Malangnya sebahagian besar para ilmuwan Barat sengaja membutakan mata dan memekakkan telinga dari mahu akur mengakui dan mengiktiraf kehadiran rekod cemerlang peradaban Islam tersebut. Tetapi dalam dunia globalisasi 'tanpa sempadan' hari ini terlalu sukar malah melucukan bagi sesiapa untuk terus membohongi diri masing-masing terhadap fakta sejarah

agung ini ditengah-tengah arus ledakan maklumat.

Epistemologi Barat yang dicanai dengan sekularisme telah dikritik hebat oleh sebahagian para ilmuwan mereka sendiri yang prihatin kerana paradigma epistemologi tersebut telah melahirkan sesuatu yang disifatkan sebagai '*disorder*'. Satu keadaan kekacauan dalam 'maratib al-ulum wa al-insan' (*the stages of order in knowledge and man*).

Epistemologi Barat yang dilegitimasi dan didominasi oleh ilmu sains sememangnya dari awal lagi telah bermasalah, sama ada dilihat dari sudut intelektual yang membawa kepada '*intellectual disaster*' menurut Nicolas Maxwell (1987), atau penisbian dan keruntuhan nilai (sistem aksiologi) serta *social catastrophes* atau ketandusan serta pelupusan kepercayaan dan akidah (sistem ontologi).

Justeru untuk merealisasikan agenda perdana Barat pembentukan satu hegemoni *New World Order* yang memberi implikasi langsung kepada kepentingan ekonomi dan politik Barat.

Serangan virus *disorder* dan implikasinya paling ketara dalam bidang pendidikan apabila ramai pakar berpendapat amalan pendidikan yang terlalu memberi penekanan kepada pembangunan sumber tenaga manusia (*Human Resource Development*) bagi mengeluarkan tenaga ekonomi (*the economic man*) tanpa disertai secara sepadan dan seimbang ke arah pembinaan diri dan sahsiah unggul.

Secara kuantitatif, sistem pendidikan telah berhasil cemerlang dengan ramainya graduan guna tenaga yang mempunyai ilmu dalam pelbagai bidang tetapi secara kualitatif, rata-rata mereka ketandusan akhlak dan kerapuhan nilai iman. Natiujahnya mereka terjebak dalam dikotomi kehidupan yang penuh dengan kontradiksi yang diistilahkan sebagai *knowledgeable barbarian* (bajingan berpengetahuan), *skilled barbarian* (bajingan berkemahiran) dan *literate but uneducated* (berpelajaran tinggi tetapi tidak terdidik).

Hubungan intim antara Alam Melayu dengan Islam

ibarat isi dengan kuku. Bukti perhubungan seawal catatan Ibn Batutah dalam *al-Rihlah* bertarikh 746H/1345M. Kira-kira 500 tahun kemudian (dalam kes Tanah Melayu), Perjanjian Pangkor (1874M) dimeterai di antara penjajah Inggeris dengan negeri Perak. Peristiwa ini membawa bibit-bibit awal sekularisme dan ianya terus disuburkan oleh Inggeris dengan dokongan pemerintah tempatan. Sehingga akhirnya mengganggu-gugat sistem pemerintahan dan aksiologi yang diasaskan oleh Islam kepada satu sistem sekular yang serba asing.

Melihatkan serangan bertali arus "kesejagatan" globalisasi Alam Melayu dan umatnya tidak punyai banyak pilihan, mesti mengasimilasikan diri dengan trend global ini. Sebetulnya sejarah pertumbuhan dan kegemilangan jati diri umah dan peradaban di rantau ini mempunyai rahsianya yang tersendiri iaitu rekodnya yang amat akrab dengan domain agama Islam.

Justeru domain inilah membuat Samuel Huntington mengemukakan analoginya dalam, *The Clash of Civilization* bahawa era atau abad mendatang akan berlaku pertembungan di antara tamadun Islam dengan tamadun Barat. Walaupun sebahagian para ilmuwan Barat yang membuat analisis yang agak berlainan dengan menyimpulkan, "*the initiation of a new era of conflicts and reconciliation ...*" (Cox. R., dan Sinclair. T. *Approaches to World Order*, 1996, hlm.115).

Menurut Profesor Hazairin, pakar undang-undang, Indonesia, "... pada zaman kolonial Belanda tidak ada suatu umat beragama yang menderita dalam bidang pelaksanaan hukum agamanya, kecuali umat Islam yang mengalami hambatan-hambatan bagi kepentingan penjajah dan kepentingan perkembangan agama yang disayangi dan disokongnya". Oleh itu bagi kita, Islamisasi ialah normalisasi - kembali kepada kehidupan Islamiah yang selesa dan serasi dengan kita sebagai kaum Muslimin.

Sebenarnya kegemilangan Alam Melayu dan umat Melayu dalam sejarah *lingua franca* tidak mustahil mampu



dinobatkan kembali di persada globalisasi sebagai watak-watak utama. Adegan asimilasi ini semestinya punyai prasyarat seperti yang pernah diungkapkan oleh Pendeta Za'ba dalam konteks bahasa Melayu:

"Bahasa Melayu yang baik tetaplah baik jua walaupun kulitnya Rumi atau Jawi, tetapi jikalau bahasa Melayunya kucar-kacir – kearaban, keinggerisan dan sebagainya maka tidaklah boleh jadi baik hanya dengan sebab kulitnya dirupakan dengan tulisan jawi dan tulisan rumi pun."

(*Pelita Bahasa Melayu*, Penggal I, DBP, 1958)

Rasanya tidaklah menjadi persoalan yang dasar sama ada sikap anti atau pro kepada Barat atau Timur. Dari perspektif falsafah pemikiran Islam kedua-dua wilayah tersebut ciptaan dan milik Allah, sebagai sifatnya yang *baharu*, pastinya ada kelebihan dan ada kekurangan tertentu, kedua-duanya boleh saling lengkap melengkapi tidak seperti yang dipasangka oleh sesetengah pihak. Al-Quran memberi panduan paling jelas dalam persoalan ini seperti ayat-ayat suci yang berikut:

- (1) *Surah al-Baqarah*, ayat 115
- (2) *Surah al-Baqarah*, ayat 142
- (3) *Surah al-Baqarah*, ayat 177
- (4) *Surah al-Shu'ara*, ayat 28
- (5) *Surat al-Ma'arij*, ayat 40

Persoalan sama ada asimilasi globalisasi berkontradiksi atau tidak, sangat bergantung kepada persepsi dan iltizam diri dan umat di alam tercinta ini.

# WAWASAN MELAYU THAI DALAM POLITIK SEMASA



AHMAD OMAR CHAPAKIYA

## Pendahuluan

Melayu Thai yang dimaksudkan dalam makalah ini ialah masyarakat Melayu-Islam yang berada di negara Thai. Mereka berasal daripada rumpun bangsa Melayu dan kedudukan mereka sekarang ialah sebagai warganegara Thai. Mereka merupakan penduduk minoriti terbesar dalam negara yang jumlah bilangan mereka tidak kurang daripada 4 juta jiwa. Majoriti mereka berada di wilayah-wilayah Selatan yang bersempadan dengan negara Malaysia iaitu, Pattani, Yala, Narathiwat, Songkla dan Satun. Mereka juga menduduki wilayah-wilayah Selatan bahagian Utara, iaitu Phatlung, Trang, Krabi, Pangnga, Phuket, Nakhorn Sri Thammarat, Surathani, Ranong dan Chumporn. Mereka ialah penduduk majoriti di keseluruhan Kepulauan Laut Andaman seperti Pulau Panji, Pulau Panjang (Ko'yau), Pulau Lanta, Pulau Libong, Pulau Sembilan, Pulau Pipi, Pulau Pinang (Ko'Mark), dan lain-lain lagi. Selain itu, bilangan mereka tidak kurang daripada satu juta jiwa yang menghuni di

Kota Bangkok dan di wilayah-wilayah sekitarnya seperti Pathumtani, Ayudhya, Nonthaburi, Chachong Sao, Nakhorn Nayok dan Samurt Prakan.

Dalam konteks politik kestabilan dan keamanan negara, mereka dilihat sebagai golongan terpenting yang diberi perhatian oleh pihak kerajaan Thai. Ini dapat dilihat melalui sikap kerajaan Thai pada setiap zaman, dahulu dan sekarang, merancang dan melaksanakan dasar dan polisi tertentu terhadap masyarakat Melayu khususnya yang berada di bahagian Selatan. Mereka dilihat sebagai penduduk negara yang mempunyai kedudukan dan latar belakang sejarah, bangsa, agama, dan budaya tersendiri, berbeza dengan penduduk lain di negara Thai.

Sejak awal tahun 1990-an masyarakat Melayu di negara Thai, khususnya yang berada di wilayah-wilayah sempadan Selatan mengambil sikap positif terhadap politik Thai dengan memberi tumpuan penting dalam politik berparlimen. Ini merupakan fenomena baru dan dianggap sebagai satu bentuk perjuangan baru bagi mereka dalam menghadapi politik Thai.

### Strategi Berkuasa di Parlimen

Menjelang pilihan raya 1996, masyarakat Melayu di selatan Thai turut bergerak dan berperanan secara aktif. Para pemimpin dan ahli politik Melayu turut menentukan polisi dan strategi utama dalam pilihan raya itu. Antara strategi utama bagi mereka adalah untuk mendapat kuasa pemerintahan dan pentadbiran negara sama ada di parlimen atau di kabinet kerajaan pusat. Berdasarkan strategi ini mereka mengadakan pakatan di kalangan ahli-ahli politik Melayu dengan membentuk kumpulan. Mereka menyertai atau memasuki parti politik secara kumpulan dan tidak sendirian. Dengan cara itu, mereka mempunyai kedudukan penting dalam parti politik yang disertai. Berdasarkan strategi ini terbentuk dua kumpulan politik yang besar bagi masyarakat Melayu di negara Thai, iaitu

Perputakan Negara

kumpulan Wahdah (Bersatu) yang dipimpin oleh Wan Muhammad Noor Matha dan kumpulan Nahdhah (Kebangkitan) yang dipimpin oleh Dr. Surin Pitsuwan @ Abdul Halim Ismail. Kumpulan Wan Muhammad Noor Matha memasuki Parti Harapan Baru (*New Aspiration Party*), manakala kumpulan Surin Pitsuwan menyertai Parti Demokrat. Parti Harapan Baru dan Parti Demokrat ialah parti politik terbesar di negara Thai. Dalam pilihan raya yang diadakan pada 17 November 1996, menyaksikan dua kumpulan yang mewakili dua parti tersebut bersaing kuat di seluruh kawasan pilihan raya yang diduduki oleh orang Melayu sama ada di Selatan atau di Bangkok. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat calon wakil rakyat yang bertanding secara sendirian dan tidak melalui dua kumpulan besar itu, tetapi mereka tidak diberi perhatian penting, kerana masyarakat Melayu menyedari bahawa perjuangan mereka sekarang bukannya untuk memenangi kerusi pilihan raya, tetapi adalah untuk memegang kuasa politik pemerintahan dan pentadbiran negara. Untuk mencapai tujuan itu, hanya melalui pakatan secara kumpulan. Atas wawasan masyarakat Melayu ini, maka keputusan pilihan raya 1996, menunjukkan yang menang hanya daripada dua kumpulan yang dibentuk itu. Mereka yang menang daripada kumpulan Parti Harapan Baru ialah Wan Muhammad Noor Matha (Yala), Phaisal Yingsaman (Yala), Den Tokmina (Pattani), Nik Mahmud Sulaiman (Pattani), Arifin Utrasin (Narathiwat) dan Ron Ritichai (Yasuthon). Manakala mereka yang menang daripada kumpulan Parti Demokrat ialah Wairoj Pipitpakdi @ Tengku Din (Pattani), Che Ismail Che Mong (Pattani), Ramli Mamat (Narathiwat), Surachet @ Suhaimi Wan Hasan (Narathiwat), Che' Arming To' Tanyong (Narathiwat), Thanin Chaisamut (Setul), Sena So' Takul (Setul), Samai Chanchang (Bangkok) dan Surin Pitsuwan (Nakhorn Sri Thammarat). Sila lihat Jadual 1.

Apabila keputusan pilihan raya diumumkan secara rasmi, maka para wakil rakyat yang dipilih sebagai Ahli Dewan

**Jadual 1** Wakil Rakyat Muslim yang menang dalam pilihan raya 1996.

Bil.	Nama	Wilayah	Parti
1.	Wan Muhammad Noor Matha	Yala	Harapan Baru
2.	Phaisal Yingsaman	Yala	Harapan Baru
3.	Den Tokmina	Pattani	Harapan Baru
4.	Nik Mahmud Sulaiman	Pattani	Harapan Baru
5.	Arifin Utrasin	Narathiwat	Harapan Baru
6.	Ron Ritichai	Yasuthon	Harapan Baru
7.	Wairoj @ Tengku Pipit-Pakdi	Pattani	Demokrat
8.	Che Ismail Che Mong	Pattani	Demokrat
9.	Ramli Mamat	Narathiwat	Demokrat
10.	Surachet @ Suhaimi Wan Hasan	Narathiwat	Demokrat
11.	Che' Aming To' Tanyong	Narathiwat	Demokrat
12.	Thanin Chaisamut	Setul	Demokrat
13.	Sena So'Takul	Setul	Demokrat
14.	Samai Chanchang	Bangkok	Demokrat
15.	Surin Pitsuwan	Nakhorn Sri Thammarat	Demokrat

Rakyat seramai 393 orang daripada 11 parti politik berkumpul di parlimen pada 23 November 1996, untuk memulakan persidangan pertama yang agenda utamanya ialah memilih Speaker Parlimen. Berdasarkan strategi yang telah diatur, Parti Harapan Baru mencalonkan Wan Muhammad Noor Matha merebut jawatan Speaker Parlimen bertanding dengan calon Parti Demokrat. Melalui keputusan pertandingan jawatan itu Wan Muhammad Noor Matha menang dengan suara majoriti yang besar. Hal ini merupakan perkembangan baru dalam sejarah politik Thai. Masyarakat Melayu Islam yang tertekan dan tertindas selama ini dapat menjadi pemimpin nombor satu dalam parlimen.

Ini merupakan kemuncak kejayaan bagi masyarakat Melayu di negara Thai yang berjuang dalam bidang politik berparlimen.

Pada 24 November 1996, Raja Thai membuat pelantikan rasmi Wan Muhammad Noor Matha sebagai Speaker Parlimen dan merangkap Speaker Dewan Negara.

Pada 25 November 1996 Wan Muhammad Noor Matha selaku Speaker Parlimen mencadangkan ketua Parti Harapan Baru, Chawalit Yong Chaiyut sebagai Perdana Menteri dengan mengajukan cadangan itu kepada Raja Bumipul dan cadangan itu mendapat perkenan baginda serta dibuat pelantikan secara rasmi pada hari tersebut.

Dalam kabinet kerajaan Chawalit Yong Chaiyut, dipilih seorang lagi daripada kumpulan Wahdah iaitu Arifin Utrasin, wakil rakyat dari Wilayah Narathiwat sebagai Timbalan Menteri Pelajaran. Dengan itu, wakil orang Melayu dapat memegang kuasa di parlimen dan juga dalam kabinet kerajaan. Perkembangan ini dianggap kejayaan yang penting kerana strategi utama perjuangan masyarakat Islam antaranya adalah untuk menyelesaikan masalah pendidikan. Sebelum ini pondok atau madrasah yang menjadi pusat pendidikan masyarakat Islam menjadi sasaran politik siamisasi.

Walau bagaimanapun, pada 7 November 1997, Chawalit Yong Chaiyut meletak jawatannya sebagai Perdana Menteri dan mengakibatkan berakhirnya kabinet kerajaannya yang hanya berumur satu tahun. Atas peletakan jawatan Perdana Menteri itu, maka sekali lagi Wan Muhammad Noor Matha selaku Speaker Parlimen menghadap Raja Bumipul pada 9 November 1997 untuk melantik Chuan Lik Pai, ketua Parti Demokrat sebagai Perdana Menteri. Dengan itu terbentuk kerajaan Chuan Lik Pai yang dipimpin oleh Parti Demokrat. Dalam kabinet kerajaan Chuan Lik Pai, dipilih Surin Pitsuwan (Abdul Halim Ismail) selaku ketua kumpulan wakil rakyat Muslim dalam Parti Demokrat sebagai Menteri Luar Negeri. Inilah pertama kali dalam sejarah politik Thai orang Melayu

menjadi Menteri Luar Negeri.

Yang menarik berlaku dalam politik Thai pada kali ini ialah Perdana Menteri dan ahli kabinet kerajaan daripada Parti Demokrat. Manakala Speaker Parlimen daripada Parti Harapan Baru yang kedudukannya sebagai pembangkang. Memang sebelum ini ada cadangan supaya wakil rakyat daripada Parti Demokrat menduduki kerusi Speaker Parlimen, tetapi ternyata cadangan itu gagal kerana populariti Wan Muhammad Noor Matha sangat tinggi. Parti Demokrat tidak upaya melawan arus kerana Wan Muhammad Noor Matha dilihat sebagai seorang pemimpin parlimen yang paling berjaya membawa badan perundangan negara menuju ke arah sistem demokrasi dan menjadikannya, sebagai badan berwibawa dalam politik Thai. Sepanjang empat tahun sebagai Speaker Parlimen (1996–2000), beliau berjaya memimpin parlimen meluluskan undang-undang penting negara sebanyak 194 undang-undang. Beliau berjaya dalam perjuangan meluluskan Undang-undang Perlembagaan 1997. Undang-undang Perlembagaan diperkenankan oleh Raja Bumipul dan diisytiharkan pada 11 Oktober 1997 sebagai Perlembagaan Negara. Perlembagaan itu dianggap sebagai perlembagaan yang paling demokrasi dalam sejarah politik Thai dan modelnya yang paling terbaharu di dunia. Dengan lahirnya perlembagaan itu, maka berlakulah reformasi politik Thai secara meluas.

### Agenda Reformasi Politik Thai

Sebagai pemimpin badan perundangan negara, Wan Muhammad Noor Matha mula melaksanakan agenda utamanya iaitu menjalankan reformasi politik Thai. Langkah pertama yang dijalankannya ialah bertindak membuat pindaan Undang-undang Perlembagaan 1996. Antara yang dipindanya ialah Artikel 211 Bab 12 dengan membentuk Majlis Menggubal Undang-undang Perlembagaan dengan tujuan membuat perlembagaan baru.

Tindakan cepat yang dijalankan ialah memilih ahli Majlis Menggubal Undang-undang Perlembagaan seramai 99 orang yang terdiri daripada dua kategori. Kategori pertama dipilih oleh rakyat dalam wilayah berkenaan dengan seorang mewakili satu wilayah yang berjumlah 76 wilayah. Manakala kategori yang kedua dipilih daripada kalangan pakar dalam bidang undang-undang, politik dan pentadbiran. Proses pemilihan dijalankan melalui institut pengajian tinggi yang mencalonkan nama-nama pakar kepada parlimen dan dibuat pemilihan dalam parlimen. Jumlah mereka seramai 23 orang terdiri daripada lapan orang pakar undang-undang, lapan orang pakar sains politik, lapan orang pakar pentadbiran awam dan tujuh orang pakar yang berpengalaman dalam bidang politik dan berpengalaman menggubal undang-undang. Pada 26 Disember 1996 Parlimen Thai meluluskan pemilihan ahli-ahli Majlis Menggubal Undang-undang Perlembagaan seramai 99 orang dan Uthai Pim Chai Caon dipilih sebagai Pengerusi Majlis. Majlis ini bertanggungjawab menggubal undang-undang perlembagaan dan dituntut selesai dalam tempoh masa 240 hari.

Perlembagaan itu siap dalam masa 233 hari dan mula dibincangkan dalam Parlimen Thai pada 15 Ogos 1997. Hasil daripada perbincangan yang hangat di parlimen, maka pada 23 September 1997, Parlimen Thai yang dipimpin oleh Wan Muhammad Noor Matha berjaya meluluskan Rang Perlembagaan itu sebagai perlembagaan baru bagi negara Thai dengan mendapat suara majoriti sebanyak 574 suara daripada sejumlah 651 orang ahli parlimen.

Pada 11 Oktober 1997, Wan Muhammad Noor Matha selaku Speaker Parlimen telah membawa perlembagaan baru ke istana menghadap Raja Thai untuk menandatangani perlembagaan baru. Pada hari yang sama, Raja Thai menukarkan tandatangan dan bermulalah penguatkuasaan perlembagaan itu sebagai perlembagaan baru bagi negara Thai. Dengan penguatkuasaan perlembagaan itu, maka negara Thai memasuki zaman baru dengan dinamakan Zaman



Reformasi, kerana perlembagaan itu telah membentuk struktur baru bagi politik demokrasi Thai.

Antara ciri-ciri khas bagi perlembagaan ini dapat disimpulkan seperti yang berikut:

- (i) Rakyat diberi hak kebebasan yang tinggi dan mereka mempunyai hak kuasa memecat ahli kabinet menteri dan pegawai pentadbiran pada peringkat tinggi dengan prosedur tertentu. Mereka berhak untuk mendakwa pihak berkuasa dan menuntut ganti rugi daripada tindakan yang dilakukan oleh pegawai kerajaan. Mereka juga mempunyai hak untuk mengusulkan undang-undang.
- (ii) Ahli Dewan Rakyat seramai 500 orang dipilih melalui dua cara. Pertama: dipilih melalui kawasan pilihan raya seramai 400 orang daripada 400 kawasan di seluruh negara. Kedua: dipilih melalui sistem parti calonnya disenaraikan dalam senarai parti yang bertanding. Rakyat di seluruh negara berhak memilih satu parti sebagai satu suara dan jumlah mereka seramai 100 orang.
- (iii) Ahli Dewan Senat seramai 200 orang dipilih oleh rakyat. Dalam pemilihan itu calon tidak dibenarkan berkempen dan tidak boleh menjadi ahli atau terikat dengan mana-mana parti politik.
- (iv) Ahli Dewan Rakyat yang dipilih menjadi menteri dalam kabinet kerajaan hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Dewan Rakyat. Tujuannya supaya menteri menumpukan kerja-kerja pentadbiran di kementerian berkenaan bagi mereka yang dipilih menjadi menteri. Ahli yang dipilih juga hendaklah menjelaskan benci hartanya dan keluarganya.

- (v) Membentuk Mahkamah Perlembagaan dan Mahkamah Pemerintahan. Sebarang perselisihan mengenai pentafsiran undang-undang perlembagaan, akan diputuskan oleh Mahkamah Perlembagaan. Sebarang aduan terhadap pentadbiran dan pegawai kerajaan, akan dibicarakan dalam Mahkamah Pemerintahan.
- (vi) Membentuk Suruhanjaya Pilihan Raya pada peringkat pusat dan wilayah. Mereka mempunyai hak mutlak mengenai pilihan raya dan mereka boleh membatalkan mana-mana calon yang menang dalam pilihan raya, sekiranya didapati bersalah dan melanggar peraturan pilihan raya.
- (vii) Pembahagian kuasa pemerintahan dan pentadbiran kepada peringkat wilayah, daerah dan kampung. Ahli dan jawatankuasa pentadbiran pada setiap peringkat itu melalui pilihan raya yang dipilih oleh rakyat secara langsung.

### Peranan dalam Politik Pemerintahan Negara

Berdasarkan Perlembagaan 1997, bentuk pemerintahan dan pentadbiran negara telah banyak berubah. Perubahan ini turut berlaku pada peringkat wilayah dan tempatan. Sebelum ini, pentadbiran tinggi pada peringkat wilayah dan tempatan dilantik dan ditentukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Lantaran itu wilayah-wilayah Selatan juga terdapat keseluruhan para pentadbir itu daripada kalangan orang Siam-Buddha. Keadaan mula berubah apabila perlembagaan baru menentukan bahawa kuasa tertinggi dalam pentadbiran wilayah dan tempatan ditentukan oleh rakyat melalui pilihan raya. Pilihan raya diadakan pada peringkat tempatan dan wilayah dan peringkat pusat pada setiap empat tahun sekali.

Secara keseluruhannya ekoran daripada perkembang-

an ini, masyarakat Islam turut menyertai dan berperanan dalam pilihan raya yang diadakan pada setiap peringkat. Melalui pilihan raya dalam politik demokrasi ini, memberi kesempatan kepada mereka untuk memegang kuasa politik pentadbiran khasnya di wilayah-wilayah sempadan Selatan yang majoritinya masyarakat Islam bumiputera.

Dengan berkuatkuasanya Perlembagaan 1997, pada awal tahun 2000 diadakan pilihan raya pada peringkat tempatan (kampung) di seluruh negara untuk memilih wakil rakyat yang akan menduduki dalam Majlis Pentadbiran Kampung dikenali "Ungkan Barihan Suan Tambon" dan ringkasnya "OBT". Majlis ini merupakan badan berkuasa tertinggi dalam pentadbiran pada peringkat kampung, termasuk urusan pengutipan hasil pendapatan dan anggaran belanja tahunan. Dengan penyertaan masyarakat Islam secara aktif dalam pilihan raya itu, hasilnya mereka dapat menguasai pentadbiran di kampung-kampung. Pada akhir tahun 2000, pilihan raya pada peringkat wilayah diadakan serentak di seluruh negara. Pilihan raya itu bertujuan memilih ahli Majlis Pentadbiran Wilayah yang dipanggil "Ungkan Barihan Suan Changwat". Majlis ini ialah sebuah badan berkuasa tertinggi dalam pentadbiran pada peringkat wilayah. Masyarakat Islam di wilayah-wilayah sempadan Selatan turut menyertai dalam pilihan raya itu dengan perancangan dan strategi yang jelas. Lantaran itu, dalam pilihan raya tersebut masyarakat Islam mencapai kemenangan sebanyak 85 peratus yang diwakili oleh wakil mereka di empat wilayah iaitu, Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul. Oleh itu, ketua Majlis Pentadbiran di wilayah-wilayah itu terdiri daripada kalangan Melayu Muslim. Walau bagaimanapun, kuasa pentadbiran wilayah ini masih berkongsi antara Majlis Pentadbiran Wilayah dengan Gabenor Wilayah. Gabenor masih dikekalkan dengan sistem pelantikan yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri.

Dalam perkembangan akan datang, gabenor akan ditukarkan menjadi Ketua Eksekutif Wilayah yang di-

panggil *Chief Executive Officer* dan ringkasnya C.E.O. Pada peringkat percubaan, di bahagian Selatan, dipilih Narathiwat sebagai wilayah yang akan melaksanakan sistem baru ini dan mula dilaksanakan projek pada akhir tahun 2001. Sekiranya jawatan ini dipilih seperti pemilihan gabenor di Bangkok, maka sudah tentu orang Melayu Islam dapat menang dan dapat berkuasa penuh dalam pentadbiran wilayah.

Berdasarkan Perlembagaan 1997, pada 6 Januari 2001 diadakan pilihan raya di seluruh negara di bawah sistem baharu. Lebih daripada 80 peratus penduduk wilayah Selatan, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul menyertai dalam pilihan raya ini. Percambahan ini tidak pernah berlaku sebelumnya dan ini membuktikan bahawa penduduk wilayah yang majoritinya masyarakat Islam turut menyertai dalam politik pilihan raya secara serius. Lantaran itu, terdapat wakil-wakil Melayu Islam dapat menangi dengan cemerlang.

Di empat wilayah Selatan iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul terdapat 13 kerusi parlimen. Daripada jumlah ini didapati wakil Melayu Islam telah menang sebanyak 12 kerusi, hanya satu kerusi sahaja yang masih dimenangi oleh orang bukan Melayu. Kedudukan ahli-ahli parlimen di empat wilayah Selatan dapat dilihat dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Ahli Dewan Rakyat di empat wilayah selatan yang menang dalam pilihan raya pada 6 Januari 2001.

Wilayah	Calon yang menang	Agama	Parti
Pattani	1. Wairoj Pipitpakdi	Islam	Demokrat
	2. Somat Chena	Islam	Demokrat
	3. Che Ismail Che Mong	Islam	Demokrat
	4. Nik Mahmud Sulaiman	Islam	HarapanBaru
Narathiwat	1. Arifin Utrasin	Islam	Harapan Baru
	2. Najmuddeen Umar	Islam	Harapan Baru

samb. Jadual 2

Wilayah	Calon yang menang	Agama	Parti
Yala	3. Akrapong Mamat	Islam	Thai Rat Thai
	4. Ponpit (Puan Nuriyah)	Islam	Demokrat
	1. Phaisal Yingsaman	Islam	Harapan Baru
	2. Burhanudeen Husen	Islam	Harapan Baru
	3. Praset Suan Siri	Buddha	Demokrat
Setul	1. Thanin Chaisamut	Islam	Demokrat
	2. Sena So' Takul	Islam	Demokrat

Dengan itu ternyata bahawa ahli-ahli Dewan Rakyat Muslim mendapat dukungan yang kuat daripada masyarakat Islam. Pada umumnya mereka berada dalam dua parti yang besar, iaitu Parti Demokrat dan Parti Harapan Baru. Wan Muhammad Noor Matha semakin mempunyai kedudukan yang kuat dalam Parti Harapan Baru dengan terpilihnya beliau sebagai Setiausaha Agung Parti. Tradisi politik Thai, Setiausaha Agung merupakan orang nombor dua dalam parti. Dalam membentuk kabinet kerajaan, Parti Thai Rat Thai yang dipimpin oleh Thaksin Shinawatra bergabung dengan Parti Harapan Baru. Dengan itu Wan Muhammad Noor Matha turut dipilih sebagai Menteri Perhubungan dan Pengangkutan. Kementerian ini dianggap sebagai kementerian besar dan penting. Lantaran itu, dalam kementerian ini mempunyai tiga orang timbalan menteri. Berdasarkan wawasan Wan Muhammad Noor Matha, beliau berhasrat besar untuk berada dalam kementerian ini, supaya dapat berkhidmat dan membangunkan kemudahan asas (*infra structure*) masyarakat Islam di kawasan Selatan yang sebelum ini diabaikan. Selain itu, beliau dapat melaksanakan beberapa projek besar dalam kaitan strategi hubungan antara kawasan wilayah Selatan dengan negara Malaysia. Dalam waktu terdekat ini akan dilaksanakan projek besar iaitu lebuh raya dan projek pengangkutan dan perjalanan kereta api

yang akan menghubungkan antara bumi Selatan Thai dengan bumi Tanah Melayu. Sudah tentu projek-projek ini memberi erti yang besar dalam mempertautkan hubungan antara rumpun Melayu di rantau ini.

Daripada perkembangan ini, dapat disimpulkan bahawa pada masa depan akan berlaku perubahan di kalangan masyarakat Melayu Islam di Selatan Thai. Mereka akan memberi tumpuan utama dalam politik demokrasi. Mereka percaya bahawa melalui proses demokrasi atau berparlimen, mereka dapat memegang kuasa politik pentadbiran dan pemerintahan sama ada di peringkat daerah, wilayah atau di peringkat pusat. Politik kekerasan tidak lagi diberi perhatian kerana suasana politik negara dan juga politik dunia telah berubah.

Pada umumnya, masyarakat Melayu Islam akan meneruskan perjuangan secara damai. Politik demokrasi Thai memberi ruang kesempatan yang luas untuk mereka bergerak. Walau bagaimanapun, dalam menghadapi politik demokrasi Thai, mereka akan menempuh banyak cabaran. Antara cabaran utama ialah mereka tidak mempunyai golongan profesional yang cukup dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Atas perkembangan politik yang ada sekarang ini, banyak projek besar akan diamanahkan kepada mereka. Sebagai contoh, kerajaan Thaksin Shinawatra dalam Mesyuarat Kabinet Menteri pada 4 September 2001 telah meluluskan Projek Penubuhan Bank Islam di Thailand sebagai memenuhi tuntutan yang diperjuangkan oleh ahli parlimen Muslim. Persoalan sekarang apakah masyarakat Islam mampu mengendalikan penubuhan Bank Islam itu? Sebagai langkah menghadapi cabaran ini mereka sangat perlu diberikan pertolongan dari sudut pendidikan kepakaran dan profesional dalam bidang pendidikan, pentadbiran, pengurusan, ekonomi, sosial selain teknologi dan bidang-bidang yang lain. Hanya dengan persiapan yang matang dan perancangan yang baik, mereka mampu melaksanakan wawasan dan agenda besar yang diperjuangkan oleh mereka.

# PEMIKIRAN MELAYU TENTANG KEADILAN RAJA: SATU ANALISIS BERASASKAN KARYA ADAB KETATANEGARAAN



JELANI HARUN

## Pendahuluan

Kegemilangan sesuatu tamadun bangsa mempunyai hubungan kait yang sangat rapat dengan tradisi pemerintahan yang menerajui bangsa berkenaan. Dalam tradisi pemerintahan terdapat mekanisme kepimpinan tertentu yang menjadi dasar pegangan seseorang pemerintah, sama ada dalam bentuk kegagahan, kebijaksanaan, kekayaan, keadilan dan sebagainya. Dalam konteks ini, keadilan dilihat menjadi asas yang sangat kukuh dalam melahirkan keceMERLANGAN sesebuah pemerintahan, khususnya berdasarkan amalan-amalan mulia yang dibawa oleh ajaran Islam. Keadilan merupakan teras pemerintahan raja-raja, berfungsi sebagai mekanisme yang menjadi nadi atau roh kepimpinan Islam dalam amalan raja-raja dan para pembesar istana Melayu zaman silam. Sebahagian besar daripada asas dan prinsip keadilan tersebut telah ditulis oleh para pengarang istana silam dalam sekumpulan karya yang dikenali sebagai karya ketatanegaraan.

Pembahasan ini membicarakan beberapa asas pemikiran masyarakat Melayu tentang keadilan pemerintah atau raja yang telah sekian lama terakam dalam beberapa buah karya ketatanegaraan. Kajian penulis berasaskan beberapa buah manuskrip karya ketatanegaraan yang telah ditemui seperti *Nasihat al-Muluk* (Aceh), *Taj al-Salatin* (Aceh), *Bustan al-Salatin* (Aceh), *Safinat al-Hukkam* (Aceh), *Thamarah al-Muhimmah* (Riau), *Bayan al-Asma'* (Kutai) dan *Kitab Adab Raja-raja* (Terengganu). Penulisan ini dirasakan penting dalam meneroka kembali khazanah pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu zaman lampau dan meneliti kerelevanannya untuk tatapan dan iktibar generasi siber masa kini.

### Keadilan dalam Islam

Konsep *keadilan* dalam Islam mempunyai pengertian yang sangat luas dan mendalam. Terdapat banyak ayat Quran yang berhubung kait dengan perintah Allah s.w.t. supaya manusia melakukan keadilan dalam seluruh aspek kehidupannya seperti dalam *Surah al-Nahl*: 90, *al-Nisa'*: 58, *al-A'raf*: 29 dan *al-Ma'idah*: 8. Dalam *Surah al-Nisa'*: 58 misalnya, terdapat ayat tentang keadilan yang bermaksud seperti yang berikut:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil."

Petikan ayat-ayat Quran yang lain adalah seperti yang berikut:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman."

(*Surah al-Nahl*: 90)



“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu hampir kepada takwa.”

(*Surah al-Ma'idah*: 8)

Ciri-ciri keadilan yang berteraskan ajaran agama menjadi inti pati pemerintahan dalam Islam dan telah menjadi tema dasar dalam karya-karya *Mirrors for Rulers*. Semua karya ketatanegaraan berpusatkan tema utama yang sama, iaitu tentang keadilan raja-raja dan pembesar negara. Segala prinsip dan peraturan yang dikemukakan dalam karya adab ketatanegaraan menjurus untuk memberi panduan kepada raja-raja dan pembesar negara supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka berasaskan prinsip keadilan.<sup>1</sup> Keadilan menjadi teras penulisan karya ketatanegaraan, berfungsi sebagai mekanisme yang menjadi nadi atau roh kepimpinan Islam kepada raja-raja dan para pembesar istana. Mekanisme keadilan tersebut bertindak seolah-olah sebagai suatu “tenaga” yang menggerakkan perjalanan seluruh sistem pentadbiran negara ke arah yang dicita-citakan dalam ajaran agama Islam.

Dalam Islam, konsep keadilan tidak hanya terhad kepada soal pemerintah memberi hukuman tetapi meliputi segala urusan yang berhubungan dengan rakyat dan berhubungan dengan Tuhan. Untuk menjadi pemerintah yang baik raja perlu mengamalkan sifat adil dalam seluruh urusan pentadbirannya. Dalam konteks karya ketatanegaraan, tema

1 Hampir seluruh karya *Mirrors for Rulers* Parsi seperti *Qabusnama*, *Siyar al-Muluk* dan *Nasihah al-Muluk* memberi penekanan tentang persoalan keadilan raja-raja. Perbincangan menarik tentang prinsip keadilan dalam karya ketatanegaraan Parsi dapat dibaca dalam tulisan Lambton berjudul *Justice in the Medieval Persian Theory of Kingship* (1962).

keadilan raja dan para pembesar negara meliputi medan makna yang luas termasuk sifat-sifat kuat beribadat, pemurah, berani, jujur, menepati masa, mematuhi arahan, tidak khianat, setia, sabar, sopan santun, tidak tamak, hidup sederhana, rendah diri, amanah, tidak rasuah, rajin, ikhlas, dan pelbagai ciri lain.

Di samping itu, tema keadilan tidak hanya menceritakan perkara yang baik, sebaliknya keadilan raja dan pembesar negara juga ditonjolkan dalam bentuk yang bertentangan, iaitu sifat kezaliman raja dan pembesar negara. Karya ketatanegaraan juga kaya dengan kisah kezaliman raja, tentang balasan dosa dan neraka. Walau bagaimanapun, matlamat pengarang tetap sama dan satu, iaitu memaparkan perihal keadilan manusia. Raja yang bersikap zalim secara langsung telah melanggar prinsip keadilan yang telah ditentukan dalam ajaran agama. Pembalasan yang setimpal akan tetap menanti raja yang berkenaan sama ada balasan di dunia atau di akhirat.

## Sejarah

Dalam *Qabusnama*, yakin karya ketatanegaraan Parsi yang pertama, persoalan tentang keadilan raja-raja terdapat dalam beberapa bahagian karya berkenaan. Misalnya dalam bab tentang "The Conduct of Kingship", pengarang menasihati seseorang raja agar sentiasa bertindak berlandaskan rasa hikmah dan kebijaksanaan (Levy, 1951:222). *In every task you propose, first consult with wisdom, for wisdom is the king's prime ministers*. Di samping itu, raja-raja juga dinasihati supaya sentiasa mengelakkan diri daripada perbuatan yang tidak adil, antara lain dengan cara memberi perhatian mendalam terhadap sesuatu permasalahan yang dihadapi, agar dapat membezakan perkara yang benar daripada perkara yang palsu (Levy, 1951:222):

*Never consent to injustice and scrutinize every deed and word with the eye of discrimination, so that you may be able to distinguish the true from the false in all matters.*

*Siyar al-Muluk* karangan Nizam al-Mulk turut memberi perhatian utama terhadap keadilan raja-raja. Pengarang banyak memetik ayat Quran, hadis dan kata-kata orang bijak pandai tentang kepentingan adil dan balasan pahala atau kebaikan bagi orang yang mengamalkan sifat adil. Antara lain, pengarang memetik sebuah ayat Quran (*Surah al-Syura: 17*) dan sebuah hadis yang bermaksud (Darke, 1978:49): *Justice is the glory of the faith and the power of the government, in it lies the prosperity of nobility and commons*. Di samping itu, terdapat pula sebuah hadis tentang balasan syurga yang akan diterima oleh raja-raja yang adil dan balasan neraka kepada raja-raja yang tidak adil (Darke, 1978:12):

*It has come down in a tradition from the Prophet (may Allah bless him and save him) that on the day of the resurrection, when anyone is brought forward who [in his life] wielded power and command over God's creatures, his hands will be bound, if he has been just, his justice will loose his hands and send him to paradise, but if he has been unjust, his injustice will cast him into hell as he is, with his hands bound in chains.*

Ciri-ciri keadilan yang berteraskan ajaran Islam turut menjadi inti pati yang mendasari penciptaan *Nasihah al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali. Menurut Imam al-Ghazali, keadilan raja-raja merupakan suatu ajaran dalam agama Islam, dan raja-raja yang adil akan dikasihi oleh Allah s.w.t. serta mendapat ganjaran pahala di alam akhirat nanti. Hal berkenaan tergambar melalui petikan sebuah hadis seperti yang berikut (*Nasihah al-Muluk*, hlm.118):

"Dan sabda Nabi alaihissalam, "Terlebih dikasih orang itu pada Allah Taala dan terlebih hampir mereka itu segala raja-raja yang adil, dan terlebih dibenci akan mereka itu pada Allah Taala dan terlebih jauh mereka itu segala raja-raja yang aniaya."

Menurut Imam al-Ghazali lagi, seseorang raja yang ingin

mengamalkan keadilan dalam pemerintahannya harus memiliki sepuluh ciri khusus yang membentuk sebagai "pohon" keperibadiannya. Ciri-ciri tersebut diringkaskan seperti yang berikut (*Nasihah al-Muluk*, MS Dc. 73-74, Universiti Edinburgh, hlm. 117-136):

Bermula pohon adil itu sepuluh perkara:

- Pertama : Ketahui dahulu kadar kerajaan dan mengetahui akan bahayanya.
- Kedua : Sentiasa rindu kepada melihat segala ulama.
- Ketiga : Jangan suka pada mengangkat tanganmu daripada aniaya.
- Keempat : Bahawa sanya raja-raja itu pada ghalibnya membesarkan diri.
- Kelima : Maka segala yang tiada engkau berkenan akan dia bagi dirimu maka jangan engkau berkenan akan dia bagi rakyatmu itu.
- Keenam : Jangan engkau hinakan akan segala orang yang empunya hajat.
- Ketujuh : Jangan engkau adatkan akan dirimu itu dengan syahwat.
- Kelapan : Mengerjakan sesuatu pekerjaan dengan perlahan dan lemah lembut.
- Kesembilan : Engkau sungguh-sungguh akan gemar daripadamu sekalian rakyatmu dengan muafakat.
- Kesepuluh : Jangan menuntut akan kesukaan seorang daripada manusia dengan yang bersalahan dengan syarak

Sebagaimana hal keadilan, kisah tentang kezaliman juga mendapat tumpuan besar dalam *Nasihah al-Muluk*. Menurut Imam al-Ghazali, setiap orang raja harus menjauhkan diri daripada melakukan kezaliman. Sifat zalim akan membawa

kepada pelbagai keburukan dalam hubungan pemerintah dengan rakyat jelata. Antara pemikiran Imam al-Ghazali tentang kezaliman pemerintah terdapat dalam petikan berikut (*Nasihah al-Muluk*, MS Dc. 73-74, hlm. 153):<sup>2</sup>

"Bermula raja yang adil itu barang yang siapa adil ia pada antara segala hambanya, dan takut ia daripada aniaya, dan binasa. Dan raja yang aniaya itu celaka ia, tiada tinggal kerajaannya itu, dan tiada kekal. Dari kerana bahawasanya Nabi sallallahu alaihi wassalam berkata, "Bermula kerajaan itu kekal ia serta yang kafir dan tiada kekal serta yang aniaya."

Petikan di atas memberikan suatu gambaran yang jelas bahawa sifat keadilan merupakan suatu syarat penting dalam mengekalkan pemerintahan seseorang raja. Raja yang adil akan sentiasa memelihara keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyatnya. Berlawanan dengan hal itu, raja yang melakukan kezaliman terhadap rakyat akan menghadapi kemungkinan hilang kuasa dan kerajaannya. Hal berkenaan disokong pula oleh sebuah hadis nabi yang bermaksud bahawa sesebuah kerajaan bukan Islam akan terus kekal seandainya para pemerintah mengamalkan keadilan dan sebaliknya, sebuah kerajaan Islam akan runtuh seandainya pemerintah mengamalkan kezaliman. Petikan di atas turut ditemui dalam *Siyar al-Muluk* seperti yang berikut (Darke, 1978:12): *Great men have said, "A kingdom may last while there is irreligion, but it will not endure when there is oppression."*

## Karya Melayu

Kelahiran karya-karya ketatanegaraan Melayu sebagai pengaruh daripada tradisi *Mirrors for Rulers* dari Parsi turut

2 Rujuk Bagley (1964:46). Sumber hadis yang terdapat dalam petikan di atas tidak dapat dipastikan dengan tepat. Petikan yang sama terdapat dalam *Siyar al-Muluk* (Darke, 1978:12) tetapi dicatatkan daripada kata-kata *Great men*.

berteraskan prinsip keadilan kepada raja-raja dan pembesar negara. Penulisan *Taj al-Salatin* misalnya, begitu ketara berpaksikan prinsip keadilan dalam pemerintahan sesebuah negara, khususnya seperti yang terdapat dalam fasal keenam dan ketujuh karya berkenaan (Khalid M. Hussain, 1992:64–91). Antara lain, pengarang memetik sepotong ayat Quran (*al-Nahl*: 90) yang bermaksud “Bahawa sesungguhnya Allah Taala menitahkan akan adil dan ihsan.”<sup>3</sup> Terdapat juga petikan beberapa buah hadis yang berkaitan dengan sifat adil. Salah satu daripada hadis berkenaan bermaksud: “Yang adil itu kemuliaan agama dan kuat sultan juga kerana kepatutan kerendahan dan ketinggian juga.”<sup>4</sup>

Seterusnya, Bukhari al-Jauhari telah memetik beberapa buah hadis dan kata-kata hikmat yang berkaitan dengan beberapa faedah dan kelebihan besar yang akan diperolehi oleh raja-raja yang mengamalkan perbuatan keadilan semasa pemerintahannya. Petikan-petikan berkenaan diambil daripada beberapa buah sumber rujukan seperti kitab *Fadhail al-Muluk*, *Adab al-Muluk*, *Minhaj al-Muluk*, dan *Siyar al-Muluk*.<sup>5</sup> Misalnya, daripada kitab *Fadhail al-Muluk*, Bukhari al-Jauhari memetik beberapa kelebihan yang akan diperolehi oleh raja-raja yang adil, dan pahala yang mereka perolehi berlipat kali ganda dan menyamai pahala seluruh rakyat yang berada di bawah pemerintahannya. Petikan-petikan tersebut adalah seperti yang berikut:

“Pekerjaan dalam kerajaan daripada raja yang adil itu dalam kerajaannya dan menghukumkan dengan hukum yang adil

3 Maksud ayat Quran *Surah al-Nahl*: 90 tersebut secara lengkapnya adalah seperti berikut: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.”

4 Sumber hadis tidak dapat dipastikan.

5 Kecuali *Siyar al-Muluk* tulisan Nizam al-Mulk, karya-karya yang lain masih belum penulis temui.

pada sehari juga terlebih pahala daripada enam puluh tahun sembahyang adanya dan pada hari kiamat beroleh naung Arasy Allah akan naungan raja adil itu.

Dikata pada tiap-tiap hari malaikat Allah Taala membawa berita amal raja yang adil itu sama dengan berita amal segala rakyat yang dalam hukumnya itu.

Dan malaikat yang lain menyuratkan kebajikan dan kebaktian raja yang adil itu sama dengan kebajikan dan kebaktian sekalian manusia yang ada dalam kerajaannya itu.

Sesuatu rakaat sembahyang raja yang adil itu sama dengan seribu rakaat sembahyang rakyat itu dibilang pahalanya.

Amal seorang raja yang adil itu disamakan dengan sebanyak amal sekalian manusia yang ada dalam hukumnya itu.

Prinsip keadilan raja-raja menjadi pusat penulisan Bukhari al-Jauhari dalam keseluruhan 24 fasal *Taj al-Salatin*. Walaupun fasal-fasal berkenaan mempunyai tajuk-tajuk perbincangan yang tertentu tetapi pada hakikatnya berpaksikan kepada prinsip keadilan raja-raja dan juga para pembesar negara. Dalam konteks ini, pada fasal-fasal yang tertentu, Bukhari al-Jauhari menceritakan juga perkara-perkara yang bertentangan dengan keadilan, yakni perbuatan kezaliman raja-raja. Raja-raja yang zalim secara langsung melanggar prinsip keadilan dalam pemerintahannya. Raja-raja yang bersifat demikian tidak akan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara sebaliknya akan mengundang bala bencana dan kehancuran diri sendiri serta negara. Perkara berkenaan tersimpul dalam kata-kata seorang hakim yang dipetik oleh Bukhari al-Jauhari seperti yang berikut (Khalid M. Hussain, 1992:70): "Hilang daulat daripada sebab aniaya."

Nuruddin al-Raniri turut menampilkan persoalan keadilan raja-raja sebagai teras penulisan *Bustan al-Salatin* khusus sebagaimana terdapat dalam Bab III kitab berke-

naan. Dalam Fasal 1 Bab III misalnya, Nuruddin al-Raniri ada memetik beberapa potong ayat Quran, hadis dan kata-kata orang bijak pandai yang berkaitan dengan raja-raja yang adil. Salah satu kata-kata orang bijak pandai tersebut adalah seperti yang berikut (*Bustan al-Salatin*, MS UM 41; 304):

"Sekali peristiwa, pada suatu hari, ditanyai orang akan seorang hakim, "Mana terlebih afdal bagi segala raja, perkasakah atau adilkah?" Maka kata hakim, "Apabila adil segala raja itu, tiadalah berkehendak ia kepada perkasa, kerana dikehendaki daripada segala raja itu melainkan adil pada rakyatnya.""

Kisah keadilan raja-raja turut menjadi isi utama penulisan *Bayan al-Asma'*. Menurut Syeikh Abdullah, raja-raja perlu mengamalkan keadilan dalam pemerintahannya terutamanya semasa menjatuhkan sesuatu hukuman (*Kitab Undang-Undang Raja Nati*, hlm. 84), "Bermula, adalah raja yang adil itu tiada ia mengambil faedah bagi dirinya tatkala ia menghukumkan antara dua orang yang berdakwa" dan berfikir sebelum mengeluarkan kata-kata (*Kitab Undang-Undang Raja Nati*, hlm. 89), "Sayugianya bagi raja itu jangan berkata-kata melainkan kemudian daripada berfikir."

Seperti karya ketatanegaraan yang biasa, pengarang *Safinat al-Hukkam* turut memberi perhatian terhadap sifat adil raja-raja. Menurut pengarang, rakyat sesebuah negeri sangat-sangat mengharap kepada seorang raja yang adil yang diibaratkan (*Safinat al-Hukkam*, hlm. 24), "seperti berkehendak tanam-tanaman yang kering kepada hujan yang amat sangat." Perbandingan tersebut ialah gambaran bahawa kehadiran seseorang raja yang adil sangat-sangat dinantikan dan diperlukan oleh segenap rakyat jelata. Raja yang adil akan menentukan kelangsungan hidup rakyat dalam keadaan aman bahagia, laksana turunnya air hujan yang akan menjadikan tumbuh-tumbuhan hidup subur.

Walau bagaimanapun, menurut Syeikh Jalaluddin, (*Safinat al-Hukkam*, hlm. 24), seseorang raja yang adil perlu



memiliki beberapa sifat yang tertentu seperti berani, murah hati, menepati janji, berkata benar, penyayang, sabar, syukur atas nikmat Allah s.w.t., menahan marah dan memelihara nafsu daripada melakukan kejahatan. Selain daripada itu, seorang raja juga harus memiliki sekurang-kurangnya 10 syarat yang tertentu sebelum dapat menjadi seorang pemerintah yang adil. Syarat-syarat berkenaan merupakan panduan kepada raja-raja dalam melaksanakan urusan pentadbiran negeri khususnya dalam hubungan dengan rakyat jelata. 10 syarat tersebut dapat diringkaskan seperti yang berikut (*Safinat al-Hukkam*, hlm. 24–25):

- Pertama : Menegakkan agama serta mengerjakan amal.
- Kedua : Mengerjakan yang memberi manfaat kepada rakyat.
- Ketiga : Meramaikan negeri dan bandar.
- Keempat : Mengganti kerugian (*taqsir*) atas rakyat.
- Kelima : Memeriksa segala amil fitrah dan syahbandar.
- Keenam : Menghakimi rakyat yang berbantah.
- Ketujuh : Menjaga harta baitulmal.
- Kelapan : Mendirikan hukum (*had*) atas segala yang berdosa.
- Kesembilan : Memilih kadi dan hulubalang.
- Kesepuluh : Malu pada melakukan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan.

Sifat keadilan raja-raja turut mendapat perhatian utama Syeikh Duyung sewaktu menulis *Kitab Nasihat Raja-raja* di Istana Terengganu. Antara lain pengarang telah menyenaraikan beberapa petikan ayat al-Quran, hadis dan kata-kata ulama atau orang bijak pandai tentang kepentingan atau faedah bagi raja-raja mengamalkan sifat adil dalam pemerintahannya. Raja-raja yang adil akan sentiasa mendapat rahmat Allah sama ada dalam kehidupan di dunia atau-

Perpustakaan Negara

pun dalam kehidupan akhirat. Justeru setiap raja dituntut supaya sentiasa berpegang teguh kepada prinsip keadilan dan menjauhkan diri daripada kezaliman (*Kitab Nasihat Raja-raja*, hlm. 18):

"Dan lagi adil itulah dijanjikan Allah mula-mula daripada segala orang yang masuk ke dalam syurga. Dan lagi adil itu melepaskan rantai dan belunggu pada hari kiamat. Dan lagi adil itu menjauhkan api neraka. Maka diharamkan Allah neraka itu memakan akan dia. Dan memasukkan oleh adilnya itu syurga. Dan lagi diangkatkan bagi sultan yang adil itu kepada langit daripada amalnya itu seperti amal segala rakyat negerinya."

Sebelum itu, pada halaman 9 dan 10 kitab berkenaan, pengarang berbicara tentang beberapa sifat raja-raja yang zalim. Menurut pengarang, setiap raja berkewajipan memerintah berpandukan peraturan yang telah ditentukan oleh agama. Dengan erti kata lain, raja tidak boleh memerintah mengikut sesuka hatinya atau mengikut peraturan yang lain daripada yang telah ditetapkan dalam agama Islam. Ajaran Islam telah menetapkan setiap perbuatan manusia di dunia akan diberi pembalasan yang setimpal di hari akhirat kelak (*Kitab Nasihat Raja-raja*, hlm. 9): "Soal: Jikalau ditanyai orang, mana raja yang sejahat-jahat raja? Jawab: Bahawa sesungguhnya raja yang sejahat-jahat raja itu iaitulah raja yang menukarkan agamanya dengan dunia dirinya." Ringkasnya, sifat kezaliman menjadi punca keruntuhan kekuasaan seseorang raja (*Kitab Nasihat Raja-raja*, hlm. 19):

"Maka hendaklah bersungguh-sungguh atas segala yang jadi raja itu memelihara dari mengerjakan zalim dan aniaya. Maka keduanya itulah pohon yang jadi kebiasaan dan asal yang jadi kerosakan dan sebab yang jadi keruntuhan dan kehancuran kerajaannya. Kerana apabila sudah mengetahui orang akan raja dan sultan itu dengan zalim dan aniayanya nescaya bencilah akan dia segala rakyatnya dan dukacitalah hati mereka itu daripadanya pada malam dan siang. Dan sukalah [mereka itu] akan

hilang kerajaannya dan kebinasaannya dan melepaskan lidah mereka itu dengan [mencaci] serta doa sekalian mereka itu dengan kejahatan dan kerosakan kerajaan.”

Dalam hal ini, pengarang *Kitab Nasihat Raja-raja* memperlihatkan sikap yang telus dan berani berterus terang terhadap raja. Dalam kelembutan bahasa pujian terselit ungkapan-ungkapan tegas dan pedas terhadap raja-raja. Di samping memuji raja-raja yang adil dengan bahasa yang lunak pengarang turut memberi amaran keras terhadap perilaku buruk raja-raja dengan bahasa yang kasar dan kesat. Di samping menyatakan balasan pahala dan syurga terhadap raja-raja yang mengamalkan keadilan dalam pemerintahan pengarang tidak lupa pula memberikan amaran-amaran keras balasan dosa dan neraka terhadap raja-raja yang melakukan kezaliman terhadap rakyat (*Kitab Nasihat Raja-raja*, hlm. 2):

“Inilah perkataan yang patik sembahkan ke bawah duli tuanku, hendaklah tuanku fikir dan tilik dengan ilmu dan pengetahuan yang terang yang sukakan makrifat dan iman jangan dengan tilik jahil dan kelam yang mempusakakan sesat.”

Seseorang raja ialah pemimpin negara yang memikul tanggungjawab yang besar dan berat terhadap rakyat dan negara yang dipimpinnya. Oleh itu, seseorang raja harus memiliki beberapa kualiti peribadi yang tertentu sebagai persediaan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab berkenaan, meliputi segala aspek kehidupannya. Perkara berkenaan telah mendapat perhatian utama para pengarang karya ketatanegaraan. Seseorang yang akan menaiki takhta kerajaan sering kali dinasihati agar melengkapkan diri dengan beberapa syarat yang akan menjadi asas kekuatan dan kekukuhan dirinya sebagai ketua negara yang adil.

### Kedudukan Asal

Salah satu ciri utama yang perlu dimiliki oleh seseorang

raja yang adil ialah akal. Akal merupakan fakulti yang membolehkan raja-raja menerima ajaran Tuhan dan petunjuk rasul. Raja yang menggunakan akal dengan betul akan sentiasa berada dalam garis panduan kepimpinan yang benar. Sebaliknya, raja yang tidak berakal atau tidak menggunakan akal dengan betul, akan membawa bala dan bencana terhadap kehidupan manusia.<sup>6</sup> Akal merupakan alat kepada raja untuk berfikir tentang perkara yang baik dan sebaliknya menghindarkan diri daripada hasutan nafsu. Akal menjadikan raja dan pembesar negara sentiasa berada di jalan keadilan dan menjauhkan diri daripada jalan kezaliman.

Perbincangan tentang "akal" mendapat kedudukan yang sangat istimewa dalam karya ketatanegaraan. Tumpuan pengarang amat jelas bahawa semua manusia, raja-raja dan para pembesar khususnya, haruslah berakal dan menggunakan akal mereka dalam segala perbuatan. Dalam *Nasihah al-Muluk*, fasal tentang akal diceritakan secara panjang lebar dalam bab keenam kitab berkenaan dengan judul "Bab yang keenam pada menyatakan kemuliaan akal dan yang berakal".<sup>7</sup> Dalam mewajarkan kepentingan akal, Imam al-Ghazali telah memetik banyak ayat al-Quran, hadis dan kata-kata ulama serta orang bijak pandai tentang kelebihan akal. Petikan-petikan tersebut diperhalus pula dengan cerita-cerita nasihat tentang akal seperti cerita Khalifah Ma'mun yang menghargai orang yang berilmu dan cerita Yunan menulis surat kepada Nusyirwan Adil tentang kelebihan akal.

6 Raja yang tidak berakal bukanlah bermaksud raja yang tidak siaman atau gila, sebaliknya membawa pengertian raja yang tidak menggunakan akal fikiran yang rasional dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan. Hal ini penting diberi perhatian kerana terdapat ramai manusia yang mempunyai akal fikiran yang baik tetapi selalu bertindak terburu-buru dan mengikut hawa nafsu ketika melakukan sesuatu perbuatan. Perkara ini telah mendapat perhatian utama daripada para pengarang karya ketatanegaraan khususnya dalam menasihati raja-raja dan pembesar negara agar sentiasa menggunakan akal fikiran dengan baik dalam urusan pemerintahan mereka.

7 Rujuk Bagley (1964:149-157)

Antara petikan kata-kata Nusyirwan Adil tentang akal ialah (*Nasihah al-Muluk*, MS Dc. 6. 73-74, hlm. 245), "Bahawa sanya tiada bagi raja itu dan tiada bagi rakyat itu yang terlebih baik daripada akal." Malahan, tema tentang kepentingan akal kepada raja yang adil terdapat juga dalam beberapa bahagian lain *Nasihah al-Muluk* seperti tergambar dalam petikan yang berikut:

"Sayugia bagi yang berkehendak akan memelihara akan adil atas segala rakyatnya itu bahawa ditertibkan akan segala hambanya dan pada segala yang bekerja padanya bagi adil ia. Dan dipeliharakan segala hal yang dikerjakan dan dilihat dalamnya seperti dilihat pada isi rumahnya, dan segala anaknya dan segala tempatnya. Dan tiada sempurna baginya demikian itu melainkan memelihara akan adilnya dahulu daripada batinnya. Dan demikian itu bahawa jangan dikeraskan akan syahwatnya dan kusarnya atas akalnyanya itu. Dan jangan dijadikan akan akalnyanya dan agamanya itu akan tuannya syahwatnya dan kusarnya, tetapi dijadikan akan akalnyanya dan agamanya itu akan tuannya syahwatnya dan kusarnya."

(*Nasihah al-Muluk*, hlm. 128)

"Ketahuilah olehmu hai raja, dan nyatakan dalam hatimu, bahawasanya kelihatan adil itu daripada kesempurnaan akal jua ia."

(*Nasihah al-Muluk*, hlm. 129)

"Dan barang siapa tiada ada ia berakal, tiada ada ia adil, dan tempatnya diam itu api neraka. Maka dari kerana sebab inilah ada kepala harta segala yang bahagia itu akal jua."

(*Nasihah al-Muluk*, hlm. 129)

Perbincangan tentang kepentingan akal kepada raja-raja dalam *Bustan al-Salatin* terdapat dalam bab ketujuh kitab berkenaan. Menurut Nuruddin al-Raniri, akal bukan sekadar mempunyai ilmu pengetahuan, malah lebih daripada itu. Akal merupakan pohon iman, alat yang

membolehkan manusia berfikir, yang akan meninggikan martabat kesempurnaan hidup manusia. Sebaliknya orang yang tiada berakal, yakni tiada berfikir, menandakan kelemahan pohon iman seseorang, ibarat seorang yang mati hatinya. Dua petikan berikut merupakan huraian lanjut Nuruddin al-Raniri tentang akal yang boleh menjadi bahan renungan kepada para pembaca:

"Syahadan nyatalah hikayat ini, barang siapa ada baginya ilmu sekalipun bahawasanya akalnya itulah menyampaikan dia kepada martabat yang ketinggiannya. Dan barang siapa ada baginya ilmu dan tiada baginya akal, nescaya kembalilah segala pekerjaannya terbalik. Dan barang siapa ada baginya sempurna akalnya serta alim, nescaya adalah ia di dalam dunia hakim yang bijaksana lagi ikutan segala manusia. Maka bahawasanya, keelokan dan kemuliaan dan kebesaran martabatnya dan kebajikannya segala hal dunianya dan akhiratnya dengan akal jua. Dan kesempurnaan segala suatu dengan dia jua. Dari kerana akal itu pohon iman dan pertengahannya dan kesudahannya."

(*Bustan al-Salatin*, MS SOAS 36500: hlm. 20)

"Kata hukama, jikalau dibanding akal itu dengan matahari nescaya padamlah cahaya matahari, dan jikalau dibanding bebal itu dengan malam yang gelap nescaya sangatlah kelamnya. Bahawa yang terlebih fana itu barang siapa ketiadaan akal. Bahawa tiap-tiap segala suatu itu apabila banyaklah suatu nescaya jadilah muram ia melainkan akal jua. Maka apabila sempurnalah akal pada seorang nescaya kuranglah kata-katanya. Dan barang siapa tiada berbicara dengan akalnya nescaya tiadalah dapat melawan seterusnya dan ketakutanlah ia dengan bebalnya. Dan tiada berakal itu umpama orang yang mati, dan seperti orang yang puru katak, tiada jua taulan yang menyebutkan dia melainkan bebalnya jua."

(*Bustan al-Salatin*, MS SOAS 36500: hlm. 8)

Persoalan tentang akal turut dapat ditemui dalam *Safinat al-Hukkam*. Dalam kitab tersebut, pengarang

menasihati raja-raja agar sentiasa menggunakan akal dan tidak mengikut hawa nafsu. Raja-raja yang tidak dapat berfikir dengan baik akan berkelakuan seperti “gajah liar dalam hutan”. Pengawalan nafsu akan berjaya seandainya raja-raja menggunakan akal dengan bijaksana dalam segala urusan pemerintahannya. Hal tersebut dinyatakan seperti yang berikut (*Safinat al-Hukkam*, hlm. 20–21):

“Bermula sayugianya bahawa diketahui pohon segala adab memerintahkan rakyat oleh segala raja-raja dan gantinya itu iaitu dua qaedah. Maka qaedah yang pertama itu ilmu akan hukum Islam dan akan hukum syariat Rasul Allah sallallahu alaihi wassallam seperti yang lagi akan datang. Insyaaallahu Taala. Kerana jikalau tiada ilmu serta perintah maka binasa yang diperintahkan itu terlebih banyak daripada baiknya. Dari kerana tatkala itu mengaranglah hawa nafsu kepada segala kehendaknya seperti mengarang gajah liar dalam hutan.”

“Dan qaedah yang kedua itu mengambil hawa nafsu kerana betul bicara dan tersalahnya daripadanya jua datangnya. Maka apabila kuat cita fikirnya, maka adalah alamat keras sultan bicara dalamnya dan hinalah hawa itu. Dan apabila daif cita fikirnya, maka alamatnya mengeras hawa itu atas nafsu, maka tertutuplah akal dalamnya dan tersalahlah bicaranya. Dan tatkala itu tiadalah ia dapat menghukumkan orang yang lainnya.”

Penekanan pengarang tentang kepentingan raja-raja menggunakan akal dalam mengawal hawa nafsu dihuraikan lagi melalui satu analogi tentang hubungan suami dan isteri dalam sebuah rumah tangga. Suami diandaikan seperti akal yang harus mengawal isteri yang diibaratkan seperti nafsu. Analogi tersebut adalah seperti yang berikut (*Safinat al-Hukkam*, hlm. 21–22):

“Dan kata setengah hakim, bermula akal itu seperti suami dan nafsu itu seperti isteri, dan tubuh seperti rumah bagi keduanya. Maka apabila adalah suami itu keras atas isteri

maka diperbaiknyalah segala alat rumah itu sama ada kerana yang manfaat atau yang menolakan jenis mudharat. Dan jikalau keras isteri atas suami, maka berusahalah isteri itu pada memenuhi hawa nafsunya dan tiadalah dihiraukannya akan suaminya, maka jadi binasalah rumah itu."

Syeikh Abdullah al-Mesiri, pengarang *Bayan al-Asma'*, turut memberi penekanan tentang kepentingan akal kepada raja-raja. Menurutinya, sifat adil hanya lahir daripada raja yang mempunyai akal. Raja yang berakal akan dapat menjalankan tugas pemerintahan dengan baik, adil dalam melaksanakan hukum dan bijaksana dalam memilih para pembesar. Huraian pengarang tentang sifat keadilan raja-raja tersebut diikuti pula dengan petikan beberapa buah cerita nasihat. Antara cerita tersebut termasuklah cerita keadilan Nusyirwan Adil dan Iskandar Zulkarnain. Salah satu ciri raja-raja yang adil ialah sentiasa mendapat nasihat daripada para ulama dan orang-orang yang lebih tua (*Kitab Undang-Undang Raja Nati*, hlm. 83):

"Tiada bagi seorang mendapat adil itu melainkan dengan akal, dan tiada diperoleh akal itu melainkan dengan dua perkara. Pertama, berhimpun dengan ulama dan orang tuha-tuha, dan kedua mengambil pengajar dan nasihat daripada mereka itu."

Di samping itu, Syeikh Jalaluddin turut menyatakan bahawa seseorang raja harus memiliki lima "rukun kerajaan" yang utama, iaitu sentiasa sedar tentang tugas pemerintahan terhadap rakyat dan negara, memiliki adab yang baik, mempunyai akal yang baik, adil dan bersifat berani. Menurut pengarang, kelima-lima "rukun kerajaan" tersebut berperanan sebagai sendi yang akan menguatkan kerajaan. Hal tersebut digambarkan secara perbandingan seperti yang berikut (*Safinat al-Hukkam*, hlm. 22): "Seperti tamsil rumah, sekalian tiangnya itu hendaklah terduduk atas segala batu sendinya, dan jikalau tiada demikian maka



tiadalah tetap rumah itu.”

*Thamarah al-Muhimmah* karangan Raja Ali Haji turut memberi penekanan khusus tentang kepentingan akal kepada raja-raja. Akal ialah unsur penting yang akan menjadikan seseorang raja itu berilmu pengetahuan dan seterusnya dapat menjalankan tugas dengan baik. Menurut Raja Ali Haji, akal ialah unsur utama yang membolehkan seseorang raja itu menjalankan hukuman yang adil ke atas rakyatnya (Hasan Junus, 1996:180): “Segala raja-raja dan orang besar-besar jika tiada dengan ilmu dengan apa hendak menghukumkan segala manusia.”

Kepentingan akal turut mendapat perhatian utama pengarang *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*. Menurut Raja Ali Kelana, akal ialah unsur yang membina adab keperibadian seseorang manusia (*Kitab Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:13): “Bermula asas segala kelebihan dan kebajikan adab itu ialah akal.” Saranan pengarang tentang keutamaan akal dan ilmu disampaikan juga melalui petikan syair seperti berikut (*Kitab Ringkas Berbetulan Lekas*, 1910:12):

Ilmu itu semulia barang,  
Telah berkata oleh seorang,  
Siapa tiada padanya terang,  
Bukan laki-laki disebut orang.

Tuntutlah ilmu jika sengsara,  
Amal akan dia ayuhai saudara,  
Dengan dia perhiasan mesra,  
Pengetahuan amal tiadalah cedera.

Huraian di atas menunjukkan bahawa karya ketatanegaraan memberi perhatian yang khusus terhadap kepentingan akal kepada raja-raja. Akal merupakan alat bagi raja-raja mendapatkan ilmu pengetahuan tentang ajaran agama dan dapat memandunya melaksanakan tugas sebagaimana tuntutan agama. Akal membolehkan raja-raja berfikir secara rasional tentang adab dan tatacara

kehidupan manusia yang baik dan memandu ke arah pemerintahan yang adil dan bijaksana. Justeru, akal merupakan suatu syarat utama yang harus dimiliki oleh setiap raja-raja, malahan juga setiap pembesar negara.

### Cerita Nasihat

Segala panduan tentang keadilan atau kezaliman raja-raja yang terdapat dalam karya ketatanegaraan akan diperhalus oleh para pengarang dengan memetik beberapa buah cerita nasihat dan teladan. Suatu contoh yang baik tentang keadilan raja-raja terdapat dalam Bab III *Bustan al-Salatin* berkaitan dengan peribadi mulia Khalifah Umar al-Khattab seperti yang berikut (*Bustan al-Salatin* UM 41: hlm. 311-313): Pada suatu malam, Khalifah Umar al-Khattab dan Zaid ibn Muslim (Zayd ibn Aslam) berjalan-jalan di sekitar kota Madinah. Dalam perjalanan tersebut mereka telah berjumpa dengan seorang wanita dan tiga orang anaknya yang sedang kelaparan. Khalifah Umar al-Khattab segera bertanya tentang masalah wanita tersebut dan tentang bahan yang sedang dimasaknya. Wanita tersebut menjawab: "Suatu pun tiada di dalam periuk ini, hanya hamba melalikan kanak-kanak ini supaya sangka segala kanak-kanak ini ada hamba menanak makanan, nescaya sabarlah ia."

Setelah mendengar cerita wanita berkenaan, Khalifah Umar al-Khattab segera kembali ke Kota Madinah dan membeli beberapa barang makanan. Zaid ibn Muslim cuba membantu Khalifah Umar al-Khattab untuk membawa barang makanan tersebut tetapi dihalang oleh khalifah dengan kata-kata: "Hai Zaid ibn Muslim, jikalau engkau menanggung tanggunganku ini maka siapa jua menanggung dosaku pada hari kiamat dan siapa menahan seksa-Nya akan daku?"

Apabila tiba semula di tempat wanita tadi, Khalifah Umar al-Khattab segera memasak barang makanan yang dibawanya dan mempersilakan wanita dan anak-anaknya

makan. Wanita tersebut mengucapkan syukur kepada Tuhan terhadap rezeki yang diperolehinya. Setelah selesai mereka makan, Khalifah Umar al-Khattab berkata kepada wanita tersebut: "Hai perempuan, jangan engkau serapa akan Umar, bahawasanya ia tiada mengetahui khabarmu dan segala khabar anakmu."

Demikianlah secebis kisah tentang sifat mulia dan insaf Khalifah Umar al-Khattab yang dipetik oleh Nuruddin al-Raniri dalam Bab III *Bustan al-Salatin*. Seharusnya kisah tersebut memberi pengajaran dan iktibar kepada raja-raja tentang tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan dalam memelihara kebajikan rakyat. Tema pengajaran yang terdapat dalam cerita tersebut diperkukuhkan lagi oleh Nuruddin al-Raniri dengan sedikit "nasihat" beliau yang terdapat di akhir cerita seperti yang berikut (*Bustan al-Salatin* UM 41: hlm. 313):

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja melakukan kelakuannya seperti Amirulmukminin Umar radiallahuanhu supaya diperolehinya pusaka khalifah adil daripada Amirulmukminin Umar radiallahuanhu."

Suatu contoh lain terdapat dalam cerita Nusyirwan Adil pergi berburu (*Bustan al-Salatin* UM 41: hlm. 466–467). Nusyirwan Adil menyuruh hulubalangnya pergi membeli garam daripada orang kampung untuk memanggang hasil perburuan dan berpesan supaya membayar harga garam tersebut tanpa mengurangkan walau sedikit pun, "supaya jangan jadi binasa adat." Hulubalang pun bertanya, "Ya Tuanku Syah Alam, sekadar sedikit harga garam ini kebinasaan jua?" Pertanyaan hulubalang tersebut dijawab oleh Nusyirwan Adil seperti yang berikut:

"Tahukah kamu bahawa dahulu kala dalam dunia ini sedikit jua aniaya. Maka tiap-tiap sekali raja-raja yang jadi kerajaan ditambahnya jua aniayanya sedikit itu hingga jadi bertambah-tambah aniaya itu.... Jikalau raja itu mengambil sebiji buah kayu nescaya dibantun segala hulubalangnya dan segala hamba sahayanya pohon kayu itu dengan

segala akarnya. Dan jika raja itu mengambil dengan aniayanya sebiji telur nescaya diambil hulubalang dan laskar itu akan segala ayam dan unggas yang dalam negeri itu."

Sebagaimana cerita Khalifah Umar al-Khattab di atas, cerita tentang Nusyirwan Adil juga tidak kurang mengandung pengajaran dan iktibar yang perlu dihayati oleh raja-raja. Raja-raja harus sentiasa mengawasi tingkah laku setiap pegawai yang berkhidmat di bawah arahannya agar mereka sentiasa memelihara kebajikan rakyat. Raja-raja juga harus menunjukkan contoh teladan yang baik kepada para pegawainya agar mereka sentiasa mempunyai budi pekerti yang baik terhadap rakyat. Tema pengajaran daripada cerita di atas diperkukuhkan lagi oleh Nuruddin al-Raniri dengan "nasihat" beliau seperti yang berikut:

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja yang adil mengambil ibarat dan insaf daripada mendengar hikayat ini. Dengarlah hal Raja Nusyirwan Adil lagi dalam agama kafirnya, betapa ia memeliharakan dirinya dan akan segala hamba sahayanya daripada berbuat aniaya. Dan dicelanya akan segala raja-raja yang mengadakan aniaya itu."

"Barang siapa mengadakan suatu adat yang kebajikan maka adalah baginya pahala yang diadatkannya itu dan adalah pula baginya seperti pahala yang pada orang yang mengamalkan dengan dia. Dan barang siapa yang mengadakan suatu adat yang kejahatan maka adalah baginya dosa yang diadatkannya itu dan adalah baginya dosa barang siapa yang mengamalkan dengan dia."

Di samping kisah keadilan raja-raja, Nuruddin al-Raniri turut memberi perhatian terhadap cerita-cerita tentang kezaliman raja-raja. Misalnya dalam Bab V *Bustan al-Salatin*, banyak dikemukakan sifat raja yang zalim seperti merampas harta rakyat, takbur dengan harta kekayaan, memungut

cukai dengan tinggi, memberi hukuman yang tidak adil dan sebagainya. Setiap sifat buruk tersebut diperhalus dengan petikan cerita-cerita teladan (anekdot) dan sering kali pula diakhiri dengan nasihat-nasihat secara terus daripada pengarang. Penekanan pengarang sangat jelas, bahawa raja yang zalim akan menerima balasan daripada Allah sama ada di dunia ataupun di akhirat. Contoh yang baik terdapat dalam kisah Raja Syahriar dengan malaikatulmaut yang diakhiri dengan nasihat pengarang seperti yang berikut (Klinkert, 14:83):

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja, jangan ia membesarkan dirinya kerana melihat kekayaan, dan jangan ia maghrur dengan kekayaannya dunia yang fana ini, lagi jangan ia mentakburkan dirinya."

Bab VI *Bustan al-Salatin* berkaitan dengan sifat raja yang pemurah. Menurut Nuruddin al-Raniri, setiap raja harus memiliki sifat pemurah. Dalam menguatkan hujahnya, Nuruddin al-Raniri telah memetik hadis yang bermaksud (*Bustan al-Salatin*: hlm. 166): "Tiap-tiap kekayaan yang tiada murah itu adalah seperti pohon kayu yang tiada berbuah." Kepentingan sifat pemurah berkenaan diperhalus pula dengan beberapa buah cerita orang yang pemurah khususnya tentang Khalifah Ali ibn Abu Talib, Khalifah Uthman ibn Affan, Harun al-Rasyid, Yahya ibn Khalid Barmaki dan tokoh legenda Hatim al-Tai. Berdasarkan cerita-cerita yang dipaparkan akan memberi panduan kepada raja-raja agar sentiasa mengamalkan sifat pemurah dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, Bab VI *Bustan al-Salatin* juga mengandungi kisah tentang raja-raja yang berani. Raja-raja juga dituntut supaya memiliki sifat berani khusus dalam mempertahankan negara. Selaras dengan itu, Nuruddin al-Raniri telah memetik beberapa buah cerita berkaitan dengan sifat raja-raja yang berani, antaranya, termasuklah cerita yang panjang lebar tentang siri peperangan yang telah dilalui oleh Nabi Muhammad s.a.w. (*Bustan al-Salatin*, hlm. 173-339).

Dalam cerita-cerita berkenaan tergambar sifat-sifat keberanian Nabi Muhammad yang boleh menjadi panduan kepada raja-raja.

### Rumusan

Keterangan di atas menggambarkan bahawa karya ketatanegaraan memiliki prinsip keadilan raja-raja yang tersendiri. Raja-raja ialah pemimpin yang mempunyai pelbagai keistimewaan sama ada dari segi jurai keturunan, kekayaan harta benda ataupun kekuasaan. Pada masa yang sama, raja-raja juga memegang amanah dan tanggungjawab yang besar terhadap rakyat dan negara yang di bawah pemerintahannya. Islam sebagai suatu cara hidup yang sempurna telah menyediakan pelbagai ganjaran pahala yang besar kepada raja-raja yang berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik, yakni yang berpegang teguh kepada prinsip keadilan. Raja-raja yang berkenaan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah s.w.t. sama ada semasa hidup di dunia ataupun di alam akhirat nanti.

Kepentingan prinsip keadilan raja-raja mendapat perhatian utama para pengarang karya ketatanegaraan. Sebagai sebuah genre yang memberi panduan pemerintahan kepada raja-raja, karya ketatanegaraan telah dibina khusus berteraskan prinsip keadilan raja-raja, meliputi segala panduan tentang syarat, ciri dan contoh teladan tentang keperibadian raja-raja yang adil. Prinsip keadilan berkenaan telah pun bermula dalam karya *Mirrors for Rulers* tradisi Parsi dan kemudiannya berkembang dalam karya ketatanegaraan Melayu. Dalam konteks ini, pengarang karya ketatanegaraan telah menyumbangkan jasa yang besar dalam memelihara kesejahteraan dan keharmonian pemerintahan seseorang raja, sesuai dengan kedudukan sebahagian besar daripada mereka yang berkhidmat selaku penasihat kepada raja-raja. Berikut dinyatakan sepuluh ciri raja-raja yang adil berdasarkan karya ketatanegaraan yang dapat dirumus-

kan seperti yang berikut:<sup>8</sup>

### 1. Raja harus memahami tugas dan tanggungjawabnya

Seseorang raja yang menaiki takhta kerajaan harus mengetahui dan memahami tugas dan tanggungjawab yang harus dijalankannya. Kedudukan sebagai seorang raja bukan sekadar menjadi ketua kerajaan tetapi sebaliknya memikul amanah daripada Allah s.w.t. sebagai pemimpin kepada rakyat dan negara. Tugas kepimpinan tersebut akan dinilai oleh Allah s.w.t., dan akan diberi balasan pahala atau dosa mengikut amalan kebaikan atau keburukan yang telah dilakukan.

“Bahawa diketahuinya (raja) dahulu kadar kerajaan dan mengetahui akan bahayanya. Maka bahawa kerajaan itu suatu nikmat bagi yang berdiri dengan sebenar-benarnya, diperoleh daripada bahagia yang tiada hingga baginya, tiada bahagia kemudiannya. Dan barang siapa taksir daripada berdiri dengan haknya diperoleh ia dalam celaka.”

(*Nasihah al-Muluk*, MS Dc. 6.73–74, hlm. 118)

Nasihah: “Sayugianya bagi segala raja-raja mengerjakan pekerjaan adil supaya terpelihara ia daripada sekalian bahaya dan diteguhkan Allah Taala kerajaannya.”

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 436)

### 2. Raja harus beriman dan beramal salih

Seseorang raja harus beriman terhadap Allah s.w.t. dan

8 Sepuluh ciri raja-raja yang adil ini merupakan suatu rumusan yang penulis perolehi berdasarkan tiga buah karya ketatanegaraan yang penting iaitu *Nasihah al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali, *Taj al-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari dan *Bustan al-Salatin* oleh Nuruddin al-Raniri. Penulis mendapati semua sepuluh ciri berkenaan begitu ketara dapat ditemui dalam ketiga-tiga buah karya yang berkenaan. Pemilihan penulis terhadap sepuluh ciri raja-raja yang adil berkenaan disokong dengan beberapa buah petikan daripada karya-karya yang berkenaan. Senarai ciri raja-raja yang adil mungkin akan lebih panjang seandainya diambil kira beberapa ciri lain secara lebih halus dan mendalam seperti ciri berani, setia, jujur, rela berkorban dan sebagainya.

sentiasa melakukan amal salih. Sifat keadilan akan lahir daripada raja-raja yang sentiasa memeriksa diri sendiri, menyempurnakan ibadat sembahyang, puasa dan amalan-amalan yang lain. Raja yang beriman akan berusaha menasihati rakyat supaya melakukan perkara kebaikan dan menegah daripada amalan-amalan keburukan.

"Bahawa (raja) jangan menuntut akan kesukaan seorang daripada manusia dengan yang bersalahan dengan syarak.."

(*Nasihah al-Muluk*, MS Dc. 6. 73-74, hlm. 135)

"Ada pun dalam kitab *Akhbar as-Salatin* dikatanya terbaik daripada segala raja-raja itulah yang diusahakan dalam segala pekerjaan agama Islam dengan peri syariat Nabi Muhammad s.a.w., dan tidak meninggalkan lima waktu salat itu dengan barang hal adanya, sehingga kelarangan ia kerjakan barang sesuatu pekerjaan yang berlainan dengan hukum syariat kerana kebinasaan agama dan kerajaan pun daripada perbuatan yang bersalahan dengan syariat adanya, dan lagi kelarangan ia beri rakyatnya berbuat barang sesuatu perbuatannya yang bersalahan dengan hukum syariat."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:78)

"Hendaklah yang raja itu dalam hukumnya kerana kesukaran dan kesukaan segala manusia jangan dilalui daripada hukum Allah Taala dan hukum syariat pesuruh-Nya."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:165)

### 3. Raja harus menjadikan peribadi yang adil pada masa lalu sebagai contoh

Jasa dan sumbangan peribadi-peribadi besar zaman silam seperti Nabi Muhammad s.a.w., khalifah yang empat dan beberapa orang pemerintah negara Islam yang lain tetap dikenang sehingga ke hari ini. Demikian juga dengan peribadi-peribadi mulia seperti Raja Nusyirwan Adil dan



Hatim al-Tai. Walaupun mereka bukan beragama Islam tetapi telah mengamalkan nilai-nilai mulia dalam kehidupan. Sifat-sifat keadilan dan kebijaksanaan mereka bukan sahaja menjadi catatan sejarah malahan turut tersebar dalam pelbagai bentuk hikayat dan cerita nasihat sebagai panduan dan iktibar generasi yang seterusnya.

"Hendaklah yang raja itu dalam segala hal menurutkan akan peri dan perbuatan segala raja-raja yang beriman dan budiman dan adil."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:164)

Nasihat: "Hai segala raja-raja yang adil, dengarlah hal Amirulmukminin Umar radiallahuanhu, betapa ia merendahkan dirinya daripada melihat kebesaran Allah Taala dan melelahkan dirinya kerana memelihara segala hamba Allah dan meneguhkan syariat Nabi sallallahu alaihi wassalam."

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 315)

#### 4. Raja harus mengamalkan sifat sederhana

Seseorang raja mewarisi harta kekayaan dan kekuasaan yang sangat besar. Dalam konteks zaman silam, kekayaan dan kekuasaan seseorang raja tanpa batasan, meliputi seluruh rakyat dan negeri. Justeru, seseorang raja terdedah kepada pelbagai kemungkinan penyalahgunaan harta kekayaan dan kekuasaan demi kepentingan diri sendiri dan seterusnya akan mendekati diri seseorang raja kepada perbuatan tamak, zalim, sombong, takbur dan meninggikan diri terhadap rakyat jelata. Oleh itu, seseorang raja dinasihati supaya sentiasa mengamalkan cara hidup yang sederhana, rendah diri dan mensyukuri nikmat-nikmat anugerah Tuhan.

Adapun dalam kitab *Adab al-Omar* dikatakan bahawa, "Ada pun bahawa raja yang adil itu tiada dapat ia membesarkan dirinya kerana orang yang membesarkan diri itu daripada tanda murka Tuhan Yang Maha Tinggi akan dia dan

kelakuan mereka itu menghilangkan budi manusia."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:86)

Nasihat: "Sayugianya segala raja-raja, jangan ia membesarkan dirinya kerana melihat kekayaan, dan jangan ia maghrur dengan kekayaannya dunia yang fana ini, lagi jangan ia mentakburkan dirinya."

(*Bustan al-Salatin*, MS Klinkert 14, hlm. 83)

#### 5. Raja harus sentiasa mendampingi kehidupan rakyat

Seseorang raja harus sentiasa mengetahui keadaan hidup rakyat dengan cara melihat sendiri corak kehidupan mereka. Justeru, pada waktu-waktu yang tertentu seseorang raja harus keluar dari istana dan memeriksa kehidupan rakyat jelata di luar kawasan istana. Hal berkenaan boleh dilakukan secara terus melalui lawatan-lawatan rasmi ataupun secara rahsia tanpa disedari oleh rakyat. Dengan melihat sendiri kehidupan rakyat akan memberi lebih maklumat tentang permasalahan ataupun keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh rakyat jelata secara terus tanpa melalui perantaraan para pembesar istana.

"Bermula segala raja yang iman dan budiman dan adil, menyuruhkan beberapa orang yang ia dapat harap padanya pergi dalam segala negerinya supaya melihat hal ehwal rakyat sekalian akan ganti mata telinga raja adanya, dan membawa khabar kepada raja supaya rajalah dapat periksa kelakuan segala hamba Allah dengan sepatutnya. Tetapi banyak segala raja-raja itu tidak percayai akan orang yang lain, dan sendirinya ia berjalan pada malam kepada barang tempat akan melihat hal dan mendengar khabar segala rakyatnya, dan periksa dia pada siang supaya barang sesuatu digenap oleh sendirinya dengan sebenarnya."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:80-81)

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja yang adil, mengambil ibarat dan insaf pada mendengarkan hikayat ini dan jangan lalai daripada mengambil khabar segala hamba Allah yang teraniaya daripada yang menganiaya dan memenuhi kehendak segala hamba Allah supaya dipenuhi Allah Taala segala kehendaknya."

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 464)

## 6. Raja harus mengadili pertikaian rakyat

Seseorang raja akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai pertikaian yang berlaku antara rakyat ataupun perbuatan jenayah yang dilakukan oleh rakyat. Pada ketika tertentu, raja-raja akan bertindak selaku hakim yang mengadili permasalahan yang dibawa ke muka pengadilan istana. Raja-raja haruslah mengadili setiap pertikaian atau permasalahan berkenaan dengan adil, yakni tanpa berat sebelah atau pilih kasih. Raja-raja juga bertanggungjawab melantik hakim-hakim yang adil bagi menguruskan persoalan keadilan dan undang-undang di dalam negeri.

"Adapun dalam kitab *Sifat as-Salatin*, dikatakan barang siapa daripada segala raja-raja yang menghendak akan mengerjakan pekerjaan itu dengan adil, tiada dapat tiada daripada mengadakan hukum yang keras pada tempatnya dan daripada siasat yang sangat pada ketikanya, kerana orang yang baik itu kurang jua adanya dalam dunia ini dan orang yang jahat itu banyak."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:83)

"Hendaklah yang raja itu dalam sekalian hukum mem-bilang dirinya itu seperti seorang jua daripada segala rakyat yang mengadukan halnya akan dia, dan samalah ia jua dengan segala rakyat itu. Maka barang yang diperkenankannya daripada hukum ke atas dirinya ia, berkenankan itu di atas segala rakyat, dan barang hukum yang tiada diperkenankan ke atas dirinya tiada harus diperkenankan di atas segala rakyat itu. Maka perbuatan itulah yang adil namanya dan raja yang perinya demikianlah adil adanya."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:163)

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja jangan ia segera menghukumkan barang suatu yang didengarnya daripada sembah orang daripada suatu warta takut siapa tahu ada jua membawa fitnah orang."

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 382)

## 7. Raja harus menghormati ulama

Seseorang raja dituntut memerintah negeri berpandukan ajaran agama Islam. Justeru, seseorang raja harus menuntut ilmu dan mendapatkan nasihat daripada para ulama yang benar, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan amalan agama. Panduan daripada ulama akan membawa pemerintahan raja-raja ke jalan yang benar dan diredai Allah s.w.t.

"Bahawa sentiasa rindu (raja) kepada melihat segala ulama dan loba ia atas mendengarkan pengajar mereka itu."

(*Nasihat al-Muluk*, MS Dc.6. 73-74, hlm. 123)

"Ada pun dalam kitab *Sifat al-Salatin*, dikata hendaklah yang raja itu sentiasa rindukan sahabat akan segala pendeta yang berilmu dan beramal dan sediakala bertanyakan daripada mereka itu pekerjaan agama peri segala orang yang beragama dan diingatkan segala perkataan mereka itu."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:71)

"Hendaklah yang raja itu sentiasa rindu akan orang yang tahu dan menyukakan, duduk serta segala pendeta mendengarkan katanya, dan bertanyakan daripadanya segala yang baik, dan teramat mengasih pendeta, dan mengingatkan katanya, dan mengingatkan kelakuannya."

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:166)

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja yang berjinak-jinkan dengan segala ulama yang menunjuk jalan akhirat."

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 369)

## 8. Raja harus bijaksana

Seseorang raja harus bijaksana dalam mentadbirkan rakyat dan negerinya. Raja yang bijaksana dapat berfikir dengan waras, mampu mengawal hawa nafsu, mempunyai budi bicara yang baik, berhikmah dalam menyelesaikan sebarang masalah dan sebagainya. Raja yang bijaksana juga mempunyai kemahiran tertentu dalam berkomunikasi dengan rakyat, memiliki ilmu firasat yang baik dan daya siasah yang tinggi apabila berhadapan dengan musuh ataupun dalam mengetahui emosi, kehendak serta keinginan rakyat. Kebijaksanaan raja akan menjadikan sesuatu pekerjaan atau permasalahan rakyat yang sukar menjadi senang atau mudah diselesaikan dengan baik.

“Sayugianya bagi yang berkehendak akan memelihara akan adil atas segala rakyatnya itu bahawa ditertibkan akan segala hambanya dan pada segala yang bekerja padanya bagi adil itu. Dan dipelihara segala hal yang dikerjakan dan dilihat dalamnya seperti dilihat pada isi rumahnya, dan segala anaknya, dan segala tempatnya. Dan demikian itu bahawa jangan dikeraskan syahwatnya dan kusarnya atas akalnyanya itu. Dan jangan dijadikan akan akalnyanya dan agamanya itu akan tuannya syahwatnya dan kusarnya.”

(*Nasihat al-Muluk*, MS Dc. 6. 73–74 hlm. 128)

“Hendaklah raja itu dengan bijaksananya, dan perkasa, dan ingat, dan bicara, dan kira-kira, dan membicarakan dalam hukum, dan tiada alpa akan barang siapa yang datang mengadukan halnya padanya, maka harus dilihat tanda rupanya, dan katanya, dan kelakuan segala katanya, dan memandang segala tandanya yang ada padanya, dan dilihat peri pekertinya.”

(*Taj al-Salatin*, Khalid M. Hussain, 1992:170)

## 9. Raja harus mengasihi rakyat

Seseorang raja harus memiliki sifat kasih terhadap rakyat jelata. Sifat kasih tersebut akan menjadikan seseorang raja

sentiasa memikirkan kesejahteraan hidup rakyat. Sifat kasih akan menjadikan seseorang raja sentiasa sabar, pemurah, tidak membebankan rakyat dengan cukai, bersifat pemaaf, memberi anugerah dan mesra dengan rakyat. Sebagai kesannya, rakyat juga akan mengasihi raja yang berkenaan dan sentiasa mendoakan kebahagiaan raja tersebut.

"Bahawa jangan suka pada mengangkat tanganmu (raja) daripada aniaya tetapi kauringkankan akan segala hambamu itu, dan segala taulanmu, dan segala yang bekerja padamu, dan segala yang menolong padamu, dan yang menunggu pintumu."

(*Nasihat al-Muluk*, MS Dc.6. 73-74, hlm. 128)

"Bahawa engkau (raja) sungguh-sungguh akan gemar daripadamu daripada sekalian rakyatmu dengan muafakat dengan syarak."

(*Nasihat al-Muluk*, MS Dc. 6. 73-74, hlm. 135)

Nasihat: "Sayugianya bagi segala raja-raja memaafkan segala kesalahan orang yang berdosa kepadanya supaya ia beroleh pahala yang tiada terkira ia."

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 422)

## 10. Raja harus mengekalkan peribadi yang baik

Seseorang raja harus memiliki peribadi yang baik dan mengekalkan peribadi tersebut sepanjang masa. Raja harus memiliki adab mulia dalam berpakaian, tutur kata, cara makan, beristirahat dan sebagainya. Raja tidak harus melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak bermoral atau yang tidak bermaruah seperti melakukan maksiat, minum arak, bermain judi dan sebagainya. Semua kegiatan buruk tersebut akan menjadikan seseorang raja, hina menurut pandangan rakyat.

"Bahawa jangan engkau (raja) adatkan akan dirimu itu kelengkap dengan syahwat daripada memakai kain yang sangat baik, dan makan akan makanan yang baik, tetapi

engkau kerjakan qanaat pada segala perkara itu. Maka tiada adil baginya dengan tiada qanaat ia."

(*Nasihah al-Muluk*, MS Ds. 6. 73–74, hlm. 134)

Nasihah: "Sayugianya bagi hamba Allah memelihara namanya daripada tukas dan cerca segala manusia, istimewa pula segala raja-raja dan segala orang besar-besar, memelihara namanya daripada demikian itu, dan jangan ia mengerjakan suatu pekerjaan yang datang kepadanya tukas."

(*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, hlm. 420)

## Bibliografi

- A. Hasjmy, 1987. "Naskah-naskah Tua Menyimpan Alam Fikiran Melayu Lama: Sebuah Studi tentang *Safinatul Hukkam*" dalam *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional* (diselenggarakan oleh Siti Hawa Haji Salleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 254–279.
- Auni Abdullah, 1991. *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Bagley, F.R.C., 1964. *Al-Ghazali's Book of Counsel for Kings (Nasihah al-Muluk)*. London: Oxford University Press.
- Braginsky, V.I., 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden. KITLV.
- Braginsky, V.I., 1995. "Tajus Salatin ("The Crown of Sultans") of Bukhari al-Jauhari as a Canonical Work and an Attempt to Create Malay Literary Canon". Kertas kerja *The Canon in South East Asian Literatures*, 5–7 April 1995, School of Oriental and African Studies, London.
- Brakel, L.F., 1970. "Persian Influence on Malay Literature". *Abr-Nahrain*, hlm. 1–15.
- Darke, Hubert, 1978. *The Book of Government or Rules for Kings (Siyasatnama)*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Haji Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad, 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Junus, 1996. *Raja Ali Haji dan Karya-Karyanya*. Riau: Pusat

- Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu Universitas Riau.
- Hashim Awang dan Abdul Hamid Jaludin, 1998. "Kesusasteraan dan Kenegaraan" dlm. Hashim Awang, Zahir Ahmad dan Zainal Abidin Borhan (peny.), Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 21–35.
- Jelani Harun, 1999. *Nuruddin al-Raniri's Bustan al-Salatin: A Universal History and Adab Literature from Seventeenth Century Aceh*. Tesis Ph.D. University of London.
- Lambton, A.K.S., 1962. "Justice in the Medieval Persian Theory of Kingship." *Studia Islamica* (17), hlm. 91–119.
- Levy, Reuben, 1951. *A Mirror for Princes (Qabusnama)*. London: Cresset Press.
- Khalid M. Hussain (peny.), 1992. *Taj al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marrison, G.E. "Persian Influences in Malay Life (1280–1650)" dlm. *JMBRAS* 28:1, hlm. 55–69, 1955.
- Raja Haji Ali (Raja Haji Kelana), 1910. *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* (Jawi). Singapura: Matbaat al-Imam.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, 1982*. Diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Adab Raja-raja (Manuskrip)*, MS. 432 (PNM, Kuala Lumpur).
- Bustan al-Salatin (Manuskrip)*, MS. 41 (Universiti Malaya).
- Bustan al-Salatin (Manuskrip)*, (Raffles Malay 8, Royal Asiatic Society, London).
- Bustan al-Salatin (Manuskrip)*, MS 36500 SOAS, University of London.
- Bustan al-Salatin (Manuskrip)*, MS. 14 (Leiden Klinkert).
- Bustan al-Salatin (Manuskrip)*, (Leiden Cod. Or. 1974).
- Kitab Nasihat Segala Raja-raja (Manuskrip)*, (Muzium Terengganu 83.9).
- Kitab Nasihat Raja-raja (Manuskrip)* [Arkib Terengganu MS ANM/ Ter. (SD) 8].
- Nasihat al-Muluk (Manuskrip)*, MS 4639 (SOAS, University of London).
- Nasihat al-Muluk (Manuskrip)*, MS 4634 (SOAS, University of London).
- Safinat al-Hukkam (Manuskrip)*, (Pustaka A. Hasjmy, Banda Aceh).
- Undang-Undang Raja Nati (Manuskrip)*, (PNM, Kuala Lumpur).



# TRADISI DAN KESINAMBUNGAN PERBENDAHARAAN KATA DALAM BAHASA INDONESIA, MELAYU DAN THAI



PAITON M. CHAIYANARA

## Mukadimah

Melalui buku *Deutsche Grammatik*, Jacob Grimm (1785–1863) pengasas dasar linguistik perbandingan secara tidak langsung memaparkan tradisi mutlak ucapan sebuah fonem dalam pelbagai masyarakat bahasa dengan menumpukan perhatian kepada kesinambungan perbendaharaan kata dalam rumpun bahasa Jermanika. Kesinambungan antara bahasa Inggeris, bahasa Got, bahasa Jerman dengan bahasa-bahasa rumpun lain dalam keluarga Indo-Eropah seperti bahasa Yunani, Latin, Sanskrit telah membentuk tradisi pewarisan linear perbendaharaan kata secara sejajar. Lantaran kesinambungan tersebut, Grim dapat menghasilkan hukum fonetik yang kemudian dikenali sebagai Hukum Grim. Hukum fonetik ini telah memperlihatkan tiga tradisi pewarisan perbendaharaan kata yang diamalkan oleh masyarakat penutur bahasa rumpun Jermanika.

Keutuhan tradisi pewarisan perbendaharaan kata yang pertama dikenali sebagai Hukum Grim I diwujudkan dengan

mewarisi konsonan letupan tak bersuara /p, t, k/ daripada rumpun bahasa bukan Jermanika sebagai konsonan geseran tak bersuara /f, θ, h/ atau konsonan letupan bersuara beraspirasi /b<sup>h</sup>, d<sup>h</sup>, g<sup>h</sup>/ dalam tradisi perbendaharaan kata bagi masyarakat penutur tersebut. Salah satu contoh yang jelas dapat diperlihatkan di sini ialah kata "podos" dalam bahasa Yunani atau "pedis" dalam bahasa Latin diwarisi sebagai kata "fotus" oleh masyarakat penutur bahasa Got dan sebagai "foot" oleh masyarakat penutur bahasa Inggeris.

Keutuhan tradisi pewarisan perbendaharaan kata yang kedua yang dikenali sebagai Hukum Grim II diwujudkan dengan mewarisi konsonan geseran tak bersuara /f, θ, h/ atau konsonan letupan bersuara beraspirasi /b<sup>h</sup>, d<sup>h</sup>, g<sup>h</sup>/ daripada rumpun bahasa bukan Jermanika sebagai konsonan letupan bersuara tak beraspirasi /b, d, g/ dalam perbendaharaan kata bagi masyarakat penutur tersebut. Ini juga dapat dilihat dalam kata "phero" dalam bahasa Yunani, "fero" dalam bahasa Latin dan "bhara:mi" dalam bahasa Sanskrit diwarisi sebagai kata "bear" oleh masyarakat penutur bahasa Inggeris.

Keutuhan tradisi pewarisan perbendaharaan kata yang ketiga dikenali sebagai Hukum Grim III diwujudkan dengan mewarisi konsonan letupan bersuara /b, d, g/ daripada rumpun bahasa bukan Jermanika sebagai konsonan letupan tak bersuara /p, t, k/ dalam tradisi perbendaharaan kata bagi masyarakat penutur tersebut. Salah satu contoh yang jelas dapat diperlihatkan di sini ialah kata "dakru" dalam bahasa Yunani atau "dacruma" dalam bahasa Latin diwarisi sebagai kata "tagr" oleh masyarakat penutur bahasa Got dan sebagai "tear" oleh masyarakat penutur bahasa Inggeris.

Di Asia Tenggara, tradisi dan kesinambungan terhadap perbendaharaan kata seumpama di Eropah buat pertama kali dipaparkan oleh *H.N. van der Tuuk* yang kemudian diperluas oleh *J.L.A. Brandes* (1884) dalam tesis Ph.D. yang tajuknya dapat diterjemahkan sebagai "*Sumbangan kepada perbandingan fonem-fonem dalam bahasa-bahasa Hesperansea*". Tradisi dan kesinambungan perbendaharaan

kata yang dikaji oleh *Brandes* tersebut terbatas kepada hanya 15 daripada kira-kira 300 buah bahasa Hesperansea yang terdiri daripada bahasa Formosa, Tagalog, Bisaya, Tombulu, Jawa Kuno, Jawa, Dayak, Bali, Sunda, Bugis, Makasar, Madura, Melayu, Batak dan Malagasi. Walaupun data yang dikumpul dibataskan kepada deretan bahasa yang dinyatakan di atas tetapi sudah memadai untuk memperlihatkan tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata sebagai satu amalan masyarakat penutur Austronesia. Tradisi dan kesinambungan tersebut dapat membentuk hukum fonetik yang dikenali sebagai Hukum R-G-H. Hukum ini telah memperlihatkan beberapa bentuk tradisi pewarisan perbendaharaan kata yang dapat membentuk identiti pelbagai masyarakat penutur di Asia Tenggara.

Didapati tiga bentuk tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata dalam masyarakat berbilang bahasa tersebut. Bentuk pertama memperlihatkan pepadanan bunyi [r] dalam bahasa Malagasi, Batak, Melayu, Madura, Makasar, Bugis dan Sunda dipadankan dengan bunyi [g] dalam bahasa Formosa, Tagalog dan Bisaya bahkan dipadankan dengan bunyi [h] dalam bahasa Dayak dan Tombulu; manakala dalam bahasa Jawa Kuno, Jawa dan Bali fonem berkenaan digugurkan. Sebagai gambaran ringkas, ini dapat dilihat daripada kata "urat" dalam bahasa Melayu, Batak dan Sunda, "ozatr" dalam bahasa Malagasi, "ora" dalam bahasa Madura, "ura" dalam bahasa Makasar dan Bugis, "ugat" dalam bahasa Formosa, "ogot" dalam bahasa Tagalog dan Bisaya, "ohat" dalam bahasa Tombulu, "uhat" dalam bahasa Dayak, "wwad" dalam bahasa Jawa Kuno, "wod" dalam bahasa Jawa dan "uwat" dalam bahasa Bali.

### Tradisi Kewilayahan antara Keluarga Austronesia dan Thai


Bahasa keluarga Thai juga disebar luas di beberapa daerah di Asia Tenggara, khususnya di Thailand dan Lao malah didapati sebilangan penutur di Vietnam, Myanmar, India,

Malaysia dan China. Geografi linguistik keluarga bahasa tersebut mempunyai kesinambungan dengan bahasa Austronesia. Dengan kesinambungan yang lewih di antara satu sama lain ini, sudah tentu kedua-dua keluarga tersebut mempunyai tradisi kewilayahan setempat yang sama. Dalam bahasa Thai, misalnya terdapat ungkapan empat suku kata seperti "tʰamma: ha:kin" maka dalam bahasa Melayu atau Indonesia kita akan menemui ungkapan "cari makan" yang juga terdiri daripada empat suku kata. Demikian halnya dengan pemakaian partikel di akhir ayat (*sentence-final particles*). Dalam kedua-dua keluarga bahasa didapati partikel yang diwujudkan di akhir ayat mempunyai komponen makna yang kurang jelas. Ini dapat diistilahkan sebagai "kekosongan semantik (*semantic empty*)". Fungsi partikel yang terletak di akhir ayat hanya sebagai penegas atau penekanan emosi, gaya dan sikap si penutur sahaja. Contoh yang telah dapat dikesan dalam bahasa Melayu seperti -lah, -yah, -eh. Partikel ini dapat dikesan dalam bahasa Thai seperti [siʔ], [nah], [tʰəʔ], [sah]. Bahkan terdapat pemakaian frasa kerja yang panjang (*verb concatenation*) seperti "tolong pergi ambil balik" dalam bahasa Melayu dan [jib ʔau pai hái du:] dalam bahasa Thai.

Dilihat dari sudut pengaruh bahasa asing, sama ada bahasa Indonesia, bahasa Melayu ataupun bahasa Thai didapati pada tahap perkembangan awal ternyata ada kesinambungan dalam perbendaharaan kata pinjaman yang dapat memperlihatkan kesejajaran berlaku ke atas ketiga-tiga bahasa tersebut. Bahasa asing yang jelas dan amat ketara sekali ialah bahasa Sanskrit. Walau bagaimanapun disebabkan sistem fonologi bahasa Indonesia/Melayu dan bahasa Thai berbeza, maka tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata juga mempunyai bentuk yang berbeza. Persis dengan tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata dalam keluarga bahasa Indo-Eropah yang dipaparkan oleh Grim dan dalam keluarga bahasa Austronesia yang dipapar oleh Brandes, tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata Sanskrit dalam bahasa Indonesia, Melayu dan Thai dapat disampaikan seperti berikut:

## Tradisi dan Kesenambungan Perbendaharaan Kata dalam Bahasa Indonesia, Melayu dan Thai

Tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata dalam ketiga-tiga bahasa yang menjadi pokok bicara dalam perbahasan ini terbatas kepada pepadanan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Sebelum dilanjutkan, terlebih dahulu penulis kemukakan dua gambar rajah Venn yang memperlihatkan kesinambungan bunyi vokal dan konsonan antara bahasa Indonesia/Melayu, bahasa Thai dan bahasa Sanskrit seperti yang berikut:




Gambar rajah Venn 1

Gambar rajah Venn 1 di atas memperlihatkan lima kenyataan iaitu:

- (i) Kesemua vokal yang terdapat dalam bahasa Indonesia dan bahasa Sanskrit juga didapati dalam bahasa Thai.
- (ii) Tiga vokal iaitu [i, a, u] di dapati bersilang di antara ketiga-tiga bahasa.

- (iii) Vokal [ɛ, ʊ, ə, ɛ:, ə:, ɪ, ɔ:] hanya didapati dalam bahasa Thai sahaja.
- (iv) Vokal [i:, e:, a:, u:, o:] didapati dalam bahasa Sanskrit dan bahasa Thai tetapi tidak didapati dalam bahasa Indonesia/Melayu dan
- (v) Vokal [e, o,] didapati dalam bahasa Indonesia/Melayu dan bahasa Thai tetapi tidak dalam bahasa Sanskrit.

Melalui lima kenyataan tersebut maka tradisi dan kesinambungan kata pinjaman dalam bahasa Indonesia/Melayu sudah tentu mempunyai pepadanan bunyi yang berbeza.



Gambar rajah Venn II: Kesinambungan Vokal antara Bahasa Indonesia/Melayu, Thai dan Sanskrit.

Gambar rajah Venn II di atas memperlihatkan lima kenyataan iaitu:

- (vi) Kesemua bahasa berkenaan masing-masing memiliki 15 konsonan dalam sistemnya. Konsonan tersebut terdiri daripada [p, t, c, k, ʔ, b, d, m, n, ŋ, s, h, l, r, j].
- (vii) Konsonan tulen [f] hanya didapati dalam bahasa Thai sahaja. Konsonan [f] yang ada dalam bahasa Indonesia/Melayu bukan konsonan tulen.
- (viii) Terdapat tiga konsonan iaitu [ɲ, g, j] bersilang di antara bahasa Indonesia/Melayu dan Sanskrit.
- (ix) Terdapat empat konsonan beraspirasi iaitu [p<sup>h</sup>, t<sup>h</sup>, c<sup>h</sup>, k<sup>h</sup>] bersilang antara bahasa Thai dan Sanskrit.
- (x) Terdapat satu konsonan separuh vokal iaitu [w] bersilang antara bahasa Indonesia/Melayu dan Thai.

### Tradisi dan Kesenambungan Vokal

Berdasarkan kenyataan (i) - (v) di atas didapati sekurang-kurangnya lapan bentuk perpaduan dalam mewarisi vokal ke atas kata-kata Sanskrit ke dalam bahasa Indonesia/Melayu dan Thai.

- (a) Vokal [i] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan satu vokal iaitu [i] dalam bahasa Indonesia/Melayu dan dengan dua vokal dalam bahasa Thai iaitu vokal [i, i:]. Ini dapat dilihat dalam kata "bumi" dalam bahasa Melayu dan kata "wanida" (wanita) dan "sila:"(batu) dalam bahasa Thai.
- (b) Vokal [i:] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan dua vokal dalam bahasa Indonesia/Malaysia iaitu

- vokal [u, i, e] dan dengan tiga vokal dalam bahasa Thai yaitu vokal [i:, e:, u]. Ini dapat dilihat dalam kata "nirmala" atau "nurmala" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan kata "sàtri:" (perempuan), "se:ma:" (tanda batasan) dan kata "p<sup>h</sup>úrt" (tumbuhan).
- (c) Vokal [e:] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan empat vokal yaitu [e, i, a, u] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan dua vokal yaitu [e, ai] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata "dewa", "wisma", "agahari" atau "ugahari" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan kata "ke:sa:" (rambut) dan "kaiwan" (umum).
- (d) Vokal [a] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan empat vokal yaitu [a, ə] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan lapan vokal yaitu [a, a:, i, e, u, o, o:, ə:] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata "utara" dan "derma" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dalam kata "p<sup>h</sup>a:sa:" (bahasa), "p<sup>h</sup>anya" (isteri), "p<sup>h</sup>írun: (air), "benca?" (lima/panca-), "k<sup>h</sup>auróp" (hormat), "rô:k" (penyakit), "kə:rani:" (kasus) dan sebagainya.
- (e) Vokal [a:] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan vokal [a, u] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan vokal [a, a:, au] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata "nama", "ugama" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan kata "p<sup>h</sup>anya" (isteri) dan "k<sup>h</sup>auróp" (hormat) dalam bahasa Thai.
- (f) Vokal [o:] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan vokal [o, u, a, ] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [o:, au] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata "loba", "lupa", "kəti" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan kata "ko:wit" (mahir), "kaut<sup>h</sup>an" (panah).
- (g) Vokal [u] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan [u] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan



[u, u:, o:] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata "upaya" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan kata "bùt" (putera), "sàttru" (musuh), "ko:sum" (teratai) dalam bahasa Thai.

- (h) Vokal [u:] dalam bahasa Sanskrit dipadankan dengan [u] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [u:, u, au] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata "purba" dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan kata "bu:c'ha:" (puja), "sùriya" (matahari) dan "muan" (mula) dalam bahasa Thai.

### Tradisi dan Kesenambungan Konsonan

Berdasarkan kenyataan (vi) hingga (x) didapati sekurang-kurangnya 19 bentuk perpaduan dalam mewarisi konsonan letupan, 5 bentuk perpaduan dalam mewarisi konsonan sengauan, 4 bentuk perpaduan dalam mewarisi konsonan geseran, 2 bentuk perpaduan dalam mewarisi konsonan likuida dan 2 bentuk perpaduan dalam mewarisi konsonan separuh vokal ke atas kata-kata Sanskrit ke dalam bahasa Indonesia/Melayu dan Thai. Secara ringkas dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- 1.1 Dalam semua kata, konsonan [p] dalam bahasa Sanskrit dapat dipertahankan sebagai [p] dalam bahasa Indonesia/Malaysia sedangkan dalam bahasa Thai konsonan tersebut mengalami perubahan menjadi [b]. Walau bagaimanapun, dalam lingkungan awal kata terdapat beberapa kata yang tidak mengikut tradisi ini. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [paksina] > bahasa Thai [pàksin] (burung). Dalam kata-kata tertentu, bahasa Sanskrit: [p] boleh diterima sebagai pilihan [p] dan [b]. Dalam kata bahasa Sanskrit: [pañca] > bahasa Thai: [pančə?] atau [benčə?].

- 1.2 Dalam semua kata konsonan bahasa Sanskrit: [t] dapat dipertahankan sebagai [p] dalam bahasa Indonesia/Malaysia, manakala dalam bahasa Thai bunyi tersebut berubah menjadi [d]. Walau bagaimanapun terdapat satu kata yang dijadikan dua pilihan, iaitu bahasa Sanskrit: [uttara] yang dapat berubah menjadi bahasa Thai: [ùdɔ:n] dan [ùtara?] (utara).
- 1.3 Bahasa Sanskrit: [ʈ] diubah menjadi [t] dalam bahasa Indonesia/Malaysia sedangkan dalam bahasa Thai, bahasa Sanskrit: [ʈ] dipadankan dengan [t] atau [d] seperti dalam kata bahasa Sanskrit: [kuʈʈ] > bahasa Thai [kuti?] (pondok sami), bahasa Sanskrit: [kapaʈa] > bahasa Thai: [kabòt] (derhaka).
- 1.4 Bahasa Sanskrit: dapat dipertahankan sebagai sama ada dalam bahasa Indonesia/Malaysia atau bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [cinta] > bahasa Indonesia/Malaysia: "cinta" dan bahasa Thai: [cinta?].
- 1.5 Bahasa Sanskrit: [k] dapat dipertahankan sebagai [k] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [karma] > bahasa Indonesia/Malaysia: "karma" dan bahasa Thai: [ka:m](nafsu berahi).
- 1.6 Bahasa Sanskrit: [p<sup>h</sup>] dapat dikesan hanya satu kata sahaja dalam bahasa Indonesia/Malaysia, iaitu bahasa Sanskrit: [p<sup>h</sup>ala] yang dipadankan dengan kata "pahala" dalam bahasa Indonesia/Malaysia. Dalam bahasa Thai, bunyi ini dapat dipertahankan sebagai [p<sup>h</sup>] seperti dalam kata [p<sup>h</sup>ɔn] (hasil).
- 1.7 Semua kata yang terdiri daripada bahasa Sanskrit: [t<sup>h</sup>] dipadankan dengan bahasa Indonesia/Malaysia [t]

dan bahasa Thai: [tʰ] seperti dalam kata bahasa Sanskrit: [pirtʰivi] > bahasa Indonesia/Malaysia: “pertiwi” dan bahasa Thai: [patʰapʰi:].

- 1.8 Bahasa Sanskrit: [tʰ] terdapat hanya satu kata sahaja dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dipadankan dengan [t] iaitu kata bahasa Sanskrit: [kustʰa] > bahasa Indonesia/Malaysia: “kusta”. Dalam bahasa Thai, bunyi ini dapat dipertahankan seperti dalam kata yang sama di atas yang dipadankan dengan kata bahasa Thai: [kuttha?] (kusta).
- 1.9 Bahasa Sanskrit: [çʰ]: Perubahan bunyi tersebut diserapkan ke dalam bahasa Indonesia/Malaysia melalui proses anapteksis. Ini hanya terdapat satu kata sahaja. Kata tersebut ialah bahasa Sanskrit: [cha:ja] > bahasa Indonesia/Malaysia: “cahaya”. Bunyi ini dapat dipertahankan dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat pada kata di atas yang dipadankan dengan kata bahasa Thai: [cʰā:ja:].
- 1.10 Bahasa Sanskrit: [kʰ]: Dalam bahasa Indonesia/Malaysia didapati bunyi tersebut dipadankan dengan bahasa Indonesia/Malaysia: [k] dan dapat dipertahankan sebagai [kʰ] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [sukʰa] > bahasa Indonesia/Malaysia “suka” dan bahasa Thai: [sùkhà?] (bahagia).
- 1.11 Bahasa Sanskrit: [b] dapat dipertahankan sebagai [b] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dipadankan dengan bunyi [pʰ] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [biṣa] > bahasa Indonesia/Malaysia “bisa” dan bahasa Thai: [pʰit] (bisa).
- 1.12 Bahasa Sanskrit: [d] dapat dipertahankan dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dipadankan dengan

[t<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [du:ta] > bahasa Indonesia/Malaysia: “duta” dan bahasa Thai: [t<sup>h</sup>û:t] (duta).

- 1.13 Bahasa Sanskrit: [ḍ] dipadankan dengan bunyi [d] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [t<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [daṇḍa] > bahasa Indonesia/Malaysia: “denda” dan bahasa Thai: [t<sup>h</sup>antà?] (hukum).
- 1.14 Bahasa Sanskrit: [j] dapat dipertahankan dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dipadankan dengan [ç<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [pu:ja] > bahasa Indonesia/Malaysia: “puja” dan bahasa Thai: [bu:ç<sup>h</sup>a:] (puja).
- 1.15 Bahasa Sanskrit: [g] dapat dipertahankan dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dipadankan dengan bunyi [k<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [guṇa] > bahasa Indonesia/Malaysia: “guna” dan bahasa Thai: [k<sup>h</sup>un].
- 1.16 Bahasa Sanskrit: [b<sup>h</sup>] dipadankan dengan [b] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [p<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [b<sup>h</sup>aja] > bahasa Indonesia/Malaysia: “bahaya” dan bahasa Thai: [p<sup>h</sup>aj] (bahaya).
- 1.17 Bahasa Sanskrit: [d<sup>h</sup>] dipadankan dengan [d] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [t<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [d<sup>h</sup>ana] > bahasa Indonesia/Malaysia: “dana” dan bahasa Thai: [t<sup>h</sup>on] (wang).
- 1.18 Bahasa Sanskrit: [ḍ<sup>h</sup>] dipadankan dengan bunyi [d]

dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [t<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [d<sup>h</sup>o:la] > bahasa Indonesia/Malaysia: "dol" (sejenis gendang) dan bahasa Sanskrit: [dir<sup>h</sup>a] > bahasa Thai: [t<sup>h</sup>arit<sup>h</sup>a?] (kekal).

- 1.19 Bahasa Sanskrit: [g<sup>h</sup>] dipadankan dengan bunyi [g] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [k<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [g<sup>h</sup>aṅṅa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "genta" (loceng besar) dan bahasa Sanskrit: [g<sup>h</sup>o:ṣa] > bahasa Thai: [k<sup>h</sup>o:sa?] (bunyi bersuara).
- 1.20 Bahasa Sanskrit: [m] dapat dipertahankan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [maha:] > bahasa Indonesia/Malaysia: "maha" dan bahasa Thai: [maha].
- 1.21 Bahasa Sanskrit: [n] dapat dipertahankan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [na:ma] > bahasa Indonesia/Malaysia: "nama" dan bahasa Thai: [na:m ] (nama).
- 1.22 Bahasa Sanskrit: [ṅ] dipadankan dengan bunyi [n] dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [lakṣaṅa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "laksana" dan bahasa Thai: [laksana?] (sifat).
- 1.23 Bahasa Sanskrit: [ṇ] dipadankan dengan bunyi [n] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan bahasa Thai. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [paṅca] > bahasa Indonesia/Malaysia: "panca" dan bahasa Thai: [benca?] (lima).
- 1.24 Bahasa Sanskrit: [ṅ] dapat dipertahankan ke dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [aṅka] > bahasa Indonesia/Malaysia:

- sia: "angka" dan bahasa Thai: [angka:] (tanda bilangan).
- 1.25 Bahasa Sanskrit: [s] dapat dipertahankan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [rasa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "rasa" dan bahasa Sanskrit: [stri:] > bahasa Thai: [sàtri:] (perempuan).
- 1.26 Bahasa Sanskrit: [ṣ] dipadankan dengan bunyi [s] dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [lakṣaṇa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "laksana" dan bahasa Thai: [laksana?] (sifat).
- 1.27 Bahasa Sanskrit: [j] dipadankan dengan bunyi [s] dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [ja:stra] bahasa Indonesia/Malaysia: "sastera" dan bahasa Thai: [sà:t] (ilmu).
- 1.28 Bahasa Sanskrit: [h] dapat dipertahankan ke dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [maha:] > bahasa Indonesia/Malaysia: "maha" dan bahasa Thai: [mahà].
- 1.29 Bahasa Sanskrit [r] dapat dipertahankan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [rasa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "rasa" dan bahasa Thai: [rót].
- 1.30 Bahasa Sanskrit: [l] dapat dipertahankan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [lakṣaṇa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "laksana" dan bahasa Thai: [laksana?] (sifat).
- 1.31 Bahasa Sanskrit: [v] dipadankan dengan bunyi [w] dan [b] dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan dengan [w] dan [p<sup>h</sup>] dalam bahasa Thai. Ini dapat dilihat

dalam kata bahasa Sanskrit: [vacana] > bahasa Indonesia/ Malaysia: “wacana” dan bahasa Thai: [p<sup>h</sup>otcna] (ungkapan), bahasa Sanskrit: [va:ju] > bahasa Indonesia/Malaysia: “bayu” dan bahasa Thai: [p<sup>h</sup>aju?] (bayu).

- 1.32 Bahasa Sanskrit:[j] dapat dipertahankan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [va:ju] > bahasa Indonesia/Malaysia: “bayu” dan bahasa Thai: [p<sup>h</sup>aju?] (bayu).

### Tradisi dan Kesinambungan Metatesis

Tradisi dan kesinambungan metatesis dimaksudkan sebagai satu perpaduan perubahan posisi dua bunyi atau suku kata ke atas kata-kata Sanskrit yang diserapkan ke dalam bahasa Indonesia/Malaysia dan bahasa Thai. Tradisi ini dapat dikesan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [arcā] > bahasa Indonesia/ Malaysia: “arca” atau “reca” (patung), bahasa Sanskrit: [anga:ra] > bahasa Indonesia/Malaysia: “arang” dan bahasa Sanskrit: [arg<sup>h</sup>a] > bahasa Thai: [ra:k<sup>h</sup>a:] (harga), bahasa Sanskrit: [ulka:pa:ta] > bahasa Thai: [ùkkabà:t] (tahi bintang).

### Tradisi dan Kesinambungan Afesis

Tradisi dan kesinambungan afesis dimaksudkan sebagai satu perpaduan pengguguran bunyi pada awal kata dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat di-kesan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [adira:ja] > bahasa Indonesia/Malaysia: “diraja”, bahasa Sanskrit: [hañja] > bahasa Indonesia/Malaysia: “angsa”, bahasa Sanskrit: [ra:ji:] > bahasa Indonesia/Malaysia: “asi” (untung), bahasa Sanskrit: [hasta] > bahasa Indonesia/ Malaysia: “asta”, bahasa Sanskrit: [sudd<sup>h</sup>a] > bahasa Indonesia/Malaysia: “sudah” dan bahasa Sanskrit: [afo:ka:]

> bahasa Thai: [so:ka] (sedih).

### Tradisi dan Kesinambungan Sinkop

Tradisi dan kesinambungan sinkop dimaksudkan sebagai satu perpaduan pengguguran bunyi pada tengah-tengah kata dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat dikesan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [nijata] > bahasa Indonesia/Malaysia: "nyata", bahasa Sanskrit: [uṣtra] > bahasa Indonesia/Malaysia: "unta", dan bahasa Sanskrit: [uṣtra:] > bahasa Thai: [ù:t] (unta) bahasa Sanskrit [vana:ntara] > bahasa Thai: [pʰanadɔ:n] (hutan).

### Tradisi dan Kesinambungan Apokop

Tradisi dan kesinambungan apokop dimaksudkan sebagai satu perpaduan pengguguran bunyi pada akhir kata dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat dikesan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [bahara] > bahasa Indonesia/Malaysia: "bahar" (timbang). Tradisi ini sangat produktif dalam bahasa Thai seperti dalam kata [tʰu:t] dan sebagainya.

### Tradisi dan Kesinambungan Protesis

Tradisi dan kesinambungan protesis dimaksudkan sebagai satu perpaduan penambahan bunyi pada awal kata dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat dikesan hanya dalam bahasa Indonesia/Malaysia sahaja. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [stʰa:na] > bahasa Indonesia/Malaysia: "istana", bahasa Sanskrit: [stri:] > bahasa Indonesia/Malaysia: "isteri", bahasa Sanskrit: [argʰa] > bahasa Indonesia/Malaysia: "harga" dan bahasa Sanskrit: [uṣtra:] > bahasa Thai: [ù:t] (unta), bahasa Sanskrit: [vana:ntara] > bahasa Thai: [pʰanadɔ:n] (hutan).



## Tradisi dan Kesinambungan Epentesis

Tradisi dan kesinambungan epentesis dimaksudkan sebagai satu perpaduan penambahan bunyi pada tengah-tengah kata dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat dikesan dalam kedua-dua bahasa. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [a:ka:ja] > bahasa Indonesia/Malaysia: "angkasa", bahasa Sanskrit: [upama] > bahasa Indonesia/Malaysia: "umpama", bahasa Sanskrit: [racana] > bahasa Indonesia/Malaysia: "rencana" dan bahasa Sanskrit: [d<sup>h</sup>a:tri:] > bahasa Thai: [t<sup>h</sup>ä:tstri:] (gagah perkasa).

## Tradisi dan Kesinambungan Paragog

Tradisi dan kesinambungan paragog dimaksudkan sebagai satu perpaduan penambahan bunyi pada tengah-tengah kata dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat dikesan hanya dalam bahasa Thai sahaja. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [ka:la] > bahasa Thai: [kala?] (kala), bahasa Sanskrit: [b<sup>h</sup>a:ra] > bahasa Thai: [p<sup>h</sup>a:ra?] (tugas), bahasa Sanskrit: [vira] > bahasa Thai: [wira?] (wira).

## Tradisi dan Kesinambungan Anaptesis

Tradisi dan kesinambungan anaptesis dimaksudkan sebagai satu perpaduan penyisipan vokal pendek di antara dua konsonan dalam kata-kata tertentu. Tradisi ini dapat dikesan hanya dalam bahasa Indonesia/Malaysia sahaja. Ini dapat dilihat dalam kata bahasa Sanskrit: [putra] > bahasa Indonesia/Malaysia: "putera", bahasa Sanskrit: [slo:ka] > bahasa Indonesia/Malaysia: "seloka", bahasa Sanskrit: [c<sup>h</sup>a:ja] > bahasa Indonesia/Malaysia: "cahaya".

## Penutup

Tradisi dan kesinambungan yang telah dijelaskan secara ringkas dalam kertas ini ialah hasil daripada pertembungan

budaya pemakaian bahasa yang berlandaskan kelancaran bunyi mengikut sistem fonologi masing-masing. Selain itu, terdapat beberapa gejala kesinambungan yang menyebabkan kata-kata asing berkenaan mengalami perubahan yang digelar sebagai tradisi metatesis, afesis, sinkop, apokop, protesis, epentesis, paragog dan anaptesis. Seperti yang ditunjukkan dalam kertas ini, tradisi dan kesinambungan perbendaharaan kata sebenarnya bukan hanya terbatas kepada bahasa-bahasa sasaran yang dibicarakan, bahkan gejala ini juga dapat dikesan dalam beberapa bahasa lain di Asia Tenggara yang dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit buat suatu ketika. Lagipun, peninggalan agama Hindu bukan sahaja dapat dikesan dalam adat istiadat Indonesia/Melayu dan Thai sahaja malah daripada bentuk korpus bahasa telah pun dapat kita akui bahawa kuasa supastratum pada zaman silam memainkan peranan yang cukup aktif. Lantaran inilah yang menyebabkan bahasa Indonesia/Melayu dan bahasa Thai sendiri turut berkembang pesat dari satu zaman ke satu zaman sehingga menjadi mantap. Kesejajaran yang dapat dikemukakan dalam huraian ringkas penulis ini, terutamanya jika dilihat dari sisi tradisi serantau ternyata banyak lagi tugas-tugas sarjana yang harus bertanggungjawab dalam mencungkil keunikan yang muncul dalam pertembungan budaya berbilang bangsa di rantau ini.

### Bibliografi

- Asmah Hj. Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman, 2001. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gonda, J., 1952. *Sanskrit in Indonesia*. Nagpur: International Academy of India Culture.
- Harun Aminurrashid, 1966. *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Meesa, C.A., 1976. *Ilmu Perbandingan Bahasa-bahasa Austronesia*.

Oxford University Press, University of Malaya Press: Kuala Lumpur.

Mukunda Madhava Sharma, 1985. *Unsur-unsur Bahasa Sanskrit dalam Bahasa Indonesia*. Denpasar: Wyasa Sanggraha.

Paitoon M. Chaiyanara, 2001. *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Singapura: Penerbit Wespac Consult Centre.

Paitoon M. Chaiyanara, 2002. *Pengenalan Teori Fonologi*. Singapura: Penerbit DeeZed Consult.

Zainab Ahmad. "Morfofonem untuk Kata Pinjaman" dlm. *Dewan Bahasa*, Ogos 1983.

# TULISAN JAWI: PEMANGKIN UTAMA KECEMERLANGAN DUNIA MELAYU



M. HUSNAN LUBIS

## Pendahuluan

Kedatangan agama Islam ke dalam dunia Melayu telah membawa banyak perubahan dan kemajuan yang sangat baik (Husnan, 1988). Perubahan itu mencakupi aspek akidah dan kepercayaan masyarakatnya hingga kepada sistem politik, peradaban dan kebudayaan (Abdul Rahman, 1990). Masyarakat yang pada awalnya menganut kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha, telah berubah kepada kepercayaan ketauhidan (A. Hasjmy, 1978). Pertukaran kepercayaan asal kepada akidah Islam, telah melahirkan suatu keyakinan yang padu terhadap Islam sebagai agama. Agama Islam yang tersebar di kalangan penduduk tempatan ternyata mampu menjadi penggerak utama ke arah pelbagai perubahan dan kemajuan.

Perubahan dari segi politik ialah terdirinya beberapa kerajaan Melayu-Islam. Kerajaan-kerajaan Islam ini terbina hasil daripada gerakan dakwah yang dijalankan oleh para mubaligh (Muhammad Uthman, 1977).

Pada peringkat awal kemasukan agama Islam pendakwah-pendakwah yang datang dari Tanah Arab melalui India masih menggunakan pengangkutan tradisional, belum lagi secanggih dan semoden seperti sekarang (Husnan, *ibid*). Sehingga dengan keadaan yang demikian masih memakan masa dan tempoh yang lama serta memerlukan tempat-tempat persinggahan sepanjang perjalanan yang mereka lalui. Kebiasaannya, mereka membentuk suatu penempatan kecil dengan komuniti kecil juga. Keadaan ini dipergunakan sebagai sarana dan pusat kegiatan awal mereka (Mustafa Mohd. Isa, 1992). Mereka mendirikan surau dan masjid dan bermulalah kegiatan pengislaman penduduk dengan bijaksana. Penyebaran ilmu juga berlaku serentak dengan proses pengislaman, seperti ilmu membaca dan menulis yang disesuaikan dengan bahasa Melayu (Mustafa Mohd. Isa, *ibid*.)

Sejalan dengan perkembangan ilmu Islam, timbul satu masalah iaitu persuratan. Masalah ini menjadi salah satu masalah yang mendasar. Keperluan terhadap alat perakam yang dapat digunakan sebagai salah satu sarana pembantu pengembangan agama Islam tidak dapat dinafikan. Walaupun pada masa itu telah ada tulisan Palava, Rencong, Kawi, dan lain-lain, akan tetapi kelihatannya tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Oleh sebab itu para ulama dan pendakwah Islam memperkenalkan huruf Arab untuk dijadikan sebagai skrip dalam tulisan Indonesia/Melayu, (Ismail Hamid, 1989). Dengan kebijaksanaan dan kreativiti ulama Melayu, telah berhasil menyesuaikan tulisan Arab dengan sistem tulisan Melayu sehingga terbentuklah tulisan Jawi (Mahayudin Hj. Yahaya, 1994).

### Sumbangan Tulisan Jawi

Setelah penemuan terhadap tulisan jawi, maka bermulalah suatu era baru bagi dunia Melayu. Dunia Melayu boleh dikatakan masih buta huruf pada masa itu, akan tetapi era itu mulai bertukar dengan pengenalan dan penguasaan tulis baca jawi secara meluas. Ulama-ulama mendirikan

madrasah, sekolah, daripada tingkatan rendah sampai kepada tingkatan yang lebih tinggi dan menjadikan tulisan jawi sebagai alat persuratannya.

Sejalan dengan pesatnya perkembangan agama Islam, tulisan jawi juga ikut mengiringinya. Boleh dikatakan bahawa antara tulisan jawi dengan agama Islam ialah merupakan dua sisi mata wang yang tidak dapat dipisahkan, bahkan menurut Mahayudin Haji Yahaya (1994), kerana agama Islamlah maka tulisan jawi diciptakan.

Akan tetapi, tulisan jawi tidak hanya semata-mata digunakan untuk tujuan agama Islam, tulisan jawi juga dipergunakan sebagai alat persuratan bahasa Melayu yang cukup unggul. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar agama Islam, dan bahasa sehari-hari bagi masyarakat Melayu, turut mengalami hal yang sama dalam memainkan peranannya. Bahasa Melayu yang pada awalnya hanya merupakan bahasa atau alat berkomunikasi sehari-hari, akan tetapi setelah Islam masuk telah bertambah fungsinya menjadi bahasa ilmu pengetahuan, Bahasa Melayu cukup berkembang dengan munculnya ahli-ahli fikir Melayu dan alim ulama besar (A. Aziz Deraman, 2000).

Kegiatan penulisan yang melibatkan bahasa Melayu dan tulisan jawi semakin berkembang. Para ulama dan cerdik pandai sangat giat melakukan penterjemahan dan penyaduran daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Penterjemahan yang dilakukan bukan sahaja yang berhubungan dengan masalah-masalah keagamaan semata-mata, akan tetapi mencakupi masalah-masalah lain, seperti kesusasteraan, sejarah dan lain-lain. Oleh itu banyakkah kitab-kitab agama Islam dan buku-buku kesusasteraan berbahasa Melayu yang ditulis dengan tulisan jawi.

Di samping menterjemah dan menyadur, ulama-ulama zaman silam sangat aktif dan kreatif juga menulis dengan tulisan jawi, terutamanya yang berhubungan dengan ajaran-ajaran agama Islam dan kesusasteraan. Begitu juga dalam kegiatan pemerintahan, surat-menyurat, menulis undang-undang, catatan perdagangan, cukai, wang, nisan

serta sarana dalam kegiatan pemerintahan (Amat Juhari Moain, 1995).

Peranan dan status tulisan jawi sangat mantap dan kuat. Tulisan jawi mampu membangun intelektual Melayu-Islam di samping kekuatan pengikut budaya Kepulauan Melayu serta mampu memantapkan unsur jati diri keislaman budaya Melayu. Tulisan jawi merupakan salah satu alat untuk menjejaki khazanah masa silam dan juga sebagai wahana pembangun tamadun yang berasaskan acuan Keislaman (Siddiq Fadil, 1995).

Tradisi penulisan dengan menggunakan tulisan jawi hanya wujud dalam kesusasteraan Melayu setelah agama Islam lahir dalam budaya Melayu (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972). Ini menunjukkan bahawa kehadiran tulisan jawi sebagai pemangkin utama bagi kecemerlangan dunia Melayu sudah terbukti dan tidak dapat dinafikan. Tulisan jawi mampu menyedut dan menyerap ilham serta imaginasi para pemikir, ulama, ilmuwan dan juga sasterawan dunia Melayu. Mereka dapat menuangkannya dalam bentuk manuskrip, kitab-kitab dan buku-buku. Tulisan jawi juga telah mampu mengambil alih fungsi dan tugas tulisan-tulisan yang wujud sebelumnya.

Tulisan jawi mempunyai beberapa bentuk yang indah dan mengandungi perutusan sebagai salah satu bukti nyata tentang kewujudan dan keagungan yang pernah dimiliki oleh masyarakat Melayu Nusantara, sama ada dari segi perhubungan mahupun dari segi penyampaian ilmu pengetahuan. Tulisan jawi bukan saja menjadi hasil seni yang menarik, bahkan sekali gus melambangkan ketinggian dan keunggulan daya kreativiti datuk nenek moyang kita pada zaman lampau.

### Kerugian Meninggalkan Tulisan Jawi

Setelah lebih kurang tujuh abad (700 tahun) lamanya tulisan jawi memainkan peranannya mengukir sejarah dalam tamadun Melayu-Islam, orang Barat pun mulai datang mewarnai

sejarah dunia Melayu dengan menjajahnya.

Datangnya penjajah Barat menjadikan dunia Melayu menderita berpanjangan serta meninggalkan kesan buruk dalam sejarah dunia Melayu. Munculnya penjajah pada abad ke-16 sebagai suatu kuasa utama di rantau ini, dengan kejayaan mereka menawan rantau ini pada abad ke-17, menjadikan pelbagai aspek kehidupan masyarakat berubah dan tertekan. Agama Islam dengan tamadun dan peradabannya yang mempunyai peranan penting dalam memajukan pelbagai aspek kehidupan masyarakat di rantau ini telah mulai tercemar (Mohamed Anwar Din, 1995).

Penjajahan Barat sebenarnya bukan saja untuk mengaut dan membolot keuntungan dari segi material dan politik, akan tetapi sekali gus untuk menghancurkan kekuasaan Islam dan peradabannya. Setelah imperialisme Barat datang, Islamlah yang pertama sekali mengadakan konfrontasi dengannya, dan justeru tamadun Islamlah yang berkuasa sebelum Barat (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1990).

Setelah penjajah berkuasa di Tanah Melayu, sejarah telah membuktikan keterbelakangan budaya dan merosotnya peradabannya. Akibat penjajahan ini rakyat menjadi tertinggal dalam segala lapangan kehidupan, baik dalam bidang pendidikan, perekonomian mahupun bidang sosial budaya. Rakyat yang begitu lama tertindas dan tertekan oleh kemiskinan, menjadikan rakyat berasa dirinya rendah (Sudiro, 1974 dan Margono, 1971).

Daripada pembuktian sejarah, pelbagai macam kerugian dan keterbelakangan yang disebabkan penjajahan, termasuklah nasib tulisan jawi. Tulisan ini mengalami penghakisan dan pendangkalan. Terhakisnya penggunaan tulisan ini, ialah salah satu hasil usaha daripada jiwa kotor kolonial penjajah. Khazanah budaya Islam tulisan jawi mendapat tekanan dan tiupan angin kebencian di samping memperkenalkan tulisan rumi sebagai penggantinya.

Usaha merumikan tulisan bahasa Melayu telah melalui masa transisi yang dimulakan pada tahun 1701. Thomas Bowery (Inggeris) menulis *Kamus Inggeris-Melayu*.



Kemudian lagi, John Crawford (1852) telah menyarankan penggunaan tulisan rumi bagi menggantikan tulisan jawi, menurutnya tulisan jawi banyak kelemahan.<sup>1</sup> L. Abbe P. favre (Perancis) pada tahun 1876 telah menulis pula sebuah buku tatabahasa Melayu yang berjudul: *Grammire de la Langue Malaise*. Keadaan ini pula diikuti oleh Henry Anderson pada tahun 1892 dengan bukunya *The Malay Orthography*. Seterusnya W. Marsden juga membincangkan soal ejaan bahasa Melayu dalam bukunya, *A Grammar of the Malayan Language*. Sementara W.G. Shellabear dalam bukunya, *The Evolution of the Malay Spelling*, mengemukakan suatu sistem ejaan rumi bahasa Melayu.

Kenyataan ini merupakan usaha awal mempengaruhi fikiran dan cara pandangan masyarakat, terutama pihak pentadbir penjajah supaya keinginan merubah abjad Arab (jawi) kepada abjad rumi diluluskan. Saranan inilah suatu bukti yang dibuat oleh pihak penjajah dalam mencari dan menampakkan kelemahan tulisan jawi. Setelah bertahan sekian lama menghadapi arus gelombang persaingan, penggunaan tulisan jawi pun semakin berkurangan, peranannya juga semakin lemah dan akhirnya terpinggir secara perlahan-lahan. Tulisan rumi mulai mengambil alih peranannya dan menampakkan pengaruhnya. Proses selanjutnya tulisan rumi semakin berkembang dan memainkan peranannya menggantikan kedudukan tulisan jawi.

Penjajah Barat pada awalnya, hanya memperhatikan kepentingan dan keinginannya dalam perdagangan. Perdagangan yang menjadi tumpuan utamanya ternyata membawa maksud dan azam. Rupanya tidak sahaja kejayaan dalam perdagangan yang ingin mereka capai, akan tetapi meliputi bidang lain seperti agama dan kebudayaan (Usman Said, 1916; C.S.T. Kansil dan Julianto, S.A., 1968).

1 Untuk keterangan lanjut rujuk Mohamed Anwar Omar Din, 1995, Ramlah Adam, "Pendahulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan: Peranan Golongan Nasionalis dari tahun 1930-an sehingga 1957". Kertas kerja *Kongres Bahasa Melayu Sedunia*. Kuala Lumpur.

Salah satu cara dan taktik yang digunakan mereka untuk memperjuangkan kehendaknya mencapai kejayaan ialah memperkenalkan sistem tulisan ruminya. Mereka memperkenalkan tulisan rumi dalam rangka *ghazwul fikri* dan menyebarkan budaya mereka di kalangan bangsa Melayu. Upaya tersebut dimaksudkan untuk menjauhkan bahkan memutuskan bangsa jajahan dari akar budaya Islam yang telah mempengaruhi segala aspek kebudayaannya (Achmad Satori, 1996). Kenyataan ini jelas tergambar dalam segala tingkah laku dan gaya pemerintahannya.

Sebagai salah satu bukti (dalam konteks Indonesia) daripada kenyataan ini dapatlah kita lihat perbandingan/sumbangan peruntukan yang diberikan oleh pihak kolonial Belanda kepada organisasi Islam dengan organisasi non-Islam pada tahun 1917 sebagai berikut (H. Aqib Sumonto, 1985).

#### Untuk Islam

(i) Gaji 212 orang penghulu/tahun	f.123 384.-
(ii) Sumbangan pesta Islam/tahun	f 650
(iii) Sumbangan kepada ulama	f. 2 995
	<hr/>
Jumlah	f.127.029.-

#### Peruntukan untuk Bukan Islam

(i) Pendeta Protestan/tahun	f.550 000.-
♦ Rumah yatim	f. 54 000.-
♦ Pembantu pendeta	f. 14 350.-
(ii) Pastur Katolik	
♦ Kelas I seorang	f. 6 000.-
♦ Kelas II di Jawa 11 orang	f. 46 200.-
♦ Kelas II luar Jawa 5 orang	f. 21 000.-
♦ Kelas III luar Jawa 11 orang	f. 19 800.-
♦ Pembantu pastor 11 orang	f. 3 300.-

♦ Rumah yatim Katolik dan penolong	f. 85 750.-
♦ Sekolah, Zending, Penyebar Bibel	f. 435 100.-
Jumlah	f.1 235 500.-

Peruntukan ini semua adalah untuk memperlancar dan mempercepat usaha-usaha mereka dalam mencapai apa-apa sahaja yang diinginkan dan dicita-citakan di tanah jajahan. Dari jumlah perbandingan peruntukan ini kelihatan dengan jelas maksud yang hendak dicapai oleh pihak penjajah di negeri ini.

Politik penjajah dalam menjalankan pemerintahannya tidak sahaja berkeinginan setakat menggunakan tulisan rumi bagi menggantikan tulisan jawi, akan tetapi berkeinginan juga memperkenalkan dan mengembangkan bahasa Belanda untuk menggantikan bahasa Indonesia di Indonesia (Umar Junus, 1969; Sudiro, 1974; S. Takdir Alisjahbana, 1988).

Sebagai tahap pertama daripada salah satu cara untuk tujuan ini, Belanda mulai mendirikan sekolah yang dikhususkan untuk rakyatnya sendiri dan bagi peribumi pilihan. Pemberian kesempatan bagi anak-anak peribumi pilihan, pada mulanya hanya setakat untuk keperluan dalam sistem pentadbiran pemerintahan kolonial penjajah, tetapi lamakelamaan penggunaannya semakin meluas, dan pada akhirnya seperti yang telah disebutkan tadi, ingin menggantikan bahasa Indonesia/Melayu dengan bahasa Belanda, di samping tujuan utama menguasai Indonesia (R.Z. Larissa, 1985).

Di samping itu pula, untuk menciptakan suatu kestabilan pemerintahan jangka panjang, penjajah menumbuhkan harapan dan kekaguman terhadap supremasi peradaban Barat bagi generasi baru yang tidak terpengaruh terhadap perlawanan. Harapan dan bayangan kaum penjajah, kekaguman akan supremasi peradaban Barat itu akan dengan sendirinya secara langsung dapat mengintegrasikan kaum terdidik peribumi menjadi satu generasi yang terpelajar

dan akan menjadi pemimpin rakyat ke dalam peradaban Barat. Dengan demikian, harapan akan hilangnya kebencian budaya antara hegemoni pemerintah penjajah dengan masyarakat tempatan akan hilang dengan sendirinya (Syed Mudhahar Ahmad, 1996).

Alasan atau logik inilah yang mendorong pemerintah kolonial untuk secepatnya membangun sekolah-sekolah moden ala penjajah. Bersamaan dengan modenisasi oleh kolonial inilah, sektor sekolah digandingkan dengan masuknya sektor-sektor teknologi seperti pengangkutan kereta api, seni bina, bangunan sipil jambatan dan lain-lain. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada strategi pengamanan bagi bangsa Melayu, maka sekolah moden yang didirikan, seperti HIS<sup>2</sup> atau MULO<sup>3</sup>, hanyalah dikhaskan untuk anak-anak *Ulee Balang*<sup>4</sup> yang akan menggantikan kedudukan orang tua mereka menjadi kaum birokrat baru dan mempunyai *discourse* serta cita rasa yang sama dengan pemerintah kolonial (*ibid.*, 1996).

Pihak pemerintah kolonial Belanda juga mendirikan sekolah desa yang mengajar bahasa Melayu dengan tulisan Latin, sekolah itu dikhaskan bagi masyarakat tempatan (*ibid.*, 1996). Oleh sebab kehadiran sekolah-sekolah yang didirikan oleh pemerintah penjajah ini bermotif politik yang merupakan sebahagian daripada strategi pengamanan, maka penentangan terhadap sekolah-sekolah ini cukup kuat, kerana penubuhan sekolah seperti ini bagi masyarakat amat difahami sebagai sebahagian daripada usaha kaum kolonialis untuk menguasai penduduk tempatan. Persepsi semacam ini tumbuh dan berkembang di samping faktor ideologi Islam. Kehadiran sekolah-sekolah yang didirikan oleh pemerintah kolonial, ini secara tidak langsung mencipta semacam persaingan dengan madrasah, pesantren yang secara historisnya dikuasai dan

2 HIS: Hollands In Lausche School.

3 MULO: Middelbare Uitgebreid Lager School.

4 *Ulee Balang*—Pemimpin atau orang-orang terkemuka dalam masyarakat tempatan.

dikelola serta diasuh oleh kelompok para ulama, yang sekali gus mereka berperanan sebagai benteng terhadap penjagaan ideologi Islam. Maka tidaklah menghairankan, bahawa sejalan dengan berkembangnya sekolah sekular itu, muncullah isu di kalangan masyarakat dan isu itu sempat menjadi satu keyakinan, bahawa siapa sahaja yang belajar menulis tulisan Latin, kelak akan terpotong jari-jari tangannya di akhirat (Anthony Reid, 1979).

Politik seperti inilah dirasakan oleh rakyat Indonesia, sehingga keinginan pemerintah kolonial ini tidak disenangi dan tidak dapat diterima oleh rakyat. Akhirnya lahirlah sumpah pemuda yang hanya mengaku bahawa bangsa Indonesia berbangsa dan bahasa satu, iaitu "Bahasa Indonesia" (S. Takdir Alisjahbana, 1988).

Lahirnya sumpah pemuda ini merupakan salah satu bentuk bantahan dan penentangan daripada bangsa Indonesia untuk memprotes sistem politik kolonial yang semakin hari semakin membudaya dan memasyarakat penggunaan bahasa Belanda menggunakan tulisan rumi bagi rakyat bangsa Indonesia di bawah kuasa jajahannya.

Walau bagaimanapun, sampai tahun 1930-an penggunaan tulisan jawi masih meluas, masih diajarkan di sekolah-sekolah dan para pengarang serta majalah masih banyak yang menggunakan tulisan jawi. Akan tetapi pada tahun-tahun selepas itu pemakaian tulisan jawi semakin terbatas dan semakin suram (Siddiq Fadil, 1995).

Perkembangan ini juga turut dipengaruhi oleh gerakan pengaruh anti-Arab/Islam di kalangan sebahagian ahli bahasa Indonesia. Gerakan ini dipelopori oleh Lembaga Kebudayaan Rakyat (LEKRA) yang merupakan salah satu pergerakan yang didalangi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI). Mereka berusaha gigih untuk menghapuskan segala bunyi dan huruf yang dianggap berbau Arab (Hamka, 1957; Yahaya Ismail, 1977).

Faktor lain yang turut mempengaruhi tulisan jawi terkubur dengan cepatnya ialah jiwa kaum pelajar hasil didikan sekolah yang didirikan atau yang ditubuhkan oleh

pihak kolonial penjajah tadi. Jiwa mereka telah berjaya dirasuki oleh rasa simpati terhadap pemerintah kolonial, atau paling tidak terhadap sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh penjajah ini.

"... dengan susunan sekolah seperti tersebut di atas ada tendensi untuk menjauhkan pemuda-pemuda kita dari kebudayaan dan keperibadian bangsanya, dan mendekatkan kepada kebudayaan Barat (Belanda). Apa yang diinginkan pemerintah Belanda itu dalam kenyataannya memang tercapai, terbukti daripada pemuda-pemuda tamatan sekolah-sekolah tersebut, pada umumnya merasa diri lebih dekat kepada Belanda dan tidak mau mengerti terhadap nilai-nilai yang hidup dalam masyarakatnya sendiri, lebih-lebih terhadap agama Islam".

(Usman Said, 1966)

Imej generasi yang mendapat kesempatan belajar di sekolah penjajah ini berasa bahawa taraf dan status sosialnya berada pada tingkat paling atas. Sementara segelintir orang yang hanya mendapat kesempatan belajar di sekolah peribumi (desa), dianggap status sosialnya berada pada kelas bawahan.

Sikap dan perilaku semacam ini (alumni sekolah penjajah) membawa suatu akibat buruk terhadap kelangsungan dan kewujudan tulisan jawi di Indonesia. Sikap angkuh yang dimiliki oleh penjajah, berjaya diserapkan kepada sebahagian penduduk peribumi terpelajar yang berasa dirinya golongan kelas atas. Politik *divide et impera* (Margono, 1971) (pecah belah dan kuasai), menjadi salah satu senjata yang ampuh bagi pihak kolonial penjajah untuk maksud yang diinginkannya. Keadaan seperti ini mengakibatkan kesengsaraan bagi penduduk peribumi.

Senario ini semua menunjukkan rancangan awal penggunaan tulisan rumi bagi bahasa Melayu di seluruh Tanah Melayu. Proses perumian di Indonesia semakin lancar apabila pada tahun 1901 ejaan *van Ophuijsen*<sup>5</sup> ditetapkan bagi bahasa Indonesia, manakala di Malaysia

5 van Ophuijsen – orang Belanda yang menciptakan ejaan *van Ophuijsen*.

menggunakan ejaan Wilkinson (1902 M). Keadaan ini mempercepat proses tercapainya tujuan penjajah dalam menggantikan peranan tulisan jawi.

Para orientalis Barat faham benar hubungan tulisan jawi dengan umat Islam di Alam Melayu. Tulisan jawi ialah salah satu alat yang menyatukan umat Islam di rantau ini. Seperti yang pernah dikatakan oleh seorang orientalis Barat H.R. Gibb (Ahmad Satori, 1996), bahawa antara fenomena terpenting yang menyatukan umat Islam ialah huruf Arab yang digunakan di seluruh dunia Islam, juga bahasa Arab sebagai bahasa pemersatu budaya Islam, di samping penggunaan kata-kata dan istilah-istilah Arab asli.

Setelah tulisan jawi tidak lagi digunakan secara rasmi dan meluas, kelihatanlah dengan jelas akibatnya. Bukti-bukti yang semakin nyata muncul, yang paling terasa mengalami hal ini ialah umat Islam. Umat Islam ramai yang tidak mengenal tulisan jawi lagi, sehingga banyak yang tidak mampu lagi membaca al-Quran. Sebagai akibat dan bukti di kota-kota besar sekarang banyak orang belajar membaca al-Quran menggunakan kaedah *Iqra'*, kerana ketika di sekolah tidak dibekali dengan pelajaran huruf Arab (*ibid.*, 1996).

Ketidakmampuan membaca al-Quran bagi umat Islam merupakan suatu hal yang cukup serius. Bagi umat Islam keadaan semacam ini menjadi satu aib. Kemampuan membaca al-Quran ialah satu dasar utama dari sudut budaya Islam. Apabila kesanggupan membaca al-Quran sudah hilang dan tidak dimiliki lagi, hal ini bermakna mereka telah tercabut daripada akar budaya Islam yang paling dasar. Apabila budaya Islam sudah hilang, secara tidak langsung pada akhirnya akan mengakibatkan lemahnya pemahaman dan penghayatan terhadap agama Islam. Sebagai lanjutannya akan mengikis sifat keteguhan dan rasa *'izzah* terhadap agama Islam serta kepercayaan terhadap kesempurnaan mutlak agama Islam (*Surah al-Ma'idah* 5:3).

Memang kesanggupan dan penguasaan terhadap tulisan jawi, ialah salah satu faktor yang dapat menjadikan seseorang muslim dapat membaca al-Quran. Hubungan

penguasaan tulisan jawi dengan kemampuan membaca al-Quran ialah dua hal yang saling berkait, sehingga ia saling menyokong dan membantu. Membaca al-Quran tanpa mengetahui tulisan jawi, samalah seperti si buta berjalan tanpa tongkatnya. Dengan mempelajari huruf dan hukum-hukum dasar tulisan jawi kita akan dapat mengetahui sebutan al-Quran dengan lebih mudah (Kang Kyong Seock, 1990).

Apabila hal ini berlaku tentulah tidak menghairankan lagi bahawa sekarang ini ramai orang Islam yang tidak mampu lagi membaca al-Quran. Kegagalan dalam menguasai tulisan jawi mengakibatkan salah satu sebab tidak mempunyanya membaca al-Quran, selanjutnya mendorong untuk merumikan penulisan al-Quran. Sekarang telah banyak diterbitkan bahagian-bahagian daripada al-Quran dengan menggunakan tulisan rumi seperti al-Quran surah Yasin dan sebagainya.

Sepinya perhatian dan penghargaan terhadap bentuk-bentuk karya yang bertulisan jawi, baik yang berupa buku dan kitab agama mahupun yang berbentuk manuskrip, seperti karya sastera umpamanya, disebabkan tidak mempunyanya menggarap khazanah tulisan jawi.

Akibat ketidakmampuan menggarap khazanah persuratan jawi, timbullah kecenderungan meremehkan karya-karya peninggalan silam itu. Memang sudah menjadi resam manusia, suka memusuhi sesuatu yang mereka tidak tahu. Demikianlah timbulnya sikap memandang sepi malah sering kali meremehkan khazanah 'kitab kuning', padahal di situlah tersimpan kekayaan dan kekuatan sebenarnya intelektualisme Melayu-Islam yang meliputi pelbagai disiplin ilmu tafsir, hadis, usuluddin, fikah, tasawuf, falak, syariah, mantik, dan sebagainya. Kitab kuning itulah yang membentuk *World View* sistem nilai dan cara hidup umat Melayu selama berabad-abad. Mengkaji tamadun Melayu tanpa merujuk kitab kuning tidak akan sampai kepada tujuan dan hakikat jati diri manusia Melayu dan budayanya (Siddiq Fadil, 1995).



Lahirnya generasi muda Islam yang tidak tahu menulis dan membaca jawi dan segala akibatnya, merupakan suatu kerugian yang besar bagi bangsa ini, kerana lanjutannya ilmu-ilmu Islam akan turut hilang bersama-sama kitabnya yang dikarang dan diwariskan oleh para ulama ternama dahulu. Bahkan tidak sampai di situ, akan tetapi ikut pula hilang ilmunya, sekali gus dengan orang yang pakar dalam bidang tulisan jawi (Mawardi Sulaiman, 1997).

Ilmu-ilmu Islam yang didapati daripada khazanah warisan ulama zaman dahulu sudah semakin hilang. Meninggalnya para ulama merupakan tanda awal hilangnya atau diangkatnya ilmu dari dunia ini, apatah lagi dengan semakin musnahnya kitab dan buku yang mereka wariskan.

Sejak tulisan jawi diganti dengan tulisan rumi, hanya dalam beberapa dekad sahaja hilanglah sebahagian besar sumber nilai-nilai budaya tradisional Melayu-Islam di rantau ini, yang mengakibatkan beberapa kerugian dialami oleh bangsa Melayu-Islam sejak kebelakangan ini.

Kerugian lain ialah, timbulnya satu motivasi baru di kalangan sebahagian masyarakat yang bertujuan men-transliterasikan naskhah-naskhah Melayu lama bertulisan jawi kepada tulisan rumi. Hal ini juga menimbulkan satu peluang besar akan hilangnya keaslian naskhah yang dikerjakan, sama ada dari segi fonologi mahupun dari segi isi kandungan yang sebenarnya. Daripada hal ini akan timbul pula satu kemungkinan terhadap banyaknya penyelewengan yang akan dilakukan terutama oleh orang yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam. Hal ini boleh sahaja berlaku apabila tidak sesuai dengan fahaman mahupun dengan kepercayaannya, atau boleh jadi kerana tidak sesuai lagi pada zamannya atau tidak relevan lagi pada zaman ini (menurut persepsinya).

### Kekuatan Tulisan Jawi bagi Dunia Melayu

Kemasukan agama Islam ke Kepulauan Nusantara seiring dengan masuknya pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa

Melayu (Baroroh, 1970). Secara umum bahasa Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu dapat digolongkan kepada dua bahagian, iaitu kata istilah yang berhubungan dengan masalah keagamaan dan kedua yang bukan berhubungan dengan istilah keagamaan. Kata Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu telah mengalami asimilasi dan adaptasi baik secara fonemis mahupun secara morfemis. Sehingga kata-kata yang mengalami proses ini dirasakan lebih Arab dalam bahasa Melayu (*ibid.*, 1970).

Semua kata Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu terutamanya yang berhubungan dengan istilah keagamaan semestinya/harusnya ditulis seperti bunyi asalnya demi menjaga keaslian makna yang dikandung dan yang dimunculkannya. Kata Arab yang berhubungan dengan istilah keagamaan, harus diucapkan dengan baik dan betul sesuai dengan makhrajnya. Pengucapannya yang salah akan melahirkan lafaz yang salah, apabila lafaz salah maka akan salah pulalah makna yang ditimbulkannya. Seterusnya apabila makna yang ditimbulkannya salah, maka akan salah pengertian dan persepsi pemahamannya. Oleh itu, kata Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu terutama yang berhubungan dengan istilah keagamaan perlu ditulis dengan tepat dan benar sesuai dengan huruf atau lafaznya. Dalam hal ini ejaan rumi tidak akan mampu melaksanakannya. Banyak bunyi bahasa Arab yang tidak ada padanan dalam ejaan rumi. Akan tetapi, tulisan jawi sanggup dan mampu melaksanakan ini. Semua kata Melayu dan bunyi bahasa Melayu dapat dituliskan dengan menggunakan tulisan jawi. Kekuatan inilah yang tidak dimiliki oleh tulisan rumi. Walaupun tulisan rumi kini sangat berkembang dan bahkan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan bahasa Melayu, akan tetapi apabila berdepan dengan bunyi bahasa Melayu yang asalnya daripada bahasa Arab, ejaan rumi banyak yang tidak mampu untuk mengatasinya.

Kekuatan lain daripada tulisan jawi bagi dunia Melayu juga ialah kemampuannya menjadi satu alat pengikat jati diri budaya Melayu yang paling unggul. Di samping sarana

yang pernah wujud bagi menjejaki keperibadian budaya silam bangsa Melayu.

## Kesimpulan dan Cadangan

Sejarah telah membuktikan bahawa semenjak ditemukan tulisan jawi bagi bahasa Melayu, sejak itulah dunia Melayu mulai bangkit dan maju. Kemajuan pendidikan dan ilmu pengetahuan didasari oleh munculnya tulisan jawi yang dimanfaatkan oleh para ulama dan cendekiawan Melayu. Dengan berkat adanya tulisan jawilah dunia Melayu dapat membaca dan menulis secara meluas, bahkan dapat berkomunikasi dengan menggunakan tulisan. Dengan adanya tulisan jawi ilmu-ilmu ulama ternama masa silam dan cendekiawan dunia Melayu dapat tersimpan sampai sekarang.

Hilangnya pemakaian tulisan jawi ternyata membawa impak dan kerugian besar bagi dunia Melayu. Bahasa Melayu sampai saat ini tidak memiliki tulisan, sementara bahasa Cina mempunyai tulisan Cina. Bahasa India mempunyai tulisan India. Bahasa Jepun mempunyai tulisan Jepun. Oleh itu, penulis menyarankan supaya tulisan jawi ini didaulatkan sebagai *tulisan Melayu atau tulisan Islam*.

## Bibliografi

- A. Hasjmy, 1978. *Bunga Rampai Revolusi dari Tanah Aceh*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Satori. "Terkikisnya Aksara Arab-Melayu" dlm. *Republika* 11-10, 1996.
- Amat Juhari Moain, 1995. "Tulisan Jawi Sebagai Wahana Pelestarian Bahasa Budaya dan Tamadun Melayu". Kertas kerja dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia. Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain, 1996. *Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur:

- Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman, 2000. *Bahasa Asas Pembinaan Tamadun Bangsa*. Kertas kerja dalam Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu Indonesia I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Aqid Suminto, 1985. *Politik Islam Hindia Belanda*. Jakarta.
- Harnka, 1957. *Kenang-kenanganku di Malaya*. Singapura: Setia Darma.
- Ismail Hamid, 1989. *Kesusastraan Indonesia Lama Bercorak Islam*. Jakarta: Al-Husna.
- Kang Kyong Seock, 1990. *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Hj. Yahaya, 1994. *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Uthman el-Muhammady, 1977. *Memahami Islam Insan Ilmu dan Kebudayaan*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Mustafa Mohd. Isa dan Baharuddin Ahmad (ed.), 1992. *Sastera Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Husnan Lubis, 1998. *Tulisan Jawi di Bahagian Utara Sumatera; Kekuatan, Kelemahan dan Pemulihannya*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Margono, 1971. *Ichthisar Sedjarah Pergerakan Nasional*. Djakarta: Pusat Sejarah ABRI.
- R.Z. Larissa, 1985. *Sejarah Masyarakat Indonesia 1900-1950*. Jakarta: Akademika Pressindo.
- Reid, Anthony, 1987. *The Blood of the People Revolution and the End of Traditional Rule in Northern Sumatra*. Oxford University Press.
- Reid, Anthony, 1987. *Perjuangan Rakyat Revolusi dan Hancurnya Kerajaan di Sumatera* (terj.), Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Sitri Baroroh Baried, 1970. *Bahasa Arab dan Perkembangan Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Universitas Gajah Mada.
- S. Takdir Alisjahbana, 1988. *Dari Perjuangan dan Pertumbuhan Bahasa Indonesia*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Siddiq Fadil, 1995. "Tulisan Jawi: Pelestarian dan Pendauletan di Alam Melayu". Kertas kerja dalam Seminar Tulisan Jawi, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Syed Mohammad Naguib al-Attas, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Mudhaha Ahmad, 1996. "Pola Keterpaduan Program Com-

*munity Development Sebagai Community Realations Perusahaan-perusahaan di Zona Industri Lhokseumawe, Aceh*". Tesis Sarjana Muda Universitas Indonesia.

Umar Junus, 1969. *Sedjarah dan Perkembangan ke arah Bahasa Indonesia dan Bahasa Indonesia*. Djakarta: Bhratara.

Yahaya Ismail, 1977. *Pertumbuhan, Perkembangan dan Kejatuhan LEKRA di Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zubeir Usman, 1970. *Bahasa Persatuan*. Jakarta: Gunung Agung.

KE ARAH MELAHIRKAN INSAN KAMIL:  
PENGHAYATAN AMALAN DAN SARANAN  
PEMIKIRAN TUAN TABAL DALAM *JALA' AL-  
QULUB BIDHIKRIL'LAH*



SITI HAJAR CHE MAN

### Pengenalan

**Sejarah awal perkembangan sastera kitab dan kemunculan tokoh-tokoh ulama di Alam Melayu**

Sekiranya kita ingin memantau kemunculan tokoh-tokoh penulis Islam khususnya di Alam Melayu, sewajarnya di-juruskan kepada tradisi kemasyarakatan Islam dan perkembangan keilmuan yang dapat melahirkan tokoh-tokoh penulis itu. Kunci kepada gedung ilmu pengetahuan dan perakamnya tidak lain daripada penerimaan tulisan jawi yang menjadi sebahagian daripada kebudayaan Islam. Selain itu, kemunculan tokoh-tokoh penulis Islam tempatan juga muncul sebagai kesan daripada polemik intelektual istimewanya di Aceh. Satu kesan penting daripada kedatangan Nuruddin ke dalam dunia penulisan Melayu dan pemikiran Islam di rantau ini ialah penentangannya terhadap aliran ujudiyah seolah-olah membuka jalan kepada pesatnya aliran ahli-ahli sunah. Diskusi yang agak kontroversi ini telah meninggalkan kesan yang cukup bererti, iaitu

dengan wujudnya pusat-pusat pengajian seperti di Terengganu, Banjar, Palembang, Minangkabau, Riau, Bantau, Jawa, Pattani, Kelantan dan Kedah. Juga terdapat bentuk-bentuk pengajian pondok yang dikenali sebagai pesantren/langgar/madrasah di Semenanjung seperti di Terengganu, Kedah dan Kelantan. Ramai para sarjana berpendapat, sebelum kedatangan Barat, tidak ada sistem pendidikan di Alam Melayu, hanya pengajian al-Quran sahaja. Selepas kemalapan Kerajaan Aceh, sistem pengajian inilah yang telah melahirkan ulama dan tokoh penulis yang meneruskan tradisi intelektual dan penulisan bercorak keislaman dalam bahasa Melayu, umpamanya di Aceh peranan diteruskan oleh ulama seperti Syeikh Abdul Rauf Singkel dan Syeikh Muhd. Zain bin al-Faqih Jalaluddin.

Manakala di Terengganu, khususnya di zaman pemerintahan Sultan Tahmidullah bin Tamjidullah, akhir abad ke-12/18 timbulah ulama (yang juga pengarang besar) yang menjadi mufti di negeri itu, iaitu Syeikh Arshad al-Banjari, di Kedah pula Syeikh Abdul Samad al-Falimbani abad ke-13/19. Namun, tempat yang paling terkenal ialah Pattani, iaitu negeri yang paling maju dengan perkembangan ilmu pengetahuan, dan ramai tokoh-tokoh ulama menghasilkan karangan-karangan yang terkenal. Antaranya ialah Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin b. Muhammad, Ahmad b. Muhammed Zain dan Muhammad Nur bin Muhammad.

Sementara itu, di Riau muncul Raja Ali Haji yang hebat dengan karyanya *Tuhfat al-Nafis*, di Kelantan, lahir seorang tokoh ulama Syeikh Abdul Samad b. Muhammad Salih yang dikenali sebagai Tuan Tabal. Pada abad ini juga umpamanya, di Terengganu telah muncul Syed Muhammad b. Zainal Abidin dan Syed Abdul Rahman b. Muhammad @ Tuan Paluh. Kebanyakannya menghasilkan karangan-karangan yang menyangkut soal fikah, usuluddin, tasawuf, tafsir dan sastera. Satu hal yang menarik ialah tokoh-tokoh tersebut juga merupakan ulama yang mempunyai autoriti yang menimba ilmu pengetahuan sejak awal hingga ke peringkat

tertinggi di Malaysia. Misalnya Syeikh Abdul Rauf Singkel belajar di Asia Barat – Makkah dan Madinah selama dua dekad. Sekembalinya ke Aceh, selain daripada menjadi ulama utama pada zaman pemerintahan Sultan Safiyatuddin Tajul Alam Syah, beliau juga mengajar di institusi pondok. Beliau merupakan orang yang mula-mula memperkenalkan tafsir berbahasa Melayu dalam persuratan Melayu. Syeikh Abdul Malik b. Abdullah (1149/1736) dari Terengganu merupakan tokoh yang sezaman dengan Syeikh Abdul Rauf Singkel yang belajar di Aceh dan Makkah. Semasa di Tanah Suci inilah Syeikh Abdul Malik mengarang kitab *Hikam Melayu* iaitu sebuah syarah terhadap naskhah asli *Hikam* karangan Ibn Ata'illah yang membicarakan persoalan tasawuf. Pengajaran yang terdapat dalam *Hikam* ialah lanjutan daripada perkembangan aliran tasawuf al-Ghazali. Kitab *Hikam Melayu* begitu popular dipelajari bukan sahaja di Terengganu, tetapi juga di istana Riau dan Jawa. Beliau kemudian menjadi ulama istana pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1138 – 1146/1725–1733) yang berasal dari Johor, tetapi memerintah Terengganu. Kitab *Hikam Melayu* (Hikmat Melayu) iaitu sebuah karya Arab yang ditulis oleh Ibn Ata'illah mengenai ilmu hikmah, oleh itu, orang yang berkemampuan menterjemahkannya tentulah orang yang berwibawa, malah tidak boleh diajar sembarangan. Kemungkinan di Terengganu hanya terdapat dua atau tiga orang sahaja yang sanggup mengajar teks ini.

Syeikh Abdul Samad di Palembang pula masyhur kerana telah berjaya mengubahsuai karya-karya Imam al-Ghazali ke dalam bahasa Melayu, misalnya *Hidayatus Salikin* dianggap jurubicara Imam al-Ghazali di Alam Melayu. Selain daripada perkembangan tasawuf yang merupakan lanjutan daripada pengaruh al-Ghazali, Syeikh Muhammed Zain b. al-Faqih Jalaluddin dari Aceh pula mengarang sebuah kitab usuluddin. Melalui kitab ini umat Islam di Alam Melayu dapat mempelajari pelajaran usuluddin *Bidayatul-Hidayah* yang biasa dikenali dengan pengajian sifat 20 dengan cara teratur.



Kepentingan aliran al-Ghazali menerusi kitab-kitab Arab, telah diberi huraian dan pengenalan kepada masyarakat Nusantara menerusi bahasa Melayu hanya dilakukan pada akhir abad ke-12/18. Usaha ini dibuat oleh seorang tokoh penulis Muslim berbangsa Melayu yang ulung iaitu Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Semasa di Makkah beliau giat menulis kitab-kitabnya, dalam bidang tasawuf aliran al-Ghazali. Kesan ajarannya beliau mengarang *Hidayatus-Salikin*, dan empat jilid *Siyanis-Salikin* yang berasaskan karangan agung *Hujjatul-Islam* al-Imam al-Ghazali iaitu *Ihya' 'Ulumid-in*. Karangan-karangan ini terus dipelajari di institusi-institusi pengajian tradisi dan keagamaan.

Hakikatnya, dilihat dari perspektif sejarah kedatangan Islam ke Nusantara, khususnya selepas keagungan Aceh, maka kita lihat dunia penulisan di Nusantara tidak pernah kurang dengan kemunculan tokoh-tokoh yang amat berwibawa. Bahkan hingga ke zaman Abdullah Munsyi. Sese-tengah pihak menganggap tokoh tunggal yang mempelopori penulisan moden itu, sebenarnya bukan tokoh tunggal yang menulis di zamannya (1210–1270/1796–1854). Sebaliknya angkatan penulis sezamannya ramai yang jauh lebih agung dari segi intelek dan keilmuannya.

Antara tokoh-tokoh penting yang cukup giat mengarang pada masa itu ialah Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani (1804–1843), Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji. Ketiga-tiga tokoh ini menguasai bidang penulisan yang berlainan. Abdullah sebagai tokoh pencatat sezamannya dengan hasil karyanya *Kisah Pelayaran Abdullah* dan *Hikayat Abdullah* dan Raja Ali Haji pula menguasai bidang historiografi dengan karangan *Tuhfatun Nafis*. Manakala Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani adalah lebih penting kerana beliau merupakan seorang pengarang yang gigih. Dalam dekad hidupnya (lebih kurang 4 dekad) – beliau telah mengarang 30 buah kitab jawi yang mencakupi bidang fikah, usuluddin, tasawuf, hadis dan karya-karya sastera. Justeru itu pada akhir abad ke-12/19 dan awal abad ke-14/20 sebelum bertapaknya pengaruh pendidikan Barat, tidaklah dapat dinafikan

bahawa bentuk pengajian tradisi secara pondoklah merupakan pengajian tinggi di Nusantara. Lanjutan daripada perkembangan ini, ramailah lagi tokoh-tokoh ulama dan pengarang. Antaranya ialah Syeikh Abdul Rashid dan Syeikh Hussain Nasir b. Muhd. Taib al-Mas'udi, yang berasal dari Banjar, Syeikh Uthman Syihabuddin dari Pontianak, Syeikh Mukhtar Atarid al-Jawial-Baquri dari Jawa, Syeikh Abdul Samad b. Muhd. Salih atau Tuan Tabal dari Kelantan (1287/1891), Syed Abdul Rahman b. Muhammad atau dikenali sebagai Tok Paluh dari Terengganu.

Golongan ini telah menyambung tugas-tugas ulama sebelumnya dengan mengarang kitab-kitab dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan keislaman. Antaranya yang menyentuh soal falsafah insan kamil, dan ilmu tasawuf yang mendalam seperti yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Samad iaitu kitab kecil *Jala' al-Qulub Bidhikrillah, Bab Harap, Minhatul Qarib, Munabbihul-Ghafilin* dan karangan-karangan keagamaan yang lain (akan dibincangkan latar jaya dirinya dalam subtema seterusnya). Manakala tokoh dari Terengganu pada peringkat ini ialah Syed Muhammad b. Zainal Abidin, pengarang yang menghasilkan karangan yang bersifat kesusasteraan dalam bentuk prosa dan puisi, antara yang terpenting ialah *Kanz'-Ula, Sirah al-Nabawiyah* dan *Jawahirus-Saniyyah*, manakala anaknya Syed Abdul Rahman b. Muhammad (Tuan Paluh) terkenal sebagai tokoh sufi yang mengarang kitab tasawuf berjudul *Ma'arijul-lahfan* merupakan kitab saringan daripada karangan-karangan sufi terkenal seperti al-Ghazali dan Ibn Arabi.

Namun, kemuncak ilmu ini tidak kekal lama, kepupusan sastera kitab mula berlaku. Pengaruh modenisasi telah mula menjadikan era ilmu berdasarkan sekularisme mengambil tempat dan mula menjalar dengan hebatnya sehingga pengaruh Inggeris/Barat ini memberi impak yang sangat kuat. Secara keseluruhannya, kita dapat merumuskan bahawa dengan ketibaan Islam di Nusantara yang memulakan tradisi penulisan dan intelektual di Alam Melayu dan berkembangnya kegiatan intelektual di Aceh, maka kita

dapat mengesan bahawa tidak putus-putus lahirnya tokoh-tokoh penulis Islam. Mereka ialah produk yang dilahirkan oleh sistem pengajian yang wujud pada zaman tradisi. Penulis-penulis ini telah mendukung pelopor/pengesan/penyebarkan ilmu pengetahuan yang menyebabkan pesatnya bahasa Melayu menjadi bahasa ilmiah. Harusnya disadari bahawa kelahiran hasil kesatuan yang dicetuskan oleh Islam pada masa itu yang bercorak ketatanegaraan, hikayat dan legenda yang bercorak keislaman merupakan percikan daripada perkembangan intelektual yang wujud pada masa itu. Sesungguhnya pengabdian daripada melihat ke zaman tradisi yang diwarnai oleh Islam ini sesungguhnya merugikan bangsa kita sendiri. Dengan demikian secara halus kita terputus daripada satu tradisi budaya kita yang tinggi yang pernah diberikan oleh Islam. Jadi untuk tidak luput, kita harus menggali kembali tradisi yang murni ini.

Malangnya menjelang abad ke-20, taburan benih fikiran modenisasi, apolegetik ala Mohd. Abduh dari Mesir, al-Afghani, dan Rashid Ridha mula mendapat pengaruh. Bentuk-bentuk kitab mulai menurun, bermula dengan perkembangan jurnalistik seperti akhbar dan majalah, isu-isu yang disarankan kaum muda dipelopori oleh Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin al-Azahari dari Minangkabau. Munculnya penulis-penulis Syed Syeikh al-Hadi dengan genre novel di Alam Melayu, juga mula memperkenalkan fahaman pembebasan wanita ala Barat dengan penghasilan novel *la Kah Salmah?* oleh Ahmad Rashid Talu. Pendidikan ala moden di Timur Tengah mula mendapat tempat dan memperkembangkan pengaruhnya.

### Pengertian Sastera Kitab

Kitab ialah sejenis karangan keagamaan yang khas ilmiah dalam cara penyampaian isinya, disusun terutama untuk murid-murid yang belajar di pesantren, langgar, pondok atau madrasah, yang kini lebih khusus dipanggil sekolah-sekolah agama. Namun, paling kerap dan dikesan kegunaan se-

bagai bahan rujukan, semakan, bacaan dan kerap digunakan oleh kalangan anggota-anggota tarekat sufi. Mengikuti Matheson Hooker (1988:35-36) sastera kitab terdiri daripada beberapa bahagian, iaitu:

- (i) Kitab tentang ilmu fikah iaitu yurisprudensi Islam, yang dalamnya dibahas masalah ibadat atau peraturan tentang perbuatan ritual dan kewajipan agama, serta muamalat atau semua masalah perundangan yang timbul dalam kehidupan perseorangan dan masyarakat.
- (ii) Kitab tentang kalam iaitu teologi Islam yang mengandungi usul ad-din atau penjelasan tentang sumber-sumber agama (al-Quran, hadis, ijma', ijtihad), akidah atau karangan tentang sistem kepercayaan Islam, iktikad atau petunjuk tentang asas-asas keimanan, tauhid atau risalah tentang keesaan Tuhan, sifat atau masalah atribut-atribut Tuhan dan zat-Nya (sifat dua puluh). Karangan-karangan eskatologis tentang dunia baka dan nasib jiwa manusia dalamnya.
- (iii) Kitab tentang tasawuf atau mistikisme Islam.
- (iv) Tafsir-tafsir atau karangan tentang interpretasi al-Quran.
- (v) Kitab tentang tajwid atau kaedah bacaan al-Quran yang sebenar.
- (vi) Kitab tentang nahu atau tatabahasa Arab.

Menurut kajian Braginsky (1998:276) antara contoh-contoh kitab yang paling awal ialah *Aqa'id* oleh An-Nasafi, sebuah risalah yang diterjemahkan daripada bahasa Arab dalam abad ke-16 (Attas, 1988) serta kitab tasawuf oleh Hamzah Fansuri iaitu *Syarab al-Asyikin* dan *Asrar al-Arifin*. Kajian tentang sastera kitab ini menjadi penting dalam perbincangan dari konteks genre sastera kerana sastera kitab ini turut mencerminkan bagaimana soal hidup beragama,

hukum-hukum Tuhan mencakupi pembawaan diri seorang hamba Allah di dunia dan akhirat atau undang-undang Islam yang harus dipatuhi terlalu indah disampaikan dalam bentuk dan gaya sastera. Kemungkinan ciri-ciri dan unsur-unsur sastera dapat menyampaikan mesej tentang cara hidup dan hukum-hakam ketaatan kepada Ilahi. Namun mengikut saranan Braginsky (1998:276), kitab pasti menarik perhatian bagi ahli sejarah dan sastera kerana, pertamanya dalam kerangka 'bentuk genre' ialah idea tentang kepengarangan peribadi yang timbul dalam sastera Melayu. Keduanya, dalam karya-karya kitab terbentuk ragam gaya bahasa Melayu yang khas, yang mendapat pengaruh kosa kata dan sintaksis Arab, dan berpengaruh terhadap semua bidang sastera Melayu, termasuk beletri.

### Perbincangan Tokoh dan Karya: Tuan Tabal dan *Kitab Jala' al-Qulub Bidhikril'Lah*.

#### Bicara Tokoh

Umum sememangnya tahu bahawa negeri Kelantan terkenal sebagai Serambi Makkah pada penghujung abad ke-19 sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Serambi Makkah bermaksud pusat tumpuan pelajar di rantau Asia Tenggara yang berkunjung ke Kelantan khususnya di Kota Bharu untuk mempelajari ilmu agama Islam sebelum pergi mendalaminya di Makkah (Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, 1983:ix). Di bandar Kota Bharu inilah lahirnya tokoh-tokoh ulama tempatan terkenal yang pada umumnya mendapat pendidikan di Masjidilharam. Golongan ulama di Kota Bharu mengkhusus dan mengajar dalam bidang-bidang ilmu yang berkaitan dengan tasawuf, fikah, usuluddin dan cabang-cabang linguistik Arab iaitu nahu Arab dan saraf atau morfologi (*ibid*; 18). Antara mereka yang terkemuka termasuklah Abdul Samad bin Muhammad al-Kelantani atau lebih dikenali sebagai Tuan Tabal. Beliau dilahirkan di

Tabal pada pertengahan awal abad ke-19 (1840). Tabal sekarang terletak di Wilayah Selatan Siam selepas sempadan Siam-Kelantan ditentukan oleh zaman British pada tahun 1909 dan beliau meninggal pada akhir abad ke-19, iaitu lebih kurang sekitar tahun 1891 dalam usia 51 tahun. Menurut pandangan Nik Abdul Aziz (1983:22), Tuan Tabal ialah salah seorang pengasas ilmu agama dan seorang ahli sufi di negeri Kelantan.

Tuan Tabal lahir dalam keluarga yang sederhana hidupnya, dan bapanya bertugas sebagai seorang imam. Tuan Tabal pula sejak masih kecil hinggalah remaja, cenderung hatinya untuk hidup sebagai seorang warak (Mohd. Kamil Haji Abdul Majid, 282). Perkahwinan Tuan Tabal dengan isterinya Wak Som @ Tok Wan Mah ialah perancangan dan kehendak kedua ibu mentuanya Tok Semian @ Haji Abdul Rahman dan telah dikumiakan empat orang cahaya mata lelaki. Gelaran Tok Semian diberikan kepada beliau adalah kerana beliau pernah dilantik sebagai jurutulis kepada kerajaan negeri Kelantan. Perkataan Semian pula berasal daripada perkataan Siam yang membawa erti jurutulis.

Di Kota Bharu, Tuan Tabal menetap di Lorong Tok Semian. Di situlah beliau telah diwakafkan kayu-kayan oleh Raja Muda Negeri Kelantan iaitu Tengku Zainal Abidin untuk beliau mendirikan surau. Sebagai seorang yang mahir dalam ilmu pertukangan dan dengan bantuan beberapa orang rakan taulan, Tuan Tabal telah mendirikan surau di Lorong Tok Semian berdekatan rumahnya. Di surau inilah beliau menghabiskan sebahagian besar hidupnya untuk mengajar, menulis dan beribadah.

Semasa kecil Tuan Tabal mula mempelajari al-Quran dan ilmu-ilmu asas agama seperti rukun Islam dan rukun iman, pelajaran fardu ain di kampungnya. Setelah itu dalam umur remaja beliau telah dihantar ke Besut, Terengganu untuk mempelajari ilmu agama. Kemudian beliau dihantar ke Pattani dan seterusnya ke Makkah untuk mendalami ilmu agama di sana. Walaupun dikatakan Tuan Tabal mendapat pendidikan asas di Pattani, tetapi Nik Abdul Aziz (1983:29-

hukum. Tabal  
 seorang lepas  
 undang-tilish  
 sambad  
 ciri-51  
 tern  
 illa

Bahawa Tuan Tabal pergi belajar dahulu sebelum ke Pattani. Beliau berhasrat berjumpa dan berhasrat berjumpa dengan beliau di Tabal iaitu Abdul Samad b. Ahmad (1976). Abdul Samad mendengar cerita daripada datuknya yang kebetulan bertemu dengan Tuan Tabal. Di Makkah, Tuan Tabal dikatakan telah berguru dengan Muhammad ad-Danderawi, murid kepada Sidi Ahmad yang juga bekas pelajar kepada Sidi Ahmad ibn Muhammad yang merupakan pengasas amalan tarekat Ahmadiyah (1976) dari Maghribi. Ini bermakna, Tuan Tabal ialah murid generasi ketiga dalam tarekat ini. Walaupun Tuan Tabal banyak menumpukan masa dengan amalan tarekat dan mendalami ilmu tasawuf, ini tidaklah bermakna beliau meminggirkan ilmu-ilmu yang lain. Umpamanya beliau turut mempelajari ilmu fikah, syaffiyah, usuluddin, tafsir, hadis, nahu Arab, mantik, balaghah dan juga arud. (*ibid.*, 23). Menurut Muhammad Uthman el-Muhammady (1976: 247) salah seorang guru Tuan Tabal termasuklah Tuan Guru Wan Ahmad Pattani.

Kehidupan seharian yang dilalui oleh Tuan Tabal begitu sederhana. Dari kajian yang pernah dijalankan oleh Muhammad el-Muhammady (1976:248), dilaporkan bahawa sewaktu Tuan Tabal di Makkah, beliau hidup sebagai seorang zahid iaitu hidup tanpa mementingkan kepada dunia. Ada juga diceritakan bahawa dalam masa setahun Tuan Tabal menghabiskan hanya empat gantang beras sahaja. Manakala menurut catatan Nik Abdul Aziz (1983:24) satu peristiwa pernah berlaku, Tuan Tabal berkhawat selama 41 hari dan 41 malam di bawah sepohon kayu rendang lebih kurang 2.4 kilometer dari rumahnya. Dalam masa berkhawat itu beliau hanya makan bertih sahaja. Pada masa inilah nama beliau selaku seorang sufi yang alim mulai terkenal bukan sahaja di kampungnya akan tetapi di kalangan orang ramai di Kota Bharu (*ibid.*, 24). Oleh sebab Tuan Tabal kuat membaca, mengarang, mengajar dan beribadat, maka beliau sering kali

tidur hanya 2 jam sahaja dalam sehari semalam. Hasil tulisan beliau yang terkenal sehingga kini boleh dibaca ialah:

1. *Minhatul Qarib* dalam bidang tasawuf, usuluddin, fikah dan inilah kitabnya yang paling tebal.
2. *Bab Harap*, juga dalam bidang tasawuf.
3. *Munyatul Ahlil-Awabah Bayanit-Tawbah*.
4. *Bi-Kifayatil-Awam* dalam bidang usuluddin iaitu tentang sifat dua puluh.
5. *Munabbihul-Ghafilin* dalam bidang tasawuf.
6. *Bidayatul-Ta'lim* yang membicarakan hukum Islam dan hukum-hukum yang wajib diketahui oleh setiap muslim.
7. *Jala' al-Qulub Bidhikril'Lah* dalam bidang tasawuf.

Itulah hebatnya tokoh ulama setempat yang mungkin atau telah dilupakan terutama oleh generasi muda kini. Namun sebagai ulama, walaupun namanya tidak dikenang atau hanyut ditelan arus zaman, tetapi beliau meninggalkan ilmu untuk diterokai oleh warisan seterusnya.

### Bicara Karya

Apakah yang dimaksudkan dengan insan kamil? Untuk menjawab persoalan ini, kita harus menyedari bahawa Allah menegaskan kejadian insan adalah sebaik-baik dan seindah-indah kejadian dalam kedua-dua unsurnya, jasmani dan rohani. Sesuai dengan firman Allah dalam surah *al-Tin* [95:4], mafhumnya:

Sesungguhnya Kami [Allah] telah menciptakan [jenis] manusia itu dalam sebaik-baik cara Kami menjadikan sesuatu berkelengkapan sesuai dengan keadaannya.

Bentuk lahir dan jasmaninya memang telah indah dan sempurna. Bentuk kejadian ini secara langsung adalah daripada ciptaan Allah. Namun, keindahan dalam bentuk lahir-



nya yang diistilahkan oleh al-Quran itu belum menepati keindahan dan kesempurnaan insan seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Pencipta.

Mungkin secara mudahnya insan kamil boleh diertikan sebagai insan atau manusia yang sempurna, justeru istilah ini dikhususkan kepada Nabi Besar Junjungan kita iaitu Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. Istilah ini ialah sekumpulan doktrin yang simbolik dan kompleks yang terbentuk daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad yang menyatakan sifat kerohaniannya. Oleh itu mengikut Ibn Arabi, pakar tasawuf yang tidak pernah berkahwin pada kurun ke-13, diberi penghormatan sebagai orang pertama yang menghasilkan penjelasan bertulis tentang manusia yang sempurna (insan kamil). (Ismail al-Faruqi, 1990:126). Manakala Abdul Karim al-Jili, pengarang kurun ke-15 bagi karya yang terkenal iaitu *al-Insan al-Kamil*, telah menuruti Ibn al-Arabi dalam banyak butiran mengenai sifat manusia yang sempurna, tetapi dalam hal-hal lain ia masih mengikut inspirasinya sendiri. Bagi al-Jili, manusia yang sempurna ialah Muhammad. Baginda ialah paksi yang kelilingnya sfera kewujudan beredar. Baginda telah sentiasa dan akan sentiasa menjadi manusia yang sempurna: ianya manusia yang sempurna pada akhir masa. Hanya ada satu saja Logos-Muhammad dalam seluruh kitaran kewujudan (Ismail al-Faruqi, 1990:128). Logos-Muhammad inilah yang disebut oleh para ahli tasawuf sebagai *al-Haqiqat al-Muhammadiyah* atau realiti Muhammad. Namun harus diingat bahawa manusia yang sempurna bukanlah Tuhan. Oleh itu kita tidak boleh memberikan sifat ketuhanan kepadanya, walaupun dengan cara bayangan. Ini akan membawa kepada menyekutukan Allah dan menghapuskan kemutlakan yang dipunyai semuanya oleh Allah, yang tidak ada kedua atau sekutunya (Ismail al-Faruqi, 1990:129). Namun, jikalau manusia yang sempurna bukannya Tuhan, sifat dalaman manusia bukanlah lain daripada Tuhan. Hal ini terangkum dalam ajaran agama bahawa semua kesempurnaan itu yang dicipta akan hilang

daripada diri mereka dalam pencarian dasar mereka yang tidak terbatas dalam kesempurnaan Allah yang tidak tercipta (Ismail al-Faruqi, 1990:129).

Selanjutnya dalam Islam, Allah tidak ada sekutu, tidak ada bandingan, tidak ada anak: bagi semua keistimewaan kosmik yang diperlukan oleh peranan manusia yang sempurna, tidak ada kemungkinan wujudnya fahaman sekutuan. Justeru, manusia yang sempurna sesungguhnya suatu perantaraan antara Tuhan dengan manusia, tetapi ia sendiri bukan yang mutlak. Manusia yang sempurna ialah suatu cermin yang membayangkan realiti ketuhanan, tetapi ia sendiri bukannya realiti ketuhanan itu. Ianya seluruh kewujudan [*al-Khalq*] sebagai suatu bayangan Tuhan [*al-Haq*], tetapi ia bukannya Tuhan.

Untuk kita menambahbaikkan diri, jiwa, hati dan peribadi, terdapat pelbagai cara dan jalan yang pernah dilalui oleh para sufi, yang hampir kesemuanya melalui pengalaman dan pembersihan diri atau *tazkiyah al-nafs*, sama ada berzikir, berkhalwat mahupun berzuhud. Antaranya amalan yang pernah disarankan oleh para tokoh ulama ialah dengan menyerahkan hati kepada Allah dengan cara berzikir. Cara inilah yang dihayati dan disarankan oleh Tuan Tabal melalui kitab kecil karangannya *Jala' al-Qulub Bidhikril'Lah*.

Kitab ini ialah kitab "kecil" karangan Tuan Abdul Samad bin Muhammad Salih al-Kelantani. Melalui kitab ini Tuan Tabal membicarakan ajaran-ajaran tasawufnya dalam 10 fasal. Didahului oleh satu bab pendahuluan dan disudahi dengan satu bab penutup yang dipanggil khatamah atau ' penyudahan'. Kitab ini bermaksud untuk menggilap kalbu dengan berzikir kepada Allah. Sebagai sebuah kitab sufi, doktrin-doktrin yang terdapat dalamnya membicarakan persoalan kebenaran yang diajarkan yang perlu difahami. Hakikat daripada kebenaran itu ditembusi jalan pengalaman rohaniah iaitu apabila hati menjadi bersih dengan melalui jalan pembersihan yang diajarkan agama (Muhammad Uthman el-Muhammady: 1976).

Kitab ini menekankan kaedah dan tatacara yang harus diikuti supaya matlamat dalam doktrin tersebut dapat di-realisasikan dengan cara mengintimkan hubungan manusia dengan Allah. Secara amnya, kitab ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu mukadimah, isi kitab dan khata-mah. Tuan Tabal memulakan bicara kitabnya dengan beberapa pesanan yang amat bermakna kepada orang awam. Tiga pesanan Tuan Tabal ialah: Saudaraku:

- (i) Sucikanlah dikau akan hatimu kepada mengasihi musuh Allah.
- (ii) Katanya lagi *hiasai hati dengan segala permata kasihkan Allah.*
- (iii) dan pesan yang ketiga, *jangan letak hati pada tempat yang kotor dan cemar.*

Di akhir tiga pesanan itu, Tuan Tabal memetik dua sabda Rasul yang amat berkait rapat dengan pengisian kitab ini. Sabda Rasul yang pertama ialah, mafhumnya:

bermula dunia itu haram atas ahli akhirat dan akhirat itu haram atas ahli dunia dan tiap-tiap daripada keduanya itu haram di atas ahliullah, maka martabat yang terlebih tinggi itu kasih kepada Allah Taala. Maka, jika engkau dapat dalam hati kamu dukacita, kasih rindu kepada Allah – maka ketahuilah olehmu bahawasanya engkau dalam ahliullah.

Sabda Rasulullah yang kedua, juga berkaitan dengan nasihat Tuan Tabal dalam kitab ini mafhumnya:

bahawasanya dalam jasad anak Adam itu ada segumpal daging, apabila ia baik, maka baiklah keseluruhan jasad dan menyesuaikan oleh keseluruhan badan. Itu adalah HATI.

Berdasarkan kepada kedua-dua sabda Rasul itu, Tuan Tabal menulis kitab *Jala' al-Qulub Bidhikri'Lah*. Berikut ialah pecahan ketiga-tiga bahagian tersebut:

## 1. Mukadimah

Dalam tradisi kepengarangan, khususnya sastera Islam, pengarang-pengarang cukup mengambil berat mengenai hal pembukaan karya. Umpamanya, di bahagian permulaan karya ini terkandung unsur-unsur *doxology* iaitu puji-pujian kepada Allah s.w.t.; "Bermula segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam dan rahmat Allah". Di bahagian ini juga terkandung unsur-unsur *eulogi* iaitu selawat dan salam ke atas junjungan dan penghulu kita Nabi Besar Muhammad s.a.w. selamanya, atas keluarganya dan sahabatnya sekalian (ammaba'da). Manakala di bahagian penutup, terdapat unsur apologi, yang selalunya terisi dengan permohonan rasa rendah diri pengarang dan permohonan maaf pengarang, tetapi, dalam kitab ini, Tuan Tabal mengemukakan nasihat dan panduan kepada umum supaya merahsiakan segala rahsia Allah daripada ahlinya dan memelihara segala ehwal hati antara insan dengan Allah.

## 2. Isi Kitab yang Sebenar

Di bahagian ini Tuan Tabal memperkenalkan bahawa jalan untuk menuju kepada Allah Taala itu dengan sebilang-bilang segala nafas sekalian makhluk Allah, jalan bagi segala orang yang kasihkan Allah dan lagi berjalan mereka itu dengan jazbatillah iaitu jalan yang dipilih oleh ahl-Allah, dengan amalan dan tabiat untuk sampai kepada Allah sertai istiqamah atas syariat Allah. Dengan cara inilah, Tuan Tabal menamakan *Jala' al-Qulub Bidhikril'Lah* yang bererti menyerahkan atau menyucikan hati dengan menyebut nama Allahikrillah. Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa perbuatan mengingati Allah ialah suatu perbuatan manusia yang sedar dan insaf akan keadaan dirinya dan tahu akan kedudukan mereka sebagai khalifah dan hamba di atas muka bumi ini. Tuan Tabal juga memperkenalkan bahawa terdapat tiga jenis manusia. Pertama *Ahl-al-duniya*,

iaitu segala orang yang jahil yang lalai daripada Allah, kedua *ahl-al-akhirat* iaitu orang yang takut kepada api neraka tetapi gemar kepada syurga dan ketiga atau yang terlebih tinggi martabatnya disebut *ahl-Allah*, orang yang kasih lagi asyik kepada Allah. Dalam pandangan Tuan Tabal, sebaik-baik manusia ialah jenis yang ketiga. Melalui kitab ini, manusia dianjurkan seboleh-bolehnya tergolong dalam golongan ketiga. Hamba kepada Allah semata-mata, cinta dan kasih kepada Allah.

Menerusi kitab ini, Tuan Tabal menjelaskan bahawa, hati sepatutnya dipenuhi dengan nama Allah. Hati dari segi epistemologinya bermaksud membawa erti organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan, terletak di dalam perut di bahagian sebelah kanan. Namun makna yang biasa dimaklumi ialah batin iaitu tempat perasaan pengertian dan lain-lain yang berkaitan dengan perasaan [*Kamus Dewan*, 1998:163]. Hati dalam bahasa Arab pula disebut *al-qalbu* ertinya suatu benda yang tidak tetap, bolak-balik, kadang-kadang begitu, kadang-kadang begini [K.H. Muhibbuddin, 1998:421]. Tetapi menurut Tuan Tabal, hati ialah fakulti yang menyebabkan manusia mengenal Tuhan dan menyimpan sikap kasih sayang. Hati dalam keadaan yang asas sebenarnya ialah Baitullah atau rumah Allah. [Tuan Tabal, *Jala'*, 5]. Selanjutnya menurut Tuan Tabal, hati ialah pusat peribadi atau hati yang baik dan bersih yang menentukan sahsiah dan corak diri seseorang. Sesuai dengan kedudukannya yang tinggi, maka hati juga ialah tempat Allah dimanifestasikan. Menurut beliau lagi, hati orang beriman ialah arasy Allah. Maka, menjadi kewajipan manusia untuk menjaga hati daripada sebarang bentuk pencemaran. Untuk benar-benar membentuk hati menjadi Baitullah dan seterusnya membina dan menghayati dalam diri insan itu, Tuan Tabal telah memperkenalkan 10 sifat utama yang perlu diamalkan. Sifat-sifat tersebut ialah:

- (i) Sifat cintakan Allah sebagai satu yang mutlak dan cinta pada perkara-perkara lain ialah sesuatu yang nisbi.
- (ii) Esakan afal Allah – tunduk kepada segala kekuasaan Allah.
- (iii) Bersifat tawajuh – memusatkan perhatian secara mutlak kepada Allah, tidak perlu berputus asa dan memerlukan usaha terlebih dahulu.
- (iv) Tawakal kepada Allah – berserah kepada Allah setelah segala usaha dijalankan.
- (v) Menyerah kepada Allah.
- (vi) Bersabar atas dugaan yang menimpa.
- (vii) Hidupkan sifat hina diri dalam kebesaran Allah.
- (viii) Berkehendak kepada Allah tidak kepada yang lain.
- (ix) Wujudkan sifat percaya kepada Allah yang boleh memberi segala-galanya.
- (x) Fana dengan baqa Allah.

Segala sifat-sifat yang dinyatakan ini harus diwujudkan dalam konteks perhubungan manusia dengan Allah. Tuan Tabal turut membicarakan 10 sifat keji yang harus dijauhi, sekiranya sifat-sifat ini wujud, hati akan menjadi rumah syaitan dar: sifat-sifat ini bertentangan dengan sifat-sifat manusia. Sepuluh sifat negatif yang disaran supaya dijauhi ialah:

- (i) Bersubahat dengan yang lain selain daripada Allah.
- (ii) Lalai dari perintah dan mengingati Allah.
- (iii) Syirik kepada Allah.
- (iv) Tiada berpegang di atas paksi Allah.
- (v) Tiada mengambil iktibar atas segala takdir Allah.
- (vi) Keluh kesah dengan bala Allah.

- (vii) Marah pada qada Allah.
- (viii) Takbur atas makhluk Allah.
- (ix) Segala amanah Allah tidak dipeliharakan.
- (x) Mengingkari wujud hakiki Allah.

Menurut Tuan Tabal dalam usaha kita memelihara, menyemai dan menghayati ajaran Allah untuk membentuk diri sebagai insan kamil, sifat-sifat inilah yang perlu dijauhi oleh manusia kerana sifat-sifat inilah yang akan merenggangkan, menjauhkan seterusnya dapat memutuskan perhubungan antara manusia dan Penciptanya. Bahkan, Tuan Tabal ada menyatakan bahawa "kita sekalian bagi Allah, dengan Allah dan dalam Allah".

### Khatamah

Di bahagian ini, Tuan Tabal menjelaskan konsep *Wahdatul-wujud*, pertamanya kiasan (tamsil) antara ombak dengan laut yang menunjukkan perhubungan manusia dengan Tuhan sama seperti ombak dan laut. Keduanya dijelaskan saat-saat tercapainya penyatuan dengan Allah, Tuan Tabal menyatakan 'tiap nafas engkau minumkan arak daripada (kasih sayang) mahabbah Allah dari segala bejana. Ketiga, dinyatakan contoh-contoh puisi yang menggambarkan hubungan kasih yang dinamakan 'cinta kasih', misalnya perhubungan antara Rabiatal-Adawiyah dengan Allah, juga ulama sufi dan penyair-penyair agung. Keempat, pesanan yang sering diberikan oleh ahli sufi yang lain, antaranya hendaklah si sufi berbaik-baik dengan orang lain. Dampingi-lah mereka dan bimbinglah mereka, apabila bergaul ikutlah kadar kemampuan dan hendaklah diteliti orang yang ingin menerima ilmu tasawuf. Diingatkan juga bahawa sembunyi-kan rahsia *Wahdatul-wujud* dari rahsia orang awam. Huraian-nya amat payah (jadi sesat kalau tidak tahu). Ajaran dan amalan sufi daripada orang awam perlu dirahsia kerana mungkin merosakkan orang awam. Akhirnya, kitab *Jala'*

*al-Qulub Bidhikril'Lah* ini ditamatkan dengan ucapan syukur kepada Allah dan dinyatakan tarikh tamatnya kitab ini ditulis pada '18 Muharam 1287 tepat pada waktu Zuhur hari Arba'.

## Kesimpulan

Demikian sebuah bicara tentang pengisian kitab kecil ini mengenai cara untuk kita mendidik atau mengasuh diri agar dapat menjana diri menjadi makhluk Allah yang dikumiakan akal fikiran yang terbaik berbanding dengan makhluk yang lain. Secara tulus Tuan Tabal telah memperincikan tentang amalan dalam hati insan yang sebaik-baiknya dipelajari, dihayati dan diamalkan. Cara penyampaianya jelas dan teratur. Hal ini penting kerana sastera kitab lebih banyak berfungsi untuk memberi nasihat ke jalan yang satu. Sekiranya disampaikan dalam urutan yang tidak sempurna sudah tentu pembaca awam akan terpesong. Tuan Tabal berjaya mengekalkan tradisi dan gaya kepengarangan Islam yang amat menekankan ketaatan dan puji-pujian kepada Allah yang mengizinkan segala-galanya, selawat dan salam kepada junjungan besar dan mulia Nabi Muhammad, dan akhir sekali penekanan tentang kerendahan diri serta nasihat-nasihat yang penting kepada semua pembaca.

Itulah sumbangan istimewa dan amat bermakna Tuan Tabal terutama dalam era kebangkitan ummah dalam menjana dan memupuk hakikat jati diri insan. Sebuah penulisan yang dihasilkan pada 18 Muharam, 1287 atau bersamaan dengan 1870 Masihi, iaitu hampir 32 tahun atau sekiranya dikira mengikut tahun hijrah, idea-idea ini telah dikemukakan hampir 136 tahun yang lampau. Namun, ia masih bermakna kepada kehidupan sekarang, malah amat perlu dalam kancah kehidupan manusia kini yang masih terpinga-pinga dan ada kalanya terawang-awang kerana telah lupa harga dan kadar diri. Masing-masing mula mencari arah pedoman supaya tidak terus jauh tersesat dalam pengaruh dunia yang berteraskan kemodenan Barat



semata-mata. Sekali-sekala kita harus memandang rumput di bumi. Saranan Tuan Tabal harus digali, dibaca, diamal dan dihayati dalam usaha membina dan menghasilkan manusia yang selaras dengan kata-kata yang kerap diucapkan iaitu beriman, berilmu, beramal untuk menjadi manusia budiman. Inilah juga yang cuba kita bina ke arah mencapai hamba Allah yang bergelar insan kamil. Sumbangan idea, amalan dan pengalaman peribadi beliau begitu mempesonakan. Realiti kehidupan seharian yang dilalui umat manusia dijadikan bahan pemerhatian yang teliti, justeru kajian beliau begitu mudah difahami tetapi agaknya begitu sukar untuk dihayati!

### Bibliografi

- Abdul Samad b. Muhammad Salih al-Kelantani, 1354 [H] *Jala' al-Qulub Bidhikril' Lah*. Kota Bharu: Matba'ah al-Karnaliyah.
- Aida Rahaya Abu Bakar, 2001. "Analisis Struktur Persembahan Kitab *Jala' al-Qulub Bidhikril' Lah*." *Latihan Ilmiah*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Baharudin Ahmad, 1992. [pnyg.] *Sastera Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din, et al., 1990. *Manusia dan Islam Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail al-Faruqi, 1990. [terjemahan] Masood Rashid. *Fikiran dan Budaya Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.H. Muhibbudin, 1993. *Hakikat Hikmah Tauhid dan Tasawuf [Al-Hikam]*. Singapura: Pustaka Nasional PTE Ltd.
- Mohd. Kamil Haji Abdul Majid, 1990. *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Muhammad Uthman el-Muhammady, 1976. *Peradaban dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Nik Abdul Aziz b. Nik Hassan, 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Safa 'i Ibrahim, 1992. *Ulama Silam dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seyyed Hossein Nasr. [ed.], 1987. *Islamic Spirituality Foundations*. New York: Crossroad.
- Tajuddin Saman, 1993. *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

# PERTEMBUNGAN DENGAN BAHASA MELAYU:PERBANDINGAN KESAN PADA BAHASA DUA KUMPULAN MINORITI CINA DI MALAYSIA



TEO KOK SEONG

## Pendahuluan

Imigrasi dari China ke Malaysia berlaku dalam dua tahap. Tahap pertama berlaku sebelum abad ke-19. Tarikh sebenar imigrasi pada tahap pertama ini tidak dapat ditentukan dengan tepat. Walau bagaimanapun, imigrasi tahap pertama ini tidak melibatkan kelompok etnik Cina yang didatangkan beramai-ramai ke Malaysia untuk membantu penjajah Inggeris mengembangkan serta memantapkan ekonomi mereka. Pola migrasi kelompok Cina ini adalah secara kumpulan kecil dan individu yang tidak pun diatur secara formal. Migrasi begini wujud lama sebelum pertengahan abad ke-19, dan mungkin bermula pada abad ke-15.

Imigrasi tahap kedua yang berlaku pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20, merupakan kelompok etnik Cina yang didatangkan beramai-ramai ke Malaysia oleh kolonial Inggeris untuk menggiatkan dan mengembangkan ekonomi mereka. Pola migrasi kelompok Cina

ini adalah lebih teratur dan dikendalikan antaranya dalam bentuk organisasi kumpulan nama keluarga yang sama dan/atau kekerabatan.

### Pola Adaptasi

Tinjauan ke atas kosa ilmu tentang kelompok Cina yang bermigrasi ke Asia Tenggara memperlihatkan terdapat sekurang-kurangnya tiga pola adaptasi yang bermula daripada pertama asimilasi pada satu ekstrem, kedua, pelbagai tahap akulturasi di tengah-tengah, dan ketiga, pengejalan budaya Cina yang kuat pada ekstrem yang satu lagi. (lihat antaranya Teo Kok Seong).

Asimilasi imigran Cina (contohnya melalui perkahwinan campuran yang kemudiannya melenyapkan budaya asal) dalam satu atau dua generasi setelah mereka tiba ialah pola pertama. Masyarakat Cina, khususnya di negara Thai, Vietnam, Kemboja, dan Filipina ialah contoh pola adaptasi begini. Masyarakat Cina di negara ini telah terserap secara beransur-ansur ke dalam fabrik sosial masyarakat setempat, setelah berkahwin dengan wanita tempatan.

Akulturasi dengan asimilasi separa merupakan pola kedua. Kumpulan Cina Peranakan di Jawa, Indonesia, kaum Baba di Melaka, serta puak Cina Peranakan di Kelantan merupakan contoh pola adaptasi ini. Mereka ini sering kali dianggap sebagai berasimilasi separa dengan masyarakat dan budaya tempatan: bertutur bahasa ibunda yang sama ada merupakan salah satu daripada bahasa peribumi setempat, atau campuran bahasa Cina dengan bahasa Melayu/bahasa peribumi setempat, atau sejenis bahasa Melayu pijin, atau bahasa Melayu ala Cina. Budaya mereka ialah budaya campuran unik daripada tradisi Cina dan warisan peribumi setempat.

Pengejalan budaya Cina yang kuat yang merupakan pola adaptasi ketiga dapat diperhati pada kebanyakan

masyarakat Cina semasa di Malaysia dan Singapura. Masyarakat Cina itu rata-ratanya tidak memperlihatkan sebarang akulturasi/asimilasi yang berkesan terhadap peribumi setempat.

### Akulturasi/Asimilasi

Daripada dimensi akulturasi/asimilasi, masyarakat Cina Malaysia boleh dibahagikan kepada dua golongan umum: Cina Tulen dan Cina Peranakan. Cina Tulen ialah etnik Cina yang tidak memperlihatkan sebarang akulturasi/asimilasi berkesan terhadap budaya Melayu dan/atau peribumi setempat. Golongan ini merupakan kelompok serta keturunan etnik Cina yang bermigrasi ke Malaysia pada tahap kedua.

Cina Peranakan ialah etnik Cina yang mempamerkan kadar akulturasi/asimilasi yang tinggi terhadap budaya Melayu dan/atau peribumi setempat. Golongan ini merupakan kelompok serta keturunan orang Cina yang bermigrasi ke Malaysia pada tahap pertama.

Secara umumnya, Cina Peranakan ialah etnik Cina yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan/atau bahasa penting mereka. Cina Peranakan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, pertama, Cina Peranakan di Kelantan, khususnya di kawasan luar bandar dan kedua, Baba/Nyonya di Melaka.

Asal usul Cina Peranakan boleh digalurkan kepada kontak awal dan lama antara orang Cina dari China dengan masyarakat peribumi setempat, khasnya kumpulan etnik Melayu dan Thai. Akulturasi/asimilasi yang wujud dipermudah antaranya oleh perkahwinan campuran pada waktu awal pertumbuhan masyarakat Cina Peranakan. Perkahwinan campuran antara lelaki Cina dengan wanita setempat banyak dilaporkan.

Kontak budaya dan perkahwinan campuran antara Cina Peranakan dengan kumpulan peribumi Asia Teng-

gara/Malaysia adalah antara faktor utama tentang tahap akulturasi/asimilasi yang tinggi serta penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan/atau bahasa penting.

## Kaum Baba Melaka

Makalah Tan Chee Beng dalam buku *The Chinese in Malaysia* menyebut bahawa masyarakat dan budaya Baba Melaka wujud sebelum ketibaan penjajah Inggeris. Masyarakat dan budaya serta jati diri Baba bukan sahaja terserlah, tetapi sudah mantap pada abad ke-19. Kehidupan kaum Baba Melaka menjadi makmur di bawah pemerintahan Inggeris, khususnya pada abad ke-19. Mereka memulakan serta mengembangkan kesusasteraan sendiri dengan menerbitkan surat khabar dan majalah, menghasilkan pantun dan cerita dalam bahasa Melayu. Mereka juga menterjemahkan berjilid-jilid karya Cina ke dalam bahasa Melayu.

Selain Melaka, kaum Baba yang rata-ratanya Cina Hokkien juga terdapat di Singapura dan Pulau Pinang. Kaum Baba di Singapura asalnya imigran dari Melaka. Justeru itu, budaya kaum Baba Singapura sama dengan budaya kaum Baba Melaka. Kini kaum ini hanya merupakan komuniti kecil di Singapura. Kaum Baba Pulau Pinang juga berasal daripada kaum Baba Melaka. Dengan kontak yang kurang dengan kaum Baba Melaka dan percantuman dengan golongan Cina tulen pada abad ke-20, kaum Baba Pulau Pinang bukan sahaja tidak dapat mempertahankan jati diri Baba, tetapi mewujudkan masyarakat Cina Pulau Pinang. Masyarakat Cina Pulau Pinang didapati sedikit berbeza dengan masyarakat Cina tulen di tempat-tempat lain di Malaysia. Kelainan ini antaranya adalah kerana faktor Baba yang didapati dominan pada awal sejarah perkembangannya, di samping penyusupan unsur Thai akibat persekitaran sosio-budaya setempat.

Kini tinggal kaum Baba Melaka sebagai komuniti Baba distingtif di Malaysia. Mereka boleh didapati di kawasan bandar dan luar bandar, terutamanya di kawasan Melaka Tengah. Di bandar Melaka, mereka tinggal di sepanjang Jalan Tan Cheng Lock (dahulunya dikenali sebagai Heeren Street), Jalan Gelanggang (dahulunya digelar Jonker Street), Tranquerah, dan Bandar Hilir. Mereka juga boleh didapati di luar bandar Melaka, terutamanya di Ujong Pasir, Klebang Besar, Bukit Baru, dan Bukit Serindit, Batu Berendam, Bukit Rambai, Pulau Gadong, dan Kandang merupakan kawasan luar bandar tempat kaum Baba tinggal. Beberapa keluarga kaum Baba juga boleh ditemui di beberapa tempat lain, seperti Jasin, Alor Gajah, Sungai Udang, dan Masjid Tanah.

Menurut Tan Chee Beng, aspek linguistik tentang budaya kaum Baba Melaka yang paling distingtif ialah bahasa mereka yang digelar bahasa Melayu Baba yang merupakan kreole Melayu yang lahir daripada bahasa Melayu pijin.

### Puak Cina Peranakan Kelantan

Puak Cina Peranakan Kelantan dikenali "Cina Kampung" dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Label ini membawa pengertian bahawa mereka tinggal di kawasan luar bandar. Kenyataan ini ada kebenarannya, yakni dari segi pola penempatan. Mereka rata-ratanya tinggal di kampung-kampung kecil sepanjang kedua-dua tebing Sungai Kelantan: dari Kampung Joh di daerah Machang sehinggalah ke muara sungai di daerah Kota Bharu.

Terdapat sekurang-kurangnya 47 buah penempatan Cina Peranakan di hampir kesemua daerah Kelantan: Bachok, Kota Bharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Putih, Tanah Merah, dan Tumpat. Secara umumnya, puak Cina Peranakan Kelantan yang secara eksklusifnya suku Cina Hokkien merupakan komuniti luar bandar yang bergiat dalam pertanian, walaupun ada segelintir yang tinggal

di bandar seperti Pasir Mas, Wakaf Baru, dan Kota Bharu. Puak Cina Peranakan ini juga digelar "Cina Siam" oleh golongan Cina Tulen Kelantan yang disebut Cina Bandar oleh masyarakat Melayu Kelantan. Golongan ini tinggal di bandar dan mengusahakan perniagaan sederhana dan besar, terdiri daripada pelbagai suku Cina, seperti Hokkien, Hakka, Hailam, dan sebagainya.

Puak Cina Peranakan Kelantan mempunyai sejarah interaksi yang panjang bukan sahaja dengan kumpulan etnik Melayu, khususnya di kawasan luar bandar, tetapi juga dengan kumpulan etnik Thai yang juga rata-ratanya tinggal di kawasan luar bandar. Sejarah pembentukan etnik puak Cina Peranakan Kelantan bermula dengan perkahwinan campuran antara lelaki Cina (dari China) dengan wanita Thai di Kelantan dan juga Pattani, pada penghujung abad ke-18. Pada awal abad ke-19, puak Cina Peranakan Kelantan sudah pun stabil dengan bilangan lelaki Cina yang berkahwin dengan wanita Thai yang agak besar dengan kehidupan sosial keluarga Cina Siam, yang dipengaruhi oleh budaya Melayu sebagai tradisi dominan di Kelantan.

Aspek linguistik tentang budaya puak Cina Peranakan Kelantan yang paling menonjol ialah bahasa mereka yang disebut bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan. Bahasa ini menerima pengaruh daripada dua bahasa lain: bahasa Melayu Kelantan dan bahasa Thai Kelantan. Bahasa Melayu Kelantan merupakan bahasa yang amat penting kepada puak Cina Peranakan. Rata-rata puak Cina Peranakan lebih menguasai bahasa Melayu Kelantan daripada bahasa Cina, sama ada bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan itu sendiri atau bahasa Hokkien baku atau bahasa Mandarin. Bagi sesetengah puak Cina Peranakan, terutamanya yang tinggal sekitar penempatan etnik Thai, bahasa Thai Kelantan merupakan bahasa penting selain bahasa Melayu Kelantan.

## Tahap Akulturasi/Asimilasi Kaum Baba Melaka dan Puak Cina Peranakan Kelantan

Leo Suryadinada, dalam bukunya *Peranakan Chinese Politics in Java: 1917-1942*, menyebut daripada dimensi budaya yang sinkretik antara gabungan tradisi Cina dengan warisan peribumi setempat, kaum Baba Melaka dan puak Cina Peranakan Kelantan, termasuk juga kumpulan Cina Peranakan di Jawa, Indonesia memperlihatkan persamaan yang banyak, iaitu asimilasi budaya yang tinggi. Namun dari sudut kebahasaan, puak Cina Peranakan Kelantan melalui proses akulturasi atau asimilasi linguistik yang berbeza daripada dua kumpulan itu.

Kaum Baba Melaka dan kumpulan Cina Peranakan Jawa kehilangan langsung kebolehan menggunakan bahasa Cina. Mereka mengambil bahasa Melayu dan bahasa Jawa serta bahasa peribumi setempat yang lain, misalnya bahasa Sunda sebagai bahasa ibunda masing-masing, dengan membuat pengubahsuaian.

Tidak ada satu pun komuniti Cina Peranakan Kelantan yang kehilangan langsung kebolehan menggunakan bahasa Cina. Walau bagaimanapun, bahasa Cina itu banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu Kelantan dan bahasa Thai Kelantan. Puak Cina Peranakan Kelantan merupakan satu-satunya kumpulan di Asia Tenggara yang berakulturasi atau berasimilasi dengan dua kumpulan peribumi rantau ini: etnik Melayu dan etnik Thai.

## Perbandingan Kesan Pertembungan Bahasa

Budaya kaum Baba Melaka dan puak Cina Peranakan Kelantan merupakan tradisi Cina yang banyak menerima elemen Melayu (Kelantan). Tradisi puak Cina Peranakan Kelantan ikut menerima elemen Thai. Selari dengan budaya sinkretik ini, bahasa kedua-dua kumpulan Cina Peranakan ini memperlihatkan sifat campuran Cina-Melayu-Thai. Bahasa puak Cina Peranakan Kelantan yang



disebut bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan memperlihatkan peminjaman leksikon daripada dan asimilasi struktur dengan bahasa Melayu Kelantan. Pengaruh bahasa Thai (Kelantan) terbatas kepada peminjaman leksikon sahaja.

Bahasa kaum Baba Melaka yang lebih dikenali bahasa Melayu Baba juga merupakan bahasa campuran. Sifatnya campuran bahasa Melayu Baba menunjukkan peminjaman leksikon daripada bahasa Melayu dan pengekalan struktur bahasa Cina, yakni Hokkien.

Untuk meninjau kesan pertembungan dengan bahasa Melayu, dan juga bahasa Thai Kelantan untuk kes puak Cina Peranakan Kelantan, bahasa Melayu Baba dan bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan diteliti daripada beberapa dimensi sahaja, khususnya dari sudut sintaksis intraklausa yang meliputi beberapa aspek seperti susunan kata dalam frasa nama, genitif dan kata nama, dan pasif.

Susunan kata nama dan keterangan dalam frasa nama dalam bahasa Cina, khususnya Hokkien (H) ialah rata-rata dan secara tegarnya berbentuk keterangan pronominal. Hal ini bermaksud keterangan (dalam bentuk kata/kata-kata atau ungkapan) mendahului apa-apa yang diterangkan (dalam bentuk kata/kata-kata atau ungkapan), misalnya:

/c<sup>hi</sup> hu/(H)  
 segar ikan  
 "ikan segar"

Hukum untuk susunan kata begini, iaitu kata nama dan keterangan dalam frasa nama dalam bahasa Melayu Kelantan (BMK) dan bahasa Thai Kelantan (BTK) bertentangan dengan hukum Hokkien. Dalam kedua-dua bahasa ini, kata/kata-kata atau ungkapan yang menerangkan mengikuti kata/kata-kata atau ungkapan yang diterangkan. Dengan perkataan lain, kata nama wujud sebagai kepala kepada konstruksi nominal dalam bahasa Melayu Kelantan dan juga bahasa Thai Kelantan, seperti:

/ike ido?/(BMK)

ikan segar

"ikan segar"

/plaa sot/(BTK)

ikan segar

"ikan segar"

Pola susunan kata nama dan keterangan dalam frasa nama untuk bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan menyerupai pola bahasa Melayu Kelantan dan bahasa Thai Kelantan iaitu:

/hu c<sup>h</sup> i/ (BHCP)

ikan segar

"ikan segar"

Dari aspek tatabahasa ini, bahasa Melayu Baba (BMB) juga menggunakan susunan kata nama dan keterangan dalam frasa nama bahasa Melayu yang berbentuk keterangan mengikuti apa-apa yang diterangkan, iaitu:

/ɣambot ke /(BMB)

rambut palsu

"rambut palsu"

/ayam tim/(BMB)

ayam kukus

"ayam kukus"

/tu lao?/(BMB)

almari lauk

"almari lauk"

/to? panjan/(BMB)

meja panjang

"meja panjang"

Konstruksi campuran ini seperti yang tertera boleh mengambil kata-kata Hokkien atau bahasa Melayu untuk bertindak sebagai kepala. Begitu juga halnya dengan keterangan yang mengikuti kepala.

Dalam bahasa Cina Peranakan Kelantan, konstruksi begini wujud dalam bentuk yang berikut yang menggunakan kata-kata Cina, yakni Hokkien sepenuhnya:

/ta mɔ̃ kɛ/(BHCP)  
rambut palsu  
"rambut palsu"

/kɛ tɪm/(BHCP)  
ayam kukus  
"ayam kukus"

/tu mit pɔ̃y/(BHCP)  
almari lauk  
"almari lauk"

/tɔ̃? tɔ̃ŋ/(BHCP)  
meja panjang  
"meja panjang"

Partikel Hokkien /e/ yang mempunyai beberapa fungsi tidak digunakan langsung dalam bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan. Antaranya ialah fungsi /e/ sebagai penanda kepunyaan (PK) apabila digunakan dengan kata nama, misalnya:

/gu e kha/(H)  
lembu PK kaki  
"kaki lembu"

/li e tɔ̃?/(H)  
awak PK meja  
"meja awak"

Walau bagaimanapun, frasa posesif atau milikan dalam bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan dibentuk mengikut pola susunan dalam bahasa Melayu Kelantan: Yang dimiliki-Pemilik, dan bukan berdasarkan pola Hokkien, seperti:

/k<sup>h</sup>a gu/(BHCP)

kaki lembu

"kaki lembu"

/kaki lembu/(BMK)

kaki lembu

"kaki lembu"

/to<sup>h</sup> li/(BHCP)

meja awak

"meja awak"

/mej<sup>h</sup> muŋ/(BMK)

meja awak

"meja awak"

Bahasa Thai Kelantan, seperti bahasa Melayu Kelantan mempunyai dan menggunakan susunan "Yang dimiliki-Pemilik" semasa membentuk frasa posesif atau milikan:

/tin gua/(BTK)

kaki lembu

"kaki lembu"

/to<sup>h</sup> maŋ/(BTK)

meja awak

"meja awak"

Fungsi /e/ sebagai penanda genitif (PG) apabila digunakan dengan ganti nama di samping membentuk kasus genitif juga tidak dimanfaatkan oleh bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan:

/wa e/(H)

saya PG

"saya punya/yang saya/yang saya punya"

Sebaliknya, bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan menggunakan penanda genitif bahasa Melayu Kelantan /hɔʔ /dalam bentuk / heʔ/ atau penanda genitif /hɔŋ / daripada bahasa Thai Kelantan, seperti:

/hɔʔ ambɔ/(BMK)

PG saya

"yang saya/yang saya punya"

/hɔŋ kuu/(BTK)

PG saya

"yang saya/yang saya punya"

/heʔ wa/atau/hɔŋ wa/(BHCP)

PG saya PG saya

"yang saya/yang saya punya"

Hal ini berlainan dengan bahasa Melayu Baba yang mengekalkan strategi linguistik Hokkien dalam membentuk frasa posesif atau milikan. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu Baba menggunakan /puŋa/ daripada bahasa Melayu, yang sering kali juga disebut /mia/, sebagai penanda genitif (PG) untuk menggantikan padanannya dalam Hokkien, iaitu /e/, misalnya:

/gua puŋa rumah/(BMB)

saya PG rumah

"Rumah saya"

/gua mia sɔdara/(BMB)

saya PG saudara

"Saudara saya"

/wa e c<sup>h</sup>u/(H)  
saya PG rumah  
"Rumah saya"

/wa e c<sup>h</sup>in c<sup>h</sup>e?/(H)  
saya PG saudara  
"Saudara saya"

Selain kedua-dua fungsi di atas, /e/ juga berperanan sebagai partikel frasa yang apabila digunakan bersama-sama dengan frasa atau klausa, boleh bertindak sebagai keterangan. Dengan perkataan lain, /e/ mendukung peranan sebagai penanda keterangan frasa (PKF).

/teŋ pay e c<sup>h</sup>e?/(H)  
zaman dahulu PKF buku  
"Buku zaman dahulu"

/jaman dulu mia buku/(BMB)  
zaman dahulu PKF buku  
"Buku zaman dahulu"

Satu lagi fungsi /e/ ialah sebagai penanda nama (PN) yang membawa maksud "pihak/perkara yang ... diterangkan oleh frasa sebelumnya."

/teŋ pay e/(H)  
zaman dahulu PN  
"Yang dahulu/perkara dahulu"

/say c<sup>h</sup>ia e/  
pandu kereta PN  
"yang pandu kereta/pemandu"

Untuk menyatakan atau mengungkapkan fungsi-fungsi /e/ sebagai penanda keterangan frasa (PKF) dan penanda nama (PN), bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan

menggunakan bentuk-bentuk /heʔ/ daripada bahasa Melayu Kelantan, yakni /həʔ/ dan /həŋ / daripada bahasa Thai Kelantan.

/c<sup>h</sup> eʔ heʔ jaman tej pay/  
 “buku PKF zaman dahulu”  
 “Buku zaman dahulu/buku yang zaman dahulu”

/həŋ say c<sup>h</sup>ia/  
 PN pandu kereta  
 “Pemandu kereta/ yang memandu kereta”

Konstruksi pasif didapati berleluasa dalam bahasa yang menonjolkan subjek dalam sintaksisnya. Tetapi dalam kalangan bahasa yang menonjolkan topik dalam pembentukan ayatnya, konstruksi pasif boleh dikatakan tidak wujud langsung, (misalnya bahasa Lahu) atau hanya wujud sebagai konstruksi pinggiran, yakni amat jarang-jarang digunakan (seperti bahasa Cina, misalnya Hokkien).

Dengan perkataan lain, konstruksi pasif tidak berleluasa dalam bahasa yang menonjolkan topik berbanding dengan bahasa yang menonjolkan subjek. Untuk menyatakan maksud pasif, yakni objek langsung konstruksi aktif menjadi subjek konstruksi pasif, subjek konstruksi aktif wujud dalam frasa preposisi dalam konstruksi pasif, dan terdapat penanda pasif pada kata kerja, bahasa Cina menggunakan strategi topikalisasi, iaitu penonjolan topik – bahagian ayat/klausa atau ungkapan yang berkenaan dengan “apa” yang ingin diperkatakan di dalamnya – ke hadapan. Misalnya:

Topik  
 /wa sia hi tiup e/(H)  
 saya tulis itu PB surat (PB = penjodoh bilangan)

"Saya menulis surat itu"

Topikalisasi

/hi tiu pe wa sia/(H)

itu PB surat saya tulis

"Surat itu, saya tulis/surat itu saya tulis"

Susunan pasif yang asas dalam bahasa Melayu Kelantan mengambil bentuk sintaksis penanda pasif (PP) /ηə/ mendahului kata kerja transitif dengan diikuti secara opsional oleh preposisi (P) dalam bentuk /kə/ sebelum agen, seperti:

Konstruksi aktif

/Mamat make pise aku /(BMK)

Mamat makan pisang saya

"Mamat makan pisang saya"

Konstruksi pasif

/pise aku ηə make kə mamat/(BMK)

pisang saya PP makan P Mamat

"Pisang saya dimakan oleh Mamat"

Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan menggunakan pola asas ini untuk membentuk konstruksi pasifnya dengan hanya menukar preposisi /kə/ kepada bentuk /kə/.

Konstruksi aktif

/Mamat c<sup>h</sup>iat kin c<sup>h</sup>io wa/ (BHCP)

Mamat makan pisang saya

"Mamat makan pisang saya"

Konstruksi pasif

/kin c<sup>h</sup>io wa ηə c<sup>h</sup>iat kə Mamat/(BHCP)

pisang saya PP makan P Mamat

"Pisang saya dimakan oleh Mamat"



Bahasa Melayu Baba tidak mempunyai susunan pasif dalam pengertian sebenarnya dengan segala cirinya. Untuk mengungkapkan maksud subjek dalam ayat merupakan entiti yang mengalami aksi yang dinyatakan oleh kata kerja, bahasa Melayu Baba menggunakan strategi sintaksis bahasa Cina iaitu Hokkien, melalui mekanisme topikalisasi. Misalnya:

Topik

/gua tulis *itu surat*/(BMB)

saya tulis itu surat

"Saya menulis surat itu"

Topikalisasi

/*itu surat* gua tulis/(BMB)

itu surat saya tulis

"Surat itu, saya tulis/surat itu saya tulis"

Topik

/Mamat makan *gua mia pisang* /(BMB)

Mamat makan saya PG pisang

"Mamat makan pisang saya"

Topikalisasi

/*gua mia pisang* Mamat makan/(BMB)

saya PG pisang Mamat makan

"Pisang saya, Mamat makan/pisang saya Mamat makan"

Dari perspektif pertembungan bahasa, bahasa Melayu Baba dan bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan mengalami asimilasi linguistik yang besar terhadap bahasa Melayu. Namun demikian, pengalaman itu tidak sama bagi kedua-dua bahasa itu.

Asimilasi linguistik yang dialami oleh bahasa Melayu Baba bersifat kehilangan total atau hampir total bahasa Cina, yakni Hokkien. Manakala untuk bahasa Hokkien Cina

Peranakan, asimilasi linguistik terhadap bahasa Melayu itu mengambil bentuk perubahan linguistik yang besar tanpa kehilangan bahasa Cina, iaitu Hokkien.

Sebahagian besar kosa kata bahasa Melayu Baba terdiri daripada leksikon bahasa Melayu. Tetapi struktur kenahuan, yakni morfologi dan sintaksisnya masih menggunakan sistem bahasa Cina, iaitu Hokkien. Dengan perkataan lain, bahasa Melayu Baba dikuasai oleh bahasa Melayu dalam aspek kosa kata (kecuali beberapa perkataan Cina untuk makanan, adat dan yang dikekalkan), dan oleh bahasa Cina, yakni Hokkien, dalam aspek tatabahasa.

Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan memperlihatkan keadaan kebalikan dalam hal ini. Walaupun terdapat pengaruh leksikon Melayu yang agam dalam bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan, pengaruh itu hanya merupakan peminjaman leksikon. Hal ini kerana kata-kata pinjaman bahasa Melayu dan juga bahasa Thai wujud sebagai tambahan dan digunakan secara sinonim, bersama-sama dengan padanannya dalam bahasa Cina, iaitu Hokkien.

Dalam konteks pertembungan bahasa, bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan ialah "Cina" dari segi kosa katanya. Leksikon bahasa Melayu pada bahasa Melayu Baba akibat releksifikasi menjadikan bahasa ini "Melayu" dari segi kosa katanya. Pinjaman leksikon berlainan sekali daripada releksifikasi, iaitu proses penggantian kosa kata dalam bahasa kumpulan minoriti oleh bahasa kelompok yang lebih dominan dalam situasi pertembungan bahasa atau budaya.

Bahasa Melayu Baba yang mempunyai persamaan struktur yang tinggi dengan bahasa Cina, yakni Hokkien, menjadikannya "Cina" dalam aspek nahu. Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan yang mempamerkan struktur yang selari dengan bahasa Melayu Kelantan yang tinggi, menjadikannya "Melayu" dalam aspek nahu. Pengekalan struktur bahasa Cina, iaitu Hokkien dalam nahu bahasa Melayu Baba, walaupun dalam kes tertentu yang

memperlihatkan struktur itu juga menggunakan susunan bahasa Melayu, menjadikannya "Cina" dari segi sistem. Sebaliknya, bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan yang langsung tidak memanfaatkan strategi kenahuan bahasa Cina, iaitu Hokkien, menjadikannya "Melayu" dari segi sistem.

Namun demikian, bahasa kaum Baba Melaka disebut (dan dikategorikan sebagai ...) bahasa Melayu Baba, manakala bahasa puak Cina Peranakan Kelantan dipanggil (dan dikategorikan sebagai ...) bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan. Persoalan penting tentang teori linguistik dalam konteks pertembungan bahasa yang harus ditangani ialah yang mana lebih penting – Leksikon atau Nahu untuk sesebuah bahasa dalam usaha menonjol dan mengekalkan jati diri fizikalnya?

Persoalan teori sosiolinguistik yang wujud daripada sifat campuran kedua-dua bahasa ini ialah pola ketahanan. Bahasa Melayu Baba tidak berjaya/tidak mahu mempertahankan kosa katanya dan terpaksa (dan rela?) melalui proses releksifikasi, manakala bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan berjaya atau mahu mempertahankan kosa kata dan pengaruh bahasa Melayu dalam ini hanya bersifat pinjaman leksikon. Dari aspek nahu, bahasa Melayu Baba berjaya/mahu mempertahankan sistem asalnya di samping meminjam beberapa strategi bahasa Melayu. Bahasa Hokkien Cina Peranakan Kelantan tidak berjaya/tidak mahu mempertahankan sistem asalnya dan menggunakan sistem asalnya dan menggunakan bahasa Melayu (Kelantan) sepenuhnya. Pola ketahanan dan domain kerobohan kedua-dua bahasa ini dalam konteks pertembungan bahasa atau budaya merupakan aspek-aspek sosiolinguistik sejarah yang harus ditekuni untuk menyelesaikan persoalan teori sosiolinguistik ini.

### Bibliografi

Cheng, Robert L., 1974. "Causative Constructions in Taiwanese"

- Journal of Chinese Linguistics* 2:3, hlm. 279–324.
- Gosling, L. A. Peter, "Migration and Assimilation of Rural Chinese in Terengganu". John Bastin dan R. Roolvink (ed.), 1964. *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty-Fifth Birthday*, hlm. 203–221. Oxford: Claredon Press.
- Li, Charles N., & Sandra A. Thompson (ed.), 1976. "Subject and Topic: A New Typology of Language" dlm. *Subject and Topic*, hlm. 457–490. New York: Academic Press.
- Lim Bong Keng. "The Chinese in Malaya". W. Feldwick (ed.) *Present Days' Impressions of the Far East and Prominent and Progressive Chinese at Home and Abroad: The History, People, Commerce, Industries and Resources of China, Hong Kong, Indonesia, Malaya and Netherlands India*, hlm. 875–882. London: Globe Encyclopedia Co. 1917.
- Matisoff, James A., 1973. *The Grammar of Lahu*. Berkeley: University of California Press.
- Mesyuarat Agung Persatuan Peranakan Cina Kelantan Kali yang Ke-2. 1991.
- Newbold, T. J., 1989. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca viz. Penang, Malacca and Singapore, with a History of the Malayan States on the Peninsular of Malacca, Vol. 1*, London: John Murray. (Dicetak semula oleh Oxford University Press, Singapore pada 1971).
- Rockhill, W. W., 1915. "Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the Coast of the Indian Ocean during the Fourteenth Century". *T'oung Pao* 16, hlm. 61–159.
- Suryadinata, Leo, 1976. *Peranakan Chinese Politics in Java: 1917–42*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Tan Chee Beng, 1980. "Baba Malay Dialect". *Journal of the Malayan (Malaysian) Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. III, Part 1, hlm. 150–156.
- Tan Chee Beng, 1988. *The Baba of Malacca: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Tan Chee Beng, 1993. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tan Chee Beng, 2000. "Sociocultural Diversities and Identities". Lee Kam Hing & Tan Chee Beng (ed.). *The Chinese in Malaysia*, hlm. 37–70. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Teo Kok Seong, 1986. "Satu Kajian Sosiolingustik tentang Penerimaan dan Penghayatan Bahasa Malaysia di Kalangan Masyarakat Cina: Satu Kajian Kes di Dua Buah Kawasan di Selangor." Tesis Sarjana Persuratan yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong, 1992. "Pengaruh Bahasa Melayu dalam Bahasa Ibunda Puak Cina Peranakan di Kelantan." *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 36, Bil. 1, hlm. 16-25.
- Teo Kok Seong, 1993. "A Sociolinguistic Description of the Peranakan Chinese of Kelantan, Malaysia". Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Barkeley: University of California.
- Teo Kok Seong. "Pembinaan Bangsa Malaysia: Sumbangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan". Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Mohd bin Samsudin dan Kamaruzaman Yusoff (ed.), 1998. *Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-bangsa: Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*, Jil. III, hlm. 943-983. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Winzeler, Robert L., 1985. *Ethnic Relations in Kelantan: A Study of the Chinese and Thai as Ethnic Minorities in a Malay State*. Singapore: Oxford University Press.
- Wolff, John dan Soepomo Poedjosoedarmo, 1982. "Communicative Codes in Central Java". Linguistics Series VIII. Data Paper: No. 116. Southeast Asia Program, Department of Asian Studies, Ithaca: Cornell University.

# FENOMENA KESANTUNAN BAHASA DALAM BAHASA INDONESIA/MELAYU



ROBERT SIBARANI, M.S.

## Mukadimah

Fenomena kesantunan bahasa (*language politeness*) menjadi penting diperbincangkan kebelakangan ini terutama di negara-negara berkembang yang sedang mengalami proses reformasi seperti Indonesia. Hal itu disebabkan oleh pandangan bahawa (i) kesantunan bahasa sebagai ciri khas masyarakat Melayu tampaknya dirasakan telah bergeser atau tidak dihiraukan lagi, baik ketika terjadi pembicaraan di kalangan dunia politik mahupun ketika terjadi diskusi dalam dunia akademik; (ii) kesantunan bahasa dianggap sebagai warisan budaya feodal yang menyekat kebebasan berfikir dan terlalu merendahkan diri sehingga tidak berani mengatakan sesuatu yang benar kerana takut orang yang mendengarnya tersinggung; (iii) kesantunan bahasa sering disalahtafsirkan menjadi terlalu eufemisme sehingga dapat digunakan oleh kakitangan jabatan untuk membohongi rakyat.

Dalam berkomunikasi kesantunan berbahasa amat diperlukan kerana; pertama, kesopansantunan seseorang

pada umumnya dinilai melalui bahasanya yang santun, tutur katanya atau budi bahasanya. Hal itu terlihat daripada pengertian kata budi bahasa dalam bahasa Indonesia/Melayu, yakni tingkah laku atau tutur kata. Kedua, bahasa yang santun akan lebih memperlancar penyampaian mesej dalam berkomunikasi. Ketiga, bahasa yang kurang santun sering menyakitkan perasaan orang lain sehingga menjadi sumber konflik. Keempat, sejarah membuktikan masyarakat Indonesia/Melayu dianggap sebagai orang yang sopan santun dan baik budi bahasanya sehingga hal itu penting dipertahankan.

Atas dasar itu, makalah ini berkisar mengenai masalah kesantunan bahasa dalam bahasa Indonesia/Melayu terutama yang berkenaan dengan kesantunan bahasa itu sendiri, fenomena sosial-budaya kesantunan bahasa, bagaimana syarat-syarat pembentukan bahasa yang santun, dan aspek-aspek nonlinguistik yang mendukung kesantunan bahasa.

## Pengertian Kesantunan

Kesantunan (kesopansantunan) sama dengan budi pekerti atau etiket iaitu tatacara, adat atau kebiasaan yang berlaku dalam suatu masyarakat beradab untuk memelihara hubungan baik antara sesama manusia. Kesantunan merupakan aturan perilaku yang ditetapkan dan disepakati bersama oleh suatu masyarakat tertentu sehingga kesantunan sekali gus menjadi persyaratan yang disepakati dalam perilaku sosial.

Apabila kita memperhatikan pengertiannya, kesantunan dapat dilihat daripada berbagai-bagai segi dalam pergaulan sehari-hari. Pertama, kesantunan memperlihatkan sikap yang mengandungi nilai sopan santun atau etiket dalam pergaulan sehari-hari. Ketika dikatakan seseorang itu bersopan santun, maka dalam diri seseorang itu tergambar nilai sopan santun atau nilai etiket yang berlaku secara baik dalam masyarakat. Ketika dia dikatakan bersopan santun, kita memberikan nilai kepadanya, baik yang dinilai dalam seketika

mahupun yang dinilai secara konvensional dan melalui proses yang panjang dalam pergaulan sehari-hari. Sudah tentu, penilaian dalam proses yang panjang akan lebih mengekalkan nilai yang diberikan kepadanya. Kedua, kesantunan sangat kontekstual, yakni berlaku dalam suatu masyarakat, tempat atau situasi tertentu, tetapi belum tentu berlaku bagi masyarakat, tempat atau situasi lain. Ketika bertemu teman rapat, boleh saja kita menggunakan kata yang agak kasar dengan suara yang keras, tetapi hal itu tidaklah santun apabila ditujukan kepada tetamu yang baru kita kenal. Mengecap-ngecap atau mengunyah makanan dengan berbunyi dianggap kurang sopan jika makan bersama orang yang ramai, tetapi hal itu sebaliknya apabila dilakukan di rumah. Ketiga, kesantunan selalu dwikutub, yakni memiliki hubungan dua kutub seperti antara anak dengan orang tua; antara orang yang masih muda dengan orang yang lebih tua; antara tuan rumah dengan tetamu; antara pria dengan wanita; antara seorang individu dengan orang lain. Keempat, kesantunan tercermin dalam cara bertutur kata (berbahasa), cara berbuat (bertindak), dan cara berpakaian.

### Jenis Kesantunan

Berdasarkan fakta terakhir itu, kesantunan dapat dibahagi kepada tiga bahagian besar, yakni kesantunan perbuatan (bertindak), kesantunan berpakaian (berdandan), dan kesantunan bahasa (berbahasa). Kecuali berpakaian, dua kesantunan pertama tidak mudah diperinci kerana tidak ada satu aturan yang dapat digunakan untuk semua jenis kesantunan itu.

Kesantunan perbuatan (bertindak) perlu dilakukan pada waktu menerima tetamu, ketika bertamu ke rumah orang, ketika duduk di kelas, gerak dan sikap ketika berbicara dengan orang lain (yang lebih dihormati atau yang baru dikenali), berjalan di tempat umum, menunggu giliran, dan makan bersama di tempat umum. Masih banyak lagi kegiatan



yang memerlukan kesantunan perbuatan. Setiap kesantunan memerlukan berbagai-bagai tatacara seperti pada waktu makan bersama, memerlukan kesantunan dalam cara berpakaian, cara duduk, cara mengunyah, gerak dan sikap mengambil makanan, cara menggunakan sudu garfu atau makan dengan tangan, menjaga kebersihan mulut, dan waktu mencungkil gigi. Antara yang lain contoh kesantunan perbuatan tidaklah santun kalau kita berwajah murung ketika menerima tetamu; atau menyilang kaki ketika bertamu ke rumah atau duduk di meja ketika mendengar kuliah pensyarah atau mengedikkan badan atau bercekek pinggang ketika berbicara dengan orang tua; atau mencungkil gigi tanpa menutup mulut ketika sedang makan di tempat umum.

Dalam kesantunan berpakaian (berdandan), ada dua hal yang perlu diperhatikan. Pertama, berpakaianlah dengan sopan di tempat umum, yakni hindarilah pakaian yang dapat merangsang orang lain terutama lawan jenis seperti pakaian yang jarang, menampakkan bahagian badan yang pada umumnya harus ditutup, atau baju yang terlalu singkat atau terbelah terlalu tinggi. Kedua, berpakaianlah yang rapi dan sesuai dengan keadaan, yakni berpakaian rasmi dalam acara rasmi, atau berpakaian santai dalam situasi santai, atau berpakaian renang pada waktu berenang. Betapa pun mahalnya pakaian renang itu, tidaklah sesuai dipakai untuk acara rasmi.

Kesantunan bahasa tercermin dalam tatacara berkomunikasi dan dalam berkomunikasi, kita harus tunduk kepada norma-norma budaya. Tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma-norma budaya yang hidup dalam masyarakat dan dipergunakannya suatu bahasa. Apabila tatacara berbahasa seseorang tidak sesuai dengan norma-norma budaya, maka dia dituduh orang yang aneh, egois, sombong, acuh, tidak beradab atau bahkan tidak berbudaya. Sebagai contoh, suatu ketika – seorang teman berasa kecewa terhadap isterinya kerana mencelah pembicaraannya. Perasaan seperti ini boleh juga terjadi dalam kehidupan

sehari-hari apabila rakan kita tidak mengetahui atau tidak mengacuhkan norma-norma budaya.

Tatacara berbahasa sangat penting diperhatikan oleh anggota masyarakat demi kelancaran berkomunikasi. Oleh kerana itu, masalah tatacara berbahasa harus mendapat perhatian terutama dalam proses belajar-mengajar bahasa. Dengan mengetahui tatacara berbahasa ini, diharapkan agar orang lebih cepat memahami mesej yang hendak disampaikan dalam komunikasi kerana tatacara berbahasa bertujuan mengatur:

- (i) Perkara yang sebaiknya kita katakan pada waktu dan keadaan tertentu;
- (ii) Ragam bahasa yang sewajarnya kita gunakan dalam situasi tertentu;
- (iii) Waktu dan cara kita harus berbicara dan mencelah pembicaraan orang lain;
- (iv) Intonasi suara ketika berbicara;
- (v) Sikap dan gerak-geri kita ketika berbicara, dan juga
- (vi) Waktu kita harus berdiam diri atau tidak berbicara.<sup>1</sup>

Tatacara berbahasa seseorang dipengaruhi oleh norma-norma budaya suku bangsa atau kelompok masyarakat tertentu. Tatacara berbahasa orang Inggeris berbeza dengan tatacara berbahasa orang Amerika meskipun mereka sama-sama berbahasa Inggeris. Tatacara berbahasa orang Jawa juga berbeza dengan tatacara berbahasa orang Aceh meskipun mereka sama-sama berbahasa Indonesia. Hal ini menunjukkan bahawa kebudayaan yang sudah mendarah daging sangat berpengaruh terhadap bahasa seseorang. Itulah sebabnya kita perlu mempelajari atau memahami norma-norma budaya sebelum mempelajari bahasa. Tatacara berbahasa yang mengikut norma-norma budaya akan

<sup>1</sup> Bandingkan Nababan, 1986:53.

menghasilkan kesantunan bahasa.

## Pembentukan Kesantunan Bahasa

Kesantunan berbahasa pada hakikatnya harus memperhatikan empat hal. Pertama, kita perlu menerapkan prinsip kesopanan (*politeness principle*) alam berbahasa, yakni prinsip yang berusaha untuk memaksimumkan kesenangan atau kearifan, keuntungan, rasa hormat, pujian, kesesuaian, dan belas kasihan kepada orang lain, tetapi sebaliknya meminimumkan hal-hal tersebut kepada diri sendiri. Dalam berkomunikasi, di samping menerapkan prinsip kerjasama (*cooperative principle*) dengan keempat maksim (aturan) percakapannya, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevansi, maksim cara, kita juga harus menerapkan prinsip kesopanan (*politeness principle*) dengan keenam maksimnya, iaitu maksim kebijaksanaan yang mengutamakan kearifan bahasa, maksim penerimaan yang mengutamakan keuntungan untuk orang lain dan kerugian untuk diri sendiri, maksim kemurahan yang mengutamakan rasa hormat kepada orang lain dan rasa kurang hormat kepada diri sendiri, maksim kerendahan hati yang mengutamakan pujian kepada orang lain dan rasa rendah hati kepada diri sendiri, maksim kesesuaian yang mengutamakan kesesuaian kepada orang lain, dan maksim kesimpatian yang mengutamakan rasa simpati kepada orang lain.<sup>2</sup> Dengan menerapkan prinsip kesopanan ini, orang tidak lagi menggunakan ungkapan-ungkapan yang merendahkan orang lain seperti, "Ah, kalau begitu semua orang tahu", "Rupanya itu saja yang dia tahu", dan sebagainya.

Berikut ini ialah salah satu contoh yang memperlihatkan bahawa si A mengikuti prinsip kesopanan dengan memaksimumkan pujian kepada temannya yang baru dilantik sebagai ketua pentadbir, tetapi si B tidak mengikuti

2 Lihat Leech (1986) dan Wijana (1996).

prinsip kesopanan kerana memaksimumkan rasa hormat atau rasa hebat kepada dirinya.

- A: Selamat atas pengangkatan Bapak menjadi rektor di universitas ini!  
(Tahniah atas pelantikan tuan sebagai rektor di universiti ini)
- B: Oh, saya memang pantas menjadi rektor.  
(Oh, saya memang patut menjadi rektor)

Kedua, kesantunan berbahasa harus menghindarkan kata-kata yang tabu (*taboo*) dalam berkomunikasi. Menurut masyarakat, kata-kata yang berbau seks, yang merujuk organ tubuh yang lazim ditutupi pakaian atau sesuatu benda yang menjijikkan, dan kata-kata “kotor” atau “kasar” termasuk dalam kata-kata yang tabu dan tidak lazim digunakan dalam komunikasi sehari-hari kecuali untuk tujuan tertentu.

Ketiga, sehubungan dengan penghindaran kata-kata yang tabu itu, penggunaan eufemisme (ungkapan yang halus sebagai pengganti segala yang tabu) perlu dilakukan agar bahasa kita terjaga dan sopan. Namun, bahasa itu akan menjadi tidak santun apabila menggunakan eufemisme yang berlebihan atau apabila bahasa itu terlalu eufemistik. Jika eufemisme itu telah menggeser pengertian suatu kata, bukan untuk memperhalus kata-kata yang tabu, maka eufemisme itu mengakibatkan ketidaksantunan suatu bahasa seperti orang ‘miskin’ diganti menjadi orang ‘prasejahtera’. Di sini telah terjadi suatu pembohongan dan pembohongan itu sendiri merupakan sebahagian daripada ketidaksantunan bahasa.

Keempat, kesantunan juga dapat tercapai dengan menggunakan pilihan kata yang honorifik, iaitu ungkapan hormat untuk berbicara dan menyapa orang lain. Kata-kata sapaan yang halus dan kata-kata kelas tinggi pada suatu tingkatan bahasa seperti ragam *kromo inggil* dalam bahasa Jawa perlu digunakan kepada orang yang berkedudukan, dan lebih berumur daripada pembicara

atau kepada orang yang kita hormati. Meskipun kata *engkau*, *anda*, *saudara*, dan *bapak/ibu* secara denotatif sama maknanya, tetapi kesan kesantunannya berbeza. Ketiga kalimat di bawah ini secara berturut-turut menunjukkan tingkatan kesopanan kerana penggunaan kata sapaan yang berbeza ketika seseorang bertanya teman sebayanya.

- ◆ *Ke mana engkau pergi?*
- ◆ *Ke mana saudara pergi?*
- ◆ *Ke mana bapak pergi?*

Dalam konteks itu, kalimat pertama dan kedua tidak sopan jika diucapkan oleh orang yang lebih muda, tetapi kalimat ketigalah yang seharusnya digunakan jika penuturnya ingin memperlihatkan kesantunan bahasa.

Percakapan yang tidak menggunakan kata sapaan pun dapat mengakibatkan kekurangsentunan. Pada suatu ketika, seorang mahasiswi berbicara dengan pensyarahnya melalui telefon. Namun, pensyarahnya kebetulan tidak ada di rumah dan yang menjawab telefon ialah isteri si pensyarah. Berikut ini perbualan mereka:

- M : Helo, ini rumah Jamorlan?  
 I : Ya.  
 M : Ini adiknya, ya?  
 I : Tidak, isterinya. Ini siapa?  
 M : Mahasiswinya. Dia itu pensyarah saya.  
 I : Oh....

Isteri si pensyarah menganggap mahasiswi itu tidak sopan hanya kerana si mahasiswi tidak mengikut norma kesantunan bahasa (tidak menggunakan kata sapaan). Bahasa mahasiswa seperti itu boleh digunakan dalam (masyarakat penutur) bahasa lain, tetapi bahasa yang kurang santun itu mengakibatkan rasa kesal terhadap isteri si pensyarah sebagai anggota masyarakat penutur bahasa Indonesia.

Tujuan utama kesantunan bahasa ialah memperlancar komunikasi sehingga bahasa yang sengaja dibelit-belitkan, yang tidak tepat sasaran atau tidak menyatakan perkara yang sebenarnya kepada orang yang lebih tua seperti yang sering ditudingkan kepada masyarakat Melayu/Indonesia merupakan ketidaksantunan bahasa. Apabila bahasa yang digunakan oleh seseorang sengaja mengaburkan komunikasi, maka bahasa yang digunakannya menjadi tidak santun.

### Aspek-aspek Nonlinguistik yang Mempengaruhi Kesantunan Bahasa

Oleh sebab tatacara berbahasa selalu dikaitkan dengan penggunaan bahasa sebagai sistem komunikasi, maka faktor lain seperti unsur paralinguistik, kinetik, dan proksimat perlu diperhatikan untuk mencapai kesantunan bahasa.<sup>3</sup>

Paralinguistik berkenaan dengan ciri-ciri bunyi seperti suara berbisik, suara meninggi, suara rendah, suara perlahan, suara sederhana, suara kuat atau pengubahan intonasi yang disertai oleh tanda verbal (isyarat lisan) dalam berbahasa. Ketika seorang penceramah sedang bersyarah dalam suatu seminar atau memberi kuliah dalam kelas, jika peserta seminar atau kuliah itu perlu bercakap dengan temannya, adalah sopan dengan cara berbisik supaya tidak mengganggu acara yang sedang berlangsung, tetapi kurang sopan berbisik kepada temannya dalam pembicaraan yang melibatkan semua peserta kerana akan menimbulkan salah faham kepada peserta lain. Suara kuat yang disertai oleh tanda verbal seseorang ketika berkomunikasi dengan orang atasannya mungkin dianggap kurang sopan. Akan tetapi, hal ini dapat dimaklumi apabila orang yang berbicara itu berasal daripada etnik Batak atau apabila kebiasaan orang itu berbicara dengan suara yang kuat.

3 Penjelasan secara terperinci tentang ketiga-tiga unsur nonlinguistik ini dalam komunikasi, dapat dilihat dalam Sibarani, 1992.

lain pula halnya apabila kita selalu menggunakan gerak tangan, anggukan kepala, gelengan kepala, kerdipan mata, dan ekspresi wajah seperti murung dan senyum. Tanda-tanda semacam itu disebut unsur kinetik atau kadang-kadang juga disebut gerak isyarat (*gesture*). Apabila penggunaannya seiring dengan tanda-tanda verbal dalam berkomunikasi, maka fungsinya adalah untuk memperjelas tanda-tanda verbal itu. Akan tetapi, apabila penggunaannya terpisah, maka fungsinya sama dengan tanda-tanda verbal itu, yakni untuk menyampaikan mesej kepada penerima, yang berkemungkinan besar kerana jarak yang tidak dapat dijangkau oleh suara.

Banyak hal yang memungkinkan gerak isyarat itu terpisah daripada tanda verbal. Misalnya, apabila sifat komunikasi itu rahsia, maka cukup dengan mengerdipkan mata kepada penerima tanda itu agar orang yang di sekelilingnya tidak mengetahui maksud komunikasi tersebut. Contoh lain adalah dengan meletakkan jari telunjuk secara vertikal di depan mulut agar penerima tanda, diam kerana mungkin ada orang lain yang tidak patut mendengar pembicaraan itu sedang melintas atau datang. Masih banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh diketengahkan mengenai gerak isyarat ini. Namun, yang perlu diperhatikan dalam konteks ini ialah gerak isyarat dapat dimanfaatkan untuk menciptakan kesantunan bahasa, tetapi dapat juga disalahgunakan sehingga menciptakan ketidaksantunan. Ekspresi wajah yang senyum ketika menyambut tetamu akan menciptakan kesantunan, tetapi sebaliknya ekspresi wajah yang murung ketika berbicara dengan tetamunya akan dianggap tidak sopan.

Terdapat juga tanda lain yang memainkan peranan penting dalam berkomunikasi iaitu sikap dan penjagaan jarak antara pemberi/pemancar tanda atau antara satu komunikator dengan komunikator lainnya ketika dan sebelum komunikasi sedang berlangsung. Misalnya ketika penulis bertemu dengan seorang teman lama, yang telah beberapa lama terpisah, penulis terus sahaja berjabat tangan

dengannya dan menepuk-nepuk bahunya. Ketika komunikasi sedang berlangsung, sesekali dia menepuk bahu penulis. Namun, lain halnya ketika penulis bertemu dengan bekas pensyarah, langsung menundukkan kepala dan berjabat tangan kanan dengannya, sedang tangan kiri memegang lengan kanan penulis.

Dalam dua peristiwa komunikasi itu, tampak wujudnya perbezaan jarak antara penerima dengan pemberi tanda atau antara komunikator yang satu dengan komunikator yang lain. Apabila penjagaan jarak dalam dua peristiwa komunikasi itu ditukarkan maka akan menjadi kurang sopan. Masih banyak lagi contoh lain dalam hal ini, seperti keadaan duduk ketika berdepan dengan pemimpin, keadaan duduk seorang pemimpin di atas kerusi, dan bahkan sering juga jenis kerusi dapat menggambarkan sikap dalam suatu ruangan mesyuarat dan ruangan kerja. Penjagaan jarak yang sesuai antara peserta komunikasi juga akan memperlihatkan keserasian, keharmonian, dan tatacara berbahasa.

Berdasarkan huraian di atas, pengaturan unsur paralinguistik, kinetik, dan proksimat sesuai dengan situasi komunikasi sangat perlu dalam menciptakan kesantunan bahasa. Pengaturan ketiga-tiganya tidak diragukan lagi kerana setiap konteks situasi berbeza, tetapi yang penting bagaimana agar ketiga-tiganya berfungsi untuk menciptakan komunikasi yang santun, yakni tidak menimbulkan salah faham dan tidak menyinggung perasaan orang lain.

Di samping ketiga-tiga unsur di atas, perlu juga diperhatikan suasana atau konteks situasi komunikasi. Ketika dalam acara yang memerlukan pembahasan bersama tentang sesuatu hal secara serius, tidaklah sopan menggunakan telefon bimbit apatah mengeluarkan suara yang kuat. Tetapi sekiranya masih perlu berbuat demikian, lebih sopan jika memasangnya dengan bunyi yang perlahan atau isyarat getar sahaja. Apabila menerima panggilan telefon pula, pergilah agak jauh dari tempat acara berlangsung. Ketika berbicara tidak memberi peluang kepada orang lain untuk mengemukakan pandangan.



Begitu juga apabila ada perbincangan yang memerlukan perhatian serius tetapi berbisik-bisik dengan rakan-rakan yang di sebelah-menyebelah. Tidak mengendahkan pembicaraan orang yang sedang bercakap dengan melihat-lihat sekeliling. Hal di atas merupakan antara contoh yang tidak memperhatikan hal-hal kemaslahatan bersama. Masih banyak lagi contoh penjagaan kebersamaan, tetapi yang penting ialah bagaimana kita dapat menciptakan ketenteraman dan turut serta berperanan dalam menjaga situasi komunikasi.

### Penutup

Kesantunan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu kesantunan perbuatan, kesantunan berpakaian, dan kesantunan berbahasa. Dalam kaitan ini, pembentukan kesantunan berbahasa memerlukan empat cara, iaitu menerapkan prinsip kesopanan, menghindari kata-kata yang tabu, menggunakan eufemisme yang tepat, dan menggunakan pilihan kata yang honorifik. Di samping itu, faktor-faktor non-linguistik seperti unsur paralinguistik, kinetik, dan proksimat serta penjagaan kebersamaan situasi komunikasi dapat menciptakan kesantunan berbahasa.

Kesantunan bahasa bertujuan memperlancar dan mengharmonikan komunikasi sehingga suatu mesej bukan hanya dimengertikan oleh peserta komunikasi, melainkan juga disenangi dan diikuti sesuai dengan keinginan pembicara. Dengan demikian, kesantunan bahasa sebagai ciri khas masyarakat Melayu/Indonesia harus dipertahankan sebagai sebahagian daripada peradaban masyarakat Melayu/Indonesia, tetapi kesantunan bahasa tidak boleh disalahgunakan untuk menghambat kebebasan berfikir dan kebebasan menyatakan kebenaran. Kesantunan bahasa juga tidak boleh terlalu eufemistik sehingga menjadi pembohongan. Dengan menerapkan kesantunan bahasa ini, ketersinggungan akan dapat dihindari justeru dapat mengurangi potensi konflik dalam masyarakat.

## Bibliografi

- Alisjahbana, Sutan Takdir, 1979. "Arti Bahasa, Pikiran dan Kebudayaan dalam Hubungan Sumpah Pemuda 1928". Pidato Sambutan Sutan Takdir Alisjahbana dalam Upacara Penyerahan Gelaran Doktor Honoris Causa oleh Universitas Indonesia pada 27 Oktober 1979. Jakarta: PT Dian Rakyat.
- Beratha, Ni Luh Sutjiati, 1998. "Materi Linguistik Kebudayaan" dlm. *Linguistika Tahun V Edisi 9*, September 1998. Denpasar: Program Magister (S2) Linguistik, Universitas Udayana.
- Crystal, David, 1980. *A First Dictionary of Linguistics and Phonetics*. London: Andre Deutsch.
- Crystal, David, 1989. *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- De Jong, P.E. De Josselin dan Eric Schwimmer, 1982. *Symbolic Anthropology in The Netherlands*. Leiden: The Hague-Martinus Nijhoff.
- Echo, Umberto, 1979. *A Theory of Semiotics*. USA: Indian University Press.
- Edwards, John, 1985. *Language, Society, and Identity*. New York: Basil Blackwell.
- Foster, Mary LeCron dan Lucy Jayne Botscharow, 1990. *The Life of Symbols*. Colorado: Westview Press.
- Goody, Esther N. (ed.), 1985. *Questions and Politeness: Strategies in Social Interaction*. Cambridge.
- Gordon, George N., 1969. *The Languages of Communication*. New York: Hasting House.
- Keraf, Gorys, 1985. *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia.
- Koentjaraningrat, 1980. *Pengantar Antropologi*. Jakarta: Aksara Baru.
- Kottak, Conrad Philip, 1991. *Anthropology*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Levi-Strauss, Claude, 1972. *Structural Anthropology*. Great Britain: Penguin Books.
- Light, Donald et al., 1989. *Sociology*. New York: Alfred A. Knopf.
- Manners, Robert A. dan David Kaplan (ed.), 1968. *Theory in Anthropology*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- McManis, Carolyn et al., 1988. *Language Files*. Ohio: The Ohio State University.

- Nababan, P.W.J., 1986. *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: PT. Gramedia.
- Richards, Jack *et al.*, 1985. *Longmann Dictionary of Applied Linguistics*. England: Longmann.
- Salam, H. Burhanuddin, 1977. *Etika Sosial: Asas Moral dalam Kehidupan Manusia*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Sibarani, Robert, *Hakikat Bahasa*. Bandung: PT Citra Aditya Bakti.
- Sibarani, Robert. "Perbezaan Perkembangan Leksikologis Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu* 9, hlm. 140–150, 1999.
- Sibarani, Robert. "Pusat Perasaan dalam Bahasa Melayu" dlm *Jurnal Dewan Bahasa* 43:10, hlm. 929–936, 1999.
- Sibarani, Robert. "Perubahan Bahasa: Kajian Linguistik-Budaya terhadap Leksikon" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:10, hlm. 137–145, 2000.
- Sibarani, Robert, 2002. "Antropolinguistik sebagai Penaung Hubungan Bahasa dengan Kebudayaan". Pidato Pengukuhan Profesor. Medan: USU Press.
- Sibarani, Robert dan Henry Guntur Tarigan (peny. dan pen.), 1993. *Makna Nama dalam Bahasa Nusantara: Sebuah Kajian Antropolinguistik*. Bandung: Penerbit Bumi Siliwangi.
- Silzer, Peter, 1990. *Bahasa sebagai Ungkapan Perasaan*. (Makalah). Depok: Fakultas Sastra UI.
- Wardhaugh, Ronald, 1986. *An Introduction to Sociolinguistics*. New York: Basil Blackwell.
- Wijana, I Dewa Putu, 1996. *Dasar-Dasar Pragmatik*. Yogyakarta: Penerbit ANDI.
- Wilson, Everett K., 1966. *Sociology: Rules, Roles, and Relationships*. USA: The Dorsey Press.
- Zanden, James W. Vander, 1988. *The Social Experience: An Introduction to Sociology*. New York: Random House.
- Zanden, James W. Vander, 1990. *Sociology: The Core*. New York: McGraw-Hill, Inc.

# MENGAKTUALKAN KEMBALI TRADISI MELAYU DALAM KONTEKS KEKINIAN



KHAIRIL ANSARI

## Pendahuluan

Perubahan-perubahan dalam bidang politik dalam suatu negara seperti Indonesia akan mengakibatkan beberapa perubahan pada bahasa dan sastera, serta tradisi yang ada. Tradisi terbentuk melalui kebiasaan turun-temurun oleh sekelompok masyarakat berdasarkan nilai budaya kelompok masyarakat yang bersangkutan. Tradisi memperlihatkan bagaimana anggota masyarakat berperilaku, baik dalam kehidupan duniawi mahupun pada hal-hal yang bersifat ghaib dan keagamaan.

Dalam konteks Melayu sebenarnya perjalanan tradisi yang dimilikinya tidak akan menghilang atau musnah kerana akar bahasa Indonesia ialah bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat kerana masih bertahannya tradisi Melayu baik lisan mahupun tulisan seperti pantun, syair, peribahasa, tari-tarian, dan lain-lain.

Pada era perkembangan terkini, permasalahan yang penting ialah mencuba mengaktualkan kembali tradisi

yang ada dengan menyesuaikan dengan perkembangan terkini. Kemudian akan dicermati faktor-faktor pendukung ke arah pengaktualan itu, lalu akan dilihat apakah terdapat tentangan-tentangan baik bersifat alami mahupun nonalami untuk mendukung ke arah pengaktualan tersebut. Beberapa persoalan di atas akan dikupas dalam makalah ini.

## Tradisi Melayu dalam Kaitannya dengan Era Reformasi

Era reformasi di Indonesia menyebabkan berbagai-bagai krisis multidimensi, seperti krisis ekonomi, moral, dan kewangan. Muaranya ialah kesalahan pengurusan dalam berbagai-bagai bidang. Oleh sebab itu, dalam semangat reformasi perlu menoleh kembali tradisi lama dalam bentuk pantun, peribahasa, dan tunjuk ajar yang berisikan warisan budaya yang tetap aktual apabila direnungi.

Dalam bahagian ini ada beberapa aspek kehidupan yang dapat dicermati sekali gus mengaktualkan kembali gagasan yang terdapat dalam tradisi Melayu antara lain:

### (i) Aspek Pengembangan Sumber Daya Manusia

Pengembangan sumber daya manusia sangat diperlukan dalam persaingan kompetitif saat ini. Dalam masa yang tidak terlalu lama lagi, negara-negara ASEAN akan menerapkan perdagangan bebas di kawasan Asia Tenggara. Oleh sebab itu, kualiti sumber daya manusia harus ditingkatkan melalui pendidikan. Tradisi Melayu telah berupaya menanamkan agar menuntut ilmu yang bermanfaat dengan belajar bersungguh-sungguh baik dalam lembaga sekolah mahupun nonsekolah. Hal ini terdapat dalam pantun yang berikut:

*Tuntutlah ilmu jauh dan dekat,  
Ilmu kebajikan laila diikat;*

*Ke dalam dada biar melekat,  
Supaya pendapat tiada singkat.*

*Akal sempurna laila bertambah,  
Kalam sujud berdatang sembah;  
Membawa fikiran lain laila bertambah,  
Indah pendapat laila bersibah.*

*Dengan akal dapat membezakan,  
Intan dan batu dibandingkan;  
Emas dan perak dapat disatukan,  
Perkara yang sulit senang dipermudahkan.*

## (ii) Aspek Kepercayaan

Krisis kepercayaan sedang melanda masyarakat Indonesia. Hampir segenap aspek kehidupan sedang dilanda krisis kepercayaan baik berupa kepemimpinan, lembaga birokrasi, lembaga kewangan, lembaga peradilan, dan lain-lain. Semua krisis kepercayaan ini bermuara kepada pelaku yang tidak memegang teguh kepercayaan yang diberikan kepadanya.

Kepercayaan merupakan sikap yang mesti dipegang dan dilaksanakan dalam perilaku Melayu sejak dahulu, seperti dimaktubkan dalam tunjuk ajar Melayu.

*Siapa hidup memegang amanah  
dunia akhirat beroleh berkah  
ke mana pergi tidakkan susah*

Dalam kata-kata tersebut nyatalah pemegang amanah iaitu pemimpin baik nasional hingga ke pemimpin rumah tangga haruslah memegang amanah. Amanah tersebut tidak untuk diselewengkan untuk kepentingan peribadi mahupun kelompok.

**(iii) Aspek Moral**

Moral ialah nilai-nilai yang dianut dan dilaksanakan secara umum oleh masyarakat mahupun individu. Sikap moral manusia moden sangat kompleks. Setakat ini persaingan dan perebutan posisi untuk jawatan strategik menghalalkan segala cara, bahkan fitnah dan ancaman pun digunakan oleh lawan-lawan yang menghendaki akan jawatan tersebut. Gambaran ini sebenarnya telah terkesan oleh para leluhur sehingga mereka memuatkan pesanan yang luhur kepada generasi mendatang, seperti diungkapkan oleh peribahasa berikut:

*Apa tanda Melayu bertuah  
Terhadap tanggungjawab tidak berkilah  
Apa tanda Melayu beradat  
Bertanggungjawab dalam berbuat*

**(iv) Aspek Demokrasi**

Demokrasi yang setakat ini sedang diperjuangkan oleh masyarakat Indonesia setelah mengalami penindasan selama lebih 32 tahun dengan berbagai-bagai perjalanan transisi menimbulkan pergeseran ke arah keterbukaan yang sebebaskan yang diistilahkan dengan keterlaluan. Tradisi Melayu dalam cermin demokrasi yang mencari keselarasan bukanlah tradisi pemungutan suara, tetapi lebih pada asas bermuafakat, seperti yang termaktub dalam peribahasa:

*Bulat air kerana pembuluh  
Bulat kata kerana muafakat*

Dalam hal menyampaikan kebenaran kepada penguasa, dengan tegas tradisi Melayu menantang peribahasa:

*Raja adil raja disembah  
Raja zalim raja disanggah*

(v) **Aspek Ekonomi**

Ekonomi dianggap sangat penting dalam tradisi Melayu. Oleh sebab faktor ekonomi akan membawa keberhasilan dalam suatu negara yang pada akhirnya akan membawa kemaslahatan untuk masyarakat. Ekonomi disimbolkan dengan kata "emas", seperti peribahasa di bawah ini:

*Emas pendinding malu  
Kain pendinding miang*

*Hilang rupa kerana penyakit  
Hilang bangsa kerana tak beremas*

*Kalau alim hendakkan doanya  
Kalau kaya hendakkan emasnya*

(vi) **Aspek Bertanggungjawab**

Perkembangan masa kini manusia sering melepaskan tanggungjawab atas perbuatan yang pernah dilakukannya. Bahkan, lebih daripada itu tanggungjawab itu dilemparkan ke sana ke mari agar dirinya tidak terlibat dalamnya. Padahal rasa tanggungjawab itu seharusnya dipikul oleh individu yang terlibat.

Dalam adat Melayu, rasa bertanggungjawab itu diberikan kepada tiga generasi, iaitu tanggungjawab terhadap nenek moyangnya. Hal ini dilaksanakan dengan menjaga dan menambah harta pusaka dan memelihara adat turun-temurun. Kemudian tanggungjawab terhadap diri sendiri, dan terakhir tanggungjawab terhadap generasi akan datang. Gambaran ini terdapat dalam peribahasa berikut:



*Yang beresok bukan kini  
Yang kini bukan kelmarin*

*Duduk meraut ranjau  
Tegak meninjau jarak*

*Hari panas kok tak berlindung  
Hari hujan kok tak bertudung  
Hari kelam kok tak bersuluh  
Jalan lengang kok tak berkawan*

*Berhemat sebelum habis  
Sediakan payung sebelum hujan*

(vii) **Aspek Kesepakatan**

Aspek kesepakatan sangat perlu diperhatikan dan ditumbuhkan untuk mencari jalan keluar daripada krisis yang berkepanjangan. Rasa kesepakatan iaitu rasa senasib, sepenanggungan, dan setia kawan masih harus ditumbuhkembangkan dalam setiap individu. Rasa kesepakatan ini termaktub dalam tunjuk ajar Melayu berupa perumpamaan:

*Seikat seperti sirih  
Serumpun seperti serai  
Seciap seperti ayam  
Sedencing seperti besi  
Malu tak boleh diagih  
Suku tak boleh dianjak  
Melompat sama patah  
Menyerudup sama bongkok  
Jalan sedundun  
Selenggang seayun*

(viii) **Aspek Keselarian antara Kata dengan Perbuatan**

Seiring antara perkataan dengan perbuatan merupakan perkara yang sangat dipuji bukan

hanya oleh manusia, bahkan al-Khalik. Akan tetapi, apabila tidak sama kata dengan perbuatan Allah amat murka, seperti dalam Surah al-Saff 61:2. *Kabura maqtan indallahi an taquulu maa la taf'aluun.*

Dalam peribahasa Melayu pun tercermin bagi orang yang seiring kata dengan perbuatan seperti yang berikut:

*Apa tanda Melayu bijak  
Jujurnya kukuh tiada beranjak  
Apa tanda Melayu budiman  
Jujur dan ikhlas jadi pedoman*

## Faktor-faktor Pendukung Pengaktualan Tradisi Melayu

Menurut penelitian penulis untuk mengaktualkan tradisi Melayu agar dapat bertahan perkembangannya terdapat dua faktor yang harus diperhatikan.

### (i) Faktor Pendidikan

Pendidikan sebagai usaha mewariskan nilai-nilai budaya kepada anak didik merupakan faktor utama dalam mempertahankan tradisi Melayu agar tetap dapat dipelajari dan diaktualkan dalam perkembangan terkini. Khusus kepada pemerintahan Kota Medan dalam Departemen Pendidikan Nasional pembelajaran Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bidang pembelajaran untuk kurikulum dalam negeri sesuai dengan Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan (Kepmendikbud) RI No: 060/U/1993 pada 25 Februari 1993. Dalam pada itu, telah disusun buku Bahasa dan Kebudayaan Melayu untuk sekolah dasar mulai kelas 1 sampai kelas 6 untuk tahap pertama atas kerjasama Lembaga Bahasa Melayu dengan Penerbit Maju Medan.

**(ii) Faktor Media Massa**

Media massa sangat berperanan dalam membantu membangkitkan kembali tradisi yang memuatkan nilai-nilai yang sesuai dengan perkembangan zaman. Dukungan itu boleh dalam bentuk mengisi satu ruang khusus dalam surat khabar yang berbentuk humor dengan memasukkan peribahasa ataupun pantun yang bersesuaian dengan situasi.

Media massa lain seperti radio dan televisyen, juga dapat mendukung pengaktualan tradisi Melayu yang pernah ada, misalnya dengan memasukkan pantun atau peribahasa dalam acara siaran langsung dengan pendengar. Untuk televisyen khususnya dalam siaran sinetron dan laporan khusus budaya yang selama ini mempunyai siaran tetap.

### Tentangan terhadap Pengaktualan Tradisi Melayu

Apabila dikaji lebih mendalam usaha untuk menyuburkan agar tradisi Melayu ini tidak punah, halangannya tentu ada. Pertama kemungkinan daripada etnik Melayu itu sendiri yang setakat ini sudah tidak berkeinginan mempelajari dan mewariskan nilai-nilai tersebut kepada kalangannya sendiri. Halangan dari dalam ini sangat berat untuk dicari jalan keluarnya. Lebih-lebih lagi dengan perkembangan budaya global saat ini yang sudah menyerap masuk ke dalam lapisan masyarakat. Dalam kekalutan ini, penulis masih melihat ada peluang yang dapat diterobos dengan adanya peranan etnik lain justeru yang mengaktualkan beberapa tradisi yang sudah ada, seperti upacara tepung tawar, tarian persembahan, lagu-lagu Melayu yang saat ini sudah menjadi kemestian yang harus ada dalam upacara perkahwinan yang dilaksanakan oleh orang yang tidak memiliki latar belakang etnik Melayu.

## Penutup

Usaha mengaktualkan tradisi Melayu yang pernah tumbuh subur dalam khazanah kebudayaan Indonesia telah dibentangkan pada bahagian depan makalah ini. Sebagai rumusan akhir apa-apa pun langkah dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mengaktualkan tradisi tersebut bergantung kepada kelompok pemilik tradisi ini apakah mereka berkemahuan dan berketetapan hati untuk mengaktualkan kembali khazanah yang telah ada sejak masa lampau yang ternyata memiliki ajaran dan petua penuh budi dan kebaikan. Walaupun di sisi lain pengaruh globalisasi dengan masuknya budaya asing ke segenap lapisan etnik yang ada di permukaan bumi ini semakin kuat, tetapi yakinlah globalisasi juga memiliki tentangan seperti yang dikemukakan oleh Alvin Toffler, bahawa sisi yang satu tradisi dan juga akan kuat pula. Hal ini tampak dalam perkembangan terkini di Indonesia dengan semakin kuatnya keinginan membentuk provinsi dan kabupaten baru dengan salah satu latar belakangnya ialah faktor etnik yang homogen seperti Banten, Gorontalo, dan lain-lain.

## Bibliografi

- Ampuan Haji Ibrahim, 2002. "Peranan Sastera ke Arah Membentuk Masyarakat Madani". Kertas kerja dalam Seminar Bahasa dan Sastera Sidang Ke-41 MABBIM dan Sidang Ke-7 MASTERA, Makassar, 11-12 Mac 2002.
- Ansari, Khairil *et al.*, 2000. *Bahasa dan Kebudayaan Melayu*. Medan: Penerbit Madju.
- Badudu, J.S., 1988. *Kamus Ungkapan*. Jakarta: Gramedia.
- Dent, Henry S., 2000. *Ledakan Abad Milenium*. Jakarta: Prestasi Pustaka.
- Efendi, Tenas *et al.*, (tanpa tahun). *Ungkapan Tradisional yang Berkaitan dengan Sila-sila dalam Pancasila Daerah Riau*. Pekanbaru: Depdikbud.
- Nataatmadja, Hidayat, 1994. *Krisis Manusia Moden*. Surabaya: Penerbit Al-Ikhlâs.

- Osman, Mohd. Taib, 1975. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pudentia MPSS (ed.), 1998. *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan.
- Rais, Amin, 1997. "Lima Persoalan Besar Indonesia Kontemporer". Orasi Ilmiah Dies Natalis IKIP Jakarta Ke-32.
- Selat, Nordin, 1990. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suwardi, 1991. *Budaya Melayu dalam Perjalanannya Menuju Masa Depan*. Unri: Pusat Penelitian Universitas Riau.

# BAHASA MELAYU DAN PEMERTAHANAN KEBANGSAAN



ABDUL DJUNAI DI

## Pendahuluan

Pada abad ke-21 ada indikasi bahawa bahasa Melayu semakin disaingi oleh bahasa asing. Jika ini terjadi, salah satu unsur kebangsaan Melayu, yang berupa bahasa Melayu, akan sima. Tidak ada satu pun dari rakyat Melayu menginginkan hal ini. Oleh sebab itu, makalah ini berusaha menyumbangkan sebuah pemikiran agar bahasa Melayu dapat tetap bertahan di bumi Melayu, dan jika mungkin dapat berkembang menjadi sebuah bahasa dunia. Usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk mencapai kedua sasaran itu adalah dengan memperbaiki struktur bahasa Melayu sehingga memiliki keunggulan kompetitif, membina bahasa tersebut secara terancang melalui sebuah sistem pendidikan, dan melaksanakan promosi bahasa itu ke luar negara.

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di Indonesia, Malaysia, Brunei, dan Singapura. Namun, dalam dua hal berikut, iaitu pengembangan bahasa dan persaingan bahasa, tiap-tiap negara ini, sekurang-kurangnya antara Indonesia

dan ketiga negara itu, mengalami peristiwa yang relatif berbeza. Pengembangan bahasa nasional di Malaysia, Brunei dan Singapura merujuk ke bahasa Inggeris, sementara di Indonesia di samping bahasa Inggeris ia juga merujuk ke bahasa daerah. Hal ini terjadi kerana Indonesia memiliki latar belakang penduduk yang multietnis, iaitu lebih daripada 250 suku bangsa, dengan beratus-ratus bahasa daerah, yang diperkirakan hampir 750 bahasa dan dialek.

Dalam persaingan bahasa, penetapan bahasa Indonesia dari bahasa Melayu sebagai bahasa persatuan dilalui tanpa pertumpahan darah. Peristiwa ini terutamanya terjadi kerana semangat nasionalisme yang berkobar-kobar pada waktu itu untuk mengusir Belanda. Perkumpulan pemuda seperti Jong Java, Jong Sumateranen Bond, Jong Ambon, dan Jong Celebes sama sekali tidak mempunyai niat untuk mengusulkan bahasa mereka sendiri menjadi bahasa persatuan. Mereka benar-benar sedar bahawa jika setiap mereka berkeras mempertahankan bahasa mereka sendiri untuk menjadi bahasa persatuan, usaha mengusir Belanda tidak akan pernah tercapai kerana sesama mereka pun masih timbul pertikaian. Pada 28 Oktober 1928 para pemuda membuat ikrar dengan memilih bahasa Melayu menjadi bahasa persatuan atas pertimbangan bahawa bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* di bumi Nusantara. Bahasa Melayu telah digunakan sejak abad ketujuh di kedua sisi Selat Melaka. Bermula dari kerajaan Sriwijaya, bahasa Melayu kemudian menyebar ke wilayah-wilayah lain, sehinggalah sampai ke negeri dengan penduduk berbahasa ibunda bahasa lain, misalnya Aceh. Sampai kini di Aceh, di wilayah Kuala Simpang, Kabupaten Aceh Timur, bahasa Melayu itu masih dipakai, yang disebut oleh orang Aceh sebagai *basa Teumieng* atau dalam tradisi linguistik disebut bahasa Tamiang.

Persaingan dengan bahasa Belanda, sebagai bahasa kolonial, juga tidak terjadi di Indonesia. Rupanya hal ini lebih disebabkan oleh kegemaran orang Belanda untuk mengeksploitasi sumber daya alam daerah daripada

mengurusi masalah-masalah budaya. Bahawa memang betul Kern dan Hungronje sejak tahun 1890 telah meng-anjurkan agar bahasa Belanda diajarkan untuk bumiputera dan kemudian pada tahun 1907 bahasa tersebut mulai diajarkan di sekolah rendah, tetapi kebijaksanaan itu sebenarnya hanya dimaksudkan supaya bumiputera tidak banyak masuk ke sekolah-sekolah dengan gaya Barat kerana dikhuatirkan akan membahayakan kedudukan Belanda itu sendiri. Kebijaksanaan itu pada akhirnya me-nyebabkan kelengketan masyarakat akan bahasa Belanda sangat tipis, tidak sebanding dengan waktu 350 tahun mereka menjadi penjajah.

Di pihak lain, pengaruh bahasa koloni, iaitu bahasa Inggeris, sangat kuat di ketiga negara lainnya. Di Malaysia, tahun 1991 saja, iaitu sebelas tahun lalu, telah ada 30 peratus penduduk dapat berbahasa Inggeris (Asmah Haji Omar, 1996). Dalam lingkungan keluarga berpendidikan, penggunaan bahasa Melayu bahkan sudah bercampur baur dengan bahasa Inggeris (Puteri Roslina, 1998). Di Singapura, pada tahun 1989, mereka yang dapat berbahasa Inggeris sudah mencapai angka 87.6 peratus (MCIS, 1990). Penggunaan bahasa Melayu di sana sini hanya sebatas situasi yang tidak formal, padahal di sisi lain, lagu kebangsaan "Majulah Singapura" dinyanyikan dalam bahasa Melayu. Di Brunei Darussalam juga tidak jauh berbeza keadaannya. Semakin tinggi peringkat pendidikan di sekolah, semakin sedikit fungsi bahasa Melayu dipakai sebagai bahasa pengantar (Bakar, 1993).

Pada saat ini pengaruh bahasa Inggeris sebenarnya juga cukup kuat di Indonesia. Namun, hal itu bukan berarti telah terjadi persaingan bahasa di sana. Bahasa Inggeris belum menjadi bahasa tempatan kerana ruang lingkup pemakaian bahasa itu masih terbatas. Seiring dengan desakan globalisasi, yang setiap bangsa ingin menjadi anggotanya, diperkirakan ruang lingkup penggunaan bahasa Inggeris menjadi semakin luas. Bukan tidak mungkin bahasa tidak lama lagi persaingan bahasa akan



terjadi walaupun mungkin hanya sebatas pada lambang kebanggaan dan identiti nasional, bukan pada kedudukan bahasa Indonesia sebagai bahasa negara. Kedudukan terakhir ini tidak mungkin goyah kerana secara rasmi bahasa Indonesia diakui sebagai bahasa negara berdasarkan Undang-undang Dasar 1945, Bab XV, Pasal 36. Dengan demikian, bahasa Indonesia tidak mungkin kehilangan fungsinya sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pengantar rasmi di lembaga pendidikan, bahasa rasmi dalam perhubungan di peringkat nasional, bahasa rasmi untuk pengembangan kebudayaan nasional, sarana pengembangan dan pemanfaatan ilmu pengetahuan dan teknologi moden, bahasa media massa, pendukung sastera Indonesia dan pemer kaya bahasa dan sastera daerah. Di samping itu, sebagai bahasa nasional, bahasa Indonesia juga diperkirakan masih tetap bertahan sebagai alat pemersatu pelbagai kelompok etnik serta alat perhubungan antara budaya dan antara daerah.

### Bahasa Melayu dan Pemertahanan Kebangsaan

Setiap bangsa memiliki konsepsi tentang cara memandang, menghadapi, dan bersikap terhadap masalah internal dan eksternal yang dapat mengganggu kelangsungan hidup bangsa. Konsepsi tersebut bahkan menjadi sangat penting dewasa ini kerana dunia abad ke-21 ialah sebuah dunia global, yang ditandai oleh perubahan yang terjadi demikian cepat dan kompleks. Percepatan perubahan itu timbul berkat kreativiti manusia untuk menciptakan pelaung-pelaung baru dan mengakhiri rintangan yang ada. Persoalan-persoalan yang muncul lalu menjadi sangat kompleks. Pengeboman bangunan WTC misalnya tidak semata-mata menjadi awal dari keruntuhan Taliban tetapi juga merembes ke hal-hal lain yang pada akhirnya menelan nyawa ribuan orang Afghanistan yang tidak berdosa. Hal itu ternyata kemudian tidak berhenti di situ

saja. Amerika bahkan perlu mengancam negara-negara lain yang masih mempunyai hubungan dengan Osama bin Laden serta jaringan al-Qaeda yang dianggap sebagai barisan pelampau.

Bahasa merupakan salah satu konsepsi kebangsaan. Dalam peribahasa dikatakan bahawa bahasa menunjukkan bangsa. Oleh sebab itu, kelangsungan hidup bahasa bermaksud kelangsungan hidup bangsa. Kelangsungan hidup bahasa ini, sebagaimana dikemukakan di atas, bergantung kepada dua perkara, iaitu internal dan eksternal.

Masalah internal berkaitan dengan bahasa Melayu itu sendiri. Dalam hal ini ada dua pokok persoalan yang dapat diamati. Pokok persoalan pertama berkaitan dengan kosa kata. Jika bahasa Indonesia sebagai wakil bahasa Melayu dapat dianggap cukup representatif, data berikut ini menunjukkan betapa kosa kata bahasa tersebut sangat tertinggal dibandingkan dengan kosa kata bahasa Inggeris. Pada tahun 1983 saja kosa kata bahasa Inggeris telah mencapai 450 000 kata (Clairebon, 1983). Sedangkan kosa kata bahasa Indonesia dalam kurun waktu lapan tahun kemudian, pada tahun 1991, baru mencapai 72 000 (Dardjowidjojo, 1998). Padahal, kosa kata sangat penting bagi sesuatu bahasa. Semakin banyak kosa kata dimiliki oleh suatu bahasa, semakin mampu bahasa itu mengungkapkan keinginan hati para pemakainya bahkan sampai pada nuansa-nuansa makna yang sangat halus. Sebagai contoh, bahasa Indonesia tidak cukup hanya dengan menerima kata *pakar* dan *ahli*, tetapi juga mesti menerima kata *spesialis*, yang dari bahasa asing, untuk menunjukkan bahawa ketiga kata ini masih dapat dibezakan meskipun bersinonim.

Pokok persoalan kedua berhubung dengan struktur bahasa. Dilihat dari aspek ketatabahasaannya, bahasa Melayu ialah bahasa yang sederhana dan teratur. Kesederhanaan itu terlihat dari kaedah-kaedahnya yang terbatas, sementara keteraturan terlihat dari jабaran kaedah-kaedahnya yang teramalkan. Pada satu sisi, kedua hal ini

sangat menguntungkan penutur kerana kaedah dari bahasa lain tidak dapat masuk dengan mudah. Hoed (200:7) memberikan contoh bahawa penutur bahasa Indonesia masih mengatakan, “dia bekerja sebagai staf divisi sales” daripada sales division untuk menunjukkan bahawa frasa *divisi sales* ialah kaedah bahasa Indonesia yang telah dikuasai oleh penutur secara tanpa sedar, yang tidak dapat digantikan oleh *sales division* sebagai kaedah bahasa Inggeris. Namun, di sisi lain tidak. Keterbatasan kaedah dapat menyebabkan bahasa Melayu menjadi tidak memadai untuk mengungkapkan simbol-simbol baru. Gunarwan (1998) memberikan contoh bagaimana bahasa Indonesia tidak dapat mengungkapkan konsep dalam bahasa Inggeris seperti *he loves the bird more than his wife does*, yang dalam bahasa Indonesia akan menjadi ambigu *dia mencintai burung itu lebih daripada isterinya*. Keambiguan itu juga sebenarnya dapat terjadi dalam setiap bahasa, tetapi dalam bahasa Inggeris, dikatakan oleh Gunarwan, keambiguan pada umumnya hanya ada dalam ranah-ranah kebudayaan atau tradisional bukan dalam ranah ilmu pengetahuan dan teknologi moden.

Ketidakuntungan lain ialah akibat daripada ketidakbakuan struktur. Dalam bahasa Indonesia masih diperdebatkan preposisi mana yang sesuai dipakai untuk bentuk-bentuk seperti [suka] *pada/kepada/akan*, [terdiri] *dari/atas, dalam/pada* [bulan] ini. Dalam hal lain, misalnya, selalu dikatakan bahawa subjek atau objek tidak boleh diberi preposisi, tetapi banyak kalimat, termasuk dalam bentuk bertulis, menggunakan preposisi pada subjek atau objek, seperti “*tentang* keputusan pengadilan kasus itu belum dapat dilaksanakan” atau “banyak anggota masyarakat belum menyadari *akan* bahaya merokok”. Hal itu belum lagi dengan adanya konstruksi partisip seperti, “*menjawab* pertanyaan wartawan, akhbar *Tanjung* mengemukakan alasan berikut” yang aktanya harus ditolak kerana tidak sesuai dengan sifat bahasa Melayu. Padahal di sisi lain, kalimat seperti “*dilihat* secara keseluruhan,

hasil pemilihan kelmarin tidak memuaskan" seolah-olah tidak dianggap sebagai suatu kesalahan.

Masalah eksternal jauh lebih kompleks daripada masalah internal. Pertama tentu saja berkaitan dengan penduduk. Memang harus dibanggakan bahawa masih ada ratusan juta orang di keempat negara itu yang dapat berbahasa Melayu. Akan tetapi, angka ini belum tentu sangat menggembirakan kerana pada umumnya bahasa Melayu ialah bahasa kedua. Di Indonesia, sebagai daerah pengguna bahasa Melayu Indonesia terbesar, sehingga sekarang ini bahasa tersebut masih merupakan bahasa kedua. Bahasa pertama penduduk ialah bahasa daerah. Hal itu terbukti daripada banci penduduk tahun 1990, yang menyatakan bahawa daripada 82.87 peratus penduduk yang mengerti bahasa Indonesia ternyata 67.80 peratus tidak menggunakan bahasa tersebut dalam pergaulan mereka sehari-hari. Keadaan tahun 2002 mungkin sudah berubah. Pengguna bahasa daerah menjadi semakin berkurang kerana berbagai-bagai alasan. Namun, hal itu belum bererti bahawa bahasa Indonesia telah menjadi primadona. Bukti-bukti justeru memperlihatkan bahawa kecintaan mereka terhadap bahasa asing jauh lebih tinggi daripada kecintaan mereka terhadap bahasa Indonesia. Anak-anak muda bahkan membuat kata prokem bahasa Indonesia dengan meniru sistem ejaan bahasa Inggeris, seperti *pra one are you* 'perawan ayu', *be young sex* 'biang seks', *money and chair* 'mani encer'.

Di ketiga negara lain, terutama di Malaysia dan Brunei, orang yang dapat berbahasa Melayu masih mencapai angka puluhan juta, tetapi peratus pemakaian bahasa tersebut tidak begitu besar. Pengguna bahasa Inggeris bahkan lebih banyak, lebih-lebih lagi di Singapura, dan hal itu sudah pasti melebihi peratus di Indonesia. Gejala ini secara teoretis mengancam kedudukan bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Inggeris yang semakin penting di mata bangsa Melayu akan mengurangi kecintaan (loyaliti) mereka terhadap bahasa Melayu yang pada akhirnya juga

menurunkan kadar nasionalisme mereka. Bangsa Melayu memang tidak runtuh oleh keadaan ini, tetapi salah satu unsur budaya mereka iaitu bahasa, tidak dapat dibanggakan lagi.

Masalah eksternal kedua berkaitan dengan negara. Keempat negara tadi mengakui bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara. Pengakuan ini membawa konsekuensi bahawa bahasa Melayu tidak semata-mata digunakan sebagai bahasa rasmi dalam penyelenggaraan kehidupan negara dan pemerintahan, tetapi juga sebagai bahasa pengantar pada semua jenis dan peringkat pendidikan, sebagai bahasa perhubungan di peringkat nasional, sebagai sarana pengembangan dan pemanfaatan ilmu pengetahuan dan teknologi, sebagai bahasa media massa, serta sebagai pendukung sastera Melayu. Akan tetapi, betulkah negara-negara Melayu telah menjalankan fungsi-fungsi ini? Penelitian yang sungguh-sungguh barangkali belum ada, tetapi dengan melihat kenyataan sekarang bahawa peranan bahasa Melayu sedikit demi sedikit mulai digantikan oleh bahasa Inggeris, usaha-usaha dari negara-negara Melayu untuk menjalankan fungsi-fungsi itu sudah pasti belum maksimum.

### Usaha yang Harus Terus-Menerus Dilakukan

Ada empat hal utama yang dapat dicatat dari sejarah perjalanan bahasa Inggeris menuju *lingua franca* internasional. Pertama, dalam tubuh bahasa itu sendiri terdapat pengembangan kosa kata dan struktur yang demikian pesat agar selalu dapat mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Pada saat ini kosa kata bahasa Inggeris mungkin hampir mencapai bilangan juta. Demikian pula struktur gramatik terus berkembang sehingga kalimat-kalimat kompleks dapat dibentuk dengan mudah, yang berarti terjadi penghematan pemakaian jumlah kata. Kedua, jumlah pemakai bahasa Inggeris dari tahun ke tahun terus meningkat, yang sekarang mungkin telah men-

capai angka dua jutaan orang. Jumlah ini bukan disebabkan oleh banyaknya penutur asli, melainkan oleh penyebaran bahasa tersebut ke negara lain di dunia. Ketiga, bahasa Inggeris telah menjadi sarana pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Keempat, adanya dominasi politik, ekonomi, dan sosial dari negara-negara dengan asas utama bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris bahkan pada saat ini telah mampu menggeser kedudukan bahasa Portugis, Sepanyol, dan Perancis yang telah merajai dunia pada tiga abad yang lalu. Kini bahasa Inggeris, dikatakan oleh Philipson, telah menjadi imperialisme linguistik (dalam Fishman *et al.*, 1996:10).

Perkembangan bahasa Melayu untuk menjadi sebuah bahasa internasional sudah sepatutnya mengikut sejarah di atas meskipun tentu saja pada saat ini, dan mungkin puluhan tahun ke depan, satu dua dari sejarah itu harus dilupakan. Misalnya, bangsa Melayu perlu melupakan mimpinya untuk dapat menguasai dunia politik, ekonomi, dan sosial. Secara sederhana saja, di peringkat Asia Tenggara, dalam forum ASEAN, yang sebahagian besar negara anggota dapat berbahasa Melayu, bahasa Inggeris justeru dipakai sebagai wahana komunikasi. Hal itu baru menyangkut kancah politik, belum lagi sosial dan apa lagi ekonomi. Oleh sebab itu, pengembangan sayap bahasa Melayu tidak dapat dilakukan melalui dominasi politik, ekonomi, dan sosial sahaja.

Hal pertama, dan utama dapat dilakukan ialah memperbaiki nilai internal daripada bahasa Melayu. Jika dalam prinsip dagang dikenal konsep untung rugi, dan dalam hal ini bahasa mengikuti prinsip dagang kerana menjadi semacam barang keluaran yang baru dibeli apabila orang dapat merasakan manfaat daripada barang itu. Bahasa Melayu menjadi barang berharga apabila memiliki keunggulan kompetitif. Dengan kata lain, nilai internalnya jelas, yakni bahasa tersebut dapat mengungkapkan simbol-simbol dengan mudah dan tepat. Kemudahan dan ketepatan ini dapat dicapai apabila dilakukan perbaikan

terhadap struktur bahasa Melayu. Di samping kosa kata baru harus terus-menerus dimekarkan agar dapat mengikuti kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, struktur bahasa juga mestilah dibuat lentur agar dapat mengkomodasi pelbagai struktur frasa dan kalimat dengan bermacam-macam preposisi. Pemekaran kosa kata dilakukan tidak semata-mata kerana alasan mencari padanan kata asing, tetapi juga menambahkan kata-kata baru untuk membuat makna sebuah kata menjadi lebih terperinci. Di pihak lain, kelenturan struktur dilakukan dengan menambahkan afiks-afiks baru untuk menampung perubahan daripada frasa ke kata dan memberikan ruang untuk dipengaruhi oleh struktur bahasa lain.

Pembaikan pertama ini ialah sebuah pekerjaan besar apa lagi kita sedar bahawa bahasa Melayu tidak hanya menjadi milik satu dua negara. Oleh sebab itu, pekerjaan ini tidak dapat dilakukan secara terpisah-pisah daripada tiap-tiap negara. Kerjasama serantau menerusi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan semestinya juga Singapura harus terus digalakkan.

Keunggulan kompetitif daripada bahasa Melayu pada suatu saat dapat menumbuhkan kesedaran kepada bangsa Melayu untuk menggunakan bahasa tersebut, terutama sebagai sarana pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Namun, langkah ini pada saat ini tidak dapat diertikan sebagai sebuah usaha besar bagi mempercepat bahasa Melayu menjadi bahasa dunia. Hal ini terjadi kerana sampai puluhan tahun ke depan SDM kita, Melayu, masih kalah dari Barat. Walaupun demikian, usaha-usaha untuk menyajikan buku, media *audio-visual*, pengurusan promosi, organisasi pengajaran, penterjemahan, dan pemasaran hasil-hasil teknologi dalam bahasa Melayu harus disambut dengan simpatik.

Percepatan peluasan bahasa Melayu yang lebih bermakna sebenarnya ialah melalui penyebaran geografi, tetapi sayangnya tindakan ini sampai kini belum dilakukan secara serius. Memang betul bahawa bahasa Melayu pada

saat ini tidak lagi semata-mata menjadi milik penutur asli di daerah-daerah Melayu, tetapi telah menyebar ke negara-negara Asia yang lain seperti China, Filipina, India, Jepun, Korea, dan bahkan negara-negara di luar Asia seperti Ceko, Australia, Amerika, Belanda, Inggeris, Itali, Jerman, Perancis dan Rusia. Namun, penerimaan bahasa Melayu oleh negara-negara itu bukan sebagai akibat promosi, melainkan kerana unsur-unsur politik lain. Walaupun sudah demikian, ahli-ahli bahasa Melayu masih juga belum dapat menyusun sebuah pedoman bahasa Melayu bagi penutur asing. Hal ini terbukti daripada keluhan negara-negara itu tentang minimumnya bahan-bahan pelajaran bahasa tersebut. Dalam hal ini kiranya diperlukan suatu lembaga kebudayaan Melayu di luar negara, yang di samping melakukan promosi bahasa Melayu juga mempersiapkan bahan-bahan pelajaran bahasa Melayu yang dapat digunakan bila-bila saja.

### Penutup

Sekarang ini banyak pihak mengeluh bahawa belum ada sikap positif daripada masyarakat untuk menggunakan bahasa Melayu. Masyarakat sebenarnya tidak dapat dipersalahkan dengan sikap itu. Sebagai sebuah kelompok *homo economicus*, sangat beralasan apabila mereka melihat untung rugi ketika mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu. Hal ini tidak mudah untuk diertikan sebagai sebuah kelunturan nilai-nilai kebangsaan, tetapi perlu diberi perhatian yang lebih bijak sebagai satu bentuk keuntungan praktis dari belajar bahasa tersebut. Oleh sebab itu, usaha pertama untuk membuat bahasa Melayu ada di mata masyarakat adalah dengan memperbaiki struktur bahasa Melayu agar memiliki daya ungkap yang tinggi, mudah, dan tepat sehingga tidak kalah daripada bahasa Inggeris. Setelah itu, pembinaan bahasa Melayu dilakukan secara terancang melalui sebuah sistem pendidikan, dan pada akhirnya negara melaksanakan promosi bahasa ter-



sebut ke luar negara agar penyebaran geografinya semakin luas.

## Bibliografi

- Bakar, A.M., 1993. "Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dalam Konteks Negara Brunei Darussalam". Kongres Bahasa Indonesia VI, 28 Oktober – 2 November.
- Claireborn, R., 1983. *The Life and Times of the English Language*. London: Bloomsbury.
- Dardjowidjojo, S. (ed.), 1996. *Bahasa Nasional Kita: Dari Sumpah Pemuda ke Pesta Emas Kemerdekaan 1928–1995*. Bandung: ITB.
- Dardjowidjojo, 1998. "Bahasa Sing sebagai Bahasa Pengantar dalam Sistem Pendidikan". Kongres Bahasa Indonesia VII, Jakarta: 26–30 Oktober.
- Fishman, J.A; Conrad, A.W.; dan Rubal-Lopez, A., 1996. *Post Imperial English: Status Change in Former British and American Colonies, 1940–1990*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Gunarwan, A., 1998. "Kedudukan dan Fungsi Bahasa Asing di Indonesia di dalam Era Globalisasi". Kongres Bahasa Indonesia VII, Jakarta, 26–30 Oktober.
- Gunarwan, A., 2000. "Peran Bahasa sebagai Pemersatu Bangsa". Seminar Strategi Pembinaan dan Pengembangan Kebudayaan, Jakarta, 22–23 Februari.
- Hoed, B.H., 2000. "Kedudukan Bahasa Indonesia dan Tantangan Abad yang akan Datang". *Linguistik Indonesia* 18:1–14.
- Ministry of Communications and Information (MCIS), 1990. Singapore. Psychological and Publicity Division.
- Moeliono, A.M., 1998. "Kedudukan dan Fungsi Bahasa Indonesia dalam Era Globalisasi". Kongres Bahasa Indonesia VII, Jakarta, 26–30 Oktober.
- Asmah Haji Omar, 1996. "Post Imperial English in Malaysia", dlm. Fishman *et al.*
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 1998. "Pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua oleh Kanak-kanak Prasekolah". Kuala Lumpur: Disertasi Doktor.

